

# ReFLEKSI

Koleksi Bukan Fiksyen



*ReFLEKSI*

# ReFLEKSI

Koleksi Bukan Fiksyen

JASNI MATLANI

SLC Sdn Bhd

*ReFLEKSI*

## *ReFLEKSI*

Diterbitkan oleh

**SLC Sdn.Bhd.** (No. Sykt 323119-V)  
Damai Point Comercial Centre  
Peti surat 13132  
88835 Kota Kinabalu,  
Sabah Malaysia

Teks © 2003 Hakcipta terpelihara

Mana-mana bahagian di dalam buku ini tidak boleh  
disiarkan atau diterbitkan semula, dalam sebarang bentuk  
atau dengan apa cara sekalipun tanpa mendapat kebenaran  
terlebih dahulu daripada penerbit.

Cetakan pertama September 2003

Perpustakaan Negara Malaysia Data Pengkatalogan- dalam-  
Penerbitan

Jasni Matlani

Refleksi: Koleksi Bukan Fiksyen

Mengandungi indeks

ISBN 983-40908-1-1

1. Sabah—History. 2. Malay Language - - History. 3. Culture  
Sabah History.
4. Sabah – Social conditions – History . 5. Malaysia / Sabah –  
Politics and government – History 5. Sabah – Literature critic  
- History

*Dicetak oleh:*

Percetakan Demasuco Sdn Bhd. (467054-K)

M  
959.5  
TAS

14 OCT 2004

NASKAH PEMELIHARAAN

PERPUSTAKAAN NEGARA MALAYSIA

v APB01151561

*ReFLEKSI*

**KANDUNGAN**

Prakata	vii
<b>POLITIK SEMASA</b>	<b>1</b>
1 Demokrasi yang dikelirukan	3
2 Sukarnya memohon kemaafan	8
3 Menghimbau keghairahan berpolitik rakyat Sabah	13
4 Tuntutan ke atas Sabah yang perlu dilupakan	19
5 Mengenang jasa Umno	26
6 Isu penggiliran jawatan Ketua Menteri	32
7 Sistem penggiliran Ketua Menteri perlu dimansuhkan?	37
8 Malaysia jadi kambing hitam pada tahun kambing?	43
9 Maka ramailah yang melobi menjadi calon	49
10 Dr. Mahathir masih diperlukan	55
11 Mengenang Dr. Mahathir sebagai doktor	61
12 Datuk Musa dilantik menjadi Ketua Menteri	67
13 Menjangkau masa depan PBRS yang berliku	72
14 Sabah dataran kekuatan Melayu	77
15 Mustajabnya perpaduan	83
<b>PENDIDIKAN, BUDAYA, BAHASA DAN SASTERA</b>	
16 Kekuatan Bahasa Melayu	90
17 Daripada isu nasionalisme bahasa kepada isu kebebasan akhbar	95
18 Kota Kinabalu sebagai pusat kreativiti	103
18 Melihat sastera Sabah dari belakang tabir	110
20 Manisnya semangat patriotik	116
21 Penulis perlu sedia terima kelemahan dan hadapi perubahan	121
22 Penulis perlu bawa kelainan dalam berkarya	127
23 Dasar pendidikan kebangsaan dan hak Melayu / Bumiputera	132
24 Jangan menyemai sikap benci	138
25 Mesej bersatu untuk PBBS	145
26 Aktiviti sastera terus relevan	152
27 Dunia Iris: Pengalaman menerbitkan karya sendiri	158
28 Membentuk negara dengan acuan sendiri	164

## *ReFLEKSI*

### PERSPEKTIF ISLAM

29	Keterbukaan minda dan kecemerlangan Islam	172
30	Mencari kekuatan di tengah-tengah kelemahan	178
31	Hijrah yang menghimbau perubahan	184
32	Persaudaraan Melayu-Islam melangkau batas sempadan geografi	190
33	Hentikan keganasan	197
34	Imarah masjid pada bulan ramadan	203
35	Lambaian aidilfitri dan kesejahteraan umat Islam	210
36	Membina masyarakat yang setia berkorban	216
37	Jangan mengaitkan Islam dengan keganasan	222
38	Nasib umat Islam di Iraq malang	228

### EKONOMI SEMASA

39	Memperkasa Melayu di tengah-tengah kemajmukan kaum	236
40	Bajet yang malang kepada aktivis seni dan budaya	243
41	Memulihkan semula keyakinan	249
42	Hargai sumbangan pekerja	255
43	Memajukan daerah mengikut keutamaan	262
		268

*Indeks*

## Prakata

MENULIS setiap minggu untuk memenuhi ruangan kolumn yang disediakan untuk saya dalam sebuah akhbar tempatan bukan kerja yang mudah. Pelbagai perkara yang difikirkan. Selain daripada tuntutan intelektual terselit juga tuntutan tanggungjawab untuk memberi yang terbaik kepada pembaca, yang sudah pasti datang daripada pelbagai aliran, minat dan bidang kerja masing-masing. Bukan mudah sebenarnya menghasilkan tulisan yang boleh dimanfaatkan oleh golongan pelajar, guru, penulis, pegawai kerajaan, eksekutif syarikat perniagaan, sarjana dan pakar dalam berbagai-bagai bidang ilmu yang khusus. Tetapi inilah yang saya lakukan. Walaupun keterlibatan lebih terserlah dalam bidang sastera dan kepenulisan, tetapi saya turut memperkatakan perkembangan ekonomi, sosial, budaya, agama dan politik semasa dalam kolumn berkenaan. Tulisan itulah yang kemudiannya terkumpul di dalam buku ini dan mudah-mudahan ia akan memberi manfaat kepada kita semua.

Saya telah memilih tajuk *Refleksi: Koleksi Bukan Fiksyen*, untuk buku ini. Refleksi bererti pantulan, pantulan pemikiran dan minda yang ditulis dan disusun sedemikian rupa sehingga ia dapat kita kongsi bersama. Sementara *koleksi Bukan Fiksyen* pula bererti kumpulan ataupun himpunan tulisan-tulisan bukan fiksyen yang telah saya hasilkan sejak januari 2002 hingga Mei 2003. Walaupun saya terlibat sebahagian besarnya dalam kerja kewartawanan dan penulisan sastera kreatif, tetapi tulisan umum bukan fiksyen yang termuat dalam buku ini sudah pasti menjadi satu cabaran dalam menggunakan sebaik-baiknya bakat yang dianugerahkan oleh Allah SWT dan akhirnya inilah yang terhasil. Saya bersyukur ke hadrat Allah SWT yang telah memberikan

saya kekuatan untuk merealisasikan penerbitan buku ini dan amat berterima kasih kepada sesiapa saja yang membantu saya daripada proses awal penerbitan sehingga akhirnya penerbitan buku ini menjadi kenyataan.

Terima kasih setinggi-tingginya, saya ucapkan terutama kepada dua orang editor akhbar *Borneo Mail* iaitu saudara Amin Yahya, selepas itu diganti pula oleh saudara Aliudin Mohd Salleh, kerana kerjasama dan minat yang mereka tunjukkan dalam memastikan saya terus menulis dalam kolumn *Jasni Matlani Menulis* di dalam akhbar yang mereka kendalikan. Terima kasih juga kepada semua yang terlibat dalam penerbitan buku ini. Anak-anak saya yang sangat memahami, saya menulis buku ini untuk mereka dan seluruh masyarakat yang dahagakan ilmu untuk mengatasi kelemahan dan kekurangan dirinya. Saya menulis untuk mereka yang sentiasa inginkan perubahan, yang sentiasa ingin belajar bagaimana menjadi insan yang lebih baik daripada semalam. Saya menulis sesuatu untuk dititipkan kepada anak bangsa yang akan terus menjadi aset penting negara ini, mudah-mudahan mereka menjadi bangsa yang bukan saja berilmu tetapi menggunakan ilmu yang mereka ada untuk kebaikan diri, keluarga, masyarakat, agama dan negara. Tidak ada yang lebih baik bagi mereka selain daripada menjadi insan yang sebaik-baiknya di sisi Allah SWT dan menjadi penerus kecemerlangan bangsa dan negara pada masa depan.

Saya percaya, melalui tunjuk ajar dan pandangan yang diberikan oleh pelbagai pihak yang mempunyai ilmu dan pengalaman yang luas dalam bidang penulisan umum serta penerbitan, akhirnya telah memperbaiki kualiti buku ini. Sudah tentu tulisan yang baik ialah tulisan yang mudah difahami oleh semua orang, mudah bahasanya dan jelas di segi kaedah penghujahannya. Seboleh-bolehnya saya telah mengusahakan agar tulisan yang terkumpul dalam buku ini kekal sebagaimana

asalnya, yakni tidak diubah atau ditulis semula, kecuali membetulkan ejaan dan struktur ayat yang kurang elok dan kesilapan fakta. Tetapi manusia memang sentiasa belajar daripada kesilapan dan memperbetulkannya. Manusia sentiasa belajar daripada pengalaman dan sejarah, supaya mereka dapat berguru daripadanya.

Akhirnya, saya berharap buku ini akan menjadi bahan bacaan semua lapisan masyarakat. Saya percaya ilmu Allah SWT di muka bumi ini sangat luas. Jika diperbanding dengan khazanah kehidupan dan lautan yang saujana, apa yang dirakamkan di dalam buku ini sebenarnya hanya merupakan satu titik kecil sahaja. Namun saya sentiasa berharap ia bakal berguna. Saya sendiri berasa dimatangkan olehnya dan begitu juga hendaknya kepada mereka yang sempat membaca buku ini. Mudah-mudahan apa yang baik itu akan menghasilkan seribu kebaikan lagi. Mudah-mudahan!

JASNI MATLANI



## Peran mukadi yang dikelirukan

“Mukadi” adalah istilah yang sering digunakan dalam bahasa Melayu.

Menurut Kamus Besar Bahasa Indonesia, mukadi berasal dari kata “mukad” yang berarti “orang yang dilantik untuk melaksanakan tugas tertentu”.

Sebagaimana diketahui, dalam sebuah negara, ada dua bentuk pemerintahan, yakni pemerintahan langsung dan pemerintahan tidak langsung.

Pemerintahan langsung ini terdiri atas dua bentuk, yakni pemerintahan langsung langsung dan pemerintahan langsung tidak langsung.

Pemerintahan langsung langsung ini terdiri atas dua bentuk, yakni pemerintahan langsung langsung langsung dan pemerintahan langsung langsung tidak langsung.

Pemerintahan langsung tidak langsung ini terdiri atas dua bentuk, yakni pemerintahan langsung tidak langsung langsung dan pemerintahan langsung tidak langsung tidak langsung.

Dalam pemerintahan langsung langsung langsung, kepala negara dilantik oleh raja atau pemimpin suatu bangsa.

Dalam pemerintahan langsung langsung tidak langsung, kepala negara dilantik oleh orang lain yang dilantik oleh raja atau pemimpin suatu bangsa.

Dalam pemerintahan langsung tidak langsung langsung, kepala negara dilantik oleh orang lain yang dilantik oleh orang lain yang dilantik oleh raja atau pemimpin suatu bangsa.

Dalam pemerintahan langsung tidak langsung tidak langsung, kepala negara dilantik oleh orang lain yang dilantik oleh orang lain yang dilantik oleh orang lain yang dilantik oleh raja atau pemimpin suatu bangsa.

## Politik semasa

Setelah mengikuti pelajaran politik di sekolah menengah atas, seorang mahasiswa yang akan melanjutkan ke perguruan tinggi, tentu saja akan bertemu dengan istilah “politik semasa”.

Politik semasa ini merupakan istilah yang digunakan untuk menyatakan bahwa politik yang dibicarakan pada masa itu adalah politik yang relevan dengan keadaan dunia pada masa itu.

Politik semasa ini merupakan istilah yang digunakan untuk menyatakan bahwa politik yang dibicarakan pada masa itu adalah politik yang relevan dengan keadaan dunia pada masa itu.

Politik semasa ini merupakan istilah yang digunakan untuk menyatakan bahwa politik yang dibicarakan pada masa itu adalah politik yang relevan dengan keadaan dunia pada masa itu.

Politik semasa ini merupakan istilah yang digunakan untuk menyatakan bahwa politik yang dibicarakan pada masa itu adalah politik yang relevan dengan keadaan dunia pada masa itu.

Politik semasa ini merupakan istilah yang digunakan untuk menyatakan bahwa politik yang dibicarakan pada masa itu adalah politik yang relevan dengan keadaan dunia pada masa itu.

Politik semasa ini merupakan istilah yang digunakan untuk menyatakan bahwa politik yang dibicarakan pada masa itu adalah politik yang relevan dengan keadaan dunia pada masa itu.

Politik semasa ini merupakan istilah yang digunakan untuk menyatakan bahwa politik yang dibicarakan pada masa itu adalah politik yang relevan dengan keadaan dunia pada masa itu.

Politik semasa ini merupakan istilah yang digunakan untuk menyatakan bahwa politik yang dibicarakan pada masa itu adalah politik yang relevan dengan keadaan dunia pada masa itu.

Politik semasa ini merupakan istilah yang digunakan untuk menyatakan bahwa politik yang dibicarakan pada masa itu adalah politik yang relevan dengan keadaan dunia pada masa itu.

Politik semasa ini merupakan istilah yang digunakan untuk menyatakan bahwa politik yang dibicarakan pada masa itu adalah politik yang relevan dengan keadaan dunia pada masa itu.

Politik semasa ini merupakan istilah yang digunakan untuk menyatakan bahwa politik yang dibicarakan pada masa itu adalah politik yang relevan dengan keadaan dunia pada masa itu.

Politik semasa ini merupakan istilah yang digunakan untuk menyatakan bahwa politik yang dibicarakan pada masa itu adalah politik yang relevan dengan keadaan dunia pada masa itu.



## Demokrasi yang dikelirukan

*MAHU tidak mahu, kita terpaksa menerima hakikat bahawa hari ini, sebuah negara demokrasi yang kuat akan sedaya upaya mengatasi dan menguasai sebuah negara demokrasi yang lemah. Sebuah demokrasi yang lemah akhirnya tersepit di tengah-tengah dan akan berhadapan dengan keangkuhan sebuah negara yang menganggap dirinya lebih demokrasi terhadap sebuah negara demokrasi lain dengan bertopengkan agenda memerangi keganasan.*

DATUK Seri Dr. Mahathir Mohamad pernah menyentuh soal demokrasi dengan berkata, kerana kecewa dengan demokrasi dan pemilihan untuk mendapat kuasa kerajaan, maka ada segelintir rakyat negara ini yang pergi ke Pakistan dan Afghanistan kononnya untuk belajar agama tetapi sebenarnya untuk belajar membuat bom dan menyamun bank, membunuh dan melakukan keganasan lain sebagai persiapan untuk merampas kuasa (dan memusnahkan demokrasi) di negara ini.

Golongan ini berpendapat, jika mereka tidak berjaya mengulang kerajaan melalui cara demokrasi dan pilihan raya yang diadakan dalam sistem demokrasi itu, maka mereka hendak menggunakan kekerasan dan mengganas. Mereka percaya kepada pertumpahan darah untuk mendirikan kerajaan. Mereka mahu merebut kuasa dan berhajat mendirikan negara Islam, walaupun mereka tidak memahami sepenuhnya mengenai negara Islam dan sistem demokrasi Islam yang diamalkan di negara ini.

Kata, Dr. Mahathir, mereka menyanjung tinggi orang

Afghanistan dan pemerintahan Taliban yang sebelumnya berkuasa di negara itu. Tetapi pemerintahan itulah yang diruntuhkan dengan mudah oleh kuasa Barat dan meninggalkan sebuah negara yang menjadi pengemis dan terletak di bawah telunjuk orang.

Inikah negara Islam yang hendak didirikan di Malaysia? Soal Dr. Mahathir. Bukankah penduduk Afghanistan tidak hidup bahagia sama ada sekarang atau dahulu. Bukankah ramai di antara mereka yang terpaksa lari dan meminta belas ihsan daripada orang lain yang hidup di negara lain. Sebaliknya di negara ini, soal beliau lagi, berapa ramaikah rakyat Malaysia yang beragama Islam yang terpaksa melarikan diri ke negara lain kerana mereka dihalang daripada mengamalkan ajaran Islam?

(Berapa ramaikah rakyat negara ini yang tidak dibenarkan mengambil bahagian di dalam sistem demokrasi yang kita ada? Adakah mereka ditindas atau dihalang dalam memajukan diri). Adakah mereka ditegah daripada mengamalkan ajaran yang betul dan sah di dalam agama masing-masing?

Sudah tentu tidak. Yang ada ialah mereka yang hendak meruntuhkan negara demokrasi di Malaysia dan melabelkan diri mereka sebagai pejuang Islam yang hendak mendirikan sebuah kerajaan Islam mengikut kefahaman mereka. Mereka bercakap tentang penindasan yang dilakukan terhadap umat Islam, tetapi mereka berjuang untuk meruntuhkan sebuah kerajaan Islam dan bermusuh dengan saudara seagama dengan mereka. Mereka tidak pun menolong umat Islam yang ditindas, yang dihina dan dibunuh setiap hari oleh musuh umat Islam di seluruh dunia ini.

Justeru, ingatlah, kata Dr. Mahathir, perjuangan umat Islam di negara ini ialah untuk mengekalkan keamanan dan demokrasi yang kita ada, kerana demokrasi yang diamalkan ini

ialah demokrasi yang membawa kesejahteraan dan kemajuan umat Islam di negara ini. Demokrasi yang kita ada ialah demokrasi yang tidak dikelirukan sebaliknya memperkayakan lagi negara ini dalam semua bidang supaya kita dapat mempertahankan (kemerdekaan dan demokrasi ini dengan baik) supaya dengannya kita menjadi kuat, dapat mengerunkan musuh seperti yang dikehendaki oleh Islam. Bukan mencetuskan huru hara melalui keganasan dan mengkhianati negara sendiri, yang akhirnya akan mengkhianati agama Islam yang menyuruh umatnya menyelamatkan orang Islam lain di sekeliling mereka.

Jadi, keganasan mesti dihentikan. Keganasan telah membawa pelbagai musibah. Kita sendiri telah menerima banyak tekanan kerana masalah keganasan. Akibat daripada kegiatan puak pelampau di negara ini, Malaysia juga turut dituduh sebagai pusat keganasan dan ini sudah pasti membawa kesan buruk kepada negara. Jika pengganas tidak dibendung, kata Dr. Mahathir, sudah tentu nasib negara kita akan menjadi sama malang seperti nasib negara-negara tertentu yang ditekan dan ditindas dengan sewenang-wenangnya. Selepas Amerika Syarikat dan beberapa kuasa Barat memberi tekanan yang hebat terhadap umat Islam, yang terbaru Australia pula membuat kenyataan, bahawa negara itu tidak akan teragak-agak menyerang mana-mana negara di Asia Tenggara untuk menjaga kepentingan rakyat Australia yang datang di rantau ini. Semuanya angkara keganasan yang dilakukan sesetengah pihak yang memberi kesan buruk terhadap negara di rantau ini.

Mahu tidak mahu, kita terpaksa menerima hakikat bahawa hari ini, sebuah negara demokrasi yang kuat akan sedaya upaya mengatasi dan menguasai sebuah negara demokrasi yang lemah. Sebuah demokrasi yang lemah akhirnya tersepit di tengah-tengah dan akan berhadapan dengan keangkuhan sebuah negara yang menganggap dirinya lebih demokrasi terhadap

sebuah negara demokrasi lain dengan bertopengkan agenda memerangi keganasan. Tak kiralah apa yang berlaku, tetapi Dr. Mahathir awal-awal lagi menegaskan bahawa sebarang pencerobohan oleh Australia di Asia Tenggara akan dianggap sebagai satu tindakan perang.

Kata Dr. Mahathir lagi, kita tahu apa yang kita lakukan terhadap rakyat Australia di negara ini. Kita tidak pernah mempunyai hubungan yang tidak baik dengan mereka, tetapi Perdana Menteri Australia, John Howard, tidak lebih seorang pemimpin sebuah negara demokrasi yang langsung tidak peka dan bersikir bahawa dia ialah sheriff kulit putih di sesebuah negara kulit hitam.

Oleh itu, Dr. Mahathir sekali lagi menyeru golongan yang terlibat dalam aktiviti keganasan di negara ini agar kembali ke pangkal jalan dan insaf akan segala nikmat yang diperolehi di negara ini. Bukan mudah sebenarnya bagi kita untuk memajukan negara ini dan mempertahankan sistem demokrasi yang selama ini telah membawa kejayaan kepada kita. Bukan mudah bagi kita mengekalkan keislaman negara ini walaupun kita hidup dalam satu persekitaran yang berbilang kaum dan agama. Penerimaan oleh rakyat bukan Islam terhadap kedudukan Islam sebagai agama rasmi negara adalah satu penghormatan dan kejayaan kepada sistem pemerintahan demokrasi yang kita terima pakai di negara ini.

Sudah semestinya, kita perlu terus bersama-sama berusaha membangunkan dan memperkayakan lagi negara ini, meningkatkan ketahanan supaya kita tidak dijajah semula. Huru hara yang disebabkan keganasan dalam usaha merebut kuasa dan (meruntuhkan sistem demokrasi Islam yang diamalkan di negara ini) hanya akan menjadikan negara ini lemah, ekonomi runtuh dan stabiliti politiknya terjejas, seterusnya membuka jalan pula kepada negara ini untuk dijajah semula oleh kuasa asing,

yang menganggap diri mereka lebih demokrasi daripada demokrasi yang kita guna di negara ini.

Pada hal, sesetengah negara yang mengatakan dirinya lebih demokrasi itu, yang menganggap dirinya sebagai lebih layak bercakap tentang hak asasi manusia dan kebebasan bersuara itu sebenarnya lebih jahat dan tidak henti-henti melakukan tindakan yang tidak demokratik. Sebagai contoh, mereka menggugurkan bom atom ke atas rakyat biasa oleh sebuah negara demokratik.

Jadi, ingatlah! bahawa negara yang menganggap diri mereka lebih demokratik itu adalah negara yang sama yang menindas negara yang sedang membangun. Kerajaan yang ditubuh secara demokratik dijahah dan hak rakyatnya dinafikan oleh demokrasi yang mereka anggap sebagai lebih baik daripada demokrasi yang diamal di negara ini.

Memang benar demokrasi tidak pernah sempurna sehingga memberi ruang kepada orang lain untuk mencabar demokrasi itu. Demokrasi kepada sesuatu negara boleh menjadi satu penindasan dan penyeksaan kepada sesebuah negara lain. Di beberapa negara demokrasi sendiri, terdapat kes dimana rakyat tidak dapat hidup dengan aman, stabil dan tenteram kerana ada saja pihak tertentu yang hendak menjatuhkan sesiapa saja yang dipilih di dalam sistem demokrasi itu.

Bila rakyat negara itu menyokong sebulat suara (melalui sistem pemilihan) maka ada saja kuasa lain yang dengan angkuh hendak menjatuhkan, campur tangan dan cuba mempengaruhi keputusan itu. Dengan demikian mereka berpuak-puak, sehingga akhirnya suara rakyat dan sistem demokrasi yang diamalkan di negara itu tidak lagi dihormati dan diutamakan. Demokrasi dikelirukan, sehingga akhirnya demokrasi seolah-olah tidak lagi berfungsi di sebuah negara yang rakyatnya berpuak-puak, suka berkonflik, bertelingkah dan bertelagah sesama sendiri. Demokrasi sebagai sistem politik menemui jalan buntu dan gagal akibat ketidakfahaman mereka tentang apa dianya demokrasi. Mereka menjadi mangsa demokrasi yang dikelirukan tanpa sedikit pun memperolehi manfaat daripadanya.

## Sukarnya memohon kemaafan

*SEMUA pihak membuat kesilapan dalam kehidupan dan apa yang paling penting ialah kita perlu belajar daripada kesilapan itu. Kita perlu tahu bagaimana memaafkan dan melupakan serta bagaimana kita boleh menggunakan tenaga yang ada untuk kebaikan rakyat dan negara. Ini adalah lebih penting daripada membuang masa dan tenaga dengan bermusuhan dan bertelingkah sesama sendiri.*

ORANG ramai yang menghadiri sambutan perayaan Pesta Kaamatan di Beaufort, tiba-tiba bersorak gembira, penuh kemeriahian apabila Timbalan Ketua Menteri yang juga Ahli Majlis Tertinggi Umno, Datuk Seri Panglima (Dr) Haji Lajim Haji Ukin pemimpin yang mereka kasih menyampaikan permohonan maaf secara terbuka kepada Parti Bersatu Sabah (PBS) kerana meninggalkan parti berkenaan sejurus selepas memenangi kerusi Klias dalam satu peristiwa yang amat bersejarah pada tahun 1994.

Ketika berucap pada majlis pelancaran Pesta Kaamatan itu, Datuk Seri Panglima (Dr) Haji Lajim berkata dengan penuh keikhlasan, bahawa beliau meminta maaf jika sekiranya tindakan yang dilakukannya pada ketika itu menguris hati Datuk Seri Joseph Pairin Kitingan, yang juga presiden PBS itu. Beliau juga akur bahawa apa yang dilakukannya pada masa itu adalah untuk kebaikan rakyat dan demi memikirkan perlunya pembangunan disalurkan secara berkesan di negeri ini.

Kata Datuk Seri Panglima (Dr) Haji Lajim, lihatlah pembangunan di kawasan Klias, sejak beliau menyertai Barisan Nasional (BN). Banyak pembangunan yang dapat dilaksanakan,

berbanding pada ketika negeri ini diperintah kerajaan terdahulu.

"Anda bukan saja kagum tetapi perlu bersyukur dengan segala nikmat yang disalurkan kerajaan BN sekarang. Jika anda hendak pergi ke Kuala Penyu atau ke Menumbok atau ke Labuan atau ke Sipitang, anda bukan saja sampai ke destinasi masing-masing dalam masa yang singkat, tetapi anda juga tidak akan bertemu debu-debu yang berterbangan menghalang di sepanjang jalan seperti dahulu" katanya.

Sementara itu, ketika menjawab permohonan maaf itu, Datuk Joseph Pairin Kitingan pula berkata, beliau menerima permohonan maaf berkenaan dengan niat yang ikhlas, sambil menyeru pelbagai pihak agar memulakan perhubungan baru yang positif dan lebih baik.

Katanya, semua pihak membuat kesilapan dalam kehidupan dan apa yang paling penting ialah kita perlu belajar daripada kesilapan itu. Kita perlu tahu bagaimana memaafkan dan melupakan serta bagaimana kita boleh menggunakan tenaga yang ada untuk kebaikan rakyat dan negara. Ini adalah lebih penting daripada membuang masa dan tenaga dengan bermusuhan dan bertelingkah sesama sendiri.

Apa yang berlaku pada masa lampau, tegasnya, perlu dilupakan dan dibiar berlalu seperti angin. Sebaliknya semua pihak perlu memandang lebih jauh ke hadapan dan perlu menyatukan tenaga dalam melakukan perkara yang baik, yang boleh mendatangkan manfaat demi masa depan negara dan generasi akan datang.

Menurutnya, sudah terlalu banyak masa terbuang selama ini dan sekarang adalah masa yang sesuai untuk bekerja bersungguh-sungguh, bersatu padu membangunkan rakyat dan negeri ini bersama-sama.

Tidak sukar baginya menerima permohonan maaf itu, lebih-lebih lagi ia diucapkan ketika seluruh rakyat negeri ini

menyambut Pesta Kaamatan, satu perayaan yang amat bererti kepada rakyat negeri ini dalam mengukuhkan perpaduan dan mengambil kesempatan pula untuk bermaaf-maafan di antara satu sama lain. Seperti juga perayaan Hari Raya Aidilfitri, perayaan Krismas, perayaan Tahun Baru Cina, apa salahnya kita bermaaf-maafan dan saling kunjung mengunjung di antara satu sama lain.

Tetapi malangnya, rayuan meminta maaf bersifat peribadi dan penuh keikhlasan serta secara terbuka itu tiba-tiba saja mendapat reaksi yang berbeza daripada beberapa pihak di negeri ini. Beberapa pemimpin Umno di bahagian Sandakan dan Beluran, mempersoalkan motif di sebalik permohonan maaf itu sambil mengkategorikannya sebagai "Penghinaan". Ada yang menyifatkannya sebagai tidak wajar dan kononnya menimbulkan kekeliruan di kalangan ahli parti.

Mereka berkata, sebagai pemimpin kanan dalam parti, Datuk Seri Panglima (Dr) Haji Lajim tidak sepatutnya memohon kemaafan kerana ia boleh mencetuskan spekulasi tentang motif disebalik tindakan itu.

Mereka berkata, Datuk Seri Panglima (Dr) Haji Lajim tidak sepatutnya tunduk begitu rendah, meminta maaf tanpa mempertimbangkan bahawa Datuk Seri Joseph Pairin tidak pernah mahu memohon maaf kepada para pemimpin Umno di Sabah kerana penarikan diri mendadak PBS daripada BN menjelang pilihan raya 1990 untuk berpaktat dengan DAP, PAS dan Semangat 46 pada pilihan raya itu.

Tetapi apakah hinanya perbuatan memohon "Kemaafan"? Tidak ada lagikah nilai-nilai mulia di dalam hati kita selain daripada kerakusan politik, sehingga kita sanggup mengenepikan nilai-nilai mulia yang telah pun ditentukan agama kita? Apa salahnya kita merendahkan diri kita sedikit dan sanggup bermaafan jika ia boleh membawa perpaduan yang

## *ReFLEKSI*

berkekalan? Apa salahnya kita melangkah beberapa tapak ke belakang jika ia untuk kebaikan dan masa depan rakyat negeri ini yang berpanjangan? Apa salahnya melupakan persengkataan lama jika ia boleh membina kekuatan baru dan menjayakan lagi rakyat dan negeri ini?

Oleh itu, kita perlu mempunyai pertimbangan yang positif dan menghadapi masalah seperti ini dengan fikiran yang terbuka. Kita tidak sewajarnya melihat semua perkara dari segi kepentingan politik semata-mata. Sebab itu, ada pendapat yang mengatakan, kelemahan kita sebenarnya amat terserlah melalui sikap kita yang suka menggunakan apa saja untuk kepentingan politik termasuk hal-hal yang berkaitan agama dan adat istiadat.

Apakah apabila Dr. Mahathir dan Fadzil Nor bersalam-salaman, sama-sama duduk dalam sebuah majlis bagi memperjuangkan rakyat Palestin di ibu negara baru-baru ini, maka Dr. Mahathir dilabel sebagai menghina Umno dengan tindakannya itu? Sudah tentu tidak. Malah ia menjadi satu penghormatan kepada Umno kerana mempunyai pemimpin yang sanggup duduk semeja dan bersalaman dengan pemimpin parti lawan demi perpaduan dan kemajuan rakyat negara ini. Kita perlu positif mengenai perkara seperti ini dan tidak perlu terlalu cepat melatah dan membuat komen yang tidak perlu.

Sebab itu, beberapa pemimpin PBS kemudiannya melahirkan sedikit rasa kesal berhubung dengan kenyataan yang tidak perlu itu dan menganggap permohonan maaf Datuk Seri Panglima (Dr) Haji Lajim itu sebagai wajar dan bersifat ikhlas hati. Tidak ada cacat celanya untuk meminta maaf secara *gentleman* dan terbuka seperti itu kerana ia untuk kebaikan bersama, kata mereka.

Malah mereka menganggap tindakan Datuk Seri Panglima (Dr) Haji Lajim memohon maaf itu sebagai berani dan adalah sukar untuk mencari pemimpin yang sanggup

mengenepikan kepentingan diri dan bermaaf-maafan demi kebaikan rakyat terbanyak.

Datuk Seri Joseph Pairin pula memang terkenal sebagai seorang pemimpin yang baik, yang sanggup memberi kemaafan dan inilah antara ciri-ciri kepimpinan yang teruji dan berkarsma yang harus dicontohi oleh pemimpin pelapis yang ada di negeri ini. Ia harus mengajar pemimpin muda untuk lebih matang dalam bersiasah dan tidak perlu mengelabah dalam menangani sesuatu isu sehingga ia menjasakan kredibiliti dan kewibawaan mereka sebagai pemimpin masa depan.

Kata Datuk Haji Zaini Mat Isa yang turut bersama Datuk Seri Panglima (Dr) Haji Lajim meninggalkan PBS sehingga menyebabkan kejatuhan PBS pada tahun 1994, Datuk Seri Joseph Pairin adalah seorang yang baik dan sukar untuk tidak menyukainya walaupun beliau meninggalkan PBS. Setiap kali beliau bertemu dengan Datuk Seri Joseph Pairin, beliau tidak pernah mengungkit kisah lama malah melayan sesiapa saja seperti seorang rakan.

Mudah-mudahan cerita "Sukarnya memohon kemaafan" ini, akan menjadi pengajaran kepada kita semua. Dalam konteks agama Islam pun, kita memang sentiasa digalakkan bermaaf-maafan di antara satu sama lain. Sama ada ia dilafazkan secara terbuka atau tidak, kita hendaklah insaf bahawa selagi kita bernama manusia, kita tidak akan sunyi daripada melakukan segala kesalahan dan kesilapan.

Kita ini adalah manusia yang lemah dan sentiasa melakukan hal-hal yang sama ada kita sedari atau tidak, akan menyebabkan diri kita tidak terlepas daripada melakukan khilaf, tetapi ingatlah, sesungguhnya peribadi seseorang itu akan jelas terserlah melalui tindakannya untuk meminta maaf dan memberi kemaafan. Oleh itu meminta maaflah jika ia membawa kebaikan dan rahmat, malah berilah kemaafan jika ia boleh membawa kebahagian berpanjangan pada esok hari.

## Mengimbau keghairahan berpolitik rakyat Sabah

*SESUNGGUHNYA kita sudah lama mengharapkan suasana politik yang lebih tenteram dan stabil di negeri ini. Kita sudah terlalu banyak menghabiskan masa dengan berpolitik dan sudah tiba masanya untuk kita memikirkan pembangunan dan kemajuan rakyat negeri ini secara lebih bijaksana dan berkesan.*

DISEBABKAN sebahagian besar rakyat Sabah pada waktu ini sibuk dengan agenda dan program politik masing-masing, maka saya ingin menyentuh serba sedikit beberapa isu politik yang hangat diperkatakan oleh media tempatan sekarang. Bagi ahli Umno, sudah pasti mereka disibukkan dengan mesyuarat bahagian masing-masing.

Tetapi bagi mereka yang mengikuti perkembangan yang berlaku di dalam Parti Bersatu Rakyat Sabah (PBRS), yang mempunyai dua presiden sekarang, iaitu Tan Sri Joseph Kurup dan Datuk Dr. Jeffery Kitingan, akhirnya sudah maklum bahawa lima orang daripada Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) parti itu sudah pun kembali semula ke pangkuhan Parti Bersatu Sabah (PBS) dalam satu peristiwa yang mereka panggil sebagai "Peristiwa Balik Kampung". Lima ADUN yang terlibat itu ialah Datuk Louis Rampas (Kiulu) Atong Mangabis (Matunggong), Edward Linggu (Tamparuli), Johnny Goh (Inanam), Karim Adam (Kundasang) dan juga James Vitalis.

Penyertaan mereka semula ke dalam PBS mendapat

reaksi bercampur-campur daripada pelbagai pihak sejak berita itu disiarkan secara meluas di media tempatan. Sudah pasti ada yang memberi reaksi bersifat pro dan kontra. Tidak kurang ada yang melahirkan perasaan kecewa dan muak, kerana beberapa hari sebelum mereka mengistiharkan untuk menyertai PBS, mereka muncul di muka depan akhbar sambil mengangkat dan menggenggam tangan bersama Datuk Joseph Kurup, berikrar untuk terus berjuang bersama PBRS, tetapi pada hari berikutnya, mereka berpaling tадah dan mengingkari ikrar mereka.

Dengan tindakan sedemikian, sudah pasti ada desas desus berlaku selepas itu, lebih-lebih lagi apabila tindakan mereka itu kelihatan seolah-olah hendak menyelamatkan diri dan lari daripada masalah. Tidak kurang juga ada yang berkata, mereka hendak menunjukkan kepada rakyat negeri ini bayangan masa depan PBRS sebagai institusi parti yang mungkin musnah dan hanya menunggu waktu untuk berkubur. Bagaimanapun andaian itu sebenarnya bergantung kepada sama ada Tan Sri Joseph Kurup mengalah atau Datuk Dr. Jeffrey berjaya melakukan sesuatu dalam usaha yang diistilahkannya sebagai menyelesaikan "Kerja yang belum selesai" itu.

Ekoran daripada tindakan "Balik Kampung" ADUN PBRS itu, ramai pihak berpendapat tindakan itu bukan saja menggoncang PBRS tetapi juga turut menggegar rumah tangga BN negeri ini. Gegaran itu amat dirasakan terutama apabila Datuk Seri Panglima (Dr) Haji Lajim Haji Ukin, semasa menyampaikan ucapan dasar, pada Mesyuarat Perwakilan Tahunan Umno Bahagian Beaufort, di Dewan Syahbandar Makang, Kuala Penyu, mencadangkan kepada BN agar membuat satu ketetapan untuk tidak menggalakkan ahli-ahli daripada satu-satu parti komponen melompat ke parti lain dalam gabungan BN itu sendiri.

Dalam kenyataannya, Datuk Seri Panglima (Dr) Haji Lajim, menyifatkan, tindakan itu sebagai tidak matang, bukan

sahaja tidak logik tetapi juga mengeruhkan hubungan antara ahli parti dalam komponen Barisan Nasional (BN), malah turut menjelaskan dan mengakis kewibawaan BN, termasuk Umno. Sambil memberi contoh kepada beberapa kejadian berpindah parti yang dilakukan oleh segelintir ahli parti komponen BN di bahagian beliau, Datuk Seri Panglima (Dr) Haji Lajim berkata, ia adalah satu tindakan yang merugikan dan benar-benar menjelaskan matlamat perjuangan BN serta tidak mustahil boleh menghancurkan kerajaan BN di negeri ini.

Ketua Perhubungan Umno Negeri, Datuk Musa Aman kemudiannya menyokong cadangan Datuk Seri Panglima (Dr) Haji Lajim itu dengan berkata, BN negeri akan menimbang untuk melaksanakan cadangan berkenaan jika semua komponen bersetuju mengenainya, kerana ia perlu dibincangkan dalam mesyuarat BN negeri dan jika semua parti komponen bersetuju ia bukanlah satu perkara yang mustahil untuk dilaksanakan.

Namun demikian, Datuk Musa menegaskan, semua pihak di negeri ini mengetahui bahawa tidak ada undang-undang yang boleh menegah seseorang individu atau seorang ahli dewan yang dipilih rakyat untuk melompat dari satu parti ke dalam satu parti komponen BN yang lain, (kerana kita percaya kepada kematangan demokrasi dan kematangan rakyat negeri ini dalam berpolitik. Tetapi jika ahli parti komponen BN di negeri ini memilih untuk bertukar-tukar parti sesuka hati,) maka ia bukanlah satu amalan politik yang sihat, sebaliknya boleh mencetuskan ketegangan dan mengeruhkan hubungan dua hala antara parti komponen BN di negeri ini.

Menurut Datuk Musa lagi, adalah lebih baik seluruh ahli di dalam parti komponen BN negeri ini bantu membantu di antara satu sama lain sebagai tanda perpaduan dan mengeratkan lagi hubungan silaturrahim dan seterusnya membantu persiapan BN menghadapi serta mengharungi pilihan raya Dewan

### Undangan Negeri.

Sementara itu, Setiausaha BN negeri, Datuk Karim Bujang pula, ketika mengulas cadangan Datuk Seri Panglima (Dr) Haji Lajim itu berkata, BN negeri sedia menimbang kemungkinan memperkenalkan kod etika baru bagi menangani amalan lompat melompat parti di kalangan anggota komponen BN Sabah, termasuklah memperkenalkan peraturan yang menghendaki konsensus di kalangan anggota komponen BN negeri sebelum mana-mana pemimpin, khususnya anggota Dewan Undangan Negeri (ADUN) dibenarkan bertindak menyertai parti lain di dalam gabungan BN.

Menurutnya, sebelum itu BN negeri memang tidak pernah membincangkan masalah melompat parti di dalam mesyuarat terdahulu, tetapi memandangkan perkembangan terbaru berlaku dalam politik Sabah, BN perlu memasukkan agenda lompat melompat parti itu dalam mesyuarat BN negeri. Katanya lagi, sudah tiba masanya amalan seperti itu dihentikan kerana ia hanya menggalakkan perbalahan dalaman, kecuali dengan alasan yang kukuh.

Namun, apapun, ramai pihak yang mengharapkan kestabilan politik dapat dikekalkan dan kerajaan BN terus berkuasa serta menjadi satu kerajaan yang kuat di negeri ini. Kerajaan BN di negeri ini sudah pun membuktikan bahawa ia adalah satu kerajaan yang berwibawa dan boleh membawa perubahan serta kemajuan besar kepada rakyat Sabah. Suatu ketika dahulu, kata Menteri Besar Perlis, Datuk Sahidan Kassim, Sabah pernah menjadi sebuah negeri yang kaya di Malaysia, tetapi ketika Sabah di perintah oleh parti pembangkang, pembangunan dan kemajuan diketepikan sehingga menyebabkan kedudukan Sabah dipintas oleh Sarawak dan disenarai di tempat ke tiga selepas Perlis dan Kelantan bagi senarai negeri yang mundur. Oleh itu, wajarlah bagi kita sedar dan insaf atau

menumpukan perhatian kepada aspek pembangunan sambil pada waktu yang sama mengurangkan *Politiking* yang boleh menimbulkan pelbagai masalah kepada BN.

Kita tahu bahawa apabila PBS menyertai semula BN dalam satu peristiwa yang bersejarah, kita sudah mula berkata bahawa zaman untuk rakyat Sabah terlalu banyak "berpolitiking" sudah berakhir kerana negeri ini sepenuhnya sudah berada di bawah kekuasaan BN. Kita tahu bahawa sudah tidak ada lagi kawasan yang dikuasai parti pembangkang.

Malangnya, ini tidak berlaku. Sebaliknya *Politiking* terus berleluasa terutama apabila krisis kepimpinan PBRS tidak selesai dan perkembangan terbaru menyaksikan sebahagian besar ADUN yang dahulunya menang dibawah tiket PBS, kemudian menyeberangi jambatan, menyertai PBRS, diketuai Datuk Dr. Jeffery, kini membakar semula jambatan dan menyertai PBS dalam gabungan BN.

Jika ditinjau sepintas lalu di segi perspektif undang-undang, memang diakui bahawa kita tidak mempunyai undang-undang bertulis yang boleh menghalang tindakan mereka. Walaupun sebelum itu terdapat undang-undang anti lompat yang menghalang mana-mana wakil rakyat menyertai parti lain, terutama di zaman Tun Datuk Mustapha Harun yang cuba menghalang kemasukan ahli Usno ke dalam Umno. Bagaimanapun pada tahun 1992, mahkamah tinggi (di sini) telah mengistiharkan undang-undang itu sebagai tidak sah kerana bertentangan dengan peruntukan perlombagaan yang membenarkan kebebasan berpersatuhan.

Namun, sama ada Perlembagaan persekutuan perlu dipinda bagi menghalang anti lompat dilaksanakan dalam tempoh waktu yang terdekat, sebenarnya masih lagi menjadi persoalan. Bagaimana pun, Datuk Seri Panglima (Dr) Haji Lajim sekali lagi membuat gesaan kepada BN agar mempercepatkan

penyediaan garis panduan undang-undang anti lompat bagi menangani masalah berpindah parti yang semakin berleluasa di kalangan ahli komponen BN itu. Jika tidak bertindak cepat, katanya, ia boleh menjelaskan kekuatan BN, malah turut mempengaruhi masa depan BN pada pilihan raya akan datang.

Menyentuh mengenai perkara yang perlu disentuh dalam garis panduan undang-undang itu, beliau berkata, ia termasuklah menggenakan syarat kepada seorang ahli yang melompat parti agar dihalang daripada menyertai sebuah parti komponen BN lain sekurang-kurangnya untuk tempoh dua tahun. Jika tidak mereka boleh meninggalkan dan menyertai sesbuah parti sesuka hati. Walaupun parti yang mereka tinggalkan atau serta i itu kedua-duanya parti komponen BN dan ini boleh menimbulkan masalah kepada BN Sabah.

Apapun, bagi PBRS, sudah pasti cadangan Datuk Seri Panglima (Dr) Haji Lajim itu menjadi berita yang mengembirakan disebalik kedukaan. Sudah pasti ia memberi ketenangan untuk seketika walaupun dilanda keresahan dengan kemelut dalaman parti itu. Tetapi, semua pihak perlu melihat kepositifan dan kewajaran cadangan itu dan ingatlah!, sesungguhnya kita sudah lama mengharapkan suasana politik yang lebih tenteram dan lebih stabil di negeri ini. Kita sudah terlalu banyak menghabiskan masa dengan berpolitik dan sudah tiba masanya untuk kita memikirkan pembangunan dan kemajuan rakyat negeri ini secara lebih bijaksana dan berkesan.

## Tuntutan ke atas Sabah yang perlu dilupakan

*HARI ini kami hidup aman makmur. Kami tidak berperang. Kami tidak merusuh untuk meneruskan kehidupan. Kami mendapat pelbagai kemudahan termasuk kemudahan pendidikan dan kesihatan yang suatu ketika dahulu juga digunakan dengan selesa oleh sebahagian besar pendatang tanpa izin di negeri ini. Kami mendapat hak kami sebagai rakyat yang bermaruah dan berdaulat. Kami tidak lari ke negara jiran untuk mencari sesuap nasi. Kami berterima kasih kepada pemimpin negara kami yang telah berjaya mengurus negara ini dengan baik sehingga kami boleh berbangga sebagai rakyat di bumi bertuah ini. Jika ditakdir pun kami tidak diperlukan lagi di dalam Persekutuan Malaysia, kami tidak akan membenarkan bumi kami yang tercinta ini jatuh ke tangan Filipina atau mana-mana kerajaan lain yang berdekatan dengan negeri ini.*

KITA menyambut hari kemerdekaan ke 45 tahun dengan sedikit perasaan terkilan kerana jalur gemilang yang kita arak di seluruh negara, dibakar dengan keadaan paling menyedihkan di negara jiran Filipina dan Indonesia. Kita juga menyambut hari yang bersejarah kepada seluruh rakyat negara ini dengan pemimpin kita di pelbagai peringkat terpaksa menyangkal pelbagai tuduhan terutama daripada individu tertentu di Indonesia dan Filipina yang mempersoalkan undang-undang yang dikenakan oleh negara kita sebagai sebuah negara berdaulat berhubung dengan pindaan akta Imigresen 1959/63 yang membawa hukuman berat

terhadap pendatang tanpa izin. Kita telah dikecam. Pelbagai pihak di kedua-dua negara jiran itu menyerubu kedutaan kita, menunjuk perasaan, membawa sepandok yang menghina dan mendakwa kezaliman yang kononnya dilakukan oleh kerajaan kita terhadap rakyat mereka yang selama ini dilayan dengan baik di negara ini.

Apabila kita bertegas dengan undang-undang yang kita ada dan menghantar pulang mereka yang datang ke negara ini tanpa dokumen yang sah, kita telah dikritik sehingga ada pihak yang menuntut untuk menghidupkan semula tuntutan terhadap Sabah. Apa yang mereka hendak sebenarnya?. Secara peribadi saya ingin menegaskan kepada pihak yang hendak membuat tuntutan terhadap Sabah, bahawa saya, malah seluruh rakyat negeri ini merasa bertuah kerana menjadi sebahagian daripada Malaysia. Saya tidak dapat membayangkan apa yang berlaku kepada saya atau rakyat atau negeri ini, jika sekiranya kami berada di bawah kerajaan Filipina. Barangkali kami juga akan menjadi senasib dengan rakyat Filipina yang berada di Selatan negara itu yang terpaksa berhijrah dan hidup dalam serba kekurangan, sentiasa berperang dan terpaksa menerima balas kasihan negara lain untuk hidup dan mencari sesuap nasi.

Saya hendak menegaskan sekali lagi, janganlah menuntut hak terhadap negeri ini, jika mereka tidak berupaya hendak menyelesaikan masalah dalam negeri mereka sendiri, malah tidak berupaya pun membangunkan tanah dan hak mereka di Selatan Filipina seperti Malaysia membangunkan rakyat dan seluruh negeri ini. Mereka yang hendak membuat tuntutan terhadap negeri ini hendaklah sedar siapa diri mereka sebenarnya. Saya tidak hendak membuat pelbagai tuduhan dan tidak hendak melahirkan kata-kata yang buruk-buruk belaka untuk menggambarkan semua ini. Tetapi setiap orang yang mempunyai akal waras akan tahu apa yang kerajaan Malaysia

telah lakukan kepada rakyat dan negeri ini. Mereka yang menggunakan fikiran juga akan tahu, apa yang kerajaan Filipina lakukan terhadap tanah yang kononnya dikuasai oleh Sultan Sulu, di Mindanao dan pulau-pulau lain di selatan negara itu.

Hari ini kami hidup aman makmur. Kami tidak berperang. Kami tidak merusuh untuk meneruskan kehidupan. Kami mendapat pelbagai kemudahan termasuk kemudahan pendidikan dan kesihatan yang suatu ketika dahulu juga digunakan dengan selesa oleh sebahagian besar pendatang tanpa izin di negeri ini. Kami mendapat hak kami sebagai rakyat yang bermaruah dan berdaulat. Kami tidak lari ke negara jiran untuk mencari sesuap nasi. Kami berterima kasih kepada pemimpin negara kami yang telah berjaya mengurus negara ini dengan baik sehingga kami boleh berbangga sebagai rakyat di bumi bertuah ini. Jika di takdir pun kami tidak diperlukan lagi di dalam Persekutuan Malaysia, kami tidak akan membenarkan bumi kami yang tercinta ini jatuh ke tangan Filipina atau mana-mana kerajaan lain yang berdekatan dengan negeri ini.

Inilah hakikat yang perlu diterima oleh sesiapa saja yang hendak membuat tuntutan terhadap Sabah. Lupakanlah cerita tentang hak waris kesultanan Sulu terhadap Borneo Utara. Memang benar, suatu ketika dahulu, ternampak perhatian serius daripada waris Sultan Sulu yang bimbang kononnya dengan kemungkinan Borneo Utara terlepas daripada tuntutan mereka, sehingga pada 2 februari 1962, Putri Tarhata Kiram (seorang yang dikatakan waris sultan Sulu) telah mengemukakan petisyen kepada Jabatan Hal Ehwal Luar Filipina, melalui peguamnya, J.C. Orendain, merayu kerajaan Filipina agar menyokong tuntutan waris kesultanan berkenaan ke atas Borneo Utara. Dilampirkan bersama petisyen itu ialah beberapa dokumen yang diperolehi daripada arkib Sepanyol yang menyifatkan pemberian wilayah tersebut oleh Sultan Sulu kepada Overbeck dan Alfred Dent pada

tahun 1878 sebagai "*Contrato de amandameinto*" (Pajakan), yang semua ini kemudiannya digunakan oleh Macapagal, yang ketika itu seorang senator, sebagai isu kempen pilihan raya presiden negara itu.

Keadaan ini diburukkan lagi dengan tindakan akhbar Filipina yang turut memberi publisiti meluas terhadap tuntutan Putri Tarhata Kiram. Akhbar *Manila Chronicle*, telah menyiarkan kenyataan akhbar Putri berkenaan, yang mengkritik kerajaan komanwel pimpinan Presiden Quezon kerana menggugurkan pengiktirafannya ke atas Kesultanan Sulu. Beliau menegaskan tindakan itu sebagai menggalakkan British "Merampas" Borneo Utara selepas tamatnya perang dunia kedua dan kemudiannya menyertai Malaysia. Putri Tarhata berpegang kepada kenyataan Carpenter pada tahun 1915 dan pandangan Harrison pada tahun 1946 bahawa pembatasan kedaulatan Kesultanan Sulu di Wilayah kekuasaannya tidak akan meninggalkan kesan terhadap hak keturunannya di Borneo Utara. Menurut beliau lagi, Presiden Quezon bukanlah suatu kuasa utama terhadap kedaulatan Filipina dan kedaulatan Kesultanan Sulu terhadap Borneo Utara.

Akhbar Filipina kemudian mendesak Presiden Macapagal (ayah kepada presiden Filipina Gloria Arroyo Macapagal) supaya menuntut Borneo Utara. *Philippines Free Press*, menerbitkan beberapa siri artikel mengenai sejarah Borneo Utara. Napoleon G. Rama, seorang wartawan terkemuka dalam artikelnya bertajuk "*North Borneo -Its Ours*" mengesyorkan supaya kerajaan Filipina membawa kes Borneo Utara ke Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB). Katanya, Borneo Utara adalah hak Filipina dan mereka harus mendapatkannya walau dengan apa cara sekalipun. Sekali lagi sentimen ini dihidupkan apabila setiausaha akhbar Presiden Filipina, Gloria Arroyo, Ignacio Bunye dilaporkan sebagai berkata, layanan buruk terhadap rakyat Filipina yang dihantar pulang dari Sabah, mencetuskan semula minat kerajaan Filipina

untuk menuntut Sabah sebagai sebahagian daripada wilayah negara itu. Kenyataan ini kemudiannya dianggap oleh beberapa pemimpin negeri ini sebagai tidak munasabah, karut dan mempunyai kepentingan politik tertentu.

Apapun, kempen Putri ini ternyata mendapat sokongan meluas daripada media, sehingga turut mempengaruhi anggota-anggota kongres Filipina. Di atas usaha Senator Salonga, Dewan Rendah Filipina telah meluluskan usul pada 12 Mac meminta kerajaan Filipina menuntut Borneo Utara daripada British. Seterusnya pada 23 April 1962, Dewan Perwakilan Filipina telah meluluskan satu usul yang dikenali sebagai "Resolusi Ramos" yang memberi kuasa kepada Presiden Republik Filipina mengambil langkah segera untuk memperolehi kembali Borneo Utara. Usul itu telah diterima oleh Dewan Perwakilan dengan sebulat suara pada 30 April 1962. Bersesuan dengan keputusan Dewan itu, waris Kesultanan Sulu kemudiannya telah menabalkan Esmail Kiram sebagai "Putera Mahkota" Sultan Sulu yang baru. Dalam masa yang sama beliau juga meminta Presiden Macapagal supaya mengiktiraf Kesultanan Sulu yang baru yang akan berdaulat di Borneo Utara.

Pada ketika itu juga Setiausaha Luar Filipina, Emmanuel Pelacz, mengadakan perbincangan dengan Tunku Abdul Rahman di Cameron Highland pada awal April 1962, semasa menghadiri Persidangan ASA (*Association of Southeast Asia*) dan antara lain membincangkan mengenai tuntutan Filipina terhadap Sabah. Tunku berpendirian, bahawa kes tuntutan Filipina terhadap Borneo Utara adalah antara Filipina dengan Britain dan Tanah Melayu tidak mahu terlibat dalam kontroversi itu. Tanah Melayu akan hanya menerima Borneo Utara menyertai Malaysia dalam keadaan bersih atau *Clean slate*. Tetapi hari ini Sabah telah pun diistiharkan sebagai salah sebuah negeri dalam persekutuan Malaysia. Sejarah pembentukan Malaysia tidaklah panjang. Ia

tidak mempunyai tahap-tahap yang lama seperti ditempuh dalam perjuangan mencapai kemerdekaan.

Namun begitu, peristiwa yang berlaku dalam kerangka masa dua atau tiga tahun sebelum penubuhan dan beberapa tahun selepas Malaysia lahir adalah amat menarik. Pelbagai isu telah timbul seperti isu minat negeri-negeri, masalah dalaman, kerjasama dan konflik antara negeri, penentangan terhadap pembentukan Malaysia dan penentangan selepas Malaysia terbentuk yang perlu difahami secara lebih mendalam. Kita tahu segala implikasi dan pengajaran yang lahir daripadanya. Memang benar kita telah melalui pelbagai cabaran. Berbagai peristiwa berlaku menuntut tindakan segera dan kebijaksanaan. Tunku dikatakan "Tidak senang duduk" kerana terpaksa berunding dan berceramah di seluruh negara, menggunakan pendekatan dilomatik dan perundingan dengan pemimpin lain bagi mencari penyelesaian, malah meminta bantuan PBB, demi memberi kepuasan dan keyakinan kepada semua pihak.

Akhirnya, Malaysia ditubuhkan dan sekali lagi saya ingin menegaskan dengan perkembangan yang berlaku di sekeliling dan apa yang berlaku di negara jiran, saya dengan megah menyatakan kebanggaan saya sebagai rakyat Malaysia. Hari ini, tiada warga Malaysia yang memahami latar belakang pembentukannya akan was-was, melainkan yakin bahawa perjuangan pemimpin untuk membentuk Malaysia tidak sia-sia. Objektif penubuhannya tercapai. Keamanan dan kestabilan seratau terlaksana. Malaysia kini menjadi antara negara yang paling maju di rantau ini, yang rakyatnya hidup aman makmur.

Sempena hari kemerdekaan negara yang ke 45 ini, marilah kita bersama-sama pemimpin berjuang mendaulatkan dan mempertahankan maruah negara kita ini. Marilah kita bersatu padu dan membersihkan negara ini daripada sebarang anasir yang boleh menjelaskan hak kita yang sebenar terhadap

## *ReFLEKSI*

tanah dan negara kita yang tercinta. Kita memang merasa sedih dengan sentimen orang lain terhadap tindakan kita untuk mendaulat dan menjayakan negara ini. Tetapi apa yang berlaku, sudah pasti akan menebalkan lagi semangat patriotik atau semangat kebangsaan. Kita merdeka kerana kita lebih tahu masalah negara ini. Kita lebih sensitif dan lebih bertanggungjawab terhadap negara-bangsa kita. Orang asing dan individu tertentu di negara jiran mungkin tidak lebih tahu apa yang kita hendak dalam memajukan serta membentuk jati diri negara-bangsa kita yang berdaulat dan bermaruah.

## Mengenang jasa Umno

*DAHULU, orang Melayu adalah satu bangsa yang amat daif sekali.*

*Selama 400 tahun dijajah dalam keadaan yang cukup hina oleh bangsa Portugis, bangsa Inggeris, bangsa Belanda dan juga bangsa Jepun. Tidak terdapat orang Melayu di bandar. Mereka tinggal jauh di pedalaman dan pinggir hutan. Mereka hanya mempunyai rumah yang buruk, bekerja sebagai kuli atau petani atau nelayan yang menggunakan sampaun kecil untuk ke laut. Mereka hidup kais pagi makan pagi, kais petang makan petang. Mereka tidak mempunyai simpanan. Jarang pula di antara mereka yang berkemampuan untuk mengerjakan haji di Mekah. Mereka hanya menunggu mati dalam serba kedaifan. Orang Melayu ketika itu juga berkumpul dalam masjid yang bocor. Diperbuat daripada kayu buruk. Tidak ada dewan yang luas, selesa, mewah dan berhawa dingin untuk mereka. Mereka betul-betul miskin dan terhina di negara mereka sendiri. Tetapi hari ini, mereka sudah berubah..*

SAYA hendak mengimbas kembali satu kisah semasa saya dan rombongan Timbalan Ketua Menteri, Datuk Seri Panglima (Dr) Haji Lajim Haji Ukin singgih di Doha Qatar, selepas menemui pelajar Malaysia di Mesir. Kami singgah di negara itu selama sehari semalam dan menginap di salah sebuah hotel yang benar-benar berdekatan dengan sebuah masjid.

Masjid itu cantik dan kami sempat mengerjakan sembahyang waktu di masjid itu. Deretan kedai juga terdapat di sekeliling masjid berkenaan. Saya sempat singgah di beberapa buah kedai yang tidak jauh dari hotel penginapan kami itu.

Apabila tuan punya salah sebuah kedai ternampak saya tidak seperti bangsa arab lain, dia lantas bertanya berkenaan negeri asal saya.

Apabila memberitahu bahawa saya berasal dari Malaysia, dia terus melahirkan kekaguman terhadap negara kita yang menurutnya sebuah negara Islam yang maju di dunia. Katanya, negara kita mengeluarkan kereta dan satu-satunya negara Islam yang mengeluarkan kereta di dunia. Saya ingat lagi ketika di Mesir, saya ternampak beberapa buah kereta buatan negara kita, terutama kereta Proton dan Perodua Kancil berkeliaran di jalan raya sesak Kaherah.

Oleh kerana dua buah bangunan tertinggi di dunia ketika itu iaitu Pusat Dagangan Dunia di New York baru saja diranapkan pengganas dalam satu tragedi yang paling menyayat di dunia, maka Malaysia juga, kata tuan punya kedai itu adalah satu-satu negara yang mempunyai bangunan kembar yang tertinggi di dunia. "Saya ingin datang ke Malaysia" katanya sambil saya mengalu-alukan hasratnya itu.

Saya terkenang semua ini, kerana kebetulan apabila berada di Kedah dan sekali lagi mengiringi Timbalan Ketua Menteri yang turut menghadiri majlis perasmian Pelancaran Unit Khas Pilihanraya Puteri Umno peringkat Kebangsaan di Dewan Wawasan, Jitra Kedah, Dr. Mahathir telah menyentuh mengenai orang Arab yang bangga dengan bangsa Melayu dan pencapaian negara kita. Apabila orang Arab nampak orang Melayu terutama pada musim haji dan dia tahu kita datang dari Malaysia, Dr. Mahathir berkata, orang Arab ini bukan main bangga dengan kita dan dia melahirkan kekaguman terhadap kita sebagai sebuah negara Islam yang termaju di dunia.

Ini adalah perkara yang betul dan saya memang bersyukur kerana menjadi warganegara Malaysia yang mempunyai sebuah parti yang kita tahu sejak dahulu telah

memperjuangkan kemerdekaan sehingga kita menjadi bangsa yang bermaruah, moden dan dipandang tinggi di mata dunia. Malah disebabkan kemajuan dan kekayaan kita, sehingga apabila Lebanon dan ibu negaranya Beirut yang terkenal dengan jolokan "Paris Timur Tengah" itu diranapkan Israel dan perang saudara yang berlanjutan hingga tahun 1990, kita telah memberi bantuan hingga RM1 billion untuk membantu umat Islam yang malang di negara itu.

Kita menjadi bangsa yang dihormati, semuanya kerana adanya sebuah parti yang telah memperjuangkan maruah dan bangsa Melayu di negara ini. 50 tahun dahulu, orang Melayu adalah satu bangsa yang amat daif sekali. Selama 400 tahun dijajah dalam keadaan yang cukup hina oleh bangsa Portugis, bangsa Inggeris, bangsa Belanda dan juga bangsa Jepun. Tidak terdapat orang Melayu di bandar. Mereka tinggal jauh di Pedalaman dan pinggir hutan.

Mereka hanya mempunyai rumah yang buruk, bekerja sebagai kuli atau petani atau nelayan yang mengguna sampan kecil untuk ke laut. Mereka hidup kais pagi makan pagi, kais petang makan petang. Mereka tidak mempunyai simpanan. Jarang pula di antara mereka yang berkemampuan untuk mengerjakan haji di Mekah. Mereka hanya menunggu mati dalam serba kedaifan.

Orang Melayu ketika itu juga berkumpul dalam masjid yang bocor. Diperbuat daripada kayu buruk. Tidak ada dewan yang luas, selesa, mewah dan berhawa dingin untuk mereka. Mereka betul-betul miskin dan terhina di negara mereka sendiri.

Tetapi hari ini, mereka sudah berubah. Orang Melayu sudah tinggal di rumah mewah sehingga ada yang tinggal di rumah yang berjuta ringgit harganya. Mereka membuat kereta dan menerokai laut dalam dengan kapal besar. Mereka berpendidikan dan berjawatan tinggi. Mereka membuat kerja

yang dahulunya tidak terfikir hendak mereka lakukan. Mereka mempunyai simpanan dan ada yang menguasai syarikat-syarikat besar, yang disenarai di Bursa Saham Kuala Lumpur (BSKL). Mereka hidup begitu mewah, sehingga ada yang boleh sarapan pagi di Kuala Lumpur, makan tengah hari di Tokyo dan makan malam di Paris. Tetapi adakah kita pernah bertanya siapa yang telah menjadikan orang Melayu dan negara ini sedemikian rupa.

Jawapannya bukan individu-individu tertentu, tetapi parti Umno yang telah memperjuangkan kemerdekaan negara dan memacu kemajuan sehingga menjadi seperti apa yang kita nikmati hari ini. Saya bukan terlalu fanatik terhadap parti Umno. Tetapi jauh di lubuk hati, sebenarnya saya insaf akan apa yang parti ini telah berikan terhadap saya. Saya tidak kaya dan tidak mewah. Tetapi saya hanya seorang pegawai kerajaan yang dengan pendapatan yang saya perolehi boleh mendapat kediaman yang lebih baik daripada orang Melayu dahulu. Saya mampu memberi pendidikan yang baik kepada anak-anak hingga ke peringkat tinggi. Saya bersyukur. Saya tahu, tanpa Umno semua yang dinikmati ini mungkin hanya boleh diraih dalam mimpi.

Tetapi ingatlah, seorang individu tidak dapat melakukan semua ini. Seorang Tunku Abdul Rahman tidak dapat melakukan ini. Seorang Tun Razak atau seorang Tun Hussein Onn tidak dapat melakukan ini. Hatta seorang Dr. Mahathir tidak akan dapat melakukan semua ini. Tetapi ia adalah kerana Umno. Umno yang mendapat sokongan rakyat dan dengannya institusi parti ini membentuk kerajaan yang stabil, sehingga apabila kerajaan stabil maka pemimpin dapat memperbaiki hidup rakyat. Kita dapat menyalurkan pembangunan dan memajukan negara ini.

Kalau kita tanya apa yang kita dapat untuk diri kita, kata Dr. Mahathir, kita akan kecewa selama-lamanya. Tetapi ingatlah, dahulu presiden Amerika Syarikat tidak mengenal pun orang Melayu wujud di dunia ini. Pemimpin kuasa besar itu tidak kenal

pun siapa orang Melayu. Tetapi hari ini, Presiden Amerika, George Bush, menulis surat kepada kita dan tanya sama ada mereka boleh menyerang Iraq atau tidak. Tetapi seperti yang kita tahu, kita tidak menjawab "*Yes Sir!*" Sebaliknya kita katakan pendirian. Kita tidak pernah bersetuju dengan kerakusan mereka. Kerana kita sudah menjadi bangsa yang bermaruah dan dihormati. Ini semua adalah kerana jasa bakti parti Umno. Bukan jasa individu tertentu dalam Umno. Tetapi jasa Umno yang mendapat sokongan seluruh rakyat negara ini. Jasa Umno yang menjadikan bangsa Melayu duduk sama rendah dan berdiri sama tinggi dengan bangsa yang menganggap bangsanya lebih tinggi dan lebih maju di dunia ini.

Saya tidak membuat propaganda. Tetapi yang pasti saya hanyalah seorang pegawai kerajaan yang bersyukur kerana nikmat yang saya dapat hasil daripada perjuangan Umno. Saya tidak dapat projek kecil atau besar atau kayu balak daripada Umno. Tetapi saya bersyukur kerana hasil perjuangan parti Umno saya telah mendapat pendidikan dan kemudian mendapat pekerjaan yang baik dalam kerajaan yang membolehkan saya hidup serba sederhana dan dapat membayai pendidikan anak hingga ke universiti. Sekali lagi saya tidak kaya, tetapi saya bersyukur kerana saya hidup jauh lebih baik daripada mereka yang kurang bernasib baik di negara ini dan juga di negara lain.

Saya menyatakan dengan ikhlas. Inilah penghargaan saya kepada parti yang telah memperjuangkan kemerdekaan negara ini sehingga kita hidup selesa, aman damai di dalamnya. Saya tidak tahu adakah ini tindakan yang benar, tetapi parti inilah yang menjadikan orang Melayu dihormati dan sekali lagi semua ini adalah hasil daripada perjuangan Umno. Saya masih ingat, suatu ketika dahulu di daerah kelahiran saya di Beaufort, kita tidak boleh sampai dengan selesa ke kampung-kampung yang jauh dari pekan, kerana tidak ada jalan. Kalau ada jalan pun,

## *ReFLEKSI*

maka jalan itu adalah kecil atau becak pada musim hujan sehingga ada orang yang menanam pisang di tengah jalan raya.

Pada musim kemarau, rumah nenek saya di pinggir jalan dipenuhi debu kuning. Saya pergi ke sekolah dengan rambut kuning dipenuhi debu. Saya menyedut debu kuning ini setiap hari. Saya masih ingat, bagaimana setiap hari saya mengutuk pemimpin dan kerajaan ketika itu yang tidak dapat mengaspal jalan berkenaan. Daripada kerajaan Usno selepas merdeka, kemudian kerajaan BERJAYA dan kemudian PBS. Selama 30 tahun jalan itu tidak dapat diaspal sehingga apabila BN menerajui kerajaan negeri pada tahun 1994 barulah jalan itu berubah. Jalan di hadapan rumah nenek saya yang menghalang dari pekan Beaufort ke Kuala Penyu dan Menumbok itu akhirnya diaspal. Kereta saya masuk ke bawah rumah ibu saya di kampung dengan bersih. Rumah tidak berdebu. Inilah nikmat itu. Nikmat yang telah dihadiahkan oleh Umno kepada kita semua.

Kerana jasa Umno, maka kita dapat menghantar anak ke sekolah. Malah ada pelajar yang tinggal di ulu sekalipun dapat menikmati dan belajar bidang kejuruteraan hingga ke Amerika Syarikat. Menjadi saintis dan sebagainya. Oleh itu kita harap Umno terus kekal. Kita perlu berusaha dan bersatu mengekalkan Umno. Perjuangan kita belum selesai, kata Dr. Mahathir. Hanya dengan bersatu kita boleh menjayakan negara ini. Kita boleh tunjuk kebolehan kepada orang lain. Janganlah buruk-burukkan orang lain kerana ingatlah bahawa orang yang memburukkan orang lain itu juga adalah buruk dan percayalah, ia tidak akan membantu menjayakan diri kita, bangsa dan negara ini.

## Isu penggiliran jawatan Ketua Menteri

*KITA tahu, bahawa sistem pinggiliran jawatan Ketua Menteri yang diamalkan telah membawa beberapa perubahan dan berjaya menghentikan dominasi atau monopoli politik oleh masyarakat tertentu terhadap masyarakat lain. Tetapi selepas mengamalkannya selama lapan tahun adakah ia sudah mula dilihat sebagai satu sistem yang tidak boleh dikekalkan dalam satu tempoh jarak waktu yang lama. Mungkinkah kita bertanya, adakah kita mahu ia diteruskan untuk jangka masa 10 tahun dan kita mahu melahirkan lebih ramai ketua menteri lagi?*

BELUM pun berakhir tempoh Ketua Menteri, Datuk Chong Kah Kiat memegang tampuk kerajaan yang diamalkan di bawah sistem penggiliran Jawatan Ketua Menteri yang dipraktikkan secara unik di negeri ini, tiba-tiba saja rakyat Sabah dihebohkan dengan cadangan Presiden Parti Maju Sabah (SAPP) Datuk Yong Teck Lee agar Barisan Nasional (BN) di negeri ini muncul dengan satu formula perkongsian kuasa dalam BN yang boleh diterima oleh semua pihak.

Semua akhbar memberi liputan meluas berkenaan cadangan itu. Malah ia bukan saja mendapat reaksi daripada kalangan pemimpin negeri ini, tetapi juga pemimpin tertinggi negara di peringkat Persekutuan. Ia menjadi isu hangat kerana sejak dahulu lagi sudah terdapat pelbagai pandangan pro dan kontra berkenaan tindakan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad menggilirkan jawatan ketua menteri di

negeri ini. Parti Bersatu Sabah (PBS) misalnya, sejak dahulu lagi (iaitu sejak masih berada dalam kem pembangkang) tidak pernah menzahirkan persetujuan terhadap pelaksanaan sistem berkenaan dengan alasan ia tidak sesuai, tidak praktikal dan bercanggah dengan perlombagaan negeri ini.

Tetapi ia tetap dilaksanakan. Dapat dikatakan Sabah telah mencipta rekod dunia kerana mempunyai ketua menteri paling ramai dalam sejarah. Jadi apakah rasional disebalik cadangan Datuk Yong Teck Lee itu? Apakah yang diharapkan daripadanya? Setakat ini kita belum mengetahui apakah sebenarnya muslihat politik disebalik cadangan parti SAPP itu.

Yang pasti Datuk Yong Teck Lee mahukan supaya formula itu boleh memberitahu rakyat akan konsep perkongsian kuasa yang boleh diwujudkan di dalam BN. Sambil menuing jari kepada sistem politik serta pentadbiran BN di Sarawak, Datuk Yong Teck Lee berkata, BN Sabah boleh menerima pakai model perkongsian kuasa seperti yang diamalkan di Sarawak sebagai alternatif kepada sistem penggiliran Jawatan Ketua Menteri yang diamalkan di negeri ini sejak tahun 1994 itu.

Datuk Yong Teck Lee yang membuat kenyataan berkenaan semasa menyampaikan ucaptama perasmian konvensyen Pemuda dan Wanita SAPP, di Kota Kinabalu, menegaskan, walaupun sistem penggiliran ketua menteri yang diamalkan di Sabah adalah baik. (mengurangkan politik perkauman, berjaya menyatupadukan rakyat pelbagai kaum dan mampu menjana pembangunan negeri secara berkesan,) tetapi ia tidak akan kekal untuk jangka panjang. Jika ia hendak ditukar dan dimansuhkan, maka model perkongsian kuasa yang diamalkan di negeri jiran yang terdekat dengan Sabah itu merupakan alternatif yang sesuai.

Inilah cadangan SAPP dan Presidennya, Datuk Yong Teck Lee. Tetapi secara sepantas lalu, sistem penggiliran Jawatan Ketua

Menteri telah dilaksanakan dengan teratur di Sabah sejak BN mengambil alih tumpuk kerajaan negeri daripada PBS pada tahun 1994. Ia diputuskan untuk dilaksanakan di negeri ini bagi membolehkan pemimpin daripada tiga masyarakat, iaitu masyarakat Cina, masyarakat Bumiputera Islam dan masyarakat Bumiputera Bukan Islam dapat menerajui tumpuk pemerintahan negeri ini secara bergilir-gilir bagi tempoh dua tahun sekali.

Tetapi apabila Datuk Chong Kah Kiat dilantik menjadi ketua menteri yang ke enam di bawah sistem itu pada tahun 2001, Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad yang juga Presiden Umno dan Pengurus BN, telah melakukan sedikit perubahan terhadap pelaksanaan sistem itu iaitu pemimpin Umno akan memegang jawatan itu berselang dengan setiap satu daripada dua lagi komuniti itu. Sebagai contoh, apabila penggal bagi masyarakat Cina berakhir, jawatan itu akan berpindah semula kepada Umno, selepas itu kembali kepada Bumiputera Bukan Islam dan kembali semula kepada Umno. Perubahan itu terpaksa dibuat berikutan sokongan besar masyarakat Bumiputera Islam terhadap BN, khususnya Umno pada pilihan raya negeri 1999.

Sejak sistem itu diperkenalkan, tidak ada masalah besar yang dihadapi, selain daripada ia dijadikan isu politik yang hangat diperkatakan terutama apabila tempoh jawatan seorang ketua menteri itu hampir berakhir. Ada kalanya ia menjadi perbalahan politik yang serius dalam media. Adakalanya ia seolah-olah mencetuskan ketegangan. Tetapi hakikatnya, ia masih terkawal. Jika tidak ada kawalan mutlak di peringkat Kerajaan Persekutuan khususnya, ia mungkin boleh menimbulkan sedikit kekecohan politik dan memberi kesan negatif serta menjasaskan segala usaha kerajaan memperbaiki taraf hidup rakyat dan membangunkan negeri ini.

Apa pun, Datuk Yong Teck Lee sudah pasti lebih maklum

berkenaan cadangannya itu. Beliau lebih mengetahui apa yang tersurat dan tersirat disebalik cadangan itu. Ibarat seorang pemain bola yang handal, beliau tidak perlu mendabik dada dan mencanangkan kejaguhannya. Beliau tidak perlu berkata, akulah pemain bola yang handal dan akulah yang menendang bola itu ke dalam gawang gol. Tetapi semua orang tahu bahawa dia adalah yang menjaringkan gol dan penonton telah melihat sendiri apa yang berlaku.

Begitulah kebijaksanaan dan kepandaian Datuk Yong Teck Lee bermain politik. Ibarat pemain bola yang sudah lama berkecimpung dalam bidangnya, pengalaman beliau tidak kurang hebatnya. Malah beliau berkemampuan menyerlahkan skil, merangka strategi, membimbang pemain lain dalam pasukan, sambil pada waktu yang sama berkeupayaan menguji dan mengucar kacirkan benteng lawan.

Namun, beberapa hari selepas cadangan itu menjadi tajuk utama media tempatan dan nasional, Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad pula memberi reaksi positif terhadap cadangan itu. Malah, beliau menegaskan, SAPP boleh mengemukakan cadangan kepada BN pusat berhubung sebarang perubahan kepada sistem penggiliran jawatan ketua menteri yang diamalkan. Walaupun kelebihan diberikan kepada Umno sebagai parti komponen terbesar di dalam BN Sabah, tetapi terpulanglah kepada SAPP untuk membuat cadangan jika mahu jawatan ketua menteri dikekalkan kepada mana-mana pihak.

Tetapi, Ketua Perhubungan Umno negeri, Datuk Musa Aman berkata, Umno negeri sedia membincangkan cadangan berkenaan termasuk penggunaan formula yang diamalkan di Sarawak, (jika ia bersesuaian) tetapi rakyat perlulah (diberitahu sejelas-jelasnya) dan diberi keutamaan dalam membuat sebarang keputusan berhubung perkara itu.

**Presiden Pertubuhan Kadazandusun-Murut Pasok**

Momogun Bersatu (UPKO) Tan Sri Bernard Dompok pula berkata, adalah wajar cadangan itu dirujuk kepada Perdana Menteri yang juga pucuk pimpinan BN Pusat bagi sebarang pertimbangan.

Sekurang-kurangnya beliau melahirkan pendapat yang berbeza dan menjelaskan ketidaksetujuannya terhadap cadangan itu. "Lain lubuk lain belalang" katanya. Tidak semestinya ada persamaan diantara sistem politik dan pentadbiran BN di Sabah dan di Sarawak. Beliau berkata semua pihak perlu memahami mengapa sistem penggiliran Ketua Menteri diperkenalkan di negeri ini.

Terdapat perbezaan yang ketara di segi jumlah parti dalam komponen BN di Sarawak dan di Sabah. Sarawak hanya mempunyai empat buah parti dalam komponen BN. Satu jumlah yang jauh lebih kecil berbanding Sabah yang mempunyai lima buah parti berpusat di Sabah selain daripada parti yang berpusat di Semenanjung seperti Umno, MCA, MIC dan Gerakan.

Justeru pandangan Tan Sri Bernard itu, senada dengan pandangan Datuk Joseph Pairin Kitingan yang mahukan supaya sebarang perbincangan mengenai semakan semula sistem penggiliran ketua menteri itu dibincangkan dalam mesyuarat komponen BN negeri, sambil menolak ia dibincangkan secara terbuka dalam media.

Apapun, kita telah membincangkan cadangan Datuk Yong teck Lee ini secara positif dan dengan fikiran yang terbuka. Kita tahu, bahawa sistem pinggiliran jawatan Ketua Menteri yang diamalkan telah membawa beberapa perubahan dan berjaya menghentikan dominasi atau monopoli politik oleh masyarakat tertentu terhadap masyarakat lain. Tetapi selepas mengamalkannya selama lapan tahun, adakah ia sudah mula dilihat sebagai satu sistem yang tidak boleh dikekalkan dalam satu tempoh jarak waktu yang lama. Mungkinkah kita bertanya, adakah kita mahu ia diteruskan untuk jangka masa 10 tahun dan kita mahu melahirkan lebih ramai ketua menteri lagi?

## Sistem penggiliran jawatan Ketua Menteri perlu dimansuhkan?

KITA mengamalkan demokrasi yang diwujudkan untuk memastikan sebuah kerajaan yang baik dan bertanggungjawab. Dalam perkataan lain demokrasi adalah untuk berkhidmat kepada rakyat. Bukan disalahgunakan. Tidak ada di dalam demokrasi, seseorang pemimpin dipaksa untuk turun hanya semata-mata kita hendak mengambil alih tempatnya. Demokrasi seperti ini adalah jahat.

SAYA masih ingat pada tahun 1999, Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad pernah menulis satu rencana berhubung demokrasi di negara ini dan rencana itu disiarkan di dalam akhbar *Mainichi Shimbun*, di Jepun, kemudian rencana itu diterjemahkan ke dalam Bahasa Melayu dan disiarkan dalam akhbar *Utusan Melayu* keluaran 18 Mei 1999.

Dalam rencana itu, Dr. Mahathir antara lain telah menulis bahawa sistem dan amalan politik di Jepun amat berbeza dengan sistem dan amalan politik di negara ini, yang menghalang kemunculan pemimpin kuat sehingga pada padangan Dr. Mahathir, sistem dan amalan politik seperti itu telah menjasaskan kredibiliti dan kedudukan pemimpin Jepun di dunia.

Katanya, Perdana Menteri di Jepun memegang tampuk pemerintahan dalam jangka masa yang singkat. Kebanyakan daripada mereka hanya berkhidmat selama dua tahun. Tempoh yang pendek ini ternyata menghalang Perdana Menteri dan kerajaan negara itu daripada menjadi lebih efektif. Sepatutnya,

kata Dr. Mahathir, seorang Perdana Menteri atau seorang presiden eksekutif mengambil masa yang lama untuk belajar mengenai tugasnya. Masa yang lebih panjang diperlukan untuk menggubal dasar, melaksanakan dan melihat hasilnya. Tetapi jika mereka diberikan masa yang singkat untuk mentadbir, akibatnya hanya sedikit yang boleh dicapai oleh mereka. Jika mereka diberi masa hanya dua tahun untuk menjadi Perdana Menteri atau Presiden, maka tidak banyak yang dapat dilakukan untuk memantapkan kerajaan ataupun membangunkan negara.

Di Jepun, mereka bimbang bahawa jika seseorang pemimpin itu memegang jawatan tertinggi terlalu lama, dia akan menjadi terlalu kuat dan juga akan menjadi korup. Ini mungkin aturan biasa tetapi ianya tidak selalu betul. Pemimpin yang berhemat dan patriotik tidak akan membenarkan diri mereka menyalahgunakan kuasa dan menjadi korup.

Cara yang paling baik untuk menilai integriti seorang pemimpin, kata Dr. Mahathir lagi, ialah melalui hasil-hasil yang dicapainya. Pemimpin yang korup, gila kuasa hampir setiap kali mengancam negara mereka, tetapi kita hanya perlu melihat rekod para diktator dalam sejarah. Negara mereka mungkin berjaya dalam jangka masa pendek, tetapi selalunya ia akan merosot kembali. Paling tidak, ekonomi mereka akan statik sungguhpun diktator itu akan cuba menunjukkan kejayaan mereka dalam pelbagai pertunjukan.

Berbeza dengan senario yang terdapat di negara ini, dapat dikatakan kita sentiasa mengelak kemungkinan munculnya seorang diktator dengan sistem demokrasi mengadili integriti pemimpin melalui peti undi. Pilihan raya di negara ini adalah jaminan yang memadai untuk menentukan sama ada seorang pemimpin itu terus kekal dan berada agak lama di atas takhta atau terpaksa menerima hakikat bahawa dia akan disingkirkan oleh kuasa rakyat.

Kita mengamalkan demokrasi yang diwujudkan untuk memastikan sebuah kerajaan yang baik dan bertanggungjawab. Dalam perkataan lain demokrasi adalah untuk berkhidmat kepada rakyat. Bukan disalahgunakan. Tidak ada di dalam demokrasi, seseorang pemimpin dipaksa untuk turun hanya semata-mata kita hendak mengambil alih tempatnya. Demokrasi seperti ini adalah jahat.

Saya mengimbas kembali rencana Dr. Mahathir ini kerana beliaulah yang memperkenalkan sistem penggiliran jawatan Ketua Menteri di Sabah, selepas membuat pengumuman rasmi semasa berkempen di Beaufort pada pilihan raya negeri tahun 1994 dan beliau jugalah yang menulis rencana dan menyatakan dengan tegas bahawa jika masa dua tahun sahaja yang diberikan kepada seorang pemimpin, maka dia tidak menjadi pemimpin yang efektif kerana masa yang terlalu lama (sekurang-kurangnya lima tahun diperlukan) untuk menggubal dasar, melaksanakan dasar itu dan kemudian melihat hasilnya. Tetapi malangnya di Sabah kita telah diberikan tempoh dua tahun yang keramat ini. Saya tidak tahu sama ada ia disengajakan untuk menjadikan kita pemimpin yang tidak efektif dan kerajaan yang gagal atau sebaliknya.

Memanglah, ketika ia diperkenalkan tujuan kita ialah untuk mengurangkan masalah politik perkauman di negeri ini, tetapi sejak dahulu lagi saya telah menegaskan bahawa ia adalah satu sistem yang gagal di negeri ini. Ia telah menjelaskan pertumbuhan pelaburan negeri ini dan sedikit sebanyak telah menyebabkan ekonomi negeri terus menjunam.

Ketua Menteri, Datuk Musa Aman berkata, ekonomi negeri menjunam hingga ke peringkat hampir kritikal, kecuali sesuatu yang drastik dilakukan untuk menekan penurunan itu. Jika tidak ada langkah drastik maknanya kita terpaksa secara berterusan menerima pulangan minimum daripada pelaburan

kerajaan, berserta dengan pengecutan simpanan negeri, sambil menambah, agensi dan syarikat kerajaan pula kini memerlukan bantuan.

Sabah boleh dikatakan ketinggalan di segi ekonomi. Peluang pekerjaan terhad, kadar kemiskinan tinggi, penduduk luar bandar kekurangan prasarana dan sebagainya. Walaupun kerajaan mensasarkan penurunan paras kemiskinan daripada 20 peratus sekarang kepada 16 peratus pada tahun 2010, namun jika kita hanya menumpu kepada mengganti Ketua Menteri setiap dua tahun sekali, maka ini tidak akan membawa banyak perubahan untuk membasmikan kemiskinan terutama di kalangan penduduk luar bandar.

Sekarang terdapat pelbagai suara meminta agar sistem ini dikaji semula. Malah kerajaan Persekutuan sedia menimbang untuk mengkaji dan menggantinya dengan sistem lama jika didapati ianya perlu. Setiausaha Agung Umno Sabah, Datuk Yahya Hussin berkata, sejak tahun 1994 kita telah mematuhi sistem ini demi kepentingan rakyat, tetapi pengalaman yang pernah dilalui kerana terlalu kerap menukar Ketua Menteri telah menjelaskan banyak program pembangunan.

Beliau menegaskan, sistem itu perlu dikaji dan jika dihentikan maka parti komponen yang mempunyai jumlah kerusi negeri terbanyak perlu diberi peluang memegang portfolio Ketua Menteri sementara pemimpin daripada parti komponen BN lain terus diberi peruntukan kerusi dan juga jawatan-jawatan penting dalam kabinet negeri.

Ketua Umno bahagian Sipitang, Datuk Sapawi Haji Ahmad pula berkata, Umno bahagian Sipitang mengalu-alukan kesediaan kerajaan mengkaji semula sistem penggiliran jawatan Ketua Menteri sebagai langkah memastikan pembangunan Sabah berada pada tahap memberangsangkan. Kajian itu penting bagi membolehkan rakyat Sabah menikmati kesinambungan

pembangunan melalui teraju kepimpinan yang dipilih.

Beliau berkata, sistem itu telah banyak memberi kesan kepada dasar pembangunan negeri memandangkan tempoh dua tahun seseorang Ketua Menteri menerajui kerajaan adalah sangat singkat dan tidak banyak perubahan atau dasar pembangunan yang dapat dilaksanakan dalam tempoh berkenaan.

Namun, kita telah melihat banyak keburukan daripada sistem ini, tidak perlulah berulang kali kita menghuraikan segala keburukan itu. Pada satu tahap saya telah berkata dengan tegas bahawa kita hampir kehilangan hak dalam menentukan kepimpinan negeri ini melalui proses demokrasi, tetapi inilah yang berlaku. Kita telah melihat bagaimana seorang Ketua Menteri terpaksa disingkirkan walaupun beliau baru saja memperkenalkan beberapa dasar baru untuk kebaikan rakyat dan negeri ini. Apabila Ketua Menteri baru mengambil alih tugasnya, beliau juga mempunyai dasar baru dan stail kepimpinan yang baru. Ini sama sekali tidak membawa banyak kebaikan, terutama disegi usaha untuk menarik pelabur asing melabur di negeri ini. Jika tidak ada pelaburan, maka peluang pekerjaan menjadi amat terhad, sementara pengangguran pula semakin meningkat.

Inilah hakikat yang kita kena terima. Setiap kali tempoh Ketua Menteri yang menerajui kerajaan negeri berakhir dan seorang Ketua Menteri baru mengambil alih tempatnya, kita akan menyelongkar semula fail lama, merujuk fakta yang mewarnai sejarah sistem penggiliran Ketua Menteri yang diperkenalkan oleh Dr. Mahathir Mohamad ini. Kita menyusun semula pemimpin yang pernah terlibat dalam sistem ini dan kemudian membuat pelbagai andaian dan ramalan berhubung visi Ketua Menteri baru.

Mungkin proses ini adalah sesuatu yang biasa. Sesekali membosankan. Tetapi sama ada ia dimansuhkan atau tidak, ia juga adakalanya dilihat sebagai tidak membawa kestabilan

kepada politik negeri ini. Pemimpin kita sering menumpu kepada mempertahankan kedudukan dalam kerajaan atau mendapat jawatan yang lebih tinggi sehingga adakalanya ternampak mereka memberi perhatian kepada isu penggiliran jauh lebih penting daripada pelbagai isu lain berkaitan dengan kepentingan, keselesaan, kesejahteraan dan ekonomi rakyat negeri ini. Tetapi oleh kerana kita mempunyai rakyat berbilang kaum yang tidak bersatu dalam erti kata sebenarnya, maka sehingga kini, kita perlu menerima hakikat bahawa inilah pilihan yang telah diberikan untuk mententeramkan kita dan menstabilkan politik rakyat negeri ini.

Janganlah berkata, kita rugi kerana terpaksa menukar Ketua Menteri setiap dua tahun untuk memuaskan tiga kaum di negeri ini yang tidak dapat bersatu dalam erti kata yang sebenarnya. Tetapi kita perlu menerima hakikat bahawa kita memang sentiasa rugi kerana politik perkauman yang begitu tebal di negeri ini sejak wujudnya parti dan kerajaan terdahulu.

## Malaysia jadi "Kambing Hitam" pada Tahun Kambing?

SINGAPURA adalah sebuah pulau yang kecil. Dengan kedudukannya sebagai sebuah pulau yang kecil, sebarang tindakan yang ditujukan khas ke situ akan menyebabkan banyak kerosakan dan mencederakan ramai orang yang tidak bersalah. Oleh itu, janganlah bercakap berkenaan kecanggihan dan sebagainya. Jika berlaku sebarang perang tidak ada jaminan untuk keharmonian, keselamatan dan kemakmuran rakyat dan negara. Sebaliknya perang tetap perang. Perang akan sentiasa dahagakan darah dan korban rakyat yang tidak berdosa. Apa pun namanya, perang akan tetap membawa kemusnahan dan kahancuran harta benda yang tidak terhitung banyak dan nilainya.

SEPERTI kepercayaan masyarakat Cina tahun kambing adalah tahun yang membawa tuah. Walaupun Singapura hendak menjadikan Malaysia sebagai "Kambing Hitam" atau sasaran untuk mengalihkan perhatian rakyatnya daripada masalah politik dalaman dan krisis ekonomi yang dihadapi oleh negara itu, tetapi kita tidak akan terpedaya dan terpengaruh dengan taktik mereka.

Kita masih percaya bahawa kita adalah "Kambing Putih" dan kita tidak terikut-ikut dengan gelagat dan karenah Singapura yang menjadikan kita sebagai objek kempen membenci di kalangan rakyat republik itu hanya semata-mata bagi mengabui mata rakyatnya daripada hakikat sebenar yang berlaku di negara

itu. Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad, ketika sidang media yang turut saya hadiri selepas beliau mempengerusikan mesyuarat Majlis Tertinggi Umno, di Kuala Lumpur berkata, ekonomi Singapura kini berada dalam keadaan teruk hingga syarikat milik kerajaannya kerugian berbilion ringgit.

Keadaan itu mendorong kerajaan pimpinan Parti Tindakan Rakyat (PAP) mengalih perhatian kepada isu hubungan dengan Malaysia, malah Dr. Mahathir berkata, ada puak dalam PAP berusaha untuk membuktikan mereka lebih bersemangat Singapura daripada yang lain hingga bersikap agresif dalam kecaman mereka terhadap Malaysia.

Ekonomi Singapura sebenarnya tidak berkembang, walaupun mereka juga merayakan sambutan "Tahun Kambing". Malah, ada tanda-tanda menunjuk bahawa ekonomi Singapura semakin merundum, tumbuh negatif sehingga banyak pengangguran berlaku. Dalam beberapa kes, Dr. Mahathir berkata, ada orang yang pernah bekerja dalam sebuah bank di negara itu, terpaksa diberhentikan dan kini menjadi pemandu teksi. Secara umumnya, rakyat Singapura tidak senang dengan keadaan itu, sesuatu yang tidak pernah mereka alami sebelumnya.

"Kerana itu, kerajaan Singapura terpaksa mengalih perhatian dan menjadikan Malaysia sebagai *Scapegoat*. Mereka kini bercakap mengenai kedaulatan, harga air dan Malaysia bertindak agresif kerana masalah dalaman mereka. Tetapi MT sudah membuat keputusan, bahawa kita tidak terikut-ikut dengan rentak dan karenah mereka untuk membantu mengatasi masalah itu. Mereka boleh urus sendiri masalah mereka. Saya yakin mereka orang bijak. Kita tidak akan menjadi sasaran kempen benci mereka" kata Dr. Mahathir.

Menurut Dr. Mahathir, syarikat milik Kerajaan Singapura

juga mengalami kerugian besar menerusi pelaburan dalam syarikat seperti Enron, Virgin Airlines, New Zealand Airlines serta menerusi pelaburan mereka di China. Singapura juga mungkin kecewa kerana pemindahan operasi beberapa syarikat perkapalan yang besar seperti Maesak dan Evergreen dari republik itu ke pelabuhan di Malaysia.

Malangnya, masalah seperti itu bukanlah sesuatu yang boleh dibincang secara terbuka di Singapura, malah akhbar di republik itu juga tidak boleh melaporkannya bagi memberitahu orang ramai mengenai kerugian pelaburan berkenaan.

Dahulu apabila kes Pulau Batu Putih ditimbulkan, Singapura juga mahu menjadikan isu berkenaan sebagai landasan untuk membenci Malaysia. Mereka kyonnya beria-ia hendak membawa kes berkenaan ke Mahkamah Keadilan Antarabangsa (ICJ) dan yakin beroleh kemenangan berasaskan keputusan mahkamah berkenaan berhubung Pulau Sipadan dan Pulau Ligitan sebelumnya, tetapi kita yakin bahawa ICJ dijangka akan menyerahkan kedaulatan pulau itu kepada Malaysia dengan Singapura hanya dibenarkan mentadbir rumah api di pulau berkenaan.

Ia berdasarkan dokumen perjanjian serta peta jajahan Tanah Melayu yang mengukuhkan tuntutan Malaysia terhadap pemilikan pulau itu. Singapura mungkin dibenarkan mentadbir rumah api yang dibinanya sejak 150 tahun lalu kerana ia menjalankan pentadbiran berkesan (*effectivites*) terhadap pulau itu. Tetapi berdasarkan kepada keputusan ICJ terhadap tuntutan bertindih Pulau Ligitan dan Sipadan, mahkamah telah menolak peta penjajahan dan perjanjian yang tidak jelas yang dikemukakan dalam perbicaraan itu, lalu memberikan kedaulatan kepada Malaysia berasaskan pentadbiran berkesan kedua-dua pulau berkenaan.

Tetapi di dalam kes Pulau Batu Putih, kita tidak

menjalankan pentadbiran yang berkesan, tetapi kita ada dokumen yang jelas bagi mengukuhkan tuntutan hak milik Malaysia dan ini mampu memberi kemenangan daripada segi kedaulatan. Isu ini sebenarnya boleh diselesaikan mengikut semangat ASEAN seperti yang kita buat apabila timbulnya kes tuntutan bertindih antara Malaysia dan Indonesia berhubung kedaulatan Pulau Sipadan dan Pulau Ligitan, tetapi Singapura adakalanya menggugat kesabaran jiran ASEAN mereka dengan bertindak mengikut apa yang Dr. Mahathir anggap sebagai tindakan "Mengkambing hitamkan" Malaysia.

Berhubung dengan masalah harga air yang tidak pernah dikaji sejak kita membekalkan air ke Singapura tetapi diperbesar-besarkan oleh pemimpin dan media negara itu untuk mengganyang Malaysia, Dr. Mahathir berkata, harga air yang dibekalkan oleh Malaysia ke Singapura bukanlah masalah pokok, sebaliknya ia lebih kepada persoalan kedaulatan republik itu.

Tetapi Singapura tidak memahami bahawa soal kedaulatan itu sebenarnya adalah rekaan Menteri Luar Singapura. Siapakah yang memberi kedaulatan kepada republik itu, yang dahulunya cuma sebahagian daripada Malaysia? Oleh itu tidak ada sebab bagi Singapura memperkecilkan kedaulatannya dan tidak kena bagi mereka mengaitkan soal air dengan isu kedaulatan. Kita menjual air kepada mereka lama sebelum ini iaitu ketika penjajahan British. Tidak ada persoalan kedaulatan sama sekali dan baru hanya sekarang mereka mengaitkannya dengan kedaulatan.

Kata Dr. Mahathir, sebenarnya isu harga air tidak penting bagi mereka. Singapura mempunyai rezab AS\$88 bilion dan mereka boleh membayar jumlah yang kita minta dan jumlah itu terlalu sedikit daripada belanjawan mereka, tetapi mereka menghebohkan ini kepada rakyat mereka untuk membenci Malaysia, seolah-olah mereka tidak boleh hidup apabila mereka

terpaksa membayar harga yang kita beri berhubung dengan isu pembekalan air ke Singapura.

Kes air ini menjadi lebih buruk lagi, apabila salah sebuah akhbar di negara berkenaan melaporkan bahawa Malaysia akan menghentikan bekalan air ke republik itu selepas 2061. Sama ada ia satu kesilapan atau disengajakan untuk menimbulkan kebencian rakyat negara itu, tetapi hakikatnya, kita bukan hendak menghentikan bekalan air ke negara itu pada tahun 2061, tetapi apa yang kita hendak buat ialah menghentikan bekalan air mentah selepas tarikh itu.

Selepas tahun 2061, Malaysia hanya akan membekalkan air yang dirawat dan sudah tentu Malaysia mahukan harga lebih tinggi memandangkan kos merawat air yang agak mahal. Kita teruskan bekalan air ke Singapura, malah kita memberi jaminan kepada mereka bahawa kita akan sentiasa membekalkan air yang cukup untuk mereka minum dan mandi. Mereka tidak perlu guna proses lain hanya semata-mata untuk mendapatkan air. Tetapi bayaran mestilah berpatutan untuknya.

Dr. Mahathir menambah, Malaysia menganggap rakyat Singapura sebagai jiran, kawan, malah seperti adik beradik kerana ramai mereka sebenarnya mempunyai pertalian yang rapat dengan rakyat Malaysia. Kita tidak bergaduh dengan rakyat Singapura. (Seperti kita tidak bergaduh dengan rakyat negara jiran lain, contohnya rakyat Brunei dan Indonesia, Filipina di Sabah. Tetapi perlu ada peraturan dan undang-undang yang dipatuhi) Kita tidak berniat hendak berperang dengan mereka seperti dicadang dalam perbincangan sayap belia parti PAP di laman webnya. Kita tidak berniat hendak melucutkan hak mereka (rakyat Singapura) terhadap air, tetapi mereka perlu membayar pada harga yang kita minta dan tidak ada lagi sesuatu yang percuma dalam kehidupan manusia hari ini.

Perlu diingat, kenaikan harga air itu juga adalah selaras

dengan perjanjian sebelum ini iaitu harganya perlu dikaji selepas 25 tahun, bukan 25 tahun kemudian, kerana selepas 25 tahun juga boleh menjadi selepas 100 tahun kemudian. Oleh itu tidak timbul isu ini sebagai usaha Malaysia untuk menekan atau menjajah semula Singapura. Kita telah melepaskan Singapura dalam satu keputusan yang memang menyakitkan pada tahun 1965, tetapi kita menghormati keputusan itu.

Oleh itu sebarang tindakan negara itu hendak menjadikan Malaysia sebagai "Kambing Hitam" dalam kempen mereka untuk mengalih perhatian rakyat negara itu kepada masalah dalaman mereka hendaklah dihentikan. Singapura adalah sebuah negara yang merdeka, kita mempunyai Pesuruhjaya Tinggi di republik itu dan mereka juga mempunyai Pesuruhjaya mereka di negara kita. Jadi tidak ada jalan untuk kita menjajah mereka atau berbuat apa sahaja terhadap mereka. Malah kita mengalu-alukan rakyat dan pelabur Singapura datang ke negara ini, beli tanah dan buat perniagaan di negara kita.

Ingatlah, Singapura adalah sebuah pulau yang kecil. Dengan kedudukannya sebagai sebuah pulau yang kecil, kata Dr. Mahathir, sebarang tindakan yang ditujukan khas ke situ akan menyebabkan banyak kerosakan dan mencederakan ramai orang yang tidak bersalah.

Jadi, janganlah bercakap berkenaan dengan kecanggihan peralatan tentera dan sebagainya. Jika berlaku sebarang peperangan tidak ada jaminan untuk keharmonian, keselamatan dan kemakmuran rakyat dan negara. Sebaliknya peperangan tetap peperangan. Peperangan akan sentiasa dahagakan darah dan korban rakyat yang tidak berdosa. Apapun namanya, peperangan akan tetap membawa kemusnahan dan kehancuran harta benda yang tidak terhitung banyak dan nilainya.

## Maka ramailah yang melobi menjadi calon

*MENJADI wakil rakyat bukanlah satu keistimewaan, sebaliknya ia adalah komitmen dan tanggungjawab untuk berbakti kepada rakyat. Masanya akan tiba untuk sesiapa saja menjadi calon,*

*jika mereka sentiasa mendampingi rakyat. Tetapi janganlah menurunkan seseorang pemimpin secara paksa hanya semata-mata kerana begitu ghairah menjadi calon dan mengambil alih tempatnya.*

*Tindakan seperti ini bukan saja tidak elok, tetapi juga boleh menjahanamkan masa depan parti.*

APABILA musim pilihanraya, sama ada kita sedar atau tidak, awal-awal lagi orang akan memalu gendang. Tidak kisahlah, bunyi gendang itu seronok didengar, halus tingkahnya atau pun sumbang, tidak lagi menjadi persoalan. Apa yang penting ialah gendang mesti dipalu. Seperti melontar benda ke laut, jika untung menjadi sabut, timbulah ke permukaan air, jika untung menjadi batu, tenggelam ke dasar laut.

Ada saja individu tertentu yang awal-awal lagi melobi menjadi calon. Walaupun Ketua Perhubungan Umno yang juga Ketua Menteri Sabah, Datuk Musa Aman mengingatkan ahli parti komponen negeri ini agar menghentikan pertikaman lidah berhubung isu pencalonan, tetapi saya fikir ia tidak reda sepenuhnya.

Tiga parti komponen BN iaitu Pertubuhan Pasok Momogun Kadazandusun Murut Bersatu (UPKO), Parti Bersatu

Rakyat Sabah (PBRs) dan Parti Bersatu Sabah (PBS) sentiasa saja mengintai peluang bukan saja untuk memperkuuhkan kedudukan dengan membuat kenyataan bagi meyakinkan kedudukan dan peranan mereka di dalam BN, tetapi secara berani terus menonjolkan orang tertentu menjadi calon di sesuatu kawasan pilihan raya negeri ini.

Di Tambunan, UPKO sudah pun mengesahkan seorang calon bertanding di kawasan itu, di mana kerusi berkenaan sekarang dipegang oleh Presiden PBS, Datuk Joseph Pairin Kitingan. Apabila Pairin membidas kenyataan berkenaan dengan mengatakan ada pihak tertentu yang tidak gembira dengan kehadiran PBS di dalam BN dan parti itu pula berhasrat untuk bertanding sekurang-kurangnya 17 kerusi Dewan Undangan Negeri yang di menanginya, ia mengundang beberapa reaksi.

Setiausaha Agung PBRs, Ellron Alfred Angin, mengeluarkan kenyataan mempersoalkan asas kenyataan Pairin. Katanya, PBS belum menjadi anggota BN ketika memenangi 17 kerusi itu. Namun, PBS membalas kenyataan itu dengan berkata, ia satu kenyataan yang tidak menghormati, malah menghina kebijaksanaan pilihan rakyat Sabah. Pertikaman lidah berkenaan bagi sesetengah pihak mungkin kecil, tetapi ia menunjuk bahawa politik negeri ini sentiasa saja menjadi perhatian, malah berpotensi menjadi bara, yang pada bila-bila masa boleh menyala menjadi api.

Dengan hanya menuang sedikit minyak, ia akan membakar dan nyalanya mungkin akan membawa lebih banyak kemusnahan. Inilah yang cuba kita elakkan. Malah kita berharap sangat agar masalah pengagihan kerusi di kalangan parti-parti komponen BN ini terutama yang mewakili masyarakat Kadazandusun dan Murut dapat diselesaikan sebaik mungkin.

Malah cerita tentang kemungkinan ada anggota BN negeri cuba meletakkan calon bebas pada pilihan raya akan

datang sepatutnya tidak timbul sama sekali. Presiden PBRS, Tan Sri Joseph Kurup berkata, proses melobi kerusi memang satu perkara yang biasa di dalam BN, tetapi apabila pucuk pimpinan membuat keputusan berhubung pembahagian kerusi, maka semua parti komponen BN negeri wajar mematuhi. Semua pihak, perlu bekerjasama dan berkempen sebagai satu pasukan, membantu calon mencapai kemenangan tanpa mengira parti yang diwakili, asalkan calon itu bertanding menggunakan tiket BN.

Beliau berkata, (sedikit perbezaan pendapat) berhubung agihan kerusi tidak seharusnya dipanjangkan kerana ia memberi kesan negatif sehingga kemungkinan ada yang cuba meletak calon Bebas menentang calon BN. Perkara seumpama itu tidak wajar ditimbulkan dan semua pihak sudah pasti tidak mahu ada parti dalam komponen BN yang menaja calon Bebas, kerana adalah lebih baik dibuat perbincangan berhubung pembahagian kerusi, daripada masing-masing cuba menonjolkan individu tertentu untuk menjadi calon kerana ia boleh memberi gambaran tidak baik kepada BN. Beliau menambah, semua masalah boleh diselesaikan dalam semangat perpaduan dan kekeluargaan yang utuh di dalam BN. Tetapi jika trend ini tidak dibendung, ia akan membawa padah kepada BN dan ketidakstabilan politik negeri ini.

Kita perlu saham bahawa pelbagai usaha telah dilakukan untuk meredakan ketegangan politik negeri ini, termasuk membawa UMNO masuk ke negeri ini dan seterusnya melaksanakan sistem bergilir-gilir jawatan ketua menteri antara tiga suku kaum utama di Sabah hanya semata-mata untuk menstabilkan politik negeri ini.

Supaya dengan adanya kestabilan politik, maka kita dapat menumpu membangunkan rakyat negeri ini, kita dapat mengurangkan masalah kemiskinan yang begitu tinggi. Sebab itu kita turut membawa PBS masuk ke dalam BN supaya kita

mempunyai tunjangan politik yang kuat dan kuranglah perbalahan yang tidak sihat seperti yang pernah berlaku sebelum ini.

Tetapi nampaknya, terdapat satu senario politik di negeri ini, yang apabila kita berjaya menyelesaikan satu isu politik, maka satu isu politik lain timbul dan ia tidak lain ialah percubaan beberapa pihak atau individu ini menguji sejauh mana kekuatan pemimpin kita dalam membendung politik yang *parochial* dan sering dibayangi perbalahan kaum di negeri ini.

Malah di dalam UMNO sendiri pun, terdapat juga sedikit sebanyak usaha atau pun tindak tanduk lobi melobi ini. Sehingga Ketua Pemuda Umno Malaysia, Datuk Hishamuddin Tun Hussein, dalam satu ucapan ketika menghadiri satu majlis di Pulau Pinang berkata, individu tertentu dalam UMNO yang melobi untuk menjadi calon pada pilihan raya perlu diketepikan, kerana tindakan individu seperti ini hanya akan memberi gambaran yang tidak baik kepada parti.

Kata Datuk Seri Panglima (Dr) Haji Lajim Haji Ukin pula, UMNO tidak harus menjadi lemah hanya semata-mata kerana tindakan segelintir ahli yang begitu ghairah mendapatkan sesuatu hanya untuk dirinya. Sebaliknya UMNO perlu terus kuat, kerana UMNO ialah sebuah parti yang telah memperjuangkan kepentingan Melayu/Bumiputera dan memperjuangkan kemerdekaan negara ini daripada cengkaman penjajah.

UMNO ialah sebuah parti Melayu/Bumiputera yang terus relevan dan tidak menjadi sebuah parti yang lemah hanya semata-mata kerana tindakan pihak tertentu dalam parti yang bercakaran sesama sendiri dan berbelah kerana hendakkan jawatan atau hendak sangat menjadi calon di sesuatu kawasan.

Dahulu, tambahnya, UMNO bergerak tanpa sebarang kemudahan, tetapi hari ini UMNO telah menganugerahkan pelbagai nikmat hasil perjuangan pemimpin dan ahli parti yang

menjadikannya terus relevan dan berkuasa. Jika kuasa ini tidak dipelihara dan ahli UMNO membenarkan diri dipengaruhi perasaan tamak haloba dengan terus bercakaran sesama sendiri dan bertelagah, maka parti UMNO ini akan hancur.

Justeru, ahli UMNO di negeri ini katanya, sepatutnya mengambil ikhtibar daripada sejarah yang pernah berlaku kepada parti yang pernah berkuasa di Sabah sebelum ini. Dahulu, menurut Lajim, ada pemimpin daripada kerajaan terdahulu yang menjangka parti mereka terlalu kuat sehingga mereka menjadi angkuh, tetapi kerana ahli bertelagah, bertelingkah kerana hendakkan jawatan, maka parti akhirnya musnah dan pemimpin juga kehilangan kuasa.

Oleh itu, ahli UMNO hendaklah sentiasa berhati-hati kerana tidak mustahil UMNO akan menerima padah yang sama jika ahli hanya mengadu domba, bercakaran sesama sendiri dan tamak. Sepatutnya, kata Datuk Seri Panglima (Dr) Haji Lajim lagi, ahli UMNO perlu terus bersatu padu dan menjaga parti terbesar ini agar terus utuh dan menjadi tulang belakang kerajaan di Sabah.

Datuk Seri Panglima (Dr) Haji Lajim berkata, memang terdapat kecenderungan di kalangan ahli parti untuk berpecah belah, cepat lupa kepada jasa pemimpin terdahulu, malah sanggup menggadai masa depan parti hanya kerana hendakkan jawatan atau dipilih menjadi calon, tetapi sikap seperti ini haruslah dihindarkan. Mereka juga perlu akur dan menyerahkan kepada pucuk pimpinan parti bagi menentukan hanya mereka yang benar-benar layak dipilih menjadi calon bagi mewakili rakyat.

Menurut beliau, calon wakil rakyat di sesuatu kawasan hanya satu, tetapi sesiapa saja yang dilantik hendaklah ingat bahawa menjadi wakil rakyat bukanlah satu keistimewaan, sebaliknya ia adalah komitmen dan tanggungjawab untuk

berbakti kepada rakyat. Masanya akan tiba untuk sesiapa saja menjadi calon, jika mereka sentiasa mendampingi rakyat. Tetapi janganlah menurunkan seseorang pemimpin secara paksa hanya semata-mata kerana begitu ghairah menjadi calon dan mengambil alih tempatnya. Tindakan seperti ini bukan saja tidak elok, tetapi juga boleh menjahanamkan masa depan parti.

Apa yang perlu dibuat ialah mereka yang hendak menjadi calon hendaklah sentiasa turun padang, mendekati dan menyelesaikan masalah rakyat sepanjang masa. Bukan hanya muncul pada ketika menjelang pilihan raya. Mereka hendaklah menjadi pemimpin kepada rakyat sepanjang masa.

## Dr. Mahathir masih diperlukan

SAYA tidak pernah melihat satu suasana dimana seorang yang hendak meletak jawatan ditangisi sedemikian rupa. Masing-masing tidak mahu berganjak. Mereka mahu menunjukkan bahawa kepimpinan Dr. Mahathir amat diperlukan dan tiada tolok bandingannya.

### SELURUH negara terkejut!

Ketika Presiden Umno yang juga Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir mengumumkan perletakan jawatannya dalam parti dan Barisan Nasional, ratusan wartawan dan juru gambar berada di dalam Dewan Merdeka Pusat Dagangan Dunia Putera, mendengar dengan teliti ucapan yang di disiarkan secara langsung melalui TV ke seluruh negara itu. Tidak ada siapa yang menduga. Lebih dua ribu perwakilan dan pemerhati yang berada di dalam dewan Merdeka PWTC juga sudah bersiap sedia hendak pulang. Tidak ada tanda-tanda sesuatu yang penting akan berlaku. Mereka hanya menunggu Dr. Mahathir mengakhiri ucapan penggulungan, sebelum Pengurus Tetap Persidangan menanguhkan mesyuarat, sehingga suasana tiba-tiba berubah dengan sekilip mata.

Setiap yang berada di dalam dewan tergamam. Seolah-olah tidak percaya. Semua orang berdiri secara spontan dan amat terkejut. Seorang perwakilan yang duduk di sebelah saya, melaung-laung dan berkata "Apa ni Datuk Seri!. Apa ni Datuk Seri!". Suasana dewan menjadi riuh rendah dan hampir tidak terkawal. Di atas pentas, ahli majlis tertinggi (MT) Umno, mula mengerumuni Dr. Mahathir. Datuk Seri Rafidah yang pertama kali datang menghampiri Dr. Mahathir, memegang tangan beliau sambil berkata "No! No!. Datuk Seri tak boleh letak jawatan!".

"Why?" Datuk Hisamuddin Onn, yang berada di sebelah kiri Dr. Mahathir juga turut memegang bahu dan mententeramkan Perdana Menteri. Mikrofon di hadapan Dr. Mahathir kemudian dialihkan.

Dr. Mahathir yang kelihatan seperti seorang yang seolah-olah amat putus asa, menangis dalam suasana yang amat memilukan. Matanya merah. Dia menangis seolah-olah melepaskan segala sebak, segala keletihan dan apa juga yang terbuku dihatinya selama ini dengan tangisan itu. Dengan tersekat-sekat, Dr. Mahathir berkata *No, no, I have decided.* (Saya sudah membuat keputusan)...*I have decided...*dah lama dah..." kata beliau. Tetapi Rafidah dan Hishamuddin terus memujuknya supaya menarik balik kata-katanya. Sehinggalah semua ahli Majlis Tertinggi mengerumuninya. Tidak ketinggalan, ahli MT dari Sabah, Datuk Seri Panglima (Dr) Haji Lajim Haji Ukin mendekati Dr. Mahathir. Kemudian diikuti oleh Datuk Musa Haji Aman dan beberapa ahli MT lain. Saya diberitahu kemudian Datuk Seri Panglima (Dr) Haji Lajim sempat meminta Dr. Mahathir menarik balik perletakan jawatannya kerana Umno Sabah, masih memerlukan kepimpinannya.

Timbalan Presiden Datuk Seri Abdullah yang kelihatan masih seolah-olah tidak percaya dengan apa yang berlaku, kemudian pergi mendapatkan mikrofon Pengerusi Tetap dan dengan nada tegas berkata,"Pengerusi Tetap Umno Malaysia, izinkan saya membuat cadangan supaya meminta Datuk Seri Dr. Mahathir tarik Balik...tarik balik cadangan beliau..."kata-kata Datuk Seri Abdullah disambut oleh suara bergemuruh dan spontan daripada perwakilan yang ada di dalam dewan PWTC yang melaung-laungkan "Hidup Mahathir! Hidup Umno!".

Suasana di dalam dewan terus riuh rendah dan semakin bertambah kecoh. Wartawan dan juru gambar kemudian diminta beberapa kali agar keluar meninggalkan dewan. Tetapi tidak ada

sesiapa yang hendak meninggalkan dewan ketika itu. Pengerusi Tetap beberapa kali merayu perwakilan dan ahli MT supaya bertenang serta duduk di kerusi masing-masing. Tetapi rayuan itu tidak dihiraukan, sebaliknya perwakilan menyanyikan lagu "Umno" dan "Barisan kita" beramai-ramai. Saya melihat perwakilan wanita dan perwakilan puteri Umno menangis tanpa segan silu di dalam dewan. Semua itu berlaku di hadapan mata, sehingga saya tidak dapat menggambarkan dengan kata-kata betapa kasihnya mereka kepada Dr. Mahathir ketika itu.

Tingkah laku dan tangisan mereka seolah-olah menunjukkan Dr. Mahathir telah meninggalkan kita selama-lamanya di dunia fana ini. Sungguh menakjubkan. Sungguh mengharukan. Saya tidak pernah melihat satu suasana dimana seorang yang hendak meletak jawatan ditangisi sedemikian rupa. Masing-masing tidak mahu berganjak. Mereka mahu menunjukkan bahawa kepimpinan Dr. Mahathir amat diperlukan dan tiada tolok bandingannya.

Pengerusi Tetap, Tun Sulaiman Ninam Shah, kemudian mengumumkan bahawa keadaan di luar dewan turut semakin kecoh (dengan ramai pengunjung kelihatan menangis, berpelukan antara satu sama lain, mengibar-ngibarkan gambar Dr. Mahathir. Menjerit seperti dijangkiti hesteria dan meminta agar Dr. Mahathir menarik balik keputusannya). Kira-kira sepuluh minit, Datuk Seri Abdullah kelihatan berdiri semula dihadapan mikrofon berhamparan pintu masuk utama di sebelah kanan dewan sambil mengumumkan usul tergempar perhimpunan bahawa "MT dengan sebulat suara mahu mencadangkan untuk persetujuan semua, mahu supaya Dr. Mahathir terus memimpin parti..." diikuti oleh laungan perwakilan yang spontan dan menyokong beramai-ramai usul berkenaan.

Para perwakilan mengepal-ngepal tangan ke udara,

sambil melaungkan "Hidup Umno! Hidup Mahathir!" Tiga orang naib presiden Umno, Datuk Seri Najib Tun Razak, Tan Sri Muhyiddin Yassin, Tan Sri Muhammad Muhd. Taib, bersama-sama Setiausaha Agong Umno, Tan Sri Khalil Yaacob dan beberapa ahli MT berdiri dibelakang Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi ketika pengumuman itu dibuat. Isteri Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Siti Hasmah Mohd. Ali, kemudian kelihatan dipapah oleh beberapa orang naik ke pentas dalam usaha memujuk dan mententeramkan Dr. Mahathir. Sejurus selepas itu pengerusi tetap, Tun Sulaiman Ninam Shah kemudian dengan suara yang keras meminta ahli MT duduk di kerusi masing-masing dan mengumumkan persidangan ditangguhkan selama 10 minit bagi meredakan keadaan.

Dr. Mahathir kemudian dibawa masuk ke Bilik Perdana diikuti oleh Abdullah, tiga naib presiden, Rafidah dan Hishamuddin bagi merayu Perdana Menteri menarik balik perletakan jawatannya. Tun Sulaiman selepas itu meminta supaya pintu masuk ke dewan persidangan PWTC ditutup kerana orang ramai berebut-rebut hendak masuk bagi mengikuti perkembangan selanjutnya. Apabila orang ramai mengetahui Dr. Mahathir sudah di bawa keluar meninggalkan dewan, orang ramai kemudian memenuhi ruang di hadapan Bilik Perdana yang terletak bersebelahan Dewan Merdeka.

Di atas pentas hanya beberapa orang ahli MT yang tinggal. Masing-masing menunggu keputusan Dr. Mahathir sama ada beliau menarik balik perletakan jawatannya atau tidak. Para perwakilan yang tidak berganjak di dalam dewan pula terus menyanyikan lagu Umno dengan penuh semangat, seolah-olah mencerminkan sokongan mereka yang tidak berbelah bagi kepada parti dan Dr. Mahathir. Kira-kira 50 minit kemudian Datuk Seri Abdullah muncul semula di atas pentas dan membuat pengumuman hasil perbincangannya dengan Dr. Mahathir.

Sebaik saja Datuk Seri Abdullah mengumumkan Dr. Mahathir bersetuju untuk menarik balik perletakan jawatannya pada jam 7 malam, perwakilan yang tidak berganjak dari kerusi masing-masing serta pemerhati di luar dewan bersorak gembira. Pintu dewan yang sebelum itu ditutup telah diminta supaya dibuka semula bagi memberi laluan kepada ahli MT dan seluruh perwakilan serta pemerhati meninggalkan dewan. Ketika saya keluar daripada dewan Merdeka bersesak-sesak dengan perwakilan lain, kami disambut oleh gema takbir "Allahhu Akbar!", selawat dan pekikan "Hidup Umno! Hidup Mahathir!". Saya difahamkan kemudian Dr. Mahathir dan Datin Seri Dr. Siti Hasmah Mohd Ali meninggalkan Bilik Perdana sambil diberi kawalan ketat menuju ke kereta dan pulang ke Sri Perdana, di Putra Jaya.

Pada jam 8:00 malam satu mesyuarat tergempar Majlis Tertinggi yang dipengerusikan oleh Datuk Seri Abdullah diadakan di Tingkat 39 Menara Dato' Onn PWTC. Abdullah pada sidang media selepas mesyuarat itu kemudian mengumumkan bahawa Dr. Mahathir kekal sebagai presiden Umno. Beliau juga memberitahu media bahawa Dr. Mahathir, mahu melepaskan jawatan kerana beliau merasa Umno sudah kembali kukuh selepas menghadapi beberapa masalah sebelum itu. Dr. Mahathir juga dikatakan mahu bersara kerana sudah terlalu lama berkhidmat dalam parti.

Bagaimana pun, perkhidmatan Dr. Mahathir masih diperlukan. MT juga mengambil keputusan supaya Dr. Mahathir terus menerajui parti dan kerajaan. MT hanya mengizinkan beliau bercuti selama beberapa hari dan bertolak ke luar negara keesokannya.

Sesungguhnya reaksi daripada seluruh rakyat tanpa mengira kaum terhadap pengumuman Dr. Mahathir itu amat mengharukan. Seluruh rakyat mendoakan agar beliau terus diberi

kekuatan memimpin negara ini, beroleh hidayah dan diberi petunjuk dalam menerajui negara ini agar terus berada di landasan yang betul dalam mencapai kemajuan dan kemakmuran.

Seluruh rakyat akan memberi sokongan kepada beliau dalam mentadbir negara ini, kerana beliau seorang pemimpin yang ulung, pemimpin yang kreatif, pemimpin yang baik dan sentiasa memberikan sesuatu yang terbaik untuk rakyat dan negara ini. Beliau sentiasa patuh kepada asas perjuangannya. Beliau pemimpin yang disegani di peringkat dunia, malah, beliau seorang pemimpin yang tiada tolok banding bagi zamannya.

Oleh itu, adalah sukar bagi kita melepaskan beliau secara mengejut. Walaupun kita menghormati keputusannya, tetapi setidak-tidaknya seluruh rakyat negara ini masih lagi mengasihinya dan memerlukan kepimpinan serta perkhidmatannya.

## Mengenang Dr. Mahathir sebagai doktor

*KERJA doktor setiap hari hanya menyelesaikan masalah. Apabila seseorang berjumpa dengan doktor. Doktor harus memberitahu sesuatu mengenai penyakit yang dialami orang itu. Tetapi terlebih dahulu, doktor harus meneliti apa yang dihidapinya sebelum memberikan penawar. Ia sebenarnya sama dalam membuat semua polisi. Kita menyelesaikan masalah mengikut kaedah*

DR. MAHATHIR adalah seorang pemimpin yang pada saya, anda boleh letakkan dimana saja tempat kerana kesesuaianya. Jika anda berkata dia seorang ahli falsafah, dia mempunyai kriteria untuknya. Jika anda berkata dia seorang doktor, dia memang seorang doktor yang bertauliah. Jika anda berkata dia seorang perancang yang teliti dan penuh visi, anda tidak tersilap mengenainya. Jika anda berkata dia seorang penyiar, dia juga telah mencipta puisi-puisi indah gubahannya.

Jika anda berkata dia seorang ahli ekonomi, dia telah menunjuk kepada dunia bagaimana dia mengurus kewangan dengan cekap dan menyelamatkan negara ini daripada jatuh muflis. Jika anda berkata dia seorang Islam yang fundamentalis, dia sendiri mengakuinya dan tafsirannya terhadap Islam hari ini sepatutnya menyelamatkan dunia ini daripada kemusnahan dan kehancuran. Jika anda berkata dia seorang pemimpin, dia memang telah menunjuk bagaimana ketokohnanya, melalui saat-saat getir, membuat keputusan kontroversi yang dia tahu akhirnya

semua itu dilakukan hanya semata-mata untuk kebaikan negara ini.

Inilah karisme Perdana Menteri kita, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad, yang saya fikir tidak akan dimiliki pemimpin lain untuk beberapa tahun akan datang. Saya menyukai beliau. Saya tidak tahu sama ada ini sanjungan yang berlebihan atau sebaliknya. Tetapi yang pasti saya menyukai beliau. Beliau mungkin pemimpin yang tidak disukai pada satu ketika, kerana tindakan yang beliau lakukan, tetapi terbukti akhirnya beliau telah melakukan sesuatu yang betul. Asasnya, ialah kerana beliau melihat sesuatu itu daripada perspektif negara, bukan perspektif peribadi. Beliau tidak teragak-agak mengorbankan seorang dua yang terdekat dengan beliau sekalipun, jika itu adalah untuk kebaikan negara dan untung nasib 24 juta rakyat negara ini.

Secara peribadi, saya merasa rakyat negara ini dan seluruh dunia kehilangan beliau. Beliau adalah antara pemimpin yang bukan saja membuat banyak tindakan yang menjayakan negara ini tetapi juga meninggalkan kata-kata yang sangat berguna untuk direnung, dijadikan pedoman dan landasan berguna dalam meneruskan kehidupan. Kepada rakyat negara ini, Dr. Mahathir pernah memberi pesanan, Malaysia adalah negara kita bersama. Di sinilah kita lahir, di sinilah kita membesar, di sinilah kita mencari nafkah dan disinilah kita menghembuskan nafas yang terakhir. Baik negara ini adalah kerana kita. Buruk negara ini juga adalah kerana kita. Kita boleh memilih. Bijaklah dalam membuat pilihan kerana yang dipertarungkan adalah hidup mati kita.

Berkaitan dengan kejayaan beliau mencorak sistem kerja pengawal kerajaan di negara ini dalam era pentadbirannya, Dr. Mahathir pernah mengatakan, satu-satunya perkara yang selalu beliau fikir ialah bekerja mengikut sistem. Tetapi apabila ada

sesuatu perkara yang tidak memberi hasil seperti yang diharapkan, beliau membuat perubahan. Suatu ketika, apabila beliau dilantik menjadi Perdana Menteri, beliau pernah memperkenalkan beberapa kaedah dalam pentadbiran seperti sistem kerja, sistem fail meja, carta aliran, kerana sebelumnya semua itu tidak tersusun dan tidak direkodkan mengikut kaedahnya.

Satu-satunya buku yang dimiliki oleh pegawai kerajaan ketika itu, kata Dr. Mahathir ialah Perintah Am iaitu sesuatu yang mengatakan apa yang dia seharusnya tidak lakukan, bukannya apa yang dia harus lakukan. Oleh itu, beliau memperkenalkan carta aliran kerja. Carta aliran ini menunjuk apa yang harus dilakukan oleh pegawai kerajaan dan bagaimana mereka melakukannya. Pekerja diberitahu tentang pekerjaan mereka dan batasnya. Selepas itu ia diserahkan kepada orang seterusnya. Inilah aliran kerja yang diperkenalkan oleh beliau dan apabila mereka memahaminya, aliran kerja ternyata berterusan dan bergerak lebih pantas.

Menyentuh mengenai tindakan beliau terhadap Anwar Ibrahim yang suatu ketika menggugat kestabilan politik tanah air, Dr. Mahathir mengakui, sebenarnya ia amat berkaitan dengan langkah yang diambil bekas timbalannya itu berhubung dengan kes kemasukan IMF ke negara ini. Beliau (Anwar) ketika itu ternyata lebih cenderung mengikuti langkah-langkah yang disyorkan IMF. Beliau memulakan langkah-langkah IMF tanpa pembabitan IMF. Dr. Mahathir pernah suatu ketika memberitahu Anwar bahawa pada kadar yang telah dilakukannya, kerajaan tidak mempunyai wang untuk membayar gaji. Negara menuju kemufidan. Tidak ada perniagaan. Kerajaan tidak dapat mengutip cukai. Bilangan pinjaman tidak berbayar semakin meningkat, sementara kadar faedah pula dinaikkan.

Akhirnya, Dr. Mahathir memperkenalkan idea kawalan

mata wang. Anwar yang juga anggota jawatankuasa kecil Majlis Tindakan Ekonomi Negara (MTEN) ketika itu tidak bersetuju. Ekoran daripada ini, Dr. Mahathir terpaksa menunjuk kepada jawatankuasa kecil itu kenapa adalah silap untuk mengikuti IMF dan sebab-sebab beliau (Dr. Mahathir) perlu melakukannya dengan cara lain. Anggota jawatankuasa itu bagaimanapun mengemukakan 32 bantahan dan beliau terpaksa menjawab satu persatu bantahan itu sehingga akhirnya persetujuan dicapai.

Kata Dr. Mahathir, beliau telah memikirkan perkara itu (isu kekangan matawang) dengan mendalam. Beliau sendiri sedaya upaya memahami bagaimana mata wang diurusniagakan. Satu-satunya orang yang mempunyai pengalaman dalam perdagangan mata wang ketika itu ialah Tan Sri Nor Mohamed Yakcop. Sewaktu Dr. Mahathir berada di Buenos Aires, beliau telah memanggil Nor Mohamed Yakcop agar segera datang menemuinya. Ketika itu Tan Sri Nor Mohamed Yakcop mengetuai rombongan perniagaan di London. Sedikit demi sedikit beliau mengetahui bagaimana wang diurusniagakan dengan hanya berpindah milik, tanpa menyeberangi sempadan. Semua pengetahuannya tentang perniagaan mata wang itu kemudiannya dijelaskan kepada jawatankuasa kecil MTEN.

Tetapi hubungan Dr. Mahathir dengan Anwar menjadi semakin buruk ketika itu. Akhbar mula dapat menghidu keretakan itu, sehingga berakhir dengan pemecatan Anwar. Namun, semuanya adalah kerana beliau (Dr. Mahathir) mencintai negara ini lebih daripada segala-galanya. Dia tahu ramai yang akan mengutuk dan mencemuhnya kerana tindakannya itu. Tetapi adalah lebih mudah bagi beliau mengorbankan orang ini dan segelintir rakyat daripada mengorbankan seluruh rakyat dan negara ini.

Di sepanjang kerjayanya sebagai Perdana Menteri, Dr. Mahathir juga sebenarnya terpaksa berhadapan dengan

tanggungjawab memperkasa institusi parti dan tindakan umat Islam yang sentiasa berpecah belah kerana perbezaan ideologi politik masing-masing. Beliau sering tidak tidur nyenyak kerana Umno, begitu juga kerana umat Islam di negara ini. Sejak dahulu, (sejak Dr. Mahathir dilantik sebagai Perdana Menteri) banyak yang berlaku tentang umat Islam di Malaysia. Daripada isu sembahyang dua imam, isu Memali, isu kafir mengkafir, cubaan mengguling kerjaan dengan kekerasan dan rampasan senjata oleh ekstremis Islam sehingga kepada isu penutupan Sekolah Agama Rakyat. Semuanya kerana terdapat sentimen politik yang mengguna agama sebagai percubaan untuk menubuh kerajaan di negara ini.

Jika kita melakukan sesuatu yang nampak berunsur agama, kata Dr. Mahathir, ia sebenarnya adalah kerana didorong oleh keperluan untuk menunjukkan cara yang betul, ( tetapi kenapa ini tidak boleh diterima oleh segelintir rakyat?) Dalam isu penutupan Sekolah Agama Rakyat (SAR) misalnya, kata Dr. Mahathir, kerajaan telah beritahu penutupan itu adalah kerana kita sudah ada sekolah yang memberi ajaran agama yang sebenar di sekolah yang dibina kerajaan. Sekolah ini bukan mengajar kanak-kanak membenci orang Islam lain. (Kenapa tidak mahu masukkan anak-anak ke sekolah seperti ini?) Kerajaan bukan anti agama. Malah kerajaan istihar negara ini sebagai negara Islam. Oleh itu adalah amat jelas bahawa pihak yang mempertikai keputusan kerajaan ini, tidak lain, tidak bukan ialah kerana mereka mempunyai motif politik.

Terdapat juga tafsiran yang tidak begitu betul dikalangan masyarakat Islam yang menurut Dr. Mahathir banyak menjelaskan imej umat Islam hari ini. Misalnya, buat beberapa lama, tumpuan umat Islam ialah kepada fardu ain, yang mana itu adalah untuk kepentingan diri sendiri dan bukan untuk kepentingan masyarakat. Kepentingan masyarakat dianggap

sebagai tidak penting. Sebab itu, untuk sekian lama tidak ada ajaran tentang fardu kifayah. Bahkan fardu kifayah hanya dikaitkan dengan sembahyang mayat. Untuk ini sahaja. Sumbangan yang lain daripada segi fardu kifayah diketepikan.

Umat Islam juga banyak melebihkan upacara atau simbol lebih daripada tujuan. Kata Dr. Mahathir, sehingga apabila hendak mengambil wuduk, mereka bukan utamakan kebersihan. Yang mereka utamakan ialah wuduk mesti dikerjakan. Tempat yang tak bersih pun tak apa. Itulah anggapan umat Islam, sedangkan wuduk itu bermakna kita hendak membersihkan diri apabila hendak menghadap Tuhan. Kita mesti bersih dan berpakaian juga bersih. Bagaimana kita boleh menghadap raja dengan pakaian yang cantik, tetapi berpakaian tak seperti itu ketika menghadap Tuhan?.

Apapun, akhir daripada semua ini, marilah kita mengenang Dr. Mahathir sebagai seorang Doktor. Kerana disiplin kedoktoran yang beliau pegang itulah yang akhirnya menjayakan beliau, malah menjayakan rakyat dan negara ini di sepanjang penglibatan politik dan kepimpinannya di negara ini. Ia adalah kerana seorang doktor harus membuat diagnosis terlebih dahulu sebelum membuat rawatan dan mencari penawar kepada pesakitnya.

"Kerja doktor setiap hari hanya menyelesaikan masalah. Apabila seseorang berjumpa dengan kita. Kita harus memberitahu sesuatu mengenai penyakit yang dialaminya. Tetapi terlebih dahulu, kita harus meneliti apa yang dia hidapi sebelum memberikannya penawar. Ia sebenarnya sama dalam membuat semua polisi. Kita menyelesaikan masalah mengikut kaedah" kata Dr. Mahathir Mohamad.

## Datuk Musa dilantik menjadi Ketua Menteri

*JIKA sistem ini masih berjalan untuk jangka masa sepuluh atau dua puluh tahun akan datang, tidak akan ada lebih banyak kilang industri yang dapat dibangunkan di negeri ini untuk memberi atau menyediakan peluang pekerjaan yang lebih banyak kepada generasi muda negeri ini. Kerana kerajaan kita hanya memikir untuk menukar ketua menteri yang menggusarkan pemikiran para pelabur asing. Pada ketika itulah kita wajar berterima kasih diatas segala kutukan mereka terhadap kita, kerana kita telah berjaya menyediakan begitu banyak peluang pengangguran kepada mereka.*

DATUK Musa Aman akhirnya telah diberi mandat untuk menggantikan Datuk Chong Kah Kiat sebagai Ketua Menteri Sabah yang ke 14 di bawah sistem penggiliran ketua menteri yang unik di negeri ini. Tidak mengapa kita memecah sedikit tradisi dengan melantik seseorang untuk memangku jawatan ketua menteri, bukan daripada kalangan salah seorang daripada tiga timbalan ketua menteri dalam kabinet Chong semasa beliau bercuti, sebaliknya kita memilih seorang jemaah menteri biasa, tetapi inilah hakikat yang perlu kita terima.

Kita telah memperakukkan politik seperti ini di Sabah sekurang-kurang dalam jangka masa hampir dua penggal pentadbiran BN di negeri dan kita memang tidak ada sebarang bantahan mengenainya, kerana kita semua adalah rakyat yang setia dan amat patuh. Kita tidak mahu berlaku huru hara kerana

kita bercakaran sesama sendiri. Kita hanya bersetuju dengan sesiapa saja yang hendak diletakkan sebagai ketua menteri, kerana ia adalah untuk kebaikan negeri ini dan demi kestabilan politik rakyat pelbagai kaum negeri ini.

Tetapi sudah tentu kita tidak mahu sistem seperti ini berlaku di Malaysia. Saya tidak dapat membayangkan apa yang akan berlaku jika semasa Dr. Mahathir bercuti sekarang, tiba-tiba beliau mengumumkan bahawa yang akan memangku jawatan Perdana Menteri adalah Dr. Jamaludin Jarjis. Bukan soal perasaan Datuk Seri Abdullah Badawi sebagai orang nombor dua negara terguris berikutan keputusan itu, tetapi soal politik negara. Soal herarki kepimpinan negara. Soal hala tuju rakyat dan negara.

Sudah pasti kita bertanya dimana hala tuju negara jika sistem yang diterimapakai di Sabah ini dilaksanakan di Malaysia. Saya tidak dapat membayangkannya, tetapi gambaran awal saya ialah sudah pasti akan berlaku perbelahan di kalangan pemimpin negara ini. Akan ada saja pemimpin yang tidak berpuas hati atau bercakaran sesama sendiri. Tetapi di Sabah ia adalah persoalan yang lain. Terdapat sedikit pengecualian kerana kita berfikir untuk memberi peluang kepada semua orang, semua kaum dan semua ketua parti komponen BN untuk menjadi ketua menteri.

Memang benar bahawa dalam politik apa saja boleh berlaku. *Politics is the art of possible*. Politik ialah satu fenomena yang serba mungkin dan tidak ada yang mustahil. Politik ialah satu plot kehidupan yang tidak konvensional, kerana perjalanan ceritanya tidak boleh diduga sejak dari awal lagi. Tetapi di Sabah sejak tahun 1994 hakikat itulah yang sebenarnya mewarnai wajah politik kita. Pilihanraya hanya jambatan untuk menentukan kerajaan, tetapi siapa yang bakal mengetuai kerajaan bukan lagi terletak di tangan rakyat, walaupun kita berkata kita mengguna sistem demokrasi dalam menubuh kerajaan di negeri ini.

Tetapi sama ada sedar atau tidak, inilah satu sistem yang membuatkan pemimpin lebih menumpu kepada survival politik jauh lebih penting daripada usaha untuk merancang memulih ekonomi negeri ini. Jika sistem ini masih berjalan untuk jangka masa sepuluh atau dua puluh tahun akan datang, tidak akan ada lebih banyak kilang industri yang dapat dibangunkan di negeri ini untuk memberi atau menyediakan peluang pekerjaan yang lebih banyak kepada generasi muda negeri ini. Kerana kerajaan kita hanya memikir untuk menukar ketua menteri yang mengusarkan pemikiran para pelabur asing. Pada ketika itulah kita wajar berterima kasih diatas segala kutukan mereka terhadap kita, kerana kita telah berjaya menyediakan begitu banyak peluang pengangguran kepada mereka.

Seperkara lagi yang saya fikir tidak dinafi boleh berlaku berikutan pelaksanaan sistem ini ialah pengesahan ungkapan dalam politik yang mengatakan "Dalam politik tidak ada rakan atau musuh yang kekal, yang kekal ialah kepentingan. Maksudnya, kita tidak boleh menduga apa yang akan berlaku dengan rakan politik kita hari ini dan esok hari. Ada rakan yang mungkin baik hari ini tetapi akan menjadi musuh yang ketat esok hari, begitu juga sebaliknya. Dalam erti kata lain, tidak ada ukuran jelas tentang sistem norma politik di Sabah sekarang. Apa saja boleh berlaku, walaupun ia tidak mengikut kebiasaan. Ini bersesuaian dengan pendapat F.G Bailey dalam bukunya *Stratagems and Spoils: A social Anthropology of Politics* (1970) bahawa apa saja boleh berlaku dalam politik. Tidak ada jaminan mutlak dalam politik bahawa segala tindakan dan keputusan yang kita buat tidak akan melanggar sistem norma, undang-undang dan peraturan yang sebelumnya telah kita persetujui bersama.

Tetapi Datuk Musa Aman memang mempunyai sesuatu yang orang lain tidak ada untuk menempatkannya sebagai salah seorang pemimpin unggul di negeri ini. Sebelum menjadi

menteri, beliau salah seorang tokoh korporat yang berjaya dan di dalam politik beliau menepati kata-kata *Sun Tzu* yang berkata "*Treat your men kindly but keep strict control over them to ensure victory*". Datuk Musa mempunyai strategi yang amat menarik untuk dianalisis dan strategi inilah yang menjadikan beliau amat menonjol sehingga menjadi (pada peringkat awal) Ketua Badan Perhubungan Umno Negeri dan akhirnya menjadi Ketua Menteri Sabah.

Sudah tentu beliau memerlukan sokongan pelbagai pihak untuk menjadikannya sebagai ketua menteri yang berkesan di negeri ini dan setakat ini ramai pemimpin negeri telah berikrar untuk memberikan sokongan tidak berbelah bagi kepada beliau. Beberapa pemimpin yang diwar-warkan akan menjadi ketua menteri sebelum ini juga turut memberi sokongan kepada beliau, sekaligus menamatkan spekulasi kononnya ada kalangan pemimpin negeri ini yang tidak merasa senang dengan perlantikan Muša.

Datuk Seri Panglima (Dr) Haji Lajim Haji Ukin berkata, sebagai ahli parti kita akan mematuhi keputusan yang telah dibuat oleh Presiden Umno, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad dalam memilih ketua menteri baru negeri ini. Dengan itu, sebagai anggota Ahli Majlis Tertinggi Umno dan Ketua Umno Bahagian Beaufort, beliau menyokong Musa sebagai Ketua Menteri baru. Sarhbil menafikan sama sekali bahawa beliau ada melobi bagi jawatan tersebut. Datuk Seri Panglima (Dr) Haji Lajim berkata, jawatan berkenaan hanya satu dan beliau mengetahui tanggungjawab berat yang perlu dipikul jika terpilih memegang jawatan berkenaan.

Datuk Seri Panglima (Dr) Haji Lajim menegaskan, pada 3 Mac lepas, sebelum pengumuman perlatihan Musa dibuat oleh Perdana Menteri sejurus berlepas ke Doha, beliau sebenarnya telah bertemu dengan Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri

Abdullah Ahmad Badawi, di Putra Jaya bagi memaklumkan kepada beliau (Datuk Seri Abdullah) bahawa beliau (Datuk Seri Panglima (Dr) Haji Lajim) bersetuju menerima dan berikrar memberi kerjasama penuh kepada sesiapa saja yang akan diumumkan sebagai Ketua Menteri baru di Sabah.

"Jadi keputusan telah dibuat, semua pihak harus patuh kepada apa yang telah diputuskan oleh kepimpinan tertinggi. Walaupun banyak nama yang disebut sebelumnya, termasuk Datuk Seri Panglima Salleh Tun Said. Datuk Ghapur Salleh, Datuk Hajiji Mohd. Nor dan Datuk Rahim Ismail, tetapi pilihan telah dibuat" katanya.

Menurut Datuk Seri Panglima (Dr) Haji Lajim, Datuk Musa mempunyai pengalaman mencukupi bukan saja dalam bidang politik tetapi juga sebagai pemimpin korporat yang dihormati dan beliau yakin Musa akan menjalankan tanggungjawabnya secara berkesan dengan sokongan semua pemimpin BN terutama di peringkat negeri. Beliau turut menyeru semua pihak khususnya ahli Umno serta parti komponen BN negeri ini memberi sokongan tidak berbelah bagi kepada Musa supaya Sabah terus menikmati pembangunan dan keperluan rakyatnya, terutama di kawasan luar bandar dapat dipenuhi di bawah kepimpinannya.

"Kita perlu bekerja keras untuk memastikan rakyat negeri ini mendapat perhatian serius daripada kerajaan Negeri dan juga Persekutuan" katanya.

Sesungguhnya, jawatan Ketua Menteri yang memihak kepada Datuk Musa kali ini datang bersama tanggungjawab dan bukannya kuasa semata-mata. Tanggungjawab bermakna kita lebih memberi perhatian kepada tindakan-tindakan yang boleh membawa kestabilan politik serta pembangunan yang berterusan kepada rakyat dan negeri ini. Kita seharusnya tidak memberi perhatian yang lebih kepada kuasa atau *Power*, kerana dikhuatir ia akan membawa implikasi tidak baik kepada kestabilan politik, sehingga segala usaha untuk membawa kemajuan dan kemakmuran rakyat tergendala dan tidak terlaksana dengan jayanya.

## Mejangkau masa depan PBRS yang berliku

*SEKARANG ialah masa yang sesuai bagi semua peringkat dan golongan masyarakat di negeri ini memberi keutamaan kepada kestabilan politik, kerana ia mampu membawa kejayaan kepada rakyat dan negeri ini. Ia mampu melicinkan segala usaha kerajaan melaksanakan program pembangunan dan mengurangkan masalah kemiskinan.*

SAYA masih ingat sebaik-baik saja Parti Bersatu Sabah (PBS) diterima semula masuk ke pangkuhan Barisan Nasional (BN) pada 23 Januari 2002. Presiden parti itu Datuk Joseph Pairin Kitingan berkata, keputusan menerima semula PBS ke dalam BN menjadi titik permulaan kepada hubungan yang lebih baik antara Sabah dan Kerajaan Persekutuan. Sudah tiba masanya, kata Pairin, bagi rakyat Sabah berganding bahu dan sama-sama memberi tumpuan bukan saja kepada pembangunan infrastruktur tetapi juga menyelesaikan masalah kemiskinan penduduk luar bandar dan masalah sosial lain berkaitan pengagihan kekayaan dan pendapatan yang tidak sama rata di negeri ini.

Katanya, anggota PBS akan berusaha bersungguh-sungguh dalam membuktikan komitmen patriotik mereka sebagai rakyat Malaysia dan sebagai pemimpin dalam sebuah parti yang menganggotai BN. Beliau berjanji bahawa beliau tidak akan mengulangi peristiwa PBS keluar daripada BN yang dianggap oleh banyak pihak sebagai tindakan menikam BN dari

belakang dalam satu peristiwa yang mendadak dan amat mengejutkan menjelang pilihan raya umum 1990.

Ramai pihak yang melihat tindakan PBS itu sebagai mengurangkan ketegangan politik yang berlaku di negeri ini sejak beberapa dekad dan malah membolehkan kerajaan memberi tumpuan yang baik kepada soal pembangunan negeri ini. Tetapi nampaknya hal sedemikian tidak menjadi kenyataan. Hanya seminggu selepas bergembira dengan kepulangan semula PBS ke pangkuhan BN, kita dikejutkan pula dengan berita Datuk Dr. Jeffery Kitingan digantung keanggotaannya dan dilarang menghadiri Kongres Tahunan Perwakilan Parti Bersatu Rakyat Sabah (PBRS) ke tujuh yang telah diadakan di salah sebuah hotel terkemuka di Kota Kinabalu.

Tetapi Datuk Dr. Jeffery hadir pada kongres itu, kerana mendakwa penggantungan keanggotaannya sebagai tidak sah dan Kurup menurutnya, telah menyalahgunakan kuasa, tidak demokrasi dan hanya menghalangnya daripada bertanding merebut jawatan presiden pada pemilihan parti itu. Dr. Jeffery kemudian dipilih sebagai Presiden parti yang baru pada 29 Januari, hari kedua kongres diadakan. Namun, sehari selepas itu Tan Sri Joseph Kurup pula yang sebelum itu merupakan Presiden PBRS, telah dilantik semula sebagai Presiden oleh penyokongnya. Sejak itu PBRS mempunyai dua presiden, dua barisan Majlis Tertinggi (MT) dan dua pejabat yang ditadbir oleh dua pemimpin berasingan.

Ketua Menteri, Datuk Chong Kah Kiat kemudian menyarankan agar parti itu mencari penyelesaian terbaik bagi mengatasi masalah dalaman mereka. Tetapi ia tidak mendatangkan kesan, kerana masing-masing mendakwa tindakan yang mereka lakukan sebagai mengikut perlembagaan parti dan mengikut landas-landas demokrasi. Chong juga telah mengadakan pertemuan berasingan dengan Kurup, Dr. Jeffery

dan lima Adun yang sebelumnya menyokong Kurup dan kemudian mengambil pendirian untuk berkecuali dengan harapan dapat mempertemukan kedua-dua pemimpin yang berdiri di belakang tabir krisis PBRS itu. Chong sekali lagi menyarankan agar kompromi diberi tempat sewajarnya bagi menyelesaikan krisis PBRS. Tetapi nasihat ketua menteri yang juga Pengerusi BN negeri itu tidak dihormati, tidak didengar dan tidak dihiraukan, malah ia berlalu seperti angin.

Beberapa hari selepas mesyuarat atau kongres yang penuh kontroversi itu, kedua-dua pihak kemudian menghantar laporan masing-masing kepada Pejabat Pendaftar Pertubuhan (ROS) mengenai perjalanan mesyuarat masing-masing dan meminta ROS menentukan kesahihan antara dua mesyuarat berkenaan. Apabila kemudiannya Pendaftar Pertubuhan Datuk Ismail Dollah Harun mengumumkan pada 23 Mac lalu bahawa Kurup adalah presiden parti itu yang sah mengikut perlombagaan selepas badan itu meneliti laporan yang dikemukakan oleh kedua-dua pihak, ia menimbulkan bantahan daripada kem Dr. Jeffery.

Dr. Jeffery kemudian meminta ROS mengkaji semula keputusan berkenaan kerana beliau berkata, keputusan itu mendapat bantahan daripada majoriti ahli PBRS yang percaya bahawa kuasa menentukan kepimpinan parti adalah di tangan perwakilan dan anggota PBRS dan bukan diputuskan oleh pihak ketiga.

Dr. Jeffery juga berkata, dalam urusan parti ROS sepatutnya hanya boleh campurtangan dalam dua keadaan iaitu pengeluaran surat tunjuk sebab mengikut seksyen 16 Akta Pertubuhan jika ada kontroversi dan mengikut seksyen 40 Akta yang sama apabila diminta oleh pihak-pihak dalam parti untuk campurtangan.

Krisis PBRS sesungguhnya menunjukkan seolah-olah ketegangan sentiasa berlaku dalam politik Sabah. Walaupun PBS

telah menyertai BN dan ramai penganalisis politik mengatakan sebagai mengurangkan keghairahan berpolitik dalam scenario politik negeri ini, tetapi tiba-tiba saja kita dikejutkan dengan perkembangan terbaru yang berlaku dalam PBRS. Tiba-tiba saja nama PBRS menjadi begitu popular.

Selepas Kongres Tahunan Perwakilan parti itu yang kecoh dan mendapat liputan media tempatan dan kebangsaan, setiap rakyat negeri ini bertanya, apa yang telah berlaku kepada PBRS. Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Badawi ketika itu telah meminta Dr. Jeffery menerima ROS dan akur kepada pemilihan Kurup sebagai presiden parti, tetapi Dr. Jeffery membayangkan kemungkinan untuk membawa perkara itu ke mahkamah.

Menurut Jeffery walau apapun keputusan ROS, krisis kepimpinan PBRS belum berakhir dalam erti kata sebenar sehinggalah majoriti perwakilan membuat keputusan pada mesyuarat agung luar biasa (EGM) parti itu. Namun, bagi Dr. Jeffery ia memang menyentuh soal perjuangan survival politiknya. Begitu juga dengan Kurup. Tidak ada soal lain.

Suatu ketika, Dr. Jeffery cuba berlembut dan menyetujui cadangan supaya diadakan pemilihan semula secara demokrasi, tetapi tindakan sedemikian seolah-olah tidak wujud dalam kamus politik Datuk Joseph Kurup. Beliau bertegas tidak mahu mengadakan kongres serta pemilihan ulangan dan beliau mahu menjelaskan bahawa pemilihan beliau sebagai presiden pada 30 Mac itu sebagai sah dan tidak bertentangan dengan perlombagaan parti.

Tetapi, kita sentiasa mengharapkan suasana politik yang sihat di negeri ini. Seperti yang disarankan oleh banyak pihak, sekarang ialah masa yang sesuai bagi semua peringkat dan golongan masyarakat di negeri ini memberi keutamaan kepada kestabilan politik, kerana ia mampu membawa kejayaan kepada

rakyat dan negeri ini. Ia mampu melicinkan segala usaha kerajaan melaksanakan program pembangunan dan mengurangkan masalah kemiskinan di negeri ini.

Memang benar bahawa kita sudah membuka satu lembaran baru politik dengan kemasukan semula PBS ke dalam BN. Kita harap ia adalah satu pengajaran berguna dalam usaha kita membawa perubahan kepada rakyat dan negeri ini. Memang benar tumpuan sepatutnya difokuskan kepada soal pembangunan dan bukan titik bengik politik, seperti apa yang berlaku dalam krisis PBRS, tetapi kitalah yang akan menentukan sama ada ia dapat dicapai atau tidak. Jika kita tidak hendak mengikut jalan ini, kita boleh memilih jalan lain yang bersimpang siur dan berliku, tetapi kita juga yang perlu bersedia menerima risiko dan bersedia membayar harga yang mahal untuknya.

## Sabah dataran kekuatan Melayu

KINI kehadiran UMNO seolah-olah memberi cahaya baru kepada rakyat Sabah bukan saja di segi pembangunan, tetapi juga kestabilan politik negara ini. Sabah dianggap sebagai lubuk kekuatan bangsa

Melayu pada ketika sebahagian besar masyarakat Melayu di semenanjung berpecah bersikap parochial dan tidak lagi dapat melihat dengan waras apa yang baik untuk bangsa dan negaranya.

SAYA mengucapkan tahniah kepada Datuk Sapawi Haji Ahmad dan Majlis Bahasa dan Sastera Sabah (MBSS) kerana telah berjaya menganjurkan majlis Malam Tinta Emas yang majlis perasmianya telah disempurnakan oleh Yang Amat Berhormat Ketua Menteri, Datuk Musa Aman, di salah sebuah hotel terkemuka di Kota Kinabalu.

Bagi saya yang sudah agak jarang menghadiri acara sastera sebelumnya, majlis itu sudah tentu amat bermakna, pertama, kerana saya berkesempatan berjumpa dengan sahabat penulis yang sudah jarang ditemui sama ada di Sabah atau di peringkat kebangsaan. Kedua, kerana kagum melihat usaha pelbagai pihak terutama kepimpinan MBSS dalam membawa atau meletakkan martabat sastera Melayu negeri ini di tempat yang sewajarnya di tengah-tengah masyarakat dan arus perdana negara.

Ketiga kerana terharu melihat kesediaan Yang Amat Berhormat Ketua Menteri, Datuk Musa Aman turun ke bawah, melihat dan mendengar sendiri hasrat golongan penulis/sasterawan untuk bersama-sama kerajaan dalam

membangunkan serta membina sahsiah rakyat melalui gerakan bahasa dan sastera yang berkesan.

Memang ternampak jelas bahawa golongan penulis/sasterawan mempunyai peranan tersendiri dalam membantu membangunkan rakyat negeri ini, setidak-tidaknya melalui penghasilan karya yang bermutu dan bersfaedah kepada masyarakat. Kerana perlu diingat bahawa golongan penulis/sasterawan juga adalah golongan pemikir, yang begitu peka terhadap perkembangan yang berlaku di sekeliling. Malah mereka mempunyai pandangan yang tajam terhadap sesuatu isu, termasuk berkaitan dengan isu sosial dan politik negara.

Oleh kerana Ketua Satu Gabungan Penulis Nasional (GAPENA), Tan Sri Ismail Hussein seorang aktivis bahasa dan sastera yang terkenal di rantau Melayu yang juga seorang tokoh akademik dan pemikir yang ulung, yang bersama-sama saya bercerita panjang mengenai negeri Sabah sebagai dataran kekuatan Melayu baru, di bawah Umno sekarang. Maka saya terpanggil untuk menulis isu berkenaan.

Kebetulan sehari selepas itu saya turut berada di ibu negara, mengiringi Timbalan Ketua Menteri, Datuk Seri Panglima (Dr) Haji Lajim Haji Ukin menghadiri satu upacara gilang gemilang sempena sambutan ulang tahun UMNO ke 57 di stadium negara, yang menggerakkan lagi minda saya menulis mengenai Sabah sebagai dataran kekuatan Melayu.

Apabila UMNO mengembangkan sayapnya ke Sabah pada awal tahun 1990-an, pada mulanya ia tidak begitu dialukan kerana terdapat sedikit andaian daripada rakyat negeri ini bahawa kehadiran UMNO ketika itu dilihat sebagai pelengkap kepada pejajahan domestik yang dibuat oleh Semenanjung terhadap negeri ini. Banyak sangat perkara yang diungkit oleh rakyat Sabah ketika itu antaranya ialah isu 20 perkara, dasar-dasar kerajaan persekutuan di Sabah termasuk anggapan bahawa

rakyat Sabah tidak berkeupayaan dilantik untuk mentadbir dan menjadi pegawai-pegawai kerajaan di agensi jabatan persekutuan di negeri ini.

Semenanjung ketika itu dikatakan terlalu banyak mengeksport tenaga kerja pelbagai peringkat untuk mengetuai, mentadbir dan bekerja dalam agensi kerajaan di negeri ini, sehingga ia menimbulkan pelbagai prasangka di kalangan rakyat Sabah terutama tentang hak mereka. Malah ada yang mempersoalkan, adakah rakyat Sabah masih begitu ketinggalan di segi pendidikan ketika itu sehingga mereka tidak berkelayakan untuk menjawat jawatan tinggi kerajaan di negeri ini. Masalah integrasi nasional dan semangat kenegerian yang tebal begitu serius, sehingga UMNO hampir ditolak oleh rakyat Sabah.

Tetapi keadaan itu ternyata berubah. Kini kehadiran UMNO scolah-olah memberi cahaya baru kepada rakyat Sabah bukan saja di segi pembangunan, tetapi juga kestabilan politik negara ini. Sabah kini dianggap sebagai lubuk kekuatan bangsa Melayu pada ketika sebahagian besar Melayu di semenanjung berpecah, bersikap parochial dan tidak lagi dapat melihat dengan waras apa yang baik untuk bangsa dan negaranya. Jika mereka (orang Melayu ini) menjadi pengikut PAS mereka ini tidak lagi dapat menerima apa yang ada diluar ideologi politik parti itu sehingga pada satu tahap ahli parti ini mengkhafirkan ahli Umno dan sembahyang dengan tidak mahu berimamkan orang UMNO. Timbulah isu sembahyang jumaat dua imam dalam satu masjid yang berlaku di beberapa negeri di Semenanjung.

Pendek kata pertelagahan sentiasa berlaku, yang berkaitan dengan pelbagai isu, termasuk isu hukum hudud dan Sekolah Agama Rakyat (SAR). Kerajaan dan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad sudah berkali-kali menegaskan bahawa isu SAR sepatutnya tidak dipolitikkan, kerana ternampak SAR ini digunakan oleh pihak tertentu yang

terdiri daripada kalangan orang Melayu sendiri untuk menyemai kebencian terhadap kerajaan. Tetapi parti pembangkang memepertikaikan keputusan kerajaan itu sambil menegaskan bahawa kerajaan yang kita ada ini tidak Islam dan kita menyekat penyebaran Islam, malah kita dikatakan hendak menghapuskan pendidikan agama Islam di negara ini.

Adakah benar kerajaan kita menyekat penyebaran dan pendidikan agama Islam di negara ini? Saya fikir tidak begitu, malah kerajaan kita dikatakan tidak menjadi begitu zalim atau menjadi begitu jumud sehingga sanggup bertindak menindas dan menganiaya orang Islam. Kerajaan kita tidak benarkan sebarang kewujudan parti Islam pun jika sekiranya kita menentang penyebaran Islam .Tetapi kita berbuat demikian. Malah kita beri kebebasan untuk parti Islam ini ditubuh, malah berkuasa di Kelantan dan Terengganu.

Kita hanya memberi ruang kepada demokrasi dan kita percaya kepada demokrasi yang kita amalkan sejak kita mencapai kemerdekaan ini daripada penjajah. Kita tidak halang orang Melayu bergerak dengan mempergunakan Islam bagi kepentingan politik mereka. Sebaliknya, apa yang kita buat ialah memastikan pendidikan negara ini lebih teratur dan sistematik. Supaya dengannya kita dapat membentuk kestabilan dan keamanan politik untuk jangka panjang. Kita menyelaras pendidikan kebangsaan supaya kita tidak melahirkan generasi muda yang mempunyai sikap prejedis yang keterlaluan terhadap pemimpin dan kerajaan. Ini saja yang hendak kita buat apabila memutuskan untuk menutup SAR. Tetapi ia menjadi isu politik sehingga kita nampak Tanah Melayu yang suatu ketika dahulu dianggap sebagai lubuk kekuatan umat Melayu, hari ini semakin goyah dan bila-bila masa akan hancur kerana persengketaan dan perbelahan yang tiada hujung di antara mereka.

Bagi UMNO ini adalah cabaran yang amat besar untuk

diatasi. Dalam usia yang sudah menjangkau 57 tahun parti ini masih berhadapan dengan masalah untuk mengukuhkan kekuatan Melayu bukan saja dalam konteks parti, tetapi juga di luar institusi parti itu. Umno terpaksa menghadapi pelbagai cabaran, pergolakan, rasa tidak puas hati dan kritikan orang Melayu terhadap parti dan kerajaan. UMNO pernah mengalami ujian besar termasuk diharamkan pada tahun 1987 dan kemudian pemecatan orang nombor dua dalam parti itu pada tahun 1997 sehingga wujud parti serpihan SEMANGAT 46 dan juga parti KEADILAN.

Kedua-dua parti ini suatu ketika pernah menguji kekuatan UMNO dan orang Melayu terutama pada pilihan raya umum 1990 dan 1999. Pada tahun 1999 KEADILAN telah memberi cabaran yang sungguh sengit di beberapa buah negeri dan turut membantu kemenangan PAS dan kejatuhan kerajaan BN di Terengganu. KEADILAN dan PAS hampir menguasai beberapa buah negeri lain berikutan perpecahan orang Melayu di seluruh Semenanjung, kecuali Johor. Tetapi sama ada kita percaya atau tidak, orang Melayu di semenanjung Tanah Melayu telah melalui proses perubahan yang amat drastik. Senario ini sedikit sebanyak telah memberi gambaran bahawa kekuatan orang Melayu sudah mula tercabar dan ibarat bara api, ia pada bila-bila masa saja boleh menyala menjadi kepulan api yang amat dahsyat dan mampu memberi kemusnahan amat besar kepada umat Melayu. Jika tidak ditangani dengan bijaksana, dikhuatiri ia boleh menggugat kestabilan politik dan keamanan negara ini.

Namun, senario ini berlaku di Semenanjung. Sebaliknya rakyat Sabah hari ini boleh berbangga kerana kita diiktiraf sebagai dataran kekuatan Melayu di negara ini. Di segi politik, misalnya, tunjangan orang Melayu dan sokongan mereka terhadap UMNO dapat dirasakan amat padu, sehingga kita yakin bahawa parti ini boleh menang dengan cemerlang pada pilihan raya akan

datang. Rekod Umno dan orang Melayu di Sabah setakat ini agak baik dan dianggap sebagai negeri yang mempunyai rekod kedua terbaik selepas Johor.

Jika momentum ini dapat dikekalkan dan kita dapat menjana semangat perpaduan yang lebih kental, saya percaya, Sabah akan memberi sumbangan besar kepada keutuhan dan kestabilan politik negara ini. Sama ada kita percaya atau tidak, peranan kita (rakyat negeri ini) bukanlah kecil dalam menentukan kestabilan politik nasional yang berhadapan dengan masalah perpecahan umat Melayu, gerakan pembangkang yang agresif, cabaran globalisasi dan ancaman lebih kompleks sama ada dari dalam atau dari luar negara.

## Mustajabnya perpaduan

*PERSAMAAN di sisi undang-undang sahaja sebenarnya tidak mencukupi. Sebaliknya persamaan yang baik ialah persamaan di dalam kehidupan dan juga tanggungjawab.*

MEMANDANGKAN masalah perpaduan menjadi satu agenda penting yang sering diperkatakan oleh pemimpin di mana saja dalam negara kita, maka saya mengambil kesempatan untuk menulis mengenai isu berkenaan dalam tulisan ini.

Perpaduan seringkali dikaitkan dengan keperihalan menggabungkan bahagian-bahagian tertentu menjadi satu kesatuan yang lengkap atau dalam istilah bahasa Inggeris disebut *becoming part of a larger group* atau *causing to become part of larger group* atau *combing into a whole*, dimana akhirnya ia mengarah kepada satu bentuk kesefahaman, kerjasama antara individu dengan individu yang lain, antara satu kelompok masyarakat dengan satu kelompok masyarakat lain sehingga menjadi satu kumpulan besar, yang mempunyai jati diri, bermaruah dan mampu membina ketamadunannya.

Di negara kita, usaha memperkasa perpaduan sudah ditekankan seawal kita mencapai kemerdekaan daripada penjajah. Apabila Inggeris melahirkan keraguan tentang keupayaan kita memerintah dan mempertahankan negara, yang mereka jangka akan hancur kerana sengketa dan perbelahan yang berlaku di kalangan rakyat, pemimpin yang terdahulu rupanya telah merangka pelbagai dasar bagi mempastikan semua kaum di negara ini hidup dalam suasana aman, harmoni, bersatu padu

dan saling bekerjasama di antara satu sama lain.

Memang berlaku sedikit kejutan apabila tercetus peristiwa rusuhan kaum pada 13 mei 1969. Ketika itu, ramai yang berpendapat rusuhan itu berlaku antara lain ialah kerana ketiadaan keharmonian yang tulen di kalangan rakyat berbilang kaum negara ini. Ada yang berpendapat ia adalah akibat sistem "Pecah dan Perintah" penjajah Inggeris di Tanah Melayu. Tidak kurang yang mengaitkannya dengan masalah jurang ekonomi yang terlalu jauh di antara masyarakat Melayu dan Cina. Ada juga yang mengaitkannya dengan isu perbezaan sistem nilai dan kebudayaan. Ada yang membandingkannya dengan masalah pengasingan dan penempatan orang Melayu yang seolah-olah masalah *ghetto* yang berlaku di Amerika Syarikat.

Di Amerika Syarikat, kata mereka, walaupun negara itu menganggap bahawa semua warganegaranya tidak mengira warna kulit, kaum atau agama adalah sama di sisi undang-undang, tetapi undang-undang saja bukanlah segala-galanya bagi mengatasi masalah perkauman dan fenomena *ghetto* di negara itu. Undang-undangnya tidak dapat mengatasi masalah pemulauan ekonomi dan sosial. Sehingga jika terdapat gangguan dan rusuhan yang berlaku disebabkan oleh perbezaan kaum, ini bukanlah kerana perlombagaannya yang bersifat diskriminasi tetapi kerana wujudnya diskriminasi di dalam bidang sosial dan ekonomi, terutama terhadap suku kaum Negro.

Sebab itu Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad pernah satu ketika berkata, diskriminasi sosial dan ekonomi adalah sama berkesan dan memalukan seperti juga diskriminasi undang-undang. Malahan ia boleh menjadi lebih berkesan daripada diskriminasi undang-undang. *Ghetto* di Amerika Syarikat, katanya, bukanlah satu kawasan yang dibina khas sebagai kawasan untuk orang Negro. Kawasan ini pada mulanya ialah tempat tinggal biasa di bandar yang dibuka kepada

semua warganegara. Tetapi tindakan orang kulit putih yang keluar secara senyap-senyap dimana orang kulit hitam pindah masuk, menyebabkan bermulanya pengasingan dan penempatan sosial yang berbeza di negara itu.

Apabila kawasan itu hanya didiami oleh orang Negro, maka harga harta tanah di kawasan itu menjunam turun dan orang kulit hitam yang miskin masuk dan tinggal di kawasan itu. Kawasan itu kemudiannya menjadi bandar yang dikuasai oleh orang Negro dan menjadai kawasan meleset, bahkan miskin bagi orang Negro. Proses ini berlaku di seluruh Amerika. Tidak ada undang-undang yang boleh memaksa orang tinggal di suatu tempat, jika dia tidak mahu. Juga tidak ada langkah yang dapat memaksa orang kulit putih untuk tinggal berhampiran dengan orang Negro. Oleh itu *ghetto* terus berlaku di Amerika dan menyebabkan perbezaan kaum, biarpun ada undang-undang yang berkata, dia berhak mencegahnya.

Oleh itu, persamaan di sisi undang-undang sahaja sebenarnya tidak mencukupi. Sebaliknya persamaan yang baik ialah persamaan di dalam kehidupan dan juga tanggungjawab. Perkongsian yang adil dalam menikmati kehidupan yang sempurna tidak harus menjadi hasrat kerajaan semata-mata tetapi juga menjadi hasrat dan cita-cita rakyat di seluruh negara. Jika kita hendak memperkasa perpaduan dan ingin menikmati kehidupan yang lebih baik, maka kita hendaklah belajar daripada sejarah rakyat Amerika ini.

Jika kerajaan dan pemimpin yang terdahulu berupaya mengesan dan memahami betapa buruknya rusuhan kaum pada peristiwa 13 mei, tidak ada sebab untuk kita berpecah belah, bersengketa dan mengenepikan mustajabnya perpaduan dalam proses pembentukan ketamaduan bangsa kita. Sebab itu Datuk Seri Dr. Mahathir mengingatkan rakyat negara ini agar mengawasi ikatan perpaduan dan berkata kerajaan tidak akan

teragak-agak bertindak tegas membendung sebarang kemungkinan yang boleh menggugat kepentingan rakyat dan negara termasuk yang dicetuskan oleh pihak yang dipengaruhi pandangan agama dan politik sempit di negara ini.

Sambil mengimbas kembali perhatian mengenai insiden pergaduhan di jalan Klang Lama, yang amat mendukacitakan negara, beliau berkata, insiden itu dan beberapa lagi peristiwa yang menyentuh perpaduan yang berlaku kebelakangan ini memberi mesej penting kepada kita bahawa ikatan perpaduan yang kita banggakan selama ini akan hancur jika tidak diawasi sebaik-baiknya. Kerukunan hidup bernegara akan musnah jika tidak ada ketegasan dalam usaha menanganinya.

Memang ketegasan diperlukan dalam keadaan negara sedang diancam oleh masalah perpecahan. Jika kita berpecah, kita bukan saja menjadi kumpulan kecil yang kehilangan kekuatan dan tidak berkesan, tetapi kita juga akan kehilangan rasa bangga terhadap bangsa dan tanah air kita yang tercinta ini. Oleh itu jika kerajaan bertegas terhadap isu perpaduan ini, ia bukanlah kerana kerajaan tidak toleran atau tidak berpegang kepada prinsip demokrasi, tapi ia adalah kerana tanggungjawab dan kepentingan rakyat dan negara ini yang lebih utama daripada segala-galanya. Persefahaman dan perpaduan mesti dipupuk. Tanpa perpaduan, negara kita bukan saja menjadi lemah dan mudah diperkotak katikkan kuasa asing, tetapi juga tidak mempunyai keupayaan untuk bersaing di peringkat antarabangsa.

Bagi masyarakat penulis, kita juga hendaklah menerapkan nilai-nilai pepaduan dalam proses kepenulisan. Kita hendaklah membantu kerajaan mencapai matlamat untuk memperkasa perpaduan di kalangan rakyat negara ini. Kita tidak ingin negara hancur hanya semata-mata kerana satu krisis perbelahan yang tidak bermanfaat. Sejarah yang berlaku kepada

negara kita dan juga kepada negara lain haruslah dijadikan teladan, bahawa sebarang krisis dan perbelahan sebenarnya hanya mencetuskan persengketaan dan berakhir dengan peristiwa tragis yang merugikan.

Sebab itu, Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi menyelar sikap penulis yang menggunakan ketajaman mata pena untuk membakar perasaan kaum-kaum atau kelompok masyarakat tertentu di negara ini. Tidak ada gunanya penulis membangkitkan perasaan benci antara kaum dan agama. Penulis seperti ini tidak akan mencapai kejayaan dan tidak ada sesiapa pun untuk membenarkan mereka beroleh kejayaan.

Jika penulis ingin berjaya katanya, mereka hendaklah tampil dengan pandangan yang positif dan nilai-nilai murni yang sejagat tanpa mengenapikan daya kreativiti yang dimilikinya.



## *Pendidikan, budaya, bahasa dan sastera*



## Kekuatan Bahasa Melayu

*MEREKA yang menentang penggunaan bahasa Inggeris dan hanya mahu rakyat negara ini mahir dalam Bahasa Melayu bukanlah nasionalis yang tulen. Nasionalis yang tulen ialah mereka yang mahu melihat bangsanya berdiri sama tinggi, duduk sama rendah dengan bangsa-bangsa lain di dunia, yang menggunakan dan menguasai dengan fasih bukan saja Bahasa Melayu tetapi juga Bahasa Inggeris sebagai bahasa yang boleh dimanfaatkan bukan saja untuk kepentingan ilmu tetapi juga untuk kepentingan komunikasi di peringkat antarabangsa.*

ISU Bahasa Melayu sentiasa menjadi isu yang menarik untuk diperkatakan. Oleh sebab Bahasa Melayu menunjukkan jati diri bangsa Malaysia, bahasa yang menjadi lambang perpaduan, bahasa ilmu dan bahasa yang berkaitan dengan semangat kebangsaan rakyat negara ini, maka apa juga kenyataan, apa juga dasar yang diperkenalkan terutama berkaitan dengan kedudukan Bahasa Melayu, sama ada dalam bidang pendidikan dan kedudukan bahasa itu sendiri sebagai bahasa rasmi negara, seringkali menimbulkan polimek menarik untuk diikuti dan diperkatakan.

Suatu ketika dahulu Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir pernah membuat kenyataan agak kontroversi berkaitan kedaulatan Bahasa Melayu di negara ini bahawa nasionalis yang memperjuangkan satu sudut bahasa bukanlah nasionalis sebenar kerana nasionalis sebenar adalah meraka yang berpendirian untuk membangunkan bangsa secara keseluruhan.

Beliau mengingatkan golongan tertentu yang

menganggap diri mereka sebagai pejuang bahasa supaya tidak terlalu fanatik dan mempraktikkan sentimen melampau dalam memperjuangkan isu bahasa. Dalam era maklumat yang sebahagian besarnya ditentukan oleh penguasaan Bahasa Inggeris, katanya, kita hendaklah meningkatkan lagi keupayaan dan penguasaan terhadap bahasa itu.

Seterusnya Dr. Mahathir berkata, mereka yang menentang penggunaan bahasa Inggeris dan hanya mahu rakyat negara ini mahir dalam Bahasa Melayu bukanlah nasionalis yang tulen. Nasionalis yang tulen ialah mereka yang mahu melihat bangsanya berdiri sama tinggi, duduk sama rendah dengan bangsa-bangsa lain di dunia, yang menggunakan dan menguasai dengan fasih bukan saja Bahasa Melayu tetapi juga Bahasa Inggeris sebagai bahasa yang boleh dimanfaatkan bukan saja untuk kepentingan ilmu tetapi juga untuk kepentingan komunikasi di peringkat antarabangsa.

Tidak cukup dengan kenyataan Dr. Mahathir itu, kita dihebohkan pula dengan cadangan untuk mewujudkan atau memperkenalkan semula sekolah menggunakan aliran Bahasa Inggeris bagi mengatasi masalah kelemahan penguasaan Bahasa Inggeris di kalangan pelajar dan generasi muda negara ini. Tetapi ia mendapat banyak bantahan daripada pelbagai pihak yang mengesyorkan kepada kerajaan supaya cadangan itu tidak diteruskan.

Ekoran daripada itu Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, semasa datang ke Sabah dan merasmikan Hari Guru Peringkat Kebangsaan, di Kota Kinabalu, menegaskan, kerajaan akan terus melindungi Bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar kebangsaan di sekolah-sekolah awam di seluruh negara sejajar dengan jati diri bangsa dan kehendak perlembagaan negara ini.

Dalam erti kata lain beliau menolak sebarang cadangan

memperkenalkan semula sekolah berperantara Inggeris bagi mengatasi kekurangan penguasaan Bahasa Inggeris di kalangan generasi muda negara ini. Malah beliau menganggap cadangan itu sebagai satu cadangan yang melangkah semula ke belakang.

Beliau berkata, kerajaan hanyameneruskan cadangan pelaksanaan penggunaan bahasa Inggeris dalam mata pelajaran sains dan matematik bagi tahap sekolah rendah, selain daripada bercadang mengadakan kelas sastera Inggeris kontemporari dalam kurikulum sekolah bagi mendedahkan lagi bahasa itu kepada pelajar.

Kita menghormati kedudukan Bahasa Melayu, tetapi menurutnya, penggunaan bahasa Inggeris tetap penting, kerana ia adalah ibarat kunci untuk membuka pintu pengetahuan lebih luas kepada penuntut dan masyarakat, malah ia memberi lebih banyak manfaat jika rakyat negara ini menguasai bahasa itu.

Perlu di ingat, tegasnya, lapan puluh peratus daripada kandungan Internet adalah dalam bahasa Inggeris, begitu juga dalam pelbagai bidang lain berkaitan teknologi, kejuruteraan, saintifik moden, semuanya disampaikan dalam bahasa Inggeris. Jika penguasaan terhadap bahasa itu lembab, adalah sukar bagi penuntut dan masyarakat negara ini menyerap dan mempelajarinya dengan berkesan.

Namun, benarkah Bahasa Melayu tidak berupaya menjadi bahasa perantara yang berkesan di peringkat antarabangsa? Benarkah Bahasa Melayu adalah bahasa yang tidak berkemampuan dan tidak berupaya menjadi bahasa ilmu, sains dan teknologi sehingga kita terpaksa mengajar semula mata pelajaran sains dan matematik dalam bahasa Inggeris? Adakah dengan mengajar kedua-dua mata pelajaran dalam bahasa Inggeris maka masalah penguasaan bahasa Inggeris yang lemah di kalangan pelajar negara ini dapat diatasi? Persoalan ini boleh dibincang secara positif demi kebaikan bersama.

Tetapi saya tertarik dengan pandangan Laurent Metzger, seorang pengkaji Bahasa Melayu yang terkenal berasal dari Perancis dan telah menatap agak lama di negara ini, mengenai kekuatan Bahasa Melayu yang menurutnya menyumbang kepada kekuatan bangsa Melayu itu sendiri. Saya sengaja menurunkan pandangan beliau ini, supaya kita dapat membezakan antara pandangan orang asing dan pandangan kita sendiri mengenai Bahasa Melayu, supaya kita dapat merenung dan dapat bermuhasabah diri.

Kata Laurent Metzger, kekuatan orang Melayu, pertama sekali terserah melalui keunggulan bahasanya. Bahasa Melayu bukan saja penting dalam sejarah tetapi ia juga satu bahasa yang menarik di segi perkembangan dan penggunaannya. Dahulu katanya, ramai orang bukan Melayu agak keberatan mempelajari dan menggunakan Bahasa Melayu, tetapi dasar pendidikan di negara ini begitu berjaya mengukuhkan kedudukan Bahasa Melayu.

Salah satu sifat menarik Bahasa Melayu menurutnya, ialah segi ketepatan maknanya. Bahasa Melayu seringkali jauh lebih tepat daripada bahasa Inggeris. Misalnya dalam bahasa Melayu terdapat dua istilah, yang pertama "Piawaian" digunakan bagi sesuatu yang berkaitan dengan industri. Yang kedua ialah "Pembekuan" yang digunakan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka untuk sesuatu yang berkaitan dengan bahasa. Tetapi di dalam bahasa Inggeris, hanya terdapat satu istilah sahaja iaitu perkataan *Standardization* untuk bidang yang berkaitan dengan industri dan kebahasaan. Jadi di sini kita boleh kata bahasa Melayu lebih tepat daripada bahasa yang dianggap bahasa antarabangsa itu.

Terdapat juga contoh lain dimana Bahasa Melayu lebih tepat daripada bahasa-bahasa lain. Mari kita perhatikan perbezaan yang wujud di antara "Penterjemahan" dan "Terjemahan". Di sini bahasa Melayu jelas sekali membezakan

dengan tepat dua perkataan itu. Yang pertama untuk kegiatan (Penterjemahan) dan yang kedua pula untuk hasil (Terjemahan). Jika kita merujuk kepada bahasa Inggeris, kita dapati hanya terdapat satu istilah digunakan untuk kedua-dua konsep di atas, iaitu *Translation* yang bermakna kegiatan dan hasil. Bahasa Perancis juga tidak membuat perbezaan yang bagi saya begitu tepat dan penting (cuma ada satu perkataan untuk kedua istilah dalam Bahasa Melayu itu iaitu *Traduction*.

Contoh ketiga berdasarkan penggunaan imbuhan dalam bahasa. Sebenarnya bahasa Melayu begitu kaya dengan imbuhan dan bahasa itu dapat diperkayakan perbendaharaan kata melalui penggunaan pelbagai imbuhan. Salah satu perbezaan makna yang cukup menarik bagi beliau ialah perbezaan yang wujud di antara perkataan "Tinggalkan" dan "Tertinggal". Yang pertama membawa maksud barang yang ditinggalkan secara sedar sedangkan yang kedua, tidak membawa makna unsur kesedaran itu. Jika dengan bahasa Melayu kita mengubah sedikit satu perkataan dengan imbuhan, maka makna turut berubah. Lagi sekali tidak ada sifat seperti ini dalam bahasa Inggeris untuk contoh di atas. Jadi dalam bahasa Inggeris kita tidak tahu sama ada si pembuat meninggalkan barang itu dengan sengaja atau tidak.

Mudah-mudahan sedikit pandangan daripada pengkaji bahasa Melayu dari Perancis ini sedikit sebanyak menyedarkan kita akan kelebihan Bahasa Melayu dan memperdalamkan lagi penghormatan kita terhadap apa juga usaha yang dilaksanakan demi mendaulatkan bahasa itu. Dalam isu bahasa ini saya suka mengimbau kembali satu kisah yang terkenal di kalangan orang Melayu tetapi kisah ini kita kaitkan dengan isu pendaulatan bahasa Melayu di negara kita iaitu janganlah kerana kita menang sorak, tetapi kampung kita tergadai tanpa di sedari".

## Daripada isu nasionalis bahasa kepada isu kebebasan akhbar

*KITA perlu menunjukkan sedikit rasa hormat untuk sesuatu yang asalnya datang daripada diri kita, bangsa kita. Sudah pasti, orang lain tidak akan memandang dan memberi perhatian terhadap bahasa Melayu lebih daripada perhatian yang kita berikan terhadapnya.*

WALAU PUN ketibaan Pesta Kaamatan selalu dikaitkan dengan musim berpesta selepas para petani membanting tulang dan bertungkus lumus mengusahakan sawah padi, tetapi saya harap kita tidak terlalu leka dengan majlis-majlis pesta sehingga kita ketinggalan dalam pelbagai segi kehidupan. Sebaliknya, kita perlu terus menyiapkan diri dalam menghadapi pelbagai rintangan dan cabaran. Kita perlu memperbaiki kehidupan dan mengelak diri daripada terus dibelenggu bahana kemiskinan. Kita memang boleh melakukannya. Malah adalah tidak mustahil untuk kita melakukannya, jika itu datang daripada kekuatan serta kesungguhan yang benar-benar berkuasa di dalam diri kita.

Ada dua perkara yang hendak saya sentuh dan perkataan untuk renungan dan perbincangan kita bersama. Pertama ialah berkenaan isu nasionalis bahasa dan kedua berkenaan isu kebebasan akhbar. Mengenai isu nasionalis bahasa, di sepanjang ingatan saya, inilah kali kedua Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad memperkatakan mengenai nasionalis bahasa mengikut persepsi dan pengertian beliau. Pertama kali beliau memperkatakannya ialah pada ketika berucap di majlis persidangan Umno tidak lama dahulu dan yang kedua ialah ketika beliau menyampaikan ucaptama semasa seminar

Pembudayaan ICT anjuran Pemuda Umno di ibu negara baru-baru ini.

Suatu ketika dahulu, kita telah pun maklum dengan reaksi pelbagai pihak sama ada pro dan kontra mengenai pandangan pemimpin tertinggi negara kita berkenaan isu tersebut. Tetapi memandangkan isu nasionalis bahasa ini perlu diberi tafsiran baru sesuai dengan hasrat kita untuk menjadi sebuah negara maju menjelang tahun 2020, maka Perdana Menteri sekali lagi menegaskan bahawa nasionalis yang memperjuangkan satu sudut bahasa bukanlah nasionalis sebenar kerana nasionalis sebenar adalah mereka yang berpendirian untuk membangunkan bangsa secara keseluruhan.

Sambil mengingatkan golongan tertentu yang menganggap diri mereka sebagai pejuang bahasa, Dr. Mahathir berkata, golongan ini tidak seharusnya terlalu fanatik dan mempraktikkan sentimen melampau dalam memperjuangkan isu bahasa. Dalam era maklumat yang sebahagian besarnya ditentukan oleh penguasaan terhadap Bahasa Inggeris, kita hendaklah meningkatkan lagi keupayaan dan penguasaan terhadap bahasa itu.

Katanya, mereka yang menentang penggunaan bahasa Inggeris dan hanya mahu rakyat negara ini mahir dalam Bahasa Melayu bukanlah seorang nasionalis yang tulen. Nasionalis yang tulen ialah mereka yang mahu melihat bangsanya berdiri sama tinggi, duduk sama rendah dengan bangsa-bangsa lain di dunia, yang menggunakan dan menguasai dengan fasih bukan saja Bahasa Melayu tetapi juga Bahasa Inggeris sebagai bahasa yang boleh dimanfaatkan bukan saja bagi kepentingan ilmu tetapi juga untuk kepentingan komunikasi di peringkat antarabangsa. Suatu ketika apabila saya berada di luar negara, saya benar-benar merasakan betapa pentingnya penguasaan kita terhadap bahasa Inggeris ini.

Ketika saya berada di Mesir, misalnya, kerana kita tidak boleh bercakap dalam bahasa arab, maka kita terpaksa berkomunikasi dengan orang Mesir melalui bahasa Inggeris dan mereka memahami bahasa itu. Begitu juga ketika saya berada di beberapa negara lain di sekitar Asia ini, bahasa Inggeris amat membantu untuk kita berkomunikasi, kerana di beberapa negara ini saya dapatti mereka tidak mempunyai pengetahuan langsung mengenai Bahasa Melayu, walaupun bahasa Melayu adalah bahasa yang ke empat terbesar di dunia.

Sudah tentu pandangan Perdana Menteri berkenaan isu bahasa ini akan menjadi satu cabaran yang bukan kecil kepada usaha untuk memartabatkan Bahasa Melayu di negara ini. Apakah harapan kita terhadap Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) sebagai agensi kerajaan yang bertanggungjawab mengenai pembinaan dan pengembangan Bahasa Melayu di negara ini? Sudah pasti, kita sedar akan peranan bahasa Inggeris dalam konteks ilmu, komunikasi dan pembinaan negara yang tercinta ini. Sudah pasti kita tidak dapat mengejar ilmu yang sebahagian besarnya disampaikan dalam bahasa Inggeris yang terlalu pantas itu, jika kita hanya menguasai satu bahasa saja iaitu bahasa Melayu.

Sama ada bersetuju atau tidak, kita memang perlu akur bahawa bahasa Melayu akan menjadi bahasa yang mati, malah tidak dihormati jika bangsa Melayu yang menjadi penutur bahasa itu sendiri hidup dalam keadaan yang amat daif, ketinggalan zaman dan tidak bertamadun. Inilah cabaran kita dan cabaran yang perlu dihadapi oleh tokoh-tokoh serta pejuang bahasa yang tulen di negara ini. Mesti ada usaha untuk meningkatkan keupayaan bahasa Melayu dan menjadikannya sebagai bahasa yang amat dikenali di peringkat antarabangsa. Namun, apapun kita perlu beringat bahawa pembinaan bangsa dan negara selama ini pun sebahagian besarnya adalah kerana hormat dan

kesungguhan kita yang tinggi dalam menjadikan bahasa Melayu sebagai bahasa yang bermaruah, bahasa ilmu, bahasa komunikasi dan bahasa perpaduan.

Kita perlu tinjau juga sejarah bahasa Melayu yang telah memainkan peranan penting dalam menyatupadukan orang Melayu dan menjadi simbol perjuangan mereka dalam memerdekakan negara ini. Memang benar, kita perlu kuasai bahasa Inggeris, yang suatu ketika dahulu pernah kita tolak kerana unsur penjajahannya, tetapi sudah pasti masa telah berubah. Hari ini, kita perlu terima hakikat bahawa bahasa Inggeris hendaklah dikuasai semula dalam kehidupan kita. Mahu atau tidak, kita perlu membuka diri dan menyediakan ruang untuknya berkembang di dalam diri kita. Inilah hakikat yang perlu diterima, tetapi pada waktu yang sama kita juga mengharapkan agar tidak ada orang yang akan merendah-rendahkan bahasa Melayu dengan mengatakannya sebagai bahasa yang tidak berkemampuan dan bukan bahasa ilmu.

Kita telah berjuang begitu lama dan berusaha meyakinkan pelbagai pihak sama ada di dalam atau di luar negara akan peranan bahasa Melayu dalam pembentukan negara kita. Jadi kita harap ia tidak mudah diperlekehkan begitu saja. Sama ada kita nasionalis atau tidak, itu adalah soal lain. Sebaliknya kita perlu mempunyai cita-cita tinggi untuk memartabatkan bahasa Melayu dan kita mesti bekerja keras untuk itu. Kita perlu menunjukkan sedikit rasa hormat untuk sesuatu yang asalnya datang daripada diri kita, bangsa kita. Sudah pasti, orang lain tidak akan memandang dan memberi perhatian terhadap bahasa Melayu lebih daripada perhatian yang kita berikan terhadapnya. Kita kena ingat, orang Inggeris, kalau boleh mereka hendak melenyapkan seluruh bahasa yang ada di dunia ini, supaya semua bangsa di dunia ini hanya bertutur dalam bahasa Inggeris. Oleh itu, kita perlu berhati-hati, jika tidak Bahasa Melayu juga akan

menjadi mangsa dan akan hilang di dunia ini suatu ketika nanti.

Berkenaan kebebasan akhbar, saya telah menyentuh isu ini sebelumnya, tetapi disebabkan kita baru saja merayakan "Hari Kebebasan Akhbar Sedunia" (*World Press Freedom Day*) yang disambut dengan penuh harapan baru-baru ini dan kebetulan pula di negara kita diadakan beberapa majlis yang khas membincangkan pelbagai perkara berkaitan undang-undang yang dianggap menyekat kebebasan akhbar. Antaranya, Akta Rahsia Rasmi (OSA), Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA), Akta Hasutan dan Akta Mesin Cetak dan Penerbitan, maka sekali lagi saya menulis mengenai kebebasan akhbar dan tugas wartawan yang semakin mencabar pada alaf baru ini.

Kebebasan akhbar menurut pengertian Barat ialah kebebasan bersuara dan melaporkan sesuatu perkara tanpa sebarang sekatan. Tetapi saya masih ingat, suatu ketika dahulu saya pernah mengatakan bahawa kebebasan akhbar yang sedemikian akan memberi kesan buruk bukan saja kepada negara kita tetapi juga kepada beberapa negara membangun lain di dunia ini. Sudah pasti ada batas-batas tertentu yang memungkinkan kerajaan terpaksa mengawal supaya kebebasan akhbar tidak disalahguna dan tidak diselewengkan. Misalnya, kita hendak menyatupadukan masyarakat majmuk negara ini. Sudah pasti kita tidak akan membenarkan kebebasan akhbar diguna untuk mengapi-apikan semangat perkauman di kalangan rakyat. Sudah pasti kita tidak membenarkan sebarang penulisan berita yang boleh mengeruhkan suasana perhubungan kaum dan boleh menimbulkan huru hara.

Ini sudah tentu berbeza dengan pengertian serta falsafah kebebasan akhbar Barat yang sentiasa berusaha mencari kesalahan orang lain atau memaparkan sesuatu yang mungkin terlalu *privacy* sifatnya, kepada seseorang pemimpin atau kelompok masyarakat tertentu di mana saja pelusuk dunia ini.

Misalnya, apabila berlaku peristiwa 11 september yang memusnahkan Pusat Dagangan Dunia New York, kebebasan akhbar digunakan sepenuhnya untuk menjadikan "Orang Islam" sebagai kambing hitam dalam peristiwa itu dan menghukum orang Islam di mana saja pelusuk dunia ini. Apakah kesan kebebasan akhbar seperti ini? Sudah tentu keamanan awam tergugat. Sudah tentu ia menimbulkan bibit-bibit permusuhan yang berpanjangan. Kita tidak pasti apa yang akan berlaku pada masa hadapan, tetapi sedikit sebanyak "Kebebasan Akhbar Barat" perlu bertanggungjawab mengenainya.

Kita perlu sedar bahawa Hari Kebebasan Akhbar ialah satu hari dimana kita juga perlu menghormati kebebasan orang lain seperti yang termaktub dalam Piagam PBB, terutama berhubung dengan hak-hak individu. Kita perlu menghormati hak *privacy* orang lain. Kita perlu membendung kebebasan untuk melaporkan berita dari bahagian itu jika laporan berkenaan boleh menyemarakkan lagi sentimen yang negatif. Justeru wartawan di negera kita perlu lebih bertanggungjawab dalam melaksanakan tugas harian mereka sebagai jambatan penghubung antara pemimpin dan rakyat. Begitu juga sebaliknya. Sudah pasti kita tidak ingin mencontohi kebebasan akhbar Barat yang tidak segan silu menyiarkan berita yang tidak berasas, membohong dan sebagainya. Sudah pasti kita tidak mahu terikut-ikut dengan cara tulisan pemberitaan dan laporan akhbar Barat yang dikesploitasi sedemikian rupa untuk tujuan tertentu. Ingatlah! apabila akhbar disalahgunakan, maka peranan membina yang sepatutnya menjadi peranan utama akhbar akan hilang dan dengan itu masyarakat akan menjadi kucar kacir dan huru hara akan berlaku.

## Kota Kinabalu sebagai pusat kreativiti

*KITA akan melihat tanggapan penyair tentang bandaraya Kota Kinabalu ini, tanpa mengenepikan bahawa penulis yang berada di luar Kota Kinabalu juga turut berperanan dalam menjana perkembangan sastera Sabah.*

KITA baru saja menyambut hari ulang tahun Bandaraya Kota Kinabalu yang kedua dengan pelbagai kegiatan yang meriah dan lampu neon yang berwarna warni pada waktu malam. Sejak enakmen diwaritkan pada tahun 1996 dan kemudian disahkan menjadi bandaraya pada 2 Februari 2000, Kota Kinabalu telah mengalami perubahan dan menikmati pembangunan yang pesat. Dengan keluasan 317 kilometer persegi dan dianggap sebagai sebuah daerah terkecil daripada 24 daerah yang terdapat di negeri Sabah, Kota Kinabalu adalah nadi kepada pembangunan negeri ini keseluruhannya.

Di segi geografi kedudukannya memang amat strategik sebagai pusat pentadbiran, pusat perdagangan dan ekonomi, pusat ilmu, pusat pelancongan, pusat keagamaan, pusat kebudayaan, pusat rekreasi dan riadah serta pusat kreativiti. Kota Kinabalu pernah mempunyai nama seperti Singgah Mata, Api-Api dan Jesselton sebelum mendapat nama seperti yang ada sekarang. Dari segi pembangunan, amat ketara bandar ini membangun dengan pesat di bawah empat kerajaan yang pernah dan sedang mentadbir negeri ini iaitu kerajaan Usno, BERJAYA, Parti Bersatu Sabah (PBS) dan sekarang di bawah kerajaan BN. Kini Kota Kinabalu semakin mengalami proses urbanisasi atau

apa yang diistilahkan oleh Ibnu Khaldun sebagai "Al-Umaran" iaitu proses yang memperlihatkan ciri-ciri ketamadunannya.

Dengan penduduk yang berjumlah 209,175 orang (Lihat Buku Tahunan perangkaan Sabah 2000, Terbitan Jabatan Perangkaan Malaysia Cawangan Sabah, Sept 2000), Kota Kinabalu semakin pesat membangun dan mengalami perubahan drastik, khususnya setelah diistiharkan sebagai "Bandaraya Rimba Tropika" pada 2 Februari 2000. Pembangunan ini dapat dilihat di segi kemudahan infrastruktur yang semakin baik, pusat pentadbiran, pusat perniagaan yang semakin penting di Sabah sejak beberapa dekad. Pembangunan juga dapat dilihat di segi kemudahan sukan atau riadah yang semakin canggih, kemudahan tempat rekreasi pinggir laut yang cantik, kemudahan pengangkutan darat, laut dan udara yang semakin moden dan sentiasa terdedah kepada pembaharuan. Kedudukan Kota Kinabalu sebagai ibu negeri juga menjadikannya pusat tumpuan pelbagai lapisan masyarakat.

Di Kota Kinabalu terdapat sebuah pusat pengajian tinggi atau universiti yang termahal kos pembinaannya, yang melebihi RM 1 billion dan dianggap sebagai sebuah pusat pengajian tinggi tercantik di Asia. Kota Kinabalu juga memberi perhatian khusus kepada perkembangan agama Islam bagi mengimbangi kepesatan pembangunan fizikalnya sebagai sebuah bandaraya. Selain daripada terdapat pusat pentadbiran agama Islam di Kota Kinabalu, pembinaan institusi masjid juga turut diberi keutamaan dan tidak diabaikan.

Salah sebuah masjid yang seolah-olah menjadi mercu tanda agama di tengah-tengah kepesatan bandaraya ialah Masjid Bandaraya Kota Kinabalu yang indah permai dan terletak di kawasan yang amat menarik, malah strategik iaitu di kawasan Teluk Likas. Pendek kata Kota Kinabalu semakin membangun sesuai dengan statusnya sebagai bandaraya dan sudah bersedia

untuk memenuhi kehendak semua lapisan masyarakat, terutama peniaga kecil atau besar, birokrat, pemimpin, pentadbir, pengurus, pegawai-pegawai kerajaan, rakyat biasa dan tidak terkecuali seniman, budayawan, penulis dan sasterawan yang turut mewarnai kancang kehidupan di bandaraya ini.

Di tengah-tengah kepesatan pembangunan yang berlaku ke atas Bandaraya Rimba Tropika ini, tulisan saya ini akan memberi tumpuan kepada Kota Kinabalu sebagai pusat kerativiti dan wadah penyair. Dalam konteks "Kota Kinabalu sebagai pusat kreativiti" kita melihat sejauhmana Kota Kinabalu menyumbang ke arah pembentukan bandaraya budaya, bandaraya yang menjadi pusat kreativiti di negeri ini. Sementara dalam konteks "Kota Kinabalu sebagai wadah penyair" kita melihat pula sejauh mana penulis negeri ini, khususnya yang tinggal dan bermastautin di Kota Kinabalu menanggapi bandaraya ini dalam karya kreatif mereka terutama dalam bentuk puisi. Untuk bahagian ini kita akan memperkatakan karya-karya penyair Sabah khusus mengenai bandaraya Kota Kinabalu Rimba Tropika yang termuat dalam antologi puisi *Kita Kata Kota* yang diselenggarakan oleh Zaiton Ajamain dan Abang Patdeli Abang Muhi dan diterbitkan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka Cawangan Kota Kinabalu sempena Pengucapan Puisi Bandaraya Kota Kinabalu, Kuching dan Wilayah Persekutuan Labuan 2001.

Dalam konteks Kota Kinabalu sebagai pusat kreativiti, kita boleh melihatnya dalam 2 aspek. Pertama dari segi peranan gerakan sastera dalam menjadikan Kota Kinabalu sebagai pusat kreativiti dan kedua, Kota Kinabalu itu sendiri sebagai satu tempat yang menjadi pusat kreativiti penting di negeri ini.

Sejak tahun 1950-an Kota Kinabalu telah menjadi tumpuan penulis di Sabah. Walaupun pelbagai kendala terpaksa dihadapi kerana mereka (golongan penulis) sentiasa diawasi pihak penjajah, tetapi Kota Kinabalu tetap menjadi pusat

kreativiti penting mereka ketika itu. AGABA yang menjadi persatuan penulis yang terawal di Sabah memainkan peranan yang amat aktif dalam menyemarakkan kegiatan sastera di sekitar Kota Kinabalu. Persatuan itu sempat menerbitkan majalah AGABA dan PESTA yang turut memuatkan karya-karya berbentuk sastera, khususnya dihasilkan oleh penulis yang berada di sekitar Kota Kinabalu. Kota Kinabalu atau Jesselton ketika itu seolah-olah menjadi pusat kepada kemunculan penulis dan perkembangan kreativiti sastera Melayu di Sabah. Lebih-lebih lagi dengan lahirnya akhbar North Borneo and Sabah Times yang mula diterbitkan pada tahun 1952. Akhbar ini memuatkan karya-karya kreatif hasil karya penulis Sabah yang turut memainkan peranan penting dalam menjadikan Kota Kinabalu sebagai sebuah bandaraya yang menjadi pusat kreativiti.

Apabila Badan Bahasa Sabah (BAHASA) ditubuhkan pada tahun 1970-an dengan penerajunya antara lain, Datuk Haji Jamdin Buyong dan Datuk Zulkifli Hamid serta beberapa penulis dan aktivis sastera di sekitar Kota Kinabalu, kegiatan sastera semakin menyerlah dan Kota Kinabalu menjadi pusat kreativiti penting di Sabah. Tetapi selepas mereka tidak lagi aktif, kegiatan sastera di sekitar ibu negeri agak lesu sehingga BAHASA dihidupkan semula pada awal tahun 1980-an. Barulah Selepas itu kegiatan sastera kembali bersemarak dengan bantuan dan sumbangan yang amat besar khususnya daripada Dewan Bahasa dan Pustaka Cawangan Sabah yang mula ditubuhkan pada tahun 1977 serta kerajaan negeri melalui Kementerian Kebudayaan Belia dan Sukan dan Majlis Bahasa Dan Sastera Sabah (MBSS). BAHASA pada fasa kedua ini telah diterajui oleh dua tokoh penting dalam sastera Sabah iaitu Datuk Ismail Abbas dan Puan Hajah Sairah Haji Antin. Selain BAHASA terdapat beberapa persatuan penulis lain yang turut berperanan menjadikan Kota Kinabalu sebagai pusat kreativiti, termasuklah Kumpulan Anak

Seni dan Ikatan Penulis Sabah (IPS) (sekadar menyebut beberapa nama).

Jika kita melihat Kota Kinabalu itu sendiri sebagai Pusat Kreativiti penting di negeri ini, pertama sekali kita tidak mungkin dapat melupakan peranan industri akhbar yang berpusat di Kota Kinabalu. Industri akhbar sebenarnya cukup berkembang di Kota Kinabalu, sehingga kini terdapat empat buah akhbar harian yang turut menyediakan ruangan bahasa Melayu dan tidak ketinggalan ruangan sastera di negeri ini. Antaranya ialah *The New Sabah Times*, *Daily Express*, *Borneo Mail* dan *Borneo Post*. Selain itu terdapat juga beberapa akhbar mingguan yang berpusat di Kota Kinabalu yang turut memberi wadah kepada penulis antaranya, *Waktu*, *Berita Sabah*, *Watan Sabah* dan *Media CBS*, tetapi beberapa akhbar mingguan ini tidak bertahan lama kerana pelbagai masalah yang dihadapi, namun kelahiran akhbar tabloid ini tetap penting dalam menjadikan Kota Kinabalu sebagai pusat kreativiti.

Empat buah akhbar harian ini menyediakan ruangan sastera setiap hari ahad, kecuali *Borneo Post* yang menyiarluarkan ruangan sastera pada setiap hari Rabu. Dalam ruangan ini biasanya disiarkan cerpen dan puisi. Selain itu adakalanya tulisan berbentuk resensi dan eseи kritikan sastera turut disiarkan. Karyakarya yang termuat dalam akhbar ini pernah memenangi Hadiah Sastera Sabah iaitu hadiah sastera paling prestij di Sabah. Pada tahun 1970-an dan awal tahun 1980-an, karya yang disiarkan di dalam *Daily Express* khususnya juga pernah menang Hadiah Sastera Malaysia. Antaranya ialah puisi karya Hashim Jeffery (1970-an) dan puisi karya Hasyuda Abadi bertajuk "Salam Buat Kekasih" termuat dalam ruangan sastera akhbar *Daily Express* menang Hadiah Sastera Malaysia pada tahun 1984.

Selain daripada penerbitan akhbar ini Dewan Bahasa dan Pustaka Cawangan Sabah pula menerbitkan majalah *WADAH* dan

sekarang menerbitkan akhbar *Jendela Sabah* bagi menampung tulisan berbentuk kreatif dan non-kreatif penulis Sabah. Ia bukan saja menyemarakkan lagi suasana berkreatif, tetapi menyumbang dalam menjadikan Kota Kinabalu sebagai pusat kreativiti di negeri ini. Penerbitan majalah dan akhbar oleh DBPCS ini sudah pasti mampu menampung karya penulis Sabah yang semakin bertambah dan merangsang perkembangan sastera Melayu di Sabah. Ia juga pelengkap kepada usaha agensi kerajaan itu dalam menerbitkan buku-buku berbentuk antologi puisi, cerpen, novel dan buku-buku kajian yang mengesahkan lagi Kota Kinabalu sebagai pusat kreativiti penting di Sabah.

Memang diakui terdapat sedikit kelompongan dalam hasrat untuk menjadikan Kota Kinabalu sebagai pusat kreativiti dalam ertikata sebenarnya. Walaupun sudah menjadi bandaraya, tetapi kegiatan kebudayaan, pertemuan dan acara sastera yang besar agak jarang diadakan di Kota Kinabalu. Jika ada kegiatan yang dilaksanakan biasanya ia dibuat di tempat-tempat tertentu khususnya di Dewan Bahasa dan Pustaka Cawangan Sabah atau di hotel-hotel terkemuka di sekitar Kota Kinabalu. Ketiadaan pusat kegiatan kebudayaan, kesenian dan kesusasteraan yang khas amat ketara dirasakan terutama apabila kita mengharapkan Kota Kinabalu menjadi pusat kreativiti yang penting di Sabah.

Oleh itu, kerajaan perlu memberi dokongan yang besar dalam menubuhkan pusat seumpama ini. Penubuhan pusat ini sudah pasti memberi peluang kepada aktivis sastera, khususnya dikalangan generasi muda mendekati bidang budaya, seni dan sastera. Adalah lebih baik membimbing generasi muda menghargai budaya sendiri daripada membiarkan mereka terus hanyut tenggelam dalam arus kemodenan yang semakin hebat.

Dengan adanya perkampungan atau pusat kebudayaan, kesenian dan kesusasteraan ini, sudah pasti orang ramai atau pelancong boleh melihat kegiatan penulisan kreatif, persembahan

kebudayaan, pameran dan dokumentasi kebudayaan dan kepenulisan serta pelbagai aktiviti seni secara lebih dekat di perkampungan atau pusat kebudayaan ini. Badan-badan NGO berkaitan bahasa, sastera dan budaya boleh memberi tunjangan bermakna kepada penubuhan dan kewujudannya, tetapi ia hendaklah dengan restu, bantuan dan komitmen kerajaan negeri, disamping komitmen Dewan Bandaraya Kota Kinabalu (DBKK) selain daripada peranan Majlis Bahasa dan Sastera Sabah (MBSS) dan juga DBPCS.

Salah satu unsur penting dan paling berpengaruh yang disebut apabila memperkatakan tentang perkembangan kesusasteraan ialah penulis. Secara longgar penulis ialah mereka yang terlibat dalam penghasilan karya berbentuk puisi, cerpen, novel dan drama. Walaupun Kamus Dewan menyebutkan seorang setiausaha, sekretaris, jurutrengkas dan wartawan tergolong dalam kategori penulis, tetapi dalam tulisan ini, kita cuba memperkatakan penulis yang hanya dihubungkaitkan dengan dunia sastera, khususnya puisi. Pencipta puisi ini juga biasanya disebut sebagai penyair. Penyair ini juga biasanya turut membantu perkembangan tradisi keilmuan, memperkayakan minda, intelektual dan budaya bangsa kita.

Dalam sastera Melayu tradisional, penyair biasanya tidak dikenali secara individu. Walaupun mereka menghasilkan karya yang bermutu, tetapi kehadiran mereka tidak dipersoalkan. Siapakah yang mencipta atau menulis karya tersebut tidak begitu penting. Yang utama ialah karya mestilah dianggap sebagai hak milik bersama. Sebab itu pada hari ini kita melihat bagaimana tradisi pantun umpamanya, berkembang tanpa diketahui siapakah penulis atau penciptanya yang sebenar. Tetapi apabila puisi moden mula diperkenalkan di negara ini oleh Pungguk, kemudian oleh penulis-penulis ASAS 50 di Singapura seperti Allahyarham Datuk Usman Awang yang ketika itu bekerja di

Utusan Melayu Singapura, penulis atau penyair mula dikenali di negara ini sebagai individu.

Di Sabah, sejak tahun 1950-an kebanyakannya kegiatan sastera tertumpu di Kota Kinabalu. Walaupun terdapat beberapa penulis yang tidak menetap di Kota Kinabalu turut menyumbang kepada perkembangan sastera negeri ini, tetapi lebih lima puluh peratus penulis yang penting di Sabah memang menetap di Kota Kinabalu atau pernah menetap di Kota Kinabalu. Memang diakui kebanyakannya penulis penting di Kota Kinabalu berasal dari daerah lain, Hasyuda Abadi umpamanya berasal dari Beaufort, Zaiton Ajamain, dari Papar, Welin Ebal dari Kota Merudu (sekadar menyebut beberapa nama) tetapi di Kota Kinabalu inilah mereka berkumpul, menetap dan berkreatif. Kota Kinabalu semacam menjadi begitu dominan untuk tujuan pengembangan bakat kepenulisan mereka. Ia seperti mematangkan keterlibatan dan ketrampilan mereka.

Banyak peluang yang mereka temui di Kota Kinabalu, sama ada dari segi penerbitan, sumber inspirasi dalam menghasilkan karya. Ia seperti menjadi lombong ilham kepada penyair yang peka terhadapnya. Di sini terdapat pelbagai ragam hidup manusia yang boleh ditumpahkan dalam karya sastera mereka. Terdapat banyak pergolakan dan permasalahan sosial yang berlaku yang boleh diolah, memperkayakan pengetahuan, mencuit dan menghadiahkan kepelbagian serta variasi kepada sastera Melayu di Sabah.

Sama ada mereka menanggapi sesuatu peristiwa, keadaan dan persoalan yang berlaku di bandaraya Kota Kinabalu ini secara positif atau negatif, banyak bergantung kepada sikap, prinsip, kreativiti dan kepekaan penyair itu sendiri. Kita akan melihat tanggapan penyair tentang bandaraya Kota Kinabalu ini, tanpa mengeneplikan bahawa penulis yang berada di luar Kota Kinabalu juga turut berperanan dalam menjana perkembangan sastera di

Sabah.

Pendek kata, penulis yang berada di daerah lain di negeri ini tidaklah perlu merasa kecil hati dengan kenyataan ini, mereka juga tidak perlu mengemas baju dan mengangkat beg, bersiap-siap berhijrah ke Kota Kinabalu untuk menjadi penyair besar. Bandaraya Kota Kinabalu memang diakui bukanlah segalagalanya bagi kreativiti seorang penulis atau penyair. Daya kreativiti sentiasa muncul di mana saja, sama ada di kota atau di desa, seperti kata Rahim Tapah dalam rencana "Kota dan Kreativiti Penulis" (Borneo Mail 2 April 1993) daya kreativiti sentiasa ada dimana-mana, hanya kesanggupan mengembangkan bakat atau kreativiti yang perlu diutamakan oleh penyair, tidak kira dimana saja mereka berada.

## Melihat sastera Sabah dari belakang tabir

KITA tidak mempunyai program pembinaan sastera yang lebih sistematis dan kemas kini. Sejak dahulu program pembinaan sastera kita tidak mengalami banyak perubahan. Program pembinaan penulis tidak berterusan. Sikap kita ialah bila kita sudah membina seorang penulis yang pada mulanya hanya bertatah tatih dan merangkak dalam bidang penulisan, kita tidak lagi berfikir untuk meneruskan kerja kita apabila dia sudah boleh berjalan atau boleh menulis dengan sendirinya. Kita selalu menganggap bahawa kerja atau tugas kita sudah selesai

SUDAH lama saya hendak menulis sesuatu mengenai sastera dan sedikit pengalaman sendiri sebagai penulis, tetapi hasrat itu tidak terlaksana. Ada saja isu lain yang lebih mendesak dan perlu ditulis. Tetapi kali ini, saya rasa hendak sangat menulis sesuatu mengenai dunia sastera Melayu dan sejauh yang berkaitan dengan pengalaman sendiri di sepanjang penglibatan dalam dunia penulisan dan sastera ini.

Saya mula menulis karya sastera dalam akhbar tempatan pada tahun 1981. Maknanya, sudah lebih dua puluh tahun saya mengabdikan diri dalam bidang ini. Dalam jangka masa itu saya sentiasa berkarya, saya menulis cerpen dan puisi. Saya menulis rencana sastera dalam akhbar tempatan dan kebangsaan. Saya menulis untuk majalah Dewan Sastera terbitan Dewan Bahasa dan Pustaka. Saya melibatkan diri dalam gerakan sastera.

Malah, terlalu banyak yang telah dikorbankan untuk sastera. Masa dan tenaga. Kesedihan dan kegembiraan. Waktu susah dan waktu senang. Detik mengharukan ketika disukai dan tidak disukai. Pendek kata, dunia sastera bukanlah sebuah dunia yang manis dan molek-molek belaka. Kalau diibaratkan dengan sungai penuh penderitaan yang dibina di Bangkok Thailand, dunia penulis sebenarnya lebih derita daripada yang dapat dibayangkan di negeri ini. Inilah pengalaman saya. Saya tidak tahu kenapa harus menyatakannya.

Ketika saya membaca beberapa luahan rasa penulis dalam akhbar tentang nasib penulis dan nasib sastera kita, saya amat memahaminya. Saya telah menyatakan hal ini jauh lebih lama sebelumnya, apabila ada penulis yang mengeluh tentang sastera kita yang tidak berkembang, itu seperti ini sebenarnya telah ditulis ratusan kali sebelumnya. Apabila ada pengulas yang menyalahkan pihak tertentu kerana kegagalan menempatkan sastera kita di tempat yang sewajarnya, sebenarnya ia adalah ibarat satu luka lama yang berdarah kembali. Inilah hakikat yang berlaku.

Tradisi pengukuhan ilmu dan pemantapan sastera kita belum berkembang sepenuhnya. Kesedaran untuk menempatkan sastera ke satu tahap lebih tinggi, hanya dapat dilakukan oleh seorang yang berwawasan dan berpandangan jauh ke hadapan. Kalau dahulu kita dapat mengumpul 20 orang untuk menghadiri acara sastera, hari ini kita sepatutnya sudah dapat membina khalayak atau dapat menganjurkan majlis yang dihadiri oleh ribuan orang. Tetapi nampaknya sehingga hari ini kita hanya mengadakan majlis sastera yang bersifat kecil-kecilan sepanjang tahun.

Memanglah benar, kejayaan majlis sastera bukan bergantung kepada ramainya khalayak yang menghadiri majlis berkenaan, sehingga kita selalu memujuk diri dengan berkata,

tak apalah dengan khalayak yang sedikit asalkan berkualiti. Tetapi kesan psikologinya amat besar sekali, sehingga tertanam anggapan di kalangan masyarakat bahawa dunia sastera kita ini amat terpisah daripada masyarakat. Dunia sastera kita itu hanyalah sebuah dunia yang kecil, dunia untuk 20 orang, atau dunia untuk 30 orang, bukan sebuah dunia untuk seluruh masyarakat, walaupun di pihak penulis atau sasterawan selalu menganggapnya sedemikian.

Satu perkara lagi, kita tidak mempunyai program pembinaan sastera yang lebih sistematik dan kemas kini. Sejak dahulu program pembinaan sastera kita tidak mengalami banyak perubahan. Program pembinaan penulis tidak berterusan. Sikap kita ialah bila kita sudah membina seorang penulis yang pada mulanya hanya bertatah tatih dan merangkak dalam bidang penulisan, kita tidak lagi berfikir untuk meneruskan kerja kita apabila dia sudah boleh berjalan atau boleh menulis dengan sendirinya. Kita selalu menganggap bahawa kerja atau tugas kita sudah selesai.

Masalah ini terus berlaku dalam dunia sastera kita. Kita cari dan kesan jejak penulis baru yang berpotensi untuk dikembangkan dalam dunia sastera, yang kita fikir boleh menjadi mutiara atau khazanah dalam sastera kita, tetapi apabila orang ini kita temui, kita beri sedikit tunjuk ajar dan sudah boleh menulis dengan baik, akhirnya kita biarkan dia lemas terkapai-kapai tanpa hala tuju. Bila hendak menerbitkan buku, kita tidak memberi ruang. Kita beri pelbagai alasan dan tunjukkan pelbagai halangan birokrasi kepadanya. Bagaimana hendak memajukan sastera kita dalam situasi seperti ini?

Pengalaman sebegini sesungguhnya menyediakan bagi seorang penulis. Saya tahu bagaimana perasaan penulis, kerana saya mengalaminya dan penulis lain juga mengalaminya. Sejak dahulu, kita ghairah menerbitkan antologi bersama. Terbitkan

buku dan biarkan seratus orang penulis boleh muatkan karya. Kita suka membina penulis yang ramai, tapi apabila kita hendak menonjolkan penulis negeri ini di peringkat kebangsaan dan peringkat dunia, siapa yang kita hendak tonjolkan? Siapa penulis negeri ini yang boleh kita ketengahkan, yang boleh kita tunjukkan bukunya kepada dunia, yang mewakili pemikiran penulis-penulis negeri ini? Siapa?

Yang kita ada sebenarnya hanyalah penulis kampung, kerana kita membina penulis kampung. Kita tidak terfikir pun hendak membina seorang A. Samad Said atau seorang Shahnon Ahmad atau seorang Abdullah Hussein atau seorang Latif Mohidin atau seorang Kemala atau seorang Rendra atau seorang Pramoedya Ananta Toer di negeri ini. Jauh sekali kita hendak melahirkan seorang Naquib Mahfouz, seorang Gao Xingjian, seorang Nadine Gordimer, seorang Mario Vargas Llosa, seorang Ernest Hemingway seorang Iqbal atau seorang Kawabata. Kita hanya melahirkan seorang penulis kampung yang akhirnya gagal, terbuang dan di telan masa.

Kita melakukan tabiat ini sejak merdeka. Kita pernah menganggap seorang Datuk Jamdin Buyong sebagai penyair penting di negeri ini. Kita pernah mengkategorikan Tuan Haji Ismaily Bongsu sebagai penyair dan pendeklamator yang sama hebatnya dengan Rendra di Indonesia, tetapi mana antologi puisi penyair ini yang kita boleh tunjuk kepada dunia. Mana buah fikiran mereka yang dapat kita sebarkan kepada anak cucu bangsa kita hari ini dan akan datang. Mereka ini hanyalah sekadar seorang dua contoh, tetapi hakikatnya ramai lagi penulis penting di negeri ini, yang terkapar-kapar atau bagi hendak mati lemas di lautan maha dalam, untuk melihat karya mereka diterbitkan atau hasil buah pemikiran mereka disebarluaskan secara meluas dalam bentuk buku bukan saja di Sabah, tetapi di negeri lain di Malaysia atau di seluruh rantau ini.

Jadi kita perlu ubah sikap dan cari jalan penyelesaiannya. Mesti ada kesedaran mengenainya. Kita tidak boleh mengambil sikap tunggu dan tunggu. Kita tidak boleh pejam mata sebelah. Kita tidak boleh dengar rintihan ini bak kata orang tua-tua, masuk telinga kiri keluar telinga kanan. Masuk telinga kanan keluar telinga kiri. Sebaliknya, kita mesti berfikir dan mencari jalan penyelesaian. Badan-badan yang terlibat dengan bahasa dan sastera di negeri ini mesti berbincang dengan penulis. Mesti duduk semeja. Mesti berbincang dengan pemimpin dan kerajaan cara mana hendak menyelesaikan masalah ini. Mesti membuat perundingan cara mana hendak mengatasi masalah birokrasi. Bukan sepanjang masa kita hendak mengeluh dan mengungkit masalah ini di akhbar atau di mana-mana media sehingga orang pun naik muak mendengar atau membacanya.

Asasnya, kita mesti berubah dan bertindak daripada sekarang. Kita sepatutnya tidak lagi bercakap tentang mutu sastera yang semakin menurun. Kita sepatutnya tidak lagi membaca komen pengulas sastera, yang berkata bahawa karya sastera kita tidak bermutu dan tidak peka kepada perkembangan dunia di luar diri penulis. Kita tidak sepatutnya lagi bercakap tentang buku yang tidak terbit. Kerana kerajaan kita bukanlah sebuah kerajaan yang muflis sehingga tidak boleh terbit sebuah buku atau beberapa buah buku untuk penulis negeri ini. Kita mempunyai kerajaan yang kaya dan memahami kepentingan ilmu, memahami kepentingan dalam melahirkan penulis yang dapat membentuk sahsiah masyarakat terutama di kalangan generasi muda, jadi kenapa tidak boleh kita usahakan sesuatu untuk mengangkat martabat penulis dan sastera kita di negeri ini.

Saya rasa kita boleh. Tetapi, sekali lagi saya hendak tegaskan ialah kita mesti berubah. Kita mesti ada kesungguhan. Kita mesti bersatu padu dan bekerjasama, terutama di kalangan

penulis dan pelbagai pihak yang terlibat dalam bidang penulisan dan sastera di negeri ini. Kita perlu mempunyai pandangan jauh ke hadapan dan mempunyai wawasan. Kita perlu menjadikan sastera sebagai sebahagian daripada masyarakat. Kita perlu memberi pelbagai insentif untuk meningkatkan sastera dan menggalakkan generasi muda terlibat dalam bidang ini. Kita perlu menyebarluaskan pemikiran penulis negeri ini terutama dalam bentuk buku. Kita tidak seharusnya cepat melenting dengan satu teguran tetapi tidak berbuat apa-apa.

Saya harap, satu keajaiban akan berlaku dalam dunia sastera kita pada tempoh yang terdekat. Selama lebih dua puluh satu tahun terlibat dalam bidang ini, ingin juga rasanya saya melihat, penulis seniman atau sesiapa saja yang terlibat dalam bidang penulisan ini dihargai sewajarnya. Termasuklah mereka yang terlibat dalam bidang kewartawanan. Ingin rasanya melihat mereka diberikan tempat atau penghargaan pingat kebesaran daripada kerajaan negeri sesuai dengan sumbangan mereka kepada masyarakat. Begitu juga kepada sasterawan, ingin juga rasanya melihat karya mereka mudah diterbitkan. Tiada halangan birokrasi. Ingin juga rasanya melihat acara sastera dihadiri oleh ribuan orang seperti program pemimpin bersama rakyat.

Tetapi semuanya bergantung kepada kesediaan kita untuk melakukan sesuatu yang terbaik terhadap sastera kita. Daripada belakang tabir ini, saya melihat bahawa sastera kita mesti dilonjakkan. Kita mesti mencari formula atau cara yang boleh memacu perkembangan sastera kita. Sudah tentu cara kita bekerja mesti berubah. Sudah tentu kita tidak boleh lagi berpegang kepada cara lama untuk mendapatkan hasil yang terbaik. Kita mesti membuka minda dan insaf akan segala yang telah kita lakukan terhadap sastera dan dunia penulisan di Sabah selama ini. Kita mesti menjayakan sastera kita, demi bangsa, agama dan tanah air.

## Manisnya semangat patriotik

*APAKAH lebih mulia, orang Islam yang hidup tanpa negara. Saya tidak tahu apa nasib mereka kalau hidup dalam sebuah negara yang dikuasai oleh orang lain?. Hari ini, saya dapat bayangkan nasib dan azab yang diterima umat Islam di Palestin atau di Selatan Filipina atau dimana saja pelusuk dunia yang menerima tekanan daripada bangsa lain. Percayalah, semangat patriotik adalah sesuatu yang sangat berkuasa. Lupakanlah tentang politik. Apabila ada sesuatu yang menggugat bangsa atau tanah air sesuatu bangsa, semangat kebangsaan akan bersemarak dan mereka yang bercakap tentang globalisasi atau pergolakan dalam sesebuah negara perlu sedar mengenainya.*

SAYA mula bercakap tentang semangat patriotik ini ketika mengulas karya sastera yang dihasilkan oleh penulis Sabah, lebih kurang lima belas tahun lalu. Saya sudah memahami apakah pentingnya semangat patriotik ini kepada penulis dalam melahirkan karya, sama ada puisi, cerpen atau novel. Saya masih ingat apabila suatu ketika saya membuat kritikan terhadap beberapa karya penulis muda Sabah yang relatif dengan semangat patriotik, Allahyarham Harun Haji Salleh, penulis yang banyak menghasilkan novel berunsur Islam, yang selalu memberi tunjuk ajar dan ada kalanya menjadi teman bergurau, pernah berkata kepada saya, apakah lebih baik menulis karya yang patriotik atau karya yang cinta kepada Islam dan cinta kepada Allah SWT.

Saya menjawab, semangat cinta kepada bangsa dan tanah

air itu juga sebahagian daripada tuntutan agama. Apakah lebih mulia, orang Islam yang hidup tanpa negara. Saya tidak tahu apa nasib mereka kalau hidup dalam sebuah negara yang dikuasai oleh orang lain?. Hari ini, saya dapat bayang nasib dan azab yang diterima umat Islam di Palestin atau di Selatan Filipina atau dimana saja pelusuk dunia yang menerima tekanan daripada bangsa lain. Percayalah, semangat patriotik adalah sesuatu yang sangat berkuasa. Lupakanlah tentang politik. Apabila ada sesuatu yang menggugat bangsa atau tanah air sesuatu bangsa, semangat kebangsaan akan bersemarak dan mereka yang bercakap tentang globalisasi atau pergelakan dalam sesebuah negara perlu sedar mengenainya.

Saya sedar bahawa sangat sedikit yang memahami erti sebenar semangat patriotik yang harus ada dalam diri mereka. Ada yang berkata, semangat patriotik hanya wujud apabila kita berjuang dalam medan peperangan. Ada yang berkata semangat patriotik perlu wujud dalam diri rakyat Iraq dan Palestin yang sedang bergolak dan berhadapan dengan bahang peperangan. Pendek kata semangat patriotik mesti dikaitkan dengan semangat melawan untuk mempertahankan tanah air. Mesti berani melontar atau meletupkan bom atau berani memikul senjata dan menembak musuh dengan gagah. Tetapi malangnya semua itu tidaklah tepat sama sekali.

Semangat patriotik ialah apabila kita memahami tanggungjawab kita dalam mempertahankan negara atau menjadikannya lebih sejahtera, lebih makmur untuk didiami. Semangat patriotik dapat juga dikaitkan dengan perasaan kesetiaan terhadap negara. Satu tindakan yang menumpu perhatian dalam menentukan sumbangan kita terhadap jati diri bangsa, agama dan negara. Sudah tentu apabila kita mencetuskan huru hara dalam negara, maka saya lebih cenderung menganggap bahawa kita sebenarnya tidak

mempunyai semangat patriotik. Apakah kita boleh dikatakan patriotik apabila kita berjaya mewujudkan suasana kacau bilau, kucar kacir dan perpecahan dalam negara? Sudah tentu tidak!

Apakah apabila berlaku perpecahan di kalangan masyarakat Melayu semasa kegawatan politik tahun 1997 yang berlarutan hingga ratusan ribu orang keluar di jalan-jalan mengadakan tunjuk perasaan sambil melaungkan reformasi, maka kita dianggap sebagai patriotik? Sudah tentu tidak!. Kita perlu ingat bahawa apabila sistem politik lumpuh dan sistem ekonomi lumpuh, maka mudahlah untuk kuasa asing menjajah semula negara ini. Mudahlah bagi mereka memperbudak-budakkan dan menjadikan kita kehilangan segala keupayaan untuk melawan. Kita menjadi begitu lemah dan mengikut telunjuk mereka. Jika pemimpin tertinggi negara ini tidak begitu bijak dan cepat bertindak, saya yakin, kita sudah pun menjual negara ini kepada penjajah. Harga yang terpaksa dibayar kerana semangat tidak patriotik kita terhadap negara.

Hari ini semangat patriotik boleh ditunjuk dalam pelbagai cara. Sejak kecil sehingga kita masuk ke liang lahad. Kita juga boleh menunjuk bagaimana semangat patriotik ini boleh diaplikasikan dalam pelbagai bentuk. Apabila kita memasuki alam persekolahan, sejak belajar dalam darjah satu, kita sebenarnya sudah menunjuk semangat patriotik kita. Dengan belajar bersungguh-sungguh sehingga mendapat kelulusan cemerlang dan akhirnya menjadi doktor, peguam, pengurus birokrasi, arkitek, ahli politik yang bijak dan berilmu, jurutera, saintis, guru, tentera dan sebagainya, maka kita telah menunjukkan semangat patriotik mengikut cara tersendiri.

Adalah malang apabila kita mengabaikan pendidikan dalam proses kehidupan bermasyarakat dan bernegara kerana kelihatan kita tidak begitu menyumbang dalam konteks semangat patriotik ini. Bukan bermakna dengan menjadi petani,

nelayan atau buruh kasar maka kita kurang patriotik. Dunia sentiasa berubah. Sumbangan sektor pertanian hari ini tidak begitu besar berbanding dengan sumbangan sektor industri, ICT dan sektor perkhidmatan. Sama ada bersetuju atau tidak, negara ini mesti diurus oleh orang yang berpendidikan dan berpengetahuan tinggi dalam pelbagai bidang. Misalnya kita tidak boleh bergantung kepada kelulusan agama sahaja sehingga semua anak dihantar belajar ke Sekolah Agama Rakyat (SAR) dan kemudian marah kepada kerajaan apabila tidak dapat menyediakan pekerjaan untuk mereka. Kita kena ingat bahawa kita tidak boleh lahirkan semua ulama dalam bidang agama sahaja dan akhirnya kita beri bidang-bidang penting yang lain kepada orang lain. Adakah kita lebih patriotik apabila kita menyerahkan semua ini begitu saja kepada orang lain hanya kerana tidak menguasai ilmu dalam bidang-bidang tertentu? Sudah tentu tidak.

Oleh itu kita mesti insaf akan keperluan sumbangan kita. Kita mesti tahu cara mana kita menyumbang sesuatu kepada kecemerlangan dan kesungguhan bangsa serta negara kita. Dalam bidang sukan pun kita boleh menunjukkan semangat patriotik, misalnya apabila Hafiz Hashim menang dan jadi juara kejohanan badminton *All England*, dia berkata, dia bekerja keras untuk mendapatkan piala berprestij sukan badminton itu kerana negara. Dia tidak habiskan masa muda dengan berseronok, bebas melakukan apa saja seperti keluar malam dan balik pagi. Dia mengejar matlamat hidup dan ini juga sebahagian daripada semangat patriotik. Dia sedar akan maruah bangsa yang tergalas di bahunya sehingga dia bertekad untuk menang dan akhirnya berjaya.

Tidak ramai anak muda kita berfikiran seperti Hafiz Hashim. Daripada jutaan anak muda negara ini, tidak ramai yang memilih untuk bersungguh-sungguh dalam bidang sukan

sehingga mencapai kejayaan. Saya ucapkan tahniah kepada anak muda ini, semoga ia menjadi pendorong kepada generasi muda yang lain. Tetapi yang penting beliau melakukan untuk negara. Kemenangannya adalah kemenangan rakyat dan negara. Untuk menang sepanjang masa bukanlah sesuatu yang mustahil yang penting mesti ada kesungguhan, usaha dan disiplin untuk memburu kejayaan.

Matlamat hidup mesti ditetapkan. Mungkin pada mulanya ia nampak peribadi tetapi akhirnya ia juga akan mengarah menjadi matlamat hidup bangsa dan negara. Umpamanya kita bangga kerana menjadi peguam yang berkarisma dan doktor pakar yang berwibawa. Pada peringkat pertama, ia sudah tentu berkaitan dengan matlamat individu. Tetapi sama ada kita sedar atau tidak, lama kelamaan kita juga sebenarnya telah memberikan sesuatu yang terbaik kepada bangsa dan negara. Inilah yang dikatakan semangat patriotik.

## Penulis perlu sedia terima kelemahan dan hadapi perubahan

*JANGANLAH sesiapa di kalangan penulis dan sasterawan yang mendakwa bahawa nasib malang yang menimpa mereka itu adalah takdir, kerana jika mereka berusaha memperbaiki nasib sehingga berjaya, itu juga adalah takdir.*

SAYA gembira dengan sambutan pembaca dengan tulisan saya bertajuk "Dunia sastera yang kehilangan sengat". Pelbagai reaksi diberikan mengenainya yang dihantar kepada saya melalui e mail. Setidak-tidaknya ia menunjukkan bahawa orang masih sayang kepada dunia sastera ini. Orang masih tidak tergamak membuang sastera ke tengah di lautan, biar ditelan arus ganas gelombang kehidupan atau ditelan jerung maha buas. Ternampak pula bahawa dalam pada manusia semakin mengejar kebendaan dan menyahut cabaran globalisasi yang semakin menghakis penghormatan terhadap sastera ini, masih ada juga beberapa kerat insan yang menghantar mesej simpati terhadap nasib dunia sastera kita dan saya ucap terima kasih yang tidak terhingga kepada mereka.

Saya tersedar bahawa masyarakat kita sekarang rupanya perlu dikejutkan. Mereka tidak perlu lagi diberikan bantal. Kita telah memberi banyak bantal kepada mereka sehingga mereka tidur lena dan malas hendak bangun walaupun matahari telah naik di atas ubun kepala. Mereka liat hendak mengubah diri, liat hendak bangkit daripada segala kekurangan dan kelemahan.

Sebabnya ialah kerana mereka lebih suka tidur dan membiarkan orang lain bekerja untuk menggagalkan dan melemahkan mereka. Penulis dan sasterawan juga tidak terkecuali daripada sikap buruk ini. Mereka mencintai tidur lebih daripada waktu jaga mereka. Sehingga sikap ini menjadikan mereka kelompok masyarakat yang amat lemah, kehilangan kompas hala tuju dan hampir tidak mempunyai visi. Saya telah menyentuh semua ini, tetapi adalah lebih mungkin kita tidak akan berubah untuk jangka masa panjang, jika tidak melihat ke dalam diri dan memperbaiki sikap kita dalam semua perkara.

Saya tidak fikir dunia sastera kita akan maju atau jauh lebih baik daripada sekarang, jika kita menunjukkan sikap yang sama dan jauh lebih buruk daripada sebelumnya. Dunia sastera kita akan terus tenggelam. Sasterawan dan penulis yang kita ada akhirnya akan melukut di tepi gantang. Oleh kerana, mereka juga sebahagian besarnya tidak bersedia membukakan diri kepada ilmu dan nilai-nilai yang baik untuk menjadi angkatan yang kuat, gerakan yang kukuh, bersatu padu bagi mencapai matlamat bersama, maka akhirnya mereka sendiri diperkotak katikkan, menghampiri zaman kehancuran dan musnah dalam keadaan yang amat kreatif sekali. Oleh itu, penulis dan sasterawan kita perlu ingat bahawa segala kekurangan dan kelemahan yang berlaku sekarang adalah kerana kekurangan dan kelemahan kita sendiri.

Jika nasib malang telah ditakdirkan menimpa kita, ia adalah kerana kita tidak membebaskan diri daripada kekelutan minda, yang menjajah kita sehingga kita kehilangan harga diri dan penghormatan. Janganlah sesiapa di kalangan penulis dan sasterawan yang mendakwa bahawa nasib malang yang menimpa mereka itu adalah takdir, kerana jika mereka berusaha memperbaiki nasib sehingga berjaya, itu juga adalah takdir. Maka untuk memperbaiki nasib mereka, penulis dan sasterawan harus

cekap mengurus bukan saja diri dan anugerah bakat kepenulisan yang dianugerahkan Allah SWT kepada mereka, tetapi membangun bersama kelompok masyarakat lain, menguasai ilmu dan kecekapan yang diperlukan untuk maksud itu.

Tetapi asasnya ialah kita mesti berubah dan kita mesti terus berusaha untuk memperbaiki diri dan sentiasa mengkaji pencapaian kita. Penulis dan sasterawan perlu sentiasa melihat pencapaian mereka dalam bidang penulisan atau pun sentiasa menimbang segala sumbangan mereka terhadap gerakan sastera di negeri ini. Sekarang kita berhadapan dengan cabaran pemantapan bahasa Melayu yang amat besar dalam sejarah pendidikan negara kita. Mahu tidak mahu kita terpaksa menerima hakikat bahawa bahasa Inggeris telah menempatkan dirinya dipersada dunia yang turut meresapkan dirinya dengan kukuh dalam pembentukan negara bangsa kita. Sekarang kita tidak lagi bercakap tentang bahasa Melayu sebagai alat perpaduan bangsa dan pengukuhan negara, tetapi kita bercakap sama ada kita dapat mengekalkan kemerdekaan ini dengan membelakangkan bahasa Inggeris.

Kita telah mengubahsuai diri sehingga kita percaya bahawa kita perlu menjadi orang lain untuk menempatkan diri di tempat yang sesuai dengan perubahan zaman ini. Kita percaya untuk menjadi masyarakat yang maju dan bertamadun, kita perlu mengukur diri dengan pembaris yang mereka miliki dan bukan dengan pembaris yang kita pegang secara tradisi, tetapi semakin kehilangan nilai. Sebab itu, kita perlu kembali kepada bahasa Inggeris. Pendidikan kita perlu dilnggeriskan semula. Sama ada kita dijajah semula dalam bentuk baru, bukanlah persoalannya. Apa yang penting ialah perubahan mesti berlaku dan kita hendaklah bersedia menanganinya.

Memang benar ramai yang memberi pandangan, sama ada pro dan kontra mengenai isu itu. Tetapi sudah tentulah semua

pandangan itu, sama ada baik atau buruk akan menentukan masa depan bahasa Melayu dan perjuangan kita dalam dunia sastera. Muah tak muah kita perlu menghadapi persaingan ini. Kita perlu bertanya kepada diri kita, apakah kuasa yang kita ada untuk menghadapi cabaran yang sehebat ini. Cuba kita tanya sikap kita, strategi dan perancangan kita untuk menghadapi perjuangan mendaulatkan bahasa ini. Barangkali, kita patut merasa malu, kerana kita membiarkan diri kita lemah, kita mengecilkan diri dan berpecah, tetapi mudah-mudahan kita akan berubah dan boleh melalui semua itu dengan memperoleh kejayaan, selepas ini. Itu harapan kita dan ada di antara kalangan penulis dan pengamat sastera yang menghantar e-mail kepada saya masih muah melihat agar sastera kita tetap menjadi satu bidang yang bermaruah serta tidak kehilangan peranan dan sengat dalam era globalisasi ini.

Saya amat berterima kasih dengan Tuan Haji Halim Haji Akmad, yang menghantar e-mail kepada saya. Sesungguhnya kandungan e-mail beliau itu amat berkesan, terselit kata-kata peransang sehingga saya berfikir berkali-kali tentang perjuangan sastera kita di negeri ini. Saya ucap terima kasih kepada beliau kerana reaksi berkenaan dan sokongannya terhadap perjuangan sastera. Walaupun menurutnya, beliau sendiri sudah lama meninggalkan dunia sastera kerana pelbagai hambatan dan persekitaran yang sangat mendesak dan terbatas untuk dunia penulisan. Tetapi katanya, jiwa dan darah beliau tetap dalam dunia (sastera) ini yang rahsianya tidak mungkin orang lain tahu selain daripada penulis itu sendiri. Mudah-mudahan beliau sentiasa dirahmati Allah SWT dan mendapat berkat dalam apa juga perkara yang dilakukan oleh beliau termasuklah kefahaman beliau yang mendalam mengenai nasib penulis dan sastera kita di negeri ini.

Apapun, kita tetap sedih dengan nasib sastera kita. Ini

tidak lain ialah kerana tabiat dan kerena penulis kita sendiri yang kurang berminat dengan perubahan yang boleh membawa kebaikan kepada mereka. Oleh itu, sesuatu meski dilakukan. Penulis, sasterawan dan aktivis sastera perlu berganding bahu menghadapi pelbagai hambatan birokrasi, perlu bersedia menangani perubahan dan cabaran. Gerakan sastera perlu mempunyai visi, wawasan dan suara yang berkesan dalam masyarakat. Saya yakin, tidak ada sesuatu yang lebih baik selain daripada penulis, sasterawan dan aktivis sastera melupakan seketika kelemahan mereka dan bergerak maju ke hadapan dan dihormati.

Memang benar, kita bersedih dengan apa yang berlaku. Saya sudah mengamati perkara ini sejak lama dan sedikit sebanyak saya telah melalui dan mengalaminya. Mungkin saya datang daripada generasi ketiga sastera kita seperti yang dinyatakan oleh Tuan Haji Halim Akmad, dalam e-mailnya, tetapi pengalaman yang dilalui itu menunjukkan bahawa kita (golongan penulis, sasterawan dan aktivis sastera ini) memang lemah. Inilah hakikatnya. Tidak ada sesiapa yang boleh mendakwa dirinya kuat dan hebat dalam dunia sastera yang kecil dan terpinggir ini. Percayalah, mereka hanya boleh majukan diri, boleh menebus sepenuhnya maruah mereka, jika mereka sedar bahaya yang mereka hadapi hari ini dan esok hari. Jika mereka alpa dan tidak sedar, mereka tidak akan dapat menyediakan persiapan dan dengan itu mereka tidak akan berjaya menempuh, apa lagi mengatasi pelbagai cabaran yang datang kepada mereka.

Oleh itu, penulis, sasterawan dan aktivis sastera perlu bekerja kuat dan perlu sentiasa mempunyai keinginan untuk meningkatkan lagi pencapaian dan bersedia menghadapi cabaran dunia sastera kita. Mereka juga perlu responsif. Mereka perlu menggariskan matlamat perjuangan dalam jangka masa tertentu yang mereka boleh capai. Mereka perlu menggerakkan dan

menyemarakkan apa juga kegiatan kesusastraan dan kebahasaan, selaras dengan tuntutan negara dalam jangka masa yang ditetapkan. Mereka mesti mengukuhkan kedudukan, menaikkan imej dan mempertingkatkan kewibawaan serta mengekalkan perpaduan, semangat kerjasama di kalangan penulis. Janganlah ada pemisahan antara penulis sehingga apabila kita menghadapi musuh atau pun masalah, maka kita tidak bertindak bersama dengan serentak, dengan satu tujuan. Apa salahnya kita mempunyai satu suara dalam memperjuangkan nasib kita, nasib sastera dan bahasa kita. Kita tidak miskin kerana kita bersatu padu dan membulatkan suara dalam perjuangan yang bermaruah.

## Penulis perlu bawa kelainan dalam berkarya

*HIDUP adalah keterbatasan tetapi pengetahuan tidak terbatas. Untuk menuntut yang tidak terbatas dengan terbatas adalah melesukan tetapi usaha mesti terus dilakukan.*

SEBELUM ini, saya telah menceritakan serba sedikit, beberapa pengalaman menghasilkan karya yang termuat dalam buku antologi cerpen *Dunia Iris*. Selain daripada menceritakan proses penciptaan beberapa buah lagi cerpen yang termuat dalam antologi itu, saya akan memberi penekanan serba sedikit di sana sini mengenai perlunya seorang penulis membawa kelainan dalam setiap hasil karyanya.

Setiap penulis memang perlu memberi kelainan dalam hasil karyanya. Ini yang saya fikirkan berkali-kali. Jika penulis masih belum menemui bentuk, gaya, cara pengolahan bahasa tersendiri dalam karyanya atau dalam erti kata lain masih lagi terikut-ikut dengan cara pengolahan, bentuk dan gaya penulisan oleh penulis lain yang lebih establish daripadanya, maka dia sebenarnya masih lagi perlu merenangi lautan kepenulisan yang luas untuk mencari dirinya.

Saya sering kali menyatakan bahawa proses penciptaan sesebuah cerpen, mesti berbeza di antara seorang pengarang dengan seorang pengarang yang lain. Walaupun pada teorinya sesebuah cerpen yang konvensional mesti ada plot, mesti ada watak, menggunakan medium bahasa yang sama, tetapi ia boleh diolah mengikut gaya dan teknik penulisan tersendiri. Suatu ketika saya suka menulis cerpen yang menggunakan ayat yang

panjang, meleret dan kurang berdialog seperti yang pernah diistilahkan oleh Ailin Nor, dalam beberapa ulasan beliau. Tetapi sebenarnya inilah teknik dan gaya penulisan yang saya pilih dalam menyatakan pengalaman atau ide dalam berkarya.

Sehingga pembaca bolch membuat tanggapan bahawa karya ini atau karya itu adalah tulisan saya walaupun editor tidak meletakkan nama saya sebagai penulis kepada cerpen berkenaan. Untuk mencapai peringkat ini sebenarnya tidak mudah, ia memerlukan usaha bersungguh-sungguh berterusan bagi tempoh waktu yang panjang. Saya sendiri bermula dengan menulis cerpen konvensional biasa seperti yang ditulis oleh orang lain, sehinggalah sama ada disedari atau tidak akhirnya saya menulis cerpen yang mengetengahkan imej saya dalam berkarya, gaya pengolahan yang tentunya berbeza dengan penulis lain di negeri ini.

Sudah tentu ia adalah satu perjalanan yang panjang. Walaupun hakikatnya ada sesetangah kritikan menegaskan bahawa saya hanya menyentuh mengenai kegagalan, dunia peribadi yang malang. Tetapi bukankah kehidupan ini bermula dengan kegagalan. Bagaimana kita boleh melihat kehidupan itu sebaliknya, jika kita menggunakan keterbatasan untuk mengukur ketidakbatasan? Jika kita meletakkan hidup yang pendek dan tenaga yang terbatas, penuh kekurangan dan lemah seimbang dengan yang ideal yang secara definisinya tidak boleh tercapai. Hidup adalah keterbatasan tetapi pengetahuan tidak terbatas. Untuk menuntut yang tidak terbatas dengan terbatas adalah melesukan tetapi usaha mesti terus dilakukan.

Mungkin terdapat banyak seniman di dunia yang pada mulanya menulis tentang dirinya, tetapi akhirnya dia sampai di satu peringkat dimana mulutnya semakin berat untuk berkata-kata mengenai dirinya. Dia akan melalui proses yang semakin berhati-hati, semakin bukan peribadi. Semakin baik dia menulis

tentang dirinya, semakin kurang dia merakamkan tentang dirinya. Sebaliknya dia akan merakamkan dunia dan kita belajar mengenalinya berdasarkan kepada dunia yang diperkatakannya dan sudah pasti dunia itu merupakan dunia yang berbeza di antara yang lainnya.

Perlu diingat, hasil sastera yang dihasilkan daripada sebuah kerajaan hati yang harmoni dan tenteram adalah baik, malah mengembirakan. Tetapi sebuah hasil sastera yang dihasilkan dari sebuah kerajaan jiwa yang tidak tersusun dan berkecamuk adalah sedih, sayu dan penuh amarah. Tetapi asasnya, sastera perlu berkomunikasi, Perbezaan di antara hasil kesusasteraan dan hasil bukan kesusasteraan ialah terletak sama ada ia dapat berkomunikasi atau tidak kepada khalayaknya.

Berbalik kepada proses penciptaan beberapa buah cerpen yang termuat dalam antologi *Dunia Iris*, saya cenderung menegaskan bahawa cerpen-cerpen yang dihasilkan memang membawa kelainan daripada cerpen yang dihasilkan penulis lain negeri ini. Kelainan ini jelas dapat dilihat di segi stil dan gaya bahasa penulisan. Pengaruh puisi tidak dinafikan terdapat disana sini kerana sejarah saya dalam bidang kepenulisan bermula daripada menulis puisi sebelum menceburkan diri dalam bidang penulisan cerpen. Saya sudah menulis ratusan buah puisi yang tersiar di akhbar tempatan dan kebangsaan ketika saya baru mula menjinakkan diri dalam bidang penulisan cerpen.

Saya mengambil masa yang lama sebenarnya untuk menghasilkan cerpen yang pertama. Ketika cerpen saya bertajuk "Sahabat" tersiar di akhbar tempatan (cerpen berkenaan tidak termuat dalam antologi *Dunia Iris*) saya sudah pun menulis puisi lebih daripada sepuluh tahun. Jadi pengalaman dalam bidang penulisan puisi ini terbawa-bawa dalam gaya bahasa saya ketika menulis cerpen. Akhirnya ia dilihat sebagai satu kelainan dan hanya beberapa orang penulis negeri ini sejauh pengamatan saya

yang membawa kelainan dalam proses penghasilan karya cerpen mereka.

Jumlah mereka tidak ramai. Antaranya ialah A. Karim Kadir, Hassan Jaidin, Ailin Nor dan Ismailay Bongsu. A. Karim Kadir dan Hasan Jaidin, walaupun dikenali hingga di peringkat kebangsaan dan karya mereka pernah menang Hadiah Sastera Perdana Malaysia, tetapi mereka kini tidak lagi aktif menghasilkan karya. Ailin Nor yang suatu ketika dulu menghasilkan cerpen seperti "Songsang" yang dianggap agak berlainan, termasuk percubaannya menginterpretasi semula beberapa kisah dalam sejarah Melayu, tetapi kerana keterlibatannya dalam bidang kewartawanan, maka akhirnya beliau jarang dan tidak lagi aktif menghasilkan cerpen. Namun, Ailin masih prihatin terhadap perkembangan sastera semasa melalui tulisannya yang sering tersiar dalam akhbar tempatan.

Selain daripada mereka, Ismaily Bongsu juga seorang penulis cerpen yang saya anggap membawa kelainan dalam arena penulisan cerpen negeri ini. Kadang-kadang beliau seorang penulis yang kontroversial, tetapi cerpen yang beliau hasilkan memang jelas membawa perbezaan. Kadang-kadang sukar mencari ciri-ciri karya konvensional di dalam cerpen yang dihasilkannya. Tetapi inilah jati diri beliau dalam konteks pengkaryaan. Sudah tentu, ini dibantu oleh kerajinan beliau membaca dan belajar daripada tradisi penulisan yang rencam dan pelbagai sama ada datang daripada negara serantau atau daripada tradisi kesusasteraan dunia yang luas.

Sewaktu saya menulis cerpen "Keretapi Malam" yang turut termuat dalam antologi *dunia Iris*, pertama sekali yang terlintas di dalam pemikiran ketika itu ialah saya hendak berkongsi pengalaman dengan khalayak bahawa kehidupan kita di dunia ini adalah sementara. Ibarat menaiki sebuah keretapi sehala ke desitinasi yang abadi. Kita tidak ada pilihan sebenarnya,

selain daripada menaiki keretapi berkenaan dengan penuh keyakinan bahawa kita tidak akan kembali.

Malah tidak ada satu apa pun yang kita miliki di dunia ini terutama yang berbentuk harta benda, yang boleh dibawa ketika dalam perjalanan ke negeri abadi itu. Inilah yang saya hendak sampaikan dan sejauh ingatan saya, ia tidak pernah ditulis oleh penulis negeri ini. Mungkin ada yang bertanya, kenapa saya memilih tajuk "Keretapi Malam" sedangkan pada hakikatnya kita tidak ada satu perkhidmatan keretapi malam di negeri ini. Tetapi sudah tentu ada di antara kita yang pernah mendengar mengenai perkhidmatan keretapi Express Senandong Malam di Semenanjung. Setelah berfikir berkali-kali, akhirnya saya memutuskan untuk memilih tajuk "Keretapi malam" Alasan saya ialah perkataan "Malam" juga turut menggambarkan sebuah dunia yang tidak pasti, yang ada kalanya di luar jangkauan panca indera. Dunia gelap dan saya akui, saya memang terpengaruh dengan keterlibatan saya sebagai penyair ketika menghasilkan cerpen itu.

Beginu juga ketika menulis cerpen "Sebuah kedai di kota saya". Shahnon Ahmad ketika membuat kritikan terhadap cerpen itu di majalah Dewan sastera berkata bahawa saya terpengaruh dengan gaya penulisan cerpen penulis Amerika Latin, Gabriel Garcia Marquez, yang menulis cerpen "Seorang lelaki yang bersayap" yang tiba-tiba turun di tengah sebuah kota dan menjadi tumpuan ramai. Itu tafsiran Shahnon Ahamad, tetapi apa yang saya hendak sampaikan di dalam cerpen itu sebenarnya ialah kritikan saya terhadap satu perkara yang saya fikir tidak dilakukan dengan betul pada setiap kali bulan september di negeri saya.

Itu saja, tetapi pengkritik sebenarnya bebas membuat tafsiran mengikut kecenderungan, ilmu bantu, keahlian serta kebijaksanaannya.

## Dasar pendidikan kebangsaan dan hak Melayu/Bumiputera

*MEMANG tidak ada masalah untuk mereka tidak bersetuju terhadap sebarang dasar yang diperkenalkan kerajaan, kerana kita telah memilih untuk mengamalkan sistem demokrasi di negara ini. Saya percaya kita semua saham tentang demokrasi. Tetapi biarlah kita sentiasa berwaspada terhadap demokrasi, jika ia juga membuka ruang kepada sebarang usaha yang boleh menggugat kestabilan dan menghancurkan perpaduan yang utuh di kalangan rakyat berbilang kaum negara ini.*

BARU-BARU ini saya menghantar anak sulong saya melanjutkan pelajaran dalam bidang kejuruteraan di Universiti Islam Antarabangsa, di Kuala Lumpur. Dalam hati kecil saya, saya merasa sebahagian kecil daripada cita-cita untuk memberi pendidikan terbaik hingga ke peringkat tinggi kepada anak-anak telah membawa hasil bagi menjamin masa depan mereka, supaya mereka menjadi manusia yang terdidik dan berkeupayaan untuk bersaing dalam menikmati kehidupan lebih baik. Saya gembira, walaupun saya tidak tahu apa yang akan berlaku selepas ini.

Tetapi, memang saya gembira. Saya telah merancang, kerana kita memang boleh merancang, kita berusaha, selebihnya kita serahkan kepada takdir yang akan menjadi penentu kepada segala-galanya. Namun kuncinya, ialah kita boleh bentuk anak-anak mengikut acauan yang kita hendak. Tidak ada yang mustahil dan kita boleh buat. Namun, jangan lupa, dasar kerajaan juga terutama berkaitan pendidikan sebenarnya perlu diberi

perhatian serius, kerana ia memberi kesan mendalam dan amat besar kepada masa depan generasi muda di negara ini, malah masa depan bangsa dan negara yang tercinta ini.

Saya mungkin, pada peringkat ini, setelah melihat kejayaan anak sulong saya memasuki Institut Pengajian Tinggi Awam (IPTA), tidak akan merasa sesuatu yang tidak kena terhadap sistem meritokrasi yang diperkenalkan kerajaan bagi mengganti sistem kouta yang telah diamalkan sejak sekian lama di dalam sistem pendidikan kita. Kerana ia tidak menjelaskan peluang bukan saja anak saya tetapi juga peluang puluhan ribu pelajar Melayu/ Bumiputra lain ke IPTA, walaupun mereka terpaksa bersaing secara terbuka mengikut sistem itu. Tetapi jika kita berusaha dan disediakan kemudahan, tenaga pengajar yang baik, sistem pembelajaran yang berkualiti dan disertai komitmen pelbagai pihak, kita akan berjaya dan mencapai keputusan yang cemerlang.

Cuma masalahnya ialah masalah *tradisi* yang diwarisi sejak turun temurun. Masalah hak Melayu/Bumiputra yang terpaksa dikorbankan. Kita perlu ingat bahawa orang Melayu/ Bumiputra telah terlalu banyak berkorban untuk kemerdekaan dan kedaulatan negara ini. Bangsa Melayu seperti kata Noor Azam dalam sebuah tulisannya ialah bangsa di dunia yang telah banyak dan sentiasa berkorban untuk kepentingan nasional - untuk bangsa Malaysia dan negara Malaysia. Misalnya, nama Tanah Melayu dijadikan negara Malaysia. Bahasa Melayu dijadikan Bahasa Malaysia. Bahasa Tamil dan Cina terus berkembang. Ketika mencapai kemerdekaan, taraf kerakyatan diberikan kepada kaum pendatang. Ini tidak berlaku di negara lain.

Orang Putih di Amerika masih memanggil orang Negro sebagai *Black American*. Di Britain, kecuali dalam arena bola sepak, mereka hanya baru saja melantik seorang yang berkulit hitam

menjadi menteri kabinet. Tetapi kita sudah melantik menteri keturunan Cina dan India 50 tahun yang lalu. Malah di Pulau Pinang dan di negeri Sabah, kita melantik masyarakat keturunan Cina menjadi ketua menteri, kerana kita tahu pengorbanan kita dan sistem demokrasi yang kita ada. Kita tahu cara kita berpolitik dan masalah yang kita ada.

Dalam bidang ekonomi bangsa Melayu/Bumiputera amat jauh ketinggalan berbanding dengan bangsa lain. Kita terpaksa menerima hakikat bahawa kita memang ditakdirkan untuk berkorban dan berduka untuk kedaulatan negara ini. Sehingga jika sesuatu ditakdirkan berlaku terhadap negara kita, berlaku peperangan umpamanya, berlaku huru hara, saya percaya orang Melayu/Bumiputera juga yang akan berada di barisan hadapan mempertahankan negara ini, kerana tanah ini secara tradisinya tanah warisan nenek moyang mereka yang perlu dipertahankan hingga ke titisan darah yang terakhir. Tetapi orang lain yang kaya raya dan memiliki kemampuan dan ada serba serbi, mereka akan berhijrah, kita sudah pun mendapat bayangan ini. Sekilas ikan di air, kita sudah tahu jantan dan betinanya.

Berbalik kita kepada kisah pendidikan tadi, dahulu, kita sediakan kouta kerana kita khuatir pelajar Melayu tidak boleh bersaing. Kita khuatir masa depan pelajar Melayu/Bumiputera ke IPTA tidak terjamin, tetapi nampaknya keadaan itu sudah berlalu. Kita sudah berubah. Masyarakat khususnya pelajar Melayu/Bumiputera sudah bersedia menghadapi persaingan. Ibu bapa lain yang anak mereka juga berjaya ke IPTA melalui sistem meritokrasi, saya kira tidak merasa sesuatu yang tidak kena dengan sistem ini. Ini berikutnya, lebih enam puluh peratus pelajar Melayu/Bumiputera telah berjaya masuk ke IPTA di bawah sistem meritokrasi ini.

Namun, ini bukanlah jaminan bahawa sistem ini yang terbaik dan setiap tahun jumlah pelajar Melayu/Bumiputera ke

IPTA semakin meningkat. Tetapi kita juga kena fikirkan masalah pendidikan orang Melayu/Bumiputera di kawasan luar bandar. Banyak lagi kelemahan yang perlu diperbaiki bagi membolehkan mereka benar-benar mampu bersaing. Cuba bayangkan, apa yang berlaku jika peratus kemasukan pelajar Melayu/Bumiputera menurun pada masa depan? Sudah tentu, perkara terpenting yang kita kena fikirkan ialah masalah ketidakseimbangan yang mungkin menjasakan masalah perpaduan dan integrasi antara kaum di negara ini pada masa depan. Sebab itu kita perlu ingat, jika kita salah dalam menangani sistem pendidikan negara ia mungkin menimbulkan masalah jurang antara kaum yang negatif, yang boleh menimbulkan pelbagai masalah sosial dan seterusnya menggugat kestabilan serta keharmonian negara yang tercinta ini.

Sebagai sebuah negara yang berbilang kaum atau majmuk, kita tidak dapat memisahkan diri dengan pelbagai masalah ini. Sepatutnya sejak dahulu lagi, kita perlu bertegas dalam banyak perkara dan isu mengenai sistem pendidikan di negara kita. Sepatutnya sejak awal merdeka lagi kita sudah memperkenalkan sistem sekolah wawasan misalnya, di mana semua kaum dapat berinteraksi di dalam sekolah yang jelas matlamatnya, supaya semua kaum dapat belajar membentuk masa depan mereka secara bersama dalam sebuah negara tanpa sebarang kerohan politik yang keterlaluan. Tetapi sehingga sekarang tokoh politik, institusi parti politik kita yang mewakili kaum ini kurang memberi perhatian kepada usaha menyatupadukan kaum.

Memang tidak ada masalah untuk mereka tidak bersetuju terhadap sebarang dasar yang diperkenalkan kerajaan, kerana kita telah memilih untuk mengamalkan sistem demokrasi di negara ini. Saya percaya kita semua faham tentang demokrasi. Tetapi biarlah kita sentiasa berwaspada terhadap demokrasi, jika

ia juga membuka ruang kepada sebarang usaha yang boleh menggugat kestabilan dan menghancurkan perpaduan yang utuh di kalangan rakyat berbilang kaum negara ini.

Sejak dahulu kita yakin, melalui Dasar ekonomi Baru (DEB) kita dapat mengurangkan jurang perbezaan ekonomi antara Melayu/Bumiputera dan bukan Melayu/Bumiputera yang ketara di negara ini, akibat daripada sistem "Jajah dan Perintah" yang diperkenalkan oleh penjajah Inggeris di negara ini. Oleh sebab kita sudah mewarisi daripada penjajah satu rupa bentuk masyarakat yang tidak memihak kepada orang Melayu/Bumiputera yang rata-rata miskin dan tinggal di luar bandar, maka sistem pendidikan kita sesudah merdeka perlu memainkan peranan penting dalam soal ini.

Kita perlu memikirkan kepentingan masyarakat Melayu/Bumiputera yang menjadi penduduk majoriti di negara ini. Apa yang akan berlaku jika mereka terus ketinggalan dalam serba serbi kehidupan pada sebuah negara yang secara tradisinya, dimana ketamadunannya telah diasaskan dan telah dibentuk oleh mereka sendiri selama ini dan sejak zaman kegemilangan kerajaan Melaka lagi?. Sudah tentu pelbagai masalah akan timbul. Sebab itu peristiwa 13 mei telah berlaku sebagai pengajaran kepada kita semua. Tetapi malangnya kita tidak suka belajar kepada sejarah buruk yang berlaku kepada kita. Ini tabiat kita. Maka bermacam-macamlah tuntutan yang kita buat sehingga kita lupa aspek lain tentang perpaduan dan kestabilan hidup yang penuh harmoni di negara ini. Sebab itu sekarang kita ada universiti yang didukung oleh parti politik, termasuk MCA dan MIC.

Apa yang berlaku jika Umno pula yang menuntut hak untuk mendirikan sebuah universiti untuk Umno? Apa yang akan jadi kepada integrasi nasional dan bangsa Malaysia? Kita perlu fikir, bukan saja keuntungan jangka pendek, tetapi juga

keuntungan jangka panjang. Ingatlah, segala kemajuan yang dinikmati ini tidak bermakna jika negara ini tidak stabil, huru hara dan kucar kacir. Ingatlah, semua yang kita nikmati ini akan hancur musnah. Tamadun yang telah kita bina ini akan berkecaci. Apa lagi yang kita hendak daripada kemusnahan dan kehancuran? Melainkan, kita terpaksa membina semula negara kita, kita terpaksa bangkitkan semula bangsa kita. Kita terpaksa susun balik negara dan hidupkan sebuah tamaduan yang baru. Kita terpaksa bermula daripada bawah dan sudah pasti kita akan mengambil masa yang lama untuk memperbetulkan dan memulihkannya. Tetapi kenapa kita tidak mahu belajar daripada semua ini. Kenapa kita tidak pernah belajar daripada kemusnahan dan kehancuran tamadun bangsa lain?

Sekarang kita heboh dengan masalah kemasukan pelajar Melayu/Bumiputera ke Institut Pengajian Tinggi Swasta (IPTS). Kita juga heboh dengan dasar baru kementerian pendidikan yang membuka 10 peratus kouta dalam Program Matrikulasi dan Maktab Rendah Sains MARA (MRSM) kepada bukan Bumiputera. Malah pelbagai dasar baru diperkenalkan di dalam sistem pendidikan termasuklah memperkenalkan pengajaran Bahasa Inggeris bagi mata pelajaran Sains dan Matematik, sehingga kita nampak pendidikan seolah-olah menjadi sebiji bola yang ditendang sesuka hati dalam arena politik kita. Sehingga setiap hari kita seolah-olah menunggu apa lagi yang bakal dilakukan dalam sistem pendidikan untuk mengorbankan hak orang Melayu/Bumiputera bagi mendapatkan peluang pendidikan yang terbaik di negara ini. Saya rasa sesuatu mesti dilakukan dan perlu diperbetulkan.

## Jangan menyemai sikap benci

SEKALI kita merdeka, kita hendaklah merdeka selama-lamanya. Kita tidak hendak berpaling semula ke belakang dan membenarkan negara ini dijajah kembali oleh kuasa asing, seperti apa yang berlaku beberapa ratus tahun lalu apabila negara ini dijajah oleh kuasa asing seperti Belanda, Portugis, Jepun dan British.

SEWAKTU saya membentangkan kertas kerja dalam pertemuan penulis pelbagai kaum anjuran GAPENA di Seremban Negeri Sembilan, saya masih ingat seorang penulis muda yang turut membentangkan kertas kerja bersama saya (tidak perlulah disebutkan namanya) ketika itu dengan agresif telah menimbulkan persoalan agar kerajaan tidak bersikap prejudis dan "Marah-marah" terhadap golongan muda yang pada anggapannya ketika itu tidak mendapat perhatian serius daripada kerajaan dan terpaksa berpaling kepada bantuan dana asing bagi membiayai program kesenianya.

Pengalaman pembentang kertas kerja itu kononnya cukup memeritkan. Ketika beliau cuba mendapatkan dana daripada kerajaan melalui agensi tertentu bagi tujuan pelaksanaan program kesenian, beliau tidak diendahkan. Akhirnya beliau berpaling untuk mendapatkan dana asing dan beliau berjaya melakukaninya. Apabila beliau berjaya, beliau dengan megah dan bencinya, menyalahkan dan mengutuk kerajaan yang kita ada sekarang dan memuji secara melangit agensi dana asing itu.

Kenapa ini boleh berlaku? Apakah harga diri kita mudah dibeli? Apakah apabila sesuatu agensi asing menghulurkan kita

sejumlah wang untuk membiayai program kesenian kita, maka akhirnya kita buta mata dan buta hati serta tidak lagi dapat melihat segala sumbangan kerajaan kepada kita selama ini. Apakah kerana sejumlah wang yang diberikan itu, maka kita lupa sumbangan kerajaan yang telah memastikan negara ini aman makmur serta maju sehingga kita mendapat pendidikan yang baik, malah akhirnya kita juga mampu mengerjakan kerja-kerja kesenian dengan sempurna dengan ilmu yang kita ada.

Kita perlu faham, bukan sepanjang masa kerajaan dapat memenuhi keperluan kesenian kita, kerana ia juga perlu memikirkan kerja-kerja bidang lain dan perlu menjaga lebih 22 juta rakyat negara ini secara adil dan saksama. Ibu bapa juga adakalanya tidak dapat memenuhi semua keperluan anak mereka, tetapi inilah hakikat sesetengah generasi muda kita, yang apabila mereka hendakkan sesuatu dan hajat mereka tidak dapat dipenuhkan oleh orang terdekat dengan mereka, maka mereka cepat melenting dan cuba mencari jalan keluar daripadanya. Apabila hajat itu dipenuhi oleh orang lain, mereka cepat pula menudung bahawa kita tidak menghargai mereka, kita tidak peka kepada kehendak mereka dan mereka cepat buta mata hati dan tidak nampak pengorbanan yang kita telah lakukan kepada mereka selama ini.

Jika sikap ini tidak dibetulkan, percayalah akhirnya kita hanya akan melahirkan generasi muda yang akan menjual negara ini kepada kuasa asing. Tidak hairan jika suatu hari akan ada generasi muda yang sanggup menjual maruah dan menggadai negara ini, hanya semata-mata kerana mereka mendapat sesuatu daripada orang asing itu. Oleh itu mesti ada pertimbangan yang bijaksana. Mesti berhati-hati dalam setiap kata-kata yang diucapkan. Begitu juga kita hendaklah bertanggungjawab sepenuhnya terhadap segala tindakan yang kita lakukan.

Memang tidak salah kita mendapat bantuan, dana atau

apa juga bentuk sumbangan daripada orang asing atau agensi atau institusi asing, tetapi ia seharusnya tidak mempengaruhi fikiran kita untuk berkata bahawa kerajaan kita tidak baik atau pemimpin atau agensi kerajaan yang kita ada hari ini amat buruk dan sebagainya. Kerana percayalah, sikap ini akhirnya akan memakan diri sendiri. Akhirnya akan memberi keuntungan kepada seseorang tetapi merugikan banyak pihak, termasuk kemungkinan menyerahkan semula negara ini kepada penjajah, sesuatu yang kita tidak mahu berlaku ke atas negara ini semula, sampai bila-bila.

Sekali kita merdeka, kita hendaklah merdeka selamanya. Kita tidak hendak berpaling semula ke belakang dan membenarkan negara ini dijajah kembali oleh kuasa asing, seperti apa yang berlaku beberapa ratus tahun lalu apabila negara ini dijajah oleh kuasa Barat seperti Portugis dan British. Oleh itu sekali lagi, saya menyarankan agar kita sentiasa berhati-hati dan sentiasa mengutamakan kepentingan bangsa, agama dan negara melebihi segala-galanya. Memang wajar untuk kita tidak berpuas hati terhadap sesuatu perkara. Memang sudah menjadi hak kita untuk tidak bersetuju dengan sesuatu perkara dan menjadi lumrah dalam diri kita sebagai manusia untuk bersikap kontra dengan sesuatu yang kita rasa tidak banyak memberi kelebihan kepada kita.

Bukanlah manusia namanya, jika kita bersetuju dan berpuas hati dengan semua yang kita ada atau apa yang kita dapat dalam kehidupan. Sebab itu perubahan sentiasa berlaku. Tradisi ilmu sentiasa berkembang. Sains dan Teknologi sentiasa mencipta peralatan baru dan lebih canggih. Kita tidak statik tetapi sentiasa berubah dan berkembang. Kita bangun pada esok hari dan mendapati bahawa kita tidak lagi serupa dengan hari-hari yang telah berlalu. Inilah hakikat dan kenyataan hidup, tetapi ia hendaklah dihadapi dengan bijaksana, dengan usaha

yang bersungguh-sungguh, dengan bersikap positif, dengan sikiran yang rasional dan tidak mudah terpengaruh dengan dakyah asing.

Saya nyatakan semua ini, dengan harapan kita akan lebih sayang kepada tanah air dan bumi kelahiran kita ini. Tidak ada lagi tempat yang lebih cantik selain daripada bumi kelahiran kita sendiri. Tanah tumpah darah kita. Saya telah pergi ke banyak tempat di merata dunia termasuk pergi ke bumi para anbia, Egypt atau Mesir, tetapi percayalah, negara kita ini sesungguhnya jauh lebih baik, lebih cantik dan lebih indah. Saya tidak mencintai negara ini lebih mendalam, sehingga saya melihat sendiri apa yang berlaku dan apa yang ada ketika berada di luar negara. Hujan emas di negeri orang, hujan batu di negara sendiri, lebih baik lagi apa yang ada di negara sendiri. Tidak ada kebaikannya kita mengagungkan orang luar dan negara asing, jika akhirnya mereka mempunyai niat buruk terhadap negara ini. Jadi kita mesti berhati-hati dan sentiasa terus berhati-hati.

Dalam sejarah kepimpinan negara, sejak merdeka lagi kita memang berhadapan dengan pelbagai kerena yang ditimbulkan oleh beberapa pihak yang tidak menyukai sesuatu tindakan yang dilakukan kerajaan dan kepimpinan yang ada ketika itu. Dalam zaman Tunku Abdul Rahman, ada kalangan rakyat negara ini yang menganggap kepimpinan beliau sebagai terlalu lembut, tidak tegas dan sangat bertolak ansur, sehingga akhirnya para pejuang kemerdekaan itu berasa hampa dan kecewa. Cita-cita perjuangan mereka tidak terlaksana. Bahasa Melayu dan pendidikan aliran Melayu ketika itu diabaikan. Akibatnya guru-guru Melayu dan pejuang bahasa menentang Menteri Pelajaran dan Perdana Menteri ketika itu. Ramai yang mengambil risiko dengan menyertai PAS sehingga PAS menang di Kelantan pada tahun 1959. Tetapi perjuangan kebangsaan berteraskan bahasa dan budaya Melayu terus didokong oleh seluruh orang Melayu,

termasuk ahli dan penyokong parti pembangkang.

Perasaan tidak puas hati juga wujud semasa kepimpinan Perdana Menteri Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad. Walaupun pentadbirannya berjaya melaksanakan pelbagai tindakan drastik dengan program sosial, politik dan ekonomi yang berani, sehingga negara mencapai kejayaan luar biasa, tetapi beliau juga tidak terlepas daripada segala bahana kebencian rakyat yang tidak bersetuju dengan beliau. Ini maknanya beliau juga mempunyai kelemahan. Keputusan dan tindakannya juga tidak sepenuhnya betul. Malah adakala tindakan beliau sukar diramal. Cara beliau berfikir dan menangani sesuatu sukar diterjemah. Beliau suka mengundang kontroversi. Ketika beliau merintis projek kereta nasional, tidak ada sesiapa yang memberi keyakinan terhadapnya, malah ada yang mencemuh tetapi beliau keluar daripada segala cemuhan itu dengan kejayaan projek kereta nasional berkenaan.

Hari ini kereta buatan Malaysia dikenali di sebahagian besar dunia. Ketika pergi ke Doha, Qatar, saya sempat berbual-bual dengan seorang peniaga kedai runcit yang saya kunjungi di negara itu. Peniaga itu mengalu-alukan kehadiran saya di negaranya dan bila saya memberitahu bahawa saya berasal dari Malaysia, beliau dengan cepat mengatakan bahawa beliau mengenali Malaysia kerana Malaysialah satu-satunya negara Islam yang mengeluarkan kereta sendiri di dunia. Bayangkanlah bagaimana perasaan saya sebagai rakyat Malaysia ketika itu. Saya mempunyai alasan yang kukuh untuk berbangga sebagai rakyat Malaysia. Saya berterima kasih kepada pemimpin negara ini yang mempunyai wawasan, mempunyai visi yang lebih jauh ke hadapan dan memahami kehendak negara ini sebagai sebuah negara maju dan mampu bersaing di peringkat global.

Begitu juga apabila beliau memperkenalkan sistem penggiliran jawatan ketua menteri kepada tiga suku kaum utama

di negeri Sabah. Ramai pihak tidak bersetuju dengan Dr. Mahathir dan beliau telah mendapat kritikan yang hebat. Ada yang berkata keputusan itu sebagai tidak rasional dan membelakangi suara dan hak rakyat Sabah dalam banyak hal, tetapi tidak ada sesiapa yang menafikan bahawa selepas itu ia telah membawa kepada kestabilan politik, malah mengurangkan fahaman politik kenegerian yang terlalu kental di kalangan rakyat Sabah sebelum itu. Beliau sebenarnya mempunyai pandangan lebih jauh ke hadapan dan tidak ada siapa yang menafikan ia banyak membawa kebaikan kepada rakyat dan pembangunan negeri ini.

Namun beliau tetap tidak sunyi daripada segala kebencian dan cemuhan rakyat. Sehingga ada penulis yang memberikannya panggilan yang tidak senonoh. Ada yang menggelarnya Maha Firaun, Maha Zalim, melukis kartunnya seumpama babi dan sebagainya. Jika yang membenci itu adalah kalangan pemimpin dan ahli parti pembangkang adalah sesuatu yang tidak menghairankan, tetapi ia juga berlaku di kalangan pegawai kerajaan, yang menjadi duri dalam daging, musuh dalam selimut dalam usaha kerajaan membangunkan serta membawa kemakmuran kepada rakyat dan negara ini. Ada guru-guru yang menghasut pelajar membenci kerajaan. Ada yang menubuhkan Kumpulan Militan Malaysia (KMM). Ada golongan berpendidikan agama, tetapi cuba menggunakan kekerasan untuk menjatuhkan pemimpin yang telah berjasa kepada rakyat dan negara ini. Ada pegawai kerajaan, pensyarah, ahli profesional, yang bukan saja tidak bersetuju dengan kerajaan, tetapi berusaha menentang dan meyemarakkan kebencian terhadap pemimpin dan kerajaan.

Sikap seperti ini tidak menguntungkan. Sebaliknya biarlah kita bersikap lebih terbuka dan mengkritik mengikut kebijaksanaan dan melalui saluran yang betul. Jika kita tidak

berpuas hati terhadap keputusan kerajaan, kita boleh berbincang dan semua pihak perlu duduk bermusyawarah dan membuat sesuatu tindakan dengan betul. Jika ada pegawai kerajaan yang tidak bersetuju dengan dasar dan keputusan kerajaan, maka mereka yang terlibat perlu berani membuat keputusan meletak jawatan dan bergiat dalam parti pembangkang. Percayalah, pejuang yang berjaya adalah pejuang jujur kepada dirinya. Mungkin dia gagal dan terseksa, tetapi kepuasannya terserlah melalui kejujuran dan kegigihannya.

## Mesej bersatu untuk PBBS

*KITA mesti ada cita-cita. Jika kita bekerja kuat untuk cita-cita dan mengotakan apa yang kita kata, kita akan mendapat harga yang baik daripadanya*

SAYA ingin menulis sesuatu mengenai Persatuan Bisaya Bersatu Sabah (PBBS) yang kini sudah pun menjangkau usia 25 tahun penubuhannya. Dua puluh lima tahun bukanlah satu tempoh yang singkat. Jika dibandingkan dengan usia manusia, tempoh itu sudah dapat dikatakan sebagai tempoh seseorang menempuh alam kedewasaan. Sudah tentu dalam usia dewasa itu, pelbagai cabaran akan datang di hadapan. Sama ada suka atau tidak, kita terpaksa menghadapi ujian dan cabaran itu dengan penuh kedewasaan, penuh pertanggungjawaban dan pemikiran yang matang.

Mengimbas kembali keterlibatan saya dalam PBBS, dengan rendah hati saya mengakui bahawa saya memang pernah duduk dalam jawatankuasa tertinggi persatuan ini untuk satu tempoh tertentu. Sudah tentu pengalaman berada dalam sebuah persatuan tidak mudah dilupakan, malah cukup bermakna walaupun penuh dengan asam garam. Bukanlah tujuan saya hendak bercerita semula pengalaman itu, tetapi, saya yakin dan percaya persatuan ini boleh maju, boleh menjadi salah sebuah persatuan berdasarkan kaum yang baik di Sabah, jika semua pihak bersatu padu, membuat kerja seperti yang diputuskan oleh sebarang mesyuarat dalam ahli majlis tertinggi dan memahami peranan masing-masing dalam mentadbir persatuan.

Hakikatnya, PBBS perlu terus hidup, bukan untuk satu atau dua tahun akan datang tetapi untuk satu jangkamasa yang lama. Apa yang dicita-citakan, termasuk hasrat besar untuk memiliki bangunan sendiri perlu diteruskan. Tidak bermakna apabila kita tidak berjaya merealisasinya untuk tempoh tertentu, maka kita merasa segala usaha itu gagal dan dilupakan. Saya merasa ia perlu diteruskan. Kerana kita perlu menunjuk keupayaan dan kita perlu menunjuk kebolehan untuk memiliki bangunan yang menjadi mercu tanda dan imej suku kaum Bisaya di negeri ini. Kita mesti ada cita-cita. Jika kita bekerja kuat untuk cita-cita dan mengotakkan apa yang kita kata, kita akan mendapat harga yang baik daripadanya.

Tetapi, apa yang ditekankan oleh Presiden PBBS, yang juga Timbalan Ketua Menteri, Datuk Seri Panglima (Dr) Haji Lajim Haji Ukin semasa menyampaikan amanat serta ucaptama dalam mesyuarat agung ke 13 persatuan itu ialah aspek bersatu padu dan saya menyimpulkannya sebagai "Mesej bersatu padu untuk PBBS".

Sudah tentu Datuk Seri Panglima (Dr) Haji Lajim mempunyai alasan tersendiri apabila beliau memberi penekanan yang agak mendalam dalam aspek perpaduan ini. Bukan bermakna kita mendengar cerita perpecahan yang serius dalam PBBS. Tetapi, apa yang lebih mungkin ialah masyarakat Bisaya di negeri ini hendaklah sentiasa ingat sepanjang masa bahawa hanya dengan bersatu padu mereka boleh menjadi satu bangsa yang kuat, maju, boleh bersaing dan cemerlang. Walaupun masyarakat Bisaya dikatakan agak kecil di segi jumlahnya berbanding suku kaum lain di negeri ini, tetapi sentiasa terdapat catatan dalam sejarah tamadun manusia, bagaimana satu bangsa yang kecil boleh menjadi bangsa besar hanya semata-mata kerana mereka bersatu padu dan menguasai tamadun ilmu lebih daripada apa yang dilakukan oleh orang lain.

Dalam ucaptama berkenaan, Datuk Seri Panglima (Dr) Haji Lajim Haji Ukin telah mengingatkan masyarakat Bisaya agar sentiasa bersatu padu kerana hanya dengan perpaduan, maka kekuatan dan semangat dapat disemarakkan ke tahap maksima sehingga mampu mengatasi segala cabaran serta mencapai kejayaan dalam perjuangan.

Kita tahu bahawa perpecahan kepada masyarakat dan negara. Ia bukan saja menjahanamkan persatuan tetapi juga boleh merosakkan masa depan seluruh masyarakat Bisaya di negeri ini. Kita juga tahu bagaimana sejarah mengajar kita peristiwa yang telah membawa kemusnahan dan kehancuran hanya semata-mata terdapat perpecahan di kalangan mayarakat itu. Bukan saja masyarakat minoriti seperti suku kaum Bisaya yang boleh hancur kerena perpecahan, malah masyarakat dan negara yang bertamadun tinggi sekali pun akan hancur kerana ketiadaan ikatan perpaduan ini.

Inilah mustajabnya perpaduan di kalangan masyarakat Bisaya, tetapi seruan kepada masyarakat Bisaya untuk bersatu padu sahaja sudah pasti tidak memadai. Sebaliknya jika benar-benar ada perpecahan, maka kita hendaklah mencari sebab musababnya. Apakah punca-punca yang menyebabkan berlakunya perpecahan? Pada saya, kita perlu ingat bahawa sesuatu penyakit hanya dapat diubati apabila puncanya dikenalpasti. Kita juga telah belajar bagaimana keganasan yang berlaku hari ini, bukan hanya semata-mata dibalas dengan keganasan, tetapi perlu dicari punca mengapa berlakunya keganasan.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir seringkali mengingatkan negara Barat agar mengenal pasti punca sebenar berlakunya keganasan. Asasnya mereka mesti mengetahui apa sebenarnya yang berlaku sehingga ada yang sanggup meletupkan diri atau sanggup memandu kapal terbang merempuh Pusat

## Dagangan Dunia New York.

Hari ini, kata Dr. Mahathir, terdapat segelintir di antara pengikut Islam di serata dunia yang bangun daripada segala kepahitan. Mereka membuat tindakan yang didalangi kebencian selepas melalui pelbagai pengalaman pahit dan mengecewakan. Tahap kebencian, kepahitan dan kekecewaan mereka adalah lebih tinggi dan mendalam daripada keadaan sebaik saja berlakunya serangan 11 september terhadap Amerika. Ini adalah kerana tidak ada sama sekali usaha dilakukan untuk mengesan apakah punca-punca yang menyebabkan kemarahan mendorong seseorang yang sanggup meletupkan diri sendiri bagi menjalankan tindakan keganasan. Perasaan marah sedang meluap-luap di dunia hari ini.

Tetapi hakikatnya, kerjasama dan persefahaman mesti dibentuk. Usaha pemupukan ke arah perpaduan, khususnya antara individu dengan individu, antara satu kelompok masyarakat dengan satu kelompok masyarakat yang lain sehingga menjadi satu kumpulan yang kuat dan besar mesti diwujudkan. Mereka mesti berpadu dalam membentuk jati diri, mempertahankan maruah, apa lagi dalam membina ketamadunannya.

Di negara kita, usaha memperkasa perpaduan sudah ditekankan seawal kita mencapai kemerdekaan daripada penjajah. Apabila Inggeris melahirkan keraguan tentang keupayaan kita memerintah dan mempertahankan negara, yang mereka jangka akan hancur kerana sengketa dan perbelahan yang berlaku di kalangan rakyat, pemimpin kita yang terdahulu telah merangka pelbagai dasar bagi mempastikan semua kaum di negara ini hidup dalam suasana aman, harmoni, bersatu padu dan saling bekerjasama di antara satu sama lain.

Memang berlaku sedikit kejutan apabila tercetusnya peristiwa rusuhan kaum pada 13 mei 1969. Ketika itu, ramai

yang berpendapat bahawa rusuhan itu berlaku antara lain ialah kerana ketiadaan keharmonian yang tulen di kalangan rakyat berbilang kaum di negara ini. Ada juga yang berpendapat ia adalah akibat sistem "Pecah dan Perintah" penjajah Inggeris di Tanah Melayu. Tidak kurang yang mengaitkannya dengan masalah jurang ekonomi yang terlalu jauh di antara masyarakat Melayu dan Cina di negara ini. Ada yang mengaitkannya dengan isu perbezaan sistem nilai dan kebudayaan. Ada yang membandingkannya dengan masalah pengasingan dan penempatan orang Melayu yang seolah-olah masalah *ghetto* yang berlaku di Amerika Syarikat.

Di Amerika, walaupun negara itu menganggap bahawa semua warganegaranya tidak mengira warna kulit, kaum atau agama adalah sama di sisi undang-undang, tetapi undang-undang saja bukanlah segala-galanya bagi mengatasi masalah perkauman dan fenomena *ghetto* di negara itu. Undang-undangnya tidak dapat mengatasi masalah pemulauan ekonomi dan sosial. Sehingga jika terdapat gangguan dan rusuhan yang berlaku disebabkan oleh perbezaan kaum, ini bukanlah kerana perlembagaannya yang bersifat diskriminasi tetapi kerana wujudnya diskriminasi di dalam bidang sosial dan ekonomi, terutama terhadap suku kaum Negro.

Sebab itu Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad pernah mengingatkan, diskriminasi sosial dan ekonomi adalah sama berkesan dan memalukan seperti juga diskriminasi undang-undang. Malahan ia boleh menjadi lebih berkesan daripada diskriminasi undang-undang. *Ghetto* di Amerika Syarikat, katanya, bukanlah satu kawasan yang dibina khas sebagai kawasan untuk orang Negro. Kawasan ini pada mulanya ialah tempat tinggal biasa di bandar yang dibuka kepada semua warganegara. Tetapi tindakan orang kulit putih yang keluar secara senyap-senyap dimana orang kulit hitam pindah

masuk, menyebabkan bermulanya pengasingan dan penempatan sosial yang berbeza di negara itu.

Apabila kawasan itu hanya didiami oleh orang Negro, maka harga harta tanah di kawasan itu menjunam turun dan orang kulit hitam yang miskin masuk dan tinggal di kawasan itu. Kawasan itu kemudiannya menjadi bandar yang dikuasai oleh orang Negro dan menjadi kawasan meleset, bahkan miskin bagi orang Negro. Proses ini berlaku di seluruh Amerika. Tidak ada undang-undang yang boleh memaksa orang tinggal di suatu tempat, jika dia tidak mahu. Juga tidak ada langkah yang dapat memaksa orang kulit putih untuk tinggal berhampiran dengan orang Negro. Oleh itu *ghetto* terus berlaku di Amerika dan menyebabkan perbezaan kaum, biarpun ada undang-undang yang berkata, dia berhak mencegahnya.

Oleh itu, persamaan di sisi undang-undang sahaja sebenarnya tidak mencukupi. Sebaliknya persamaan yang baik ialah persamaan di dalam kehidupan dan juga tanggungjawab. Perkongsian yang adil dalam menikmati kehidupan yang sempurna tidak harus menjadi hasrat kerajaan semata-mata tetapi juga menjadi hasrat dan cita-cita rakyat di seluruh negara termasuk masyarakat daripada suku kaum Bisaya di negeri ini. Masyarakat Bisaya perlu berlajar sesuatu daripada ini. Jika mereka hendak kecemerlangan maka mereka perlu bersatu padu. Malah mereka hendaklah memperkasa perpaduan jika hendak menikmati kehidupan yang lebih baik.

Jika kerajaan dan pemimpin yang terdahulu berupaya mengesan dan memahami betapa buruknya rusuhan kaum pada peristiwa 13 mei, tidak ada sebab untuk kita pada hari ini berpecah belah, bersengketa dan mengenepikan mustajabnya perpaduan dalam proses pembentukan ketamaduan bangsa kita. Sebab itu Datuk Seri Panglima (Dr) Haji Lajim, sekali lagi mengingatkan rakyat Bisaya di negari ini agar mengawasi ikatan

perpaduan.

"Kita mahu melahirkan masyarakat Malaysia yang berjiwa besar, yakin dengan diri sendiri, bangga dengan apa yang ada dan sentiasa menjunjung kedaulatan negara. Oleh itu masyarakat Bisaya mesti bersatu padu, mesti sentiasa mengekalkan hubungan yang mesra dengan masyarakat Malaysia. Berpegang kepada nilai moral yang dipayungi sepenuhnya dengan nilai keikhlasan serta kejujuran sejati. Tiada titik dalam perjuangan ini, tetapi syukurilah anugerah Allah SWT dan sentiasa memeliharanya untuk kesejahteraan bagi satu tempoh waktu yang panjang" katanya.

## Aktiviti sastera terus relevan

*YANG penting ialah mesti ada perancangan yang baik. Ada daya kreativiti dan orang yang sanggup berkerja lebih sedikit daripada orang lain akan mendapat keputusan memuaskan. Saya tidak percaya kepada kerja yang dilakukan sambil lewa dan sekadar melepas batuk di tangga, kerana jika ini dilakukan maka hasilnya, seperti yang kita telah lalui selama ini iaitu aktiviti sastera akan sentiasa muram, kurang meriah, tiada sambutan dan kelihatan amat daif sekali.*

ADA dua perkara yang amat menyentuh naluri saya pada hari jumaat lalu yang hendak saya kongsi bersama dengan anda kali ini. Pertama ialah satu segmen dalam khutbah solat jumaat berkenaan serangan Amerika Syarikat terhadap umat Islam Iraq yang saya anggap cukup bersemangat dan kemudian diikuti dengan permohonan doa yang dibacakan dengan penuh perasaan, yang tidak pernah saya dengar disampaikan oleh manapun khatib di negeri ini sebelumnya. Kedua ialah sambutan masyarakat terutama golongan pelajar terhadap sebuah majlis diskusi buku yang diadakan di sudut penulis Dewan Bahasa dan Pustaka Cawangan Sabah (DBPCS), dimana majlis perasmianya disempurnakan oleh Pembantu Menteri kepada Ketua Menteri yang juga Presiden Majlis Bahasa dan Sastera Sabah (MBSS), Datuk Haji Sapawi Haji Ahmad, yang terkenal sebagai salah seorang pemimpin yang begitu prihatin terhadap perkembangan budaya, bahasa dan sastera Melayu di negeri ini.

Tetapi izinkan saya terlebih dahulu mengulas khutbah solat jumaat yang berkaitan pencerobohan Amerika Syarikat dan

sekutunya terhadap Iraq. Pencerobohan paling terkutuk pernah berlaku di dunia itu telah meragut ribuan nyawa umat Islam yang tidak berdosa.

Sudah pasti seluruh umat Islam mendoakan keselamatan rakyat Iraq dan memberi mereka semangat untuk terus mempertahankan maruah umat Islam dan agama Islam di negara itu. Pergi jahanam dengan kata-kata Tony Blair yang berkata bahawa mereka akan membantu membina semula Iraq yang baru, bebas dan bersatu, sedangkan mereka lah yang menghancurkan dan membunuh rakyat Iraq. Mereka lah yang beria-ia hendak kepada peperangan itu. Mereka berkata mereka hendak menubuh kerajaan yang aman dan sejahtera yang diterajui oleh rakyat Iraq sendiri, dari rakyat Iraq kepada rakyat Iraq, tetapi mereka lupa bahawa mereka lah yang amat ketagih untuk menumpahkan darah pemimpin yang dipilih melalui proses pilihan raya di negara itu.

Kononnya, mereka hendak menubuh kerajaan demokrasi di Iraq tetapi mereka mengguling kerajaan di negara itu dengan kekuatan tentera, dengan peperangan dan menakluk negara itu dengan harapan agar tunduk kepada mereka. Mereka juga tidak menghormati demokrasi dan oleh itu saya hendak memberitahu dunia bahawa Amerika Syarikat dan Britain sudah pun kehilangan haknya untuk bercakap mengenai demokrasi. Pemimpin mereka adalah diktator maha jahat yang pernah dilahirkan di dunia. Mereka adalah parasit dan kuda tunggangan Israel yang bukan membawa keamanan tetapi membawa kehancuran kepada dunia ini.

Negara-negara kecil di dunia hari ini sudah tidak lagi selamat. Sama ada mereka memilih untuk menubuh kerajaan yang demokrasi atau tidak, sama ada mereka menubuh kerajaan melalui proses pilihan raya atau tidak, mereka akan tetap berpotensi untuk diserang dan menjadi mangsa jika mereka tidak

mengikut telunjuk negara yang pada anggapan saya sebagai "Negara Paksi Kejahatan Terbesar Dunia" ini. Ketua kerajaan negara kecil akan dijatuhkan. Rakyatnya akan dibunuh. Mereka akan bertindak sesuka hati, kerana tidak ada lagi satu kuasa yang boleh mengimbangi kuasa mereka. Mereka bermaharajalela dan mengganas. Mereka berkata mereka hendak memerangi pengganas dan memburu mereka hingga ke lubang cacing. Tetapi hakikatnya mereka adalah pengganas paling busuk dan paling kejam pernah dilahirkan di dunia.

Baik Presiden George W. Bush atau Tony Blair, mereka sebenarnya hanya hendak menguasai minyak Iraq dan segala kekayaan yang terdapat di negara-negara arab dengan bantuan Israel. Mereka juga hendak membunuh umat Islam sama seperti Nazi hendak menghapuskan orang Yahudi semasa perang dunia kedua. Oleh itu mereka memang wajar dikutuk sekeras-kerasnya. Sebab itu khutbah yang dibacakan hari itu amat berkesan di hati saya. Mudah-mudahan Allah SWT menurunkan burung-burung ababil seperti mana Allah SWT menghancurkan tentera abrahah yang menyerang kaabah. Mudah-mudahan Allah SWT menurunkan ratusan ribu malaikat membantu pejuang Iraq yang berjuang mempertahankan Islam di negara itu. Mudah-mudahan Allah SWT menurunkan bala dan musibah yang tidak henti-hentinya kepada musuh Allah SWT yang menceroboh kedaulatan umat Islam di Iraq.

Berjihadlah pada jalan Allah SWT dengan jihad sebenarnya, firman Allah SWT dalam surah al-Hajj ayat 22:78. Dialah yang memilih kamu (untuk mengerjakan suruhan agamanya); dan Dia tidak menjadikan kamu menanggung sesuatu keberatan dan susah payah dalam perkara agama, agama bapa kamu Ibrahim. Ia menamakan kamu "Orang Islam" semenjak dahulu dan dalam (al-Quran) ini, supaya Rasulullah (Muhammad) SWT menjadi saksi yang menerangkan kebenaran

perbuatan kamu, dan supaya kamu pula layak menjadi orang yang memberi keterangan kepada manusia (tentang yang benar dan yang salah)"

Seperti yang diperingatkan Allah SWT. Jika mereka yang jahil itu melihat umat Islam semakin kuat dan semakin teguh pegangannya terhadap ajaran Islam akan ada saja orang dan kuasa jahat yang hidup subur dan memusnahkan kehidupan manusia. Tetapi mudah-mudahan Allah SWT menghukum mereka (yang jahat dan angkuh ini) dengan hukuman yang kuat sebelum mereka menghembuskan nafas yang terakhir. Sekali lagi saya menyeru umat Islam dimana sahaja mereka berada agar memerangi mereka dimana sahaja mereka berada sehingga tidak ada lagi fitnah dan sehingga agama Allah SWT ditegakkan semata-mata kerana Allah SWT.

Perkara kedua yang hendak saya sentuh ialah berkenaan dengan sambutan memberangsangkan terutama di kalangan pelajar terhadap sebuah program sastera yang diadakan di sudut penulis DBPCS. Saya tidak menduga program itu mendapat sambutan menggalakkan. Malah hampir 200 orang menyertai program itu, sehingga saya mula berfikir bahawa jika aktiviti sastera dibuat sebaik mungkin dan usaha untuk melibatkan pelbagai pihak untuk menyertai kegiatan seperti itu dirancang dan dilaksanakan sebaik mungkin, saya percaya ia akan membawa hasil.

Saya mengucapkan tahniah kepada semua pihak yang terlibat, terutama beberapa aktivis daripada Badan Bahasa Sabah (BAHASA). Kelab Sasterawan Sabah serta DBPCS yang telah berjaya melaksanakan program itu dengan jayanya. Jika ada kerjasama dan semangat bantu membantu di antara satu sama lain, sesuatu yang sukar sekalipun sebenarnya boleh dilaksanakan dengan baik. Saya tidak percaya bahawa program sastera tidak mendapat sambutan daripada masyarakat.

Sebaliknya, jika ada usaha bersungguh-sungguh, seluruh tenaga digembling dan semua pihak memberi komitmen yang baik, saya yakin program atau aktiviti sastera yang dilaksanakan di negeri ini akan mendapat sambutan meriah dan membawa hasil yang membanggakan.

Yang penting ialah mesti ada perancangan yang baik. Ada daya kreativiti dan orang yang sanggup berkerja lebih sedikit daripada orang lain akan mendapat keputusan memuaskan. Saya tidak percaya kepada kerja yang dilakukan sambil lewa dan sekadar melepas batuk di tangga, kerana jika ini dilakukan maka hasilnya, seperti yang kita telah lalui selama ini iaitu aktiviti sastera akan sentiasa muram, kurang meriah, tiada sambutan dan kelihatan amat daif sekali.

Saya masih ingat, pada majlis itu, Yang Berhormat Datuk Haji Sapawi Haji Ahmad, telah memberi kata-kata perangsang yang saya rasa cukup penting untuk direnung secara positif dan lebih bertanggungjawab. Berucap merasmikan majlis itu, Datuk Haji Sapawi berkata, generasi muda di negeri ini hendaklah memperdalamkan minat membaca di kalangan mereka. Hanya dengan membaca sahaja minda boleh berkembang. Input pengetahuan mereka semakin meningkat dan bertambah baik.

Purata nisabah membaca di kalangan masyarakat negara ini adalah lebih kecil berbanding bangsa Asia lain yang jauh lebih maju seperti Jepun dan Korea. Nisabah membaca masyarakat Jepun dan Korea dengan masyarakat kita ialah 200 halaman sehari berbanding dengan 1 setengah halaman di negara kita, katanya.

Oleh itu minat membaca perlu terus ditanamkan, kata Datuk Haji Sapawi. Kerana Islam juga menggalakkan umatnya membaca. Malah ayat pertama yang diturunkan oleh Allah SWT kepada Junjungan Besar Nabi Muhammad SAW ialah ayat Iqra atau maksudnya dalam bahasa Melayu, "Membaca". Jadi budaya

membaca ini perlu terus diterapkan dalam masyarakat kita. Membaca akan menjadikan bangsa kita lebih cerdas, lebih maju dan bertamadun berbanding bangsa lain. Bahan bacaan juga mestilah pelbagai, termasuklah bahan-bahan sastera yang tinggi nilainya, yang ukurannya dapat dipertahankan, mencambah kecerdasan fikiran, menambah ilmu pengetahuan, mendidik masyarakat akan nilai-nilai mulia, yang cinta kepada keamanan dan kedamaian, yang dihasilkan dengan penuh daya kreatif, imaginatif serta penuh kejujuran dan analisa.

Dengan itu, mudah-mudahan aspek berkaitan kesenian dan kesusteraan ini akan terus relevan di tengah-tengah masyarakat yang semakin gila kuasa, gila perang dan berbunuuh-bunuuhan antara satu sama lain. Mudah-mudahan kita semua akan diberkati Allah SWT dan terhindar daripada melakukan perkara-perkara yang tidak disukai-Nya di dunia fana ini. Amin!.

## Dunia Iris: Pengalaman menerbitkan karya sendiri

*SATU perkara yang saya pegang selama ini dalam menghasilkan sesebuah cerpen ialah mesti ada falsafah yang hendak disampaikan, mesti ada matlamat kehidupan yang hendak saya tuju dan ini tidak dapat dilihat dengan jelas*

PADA tulisan ini saya ingin menyentuh serba sedikit tentang pengalaman menerbitkan dan menghasilkan cerpen yang termuat dalam antologi cerpen *Dunia Iris*, yang telah saya hasilkan dan telah dilancarkan oleh Pembantu Menteri Kebudayaan dan Belia Sukan Negeri yang juga Pengurus Majlis Bahasa dan Sastera Sabah (MBSS), Datuk Haji Sapawi Haji Ahmad, di salah sebuah hotel terkemuka di Kota Kinabalu. Pengalaman itu memang sukar, payah dan menyakitkan, tetapi pertama sekali biarlah saya panjangkan ucapan terima kasih yang tidak terhingga kepada Saudara Japar Ungki daripada DBPCS yang telah banyak membantu kerja-kerja editorial sebelum buku itu diterbitkan. Saya turut berterima kasih kepada semua pihak yang telah memberi kritikan yang baik terhadap cerpen yang termuat dalam antologi cerpen berkenaan, terutama kepada saudara Ailin Nor atau Ailiuddin Mohd. Salleh yang hampir setiap minggu menulis di akhbar tempatan yang tidak lekang mengatakan antologi cerpen berkenaan sebagai antologi cerpen terbaik pernah diterbitkan di Sabah.

Kepada Haji Ismaily Bongsu yang memberi ulasan

menarik dan memilih untuk mengulas cerpen berkenaan melalui pendekatan yang saya sendiri tidak tahu apa sebenarnya, tetapi secara ikhlas saya memang berterima kasih yang tidak terhingga dan tertarik dengan kritikan beliau itu. Mungkin Haji Ismaily menggunakan teori ekspresi ketika membendah cerpen-cerpen saya yang termuat dalam antologi berkenaan, iaitu satu cara tradisional yang melihat kesusasteraan sebagai berhubungan rapat dengan pencipta karya. Kerana hasil kesusasteraan biasanya dicipta oleh seorang penyair, cerpenis, novelis atau dramatis.

Saya teringat, ada satu tanggapan terhadap penulis dan karyanya yang dilahir sejak zaman klasik. Penulis diberi ilham oleh Tuhan; ia dikuasai oleh Tuhan yang memberikan ilham atau berkata-kata melalui dirinya. Ketika mencipta sesbuah karya, penulis dikatakan berada dalam keadaan tidak sedarkan diri, dalam kekuasaan yang ghaib atau kegilaan. Menurut tanggapan ini, karya sastera adalah menjadi semacam ilham yang terjelma dalam keadaan khusyuk. Yang terjelma melalui kebolehan luarbiasa seorang penulis. Melalui imaginasi dan emosinya. Dia berhasil menguasai dan merekodkan kebenaran tentang hidup sedangkan manusia biasa tidak dapat mengenali atau merasainya. Daripada keadaan inilah, karya sastera dianggap sebagai suatu ekspresi - satu pernyataan daripada pengertian yang dasar kepada sesuatu proses dalaman perasaan, yang kuat dan sukar dipadamkan, dapat dilahirkan. Inilah proses yang digambarkan oleh William Wordsworth apabila beliau menganggap puisi sebagai "Kebanjiran spontan daripada emosi yang kuat".

Tetapi, Haji Ismaily telah berjaya mengingatkan saya bagaimana dekatnya dunia penulis itu dengan hasil karya yang diciptanya. Saya tidak berhasrat hendak mengulas kritikan beliau tetapi saya sekali lagi amat berterima kasih. Suatu ketika saya tidak pernah berfikir bahawa kebanyakan watak yang saya

paparkan di dalam cerpen saya adalah wanita. Saya juga tidak pernah bersikir bahawa kebanyakan wanita ini mempunyai perkaitan dengan saya. Saya tidak pernah terfikir untuk menulis mengenai diri saya, kisah suka duka dan pengalaman hidup yang pernah saya lalui dengan sesiapa saja di dunia ini. Saya hanya menulis. Saya hanya memaparkan pandangan terhadap kehidupan, terhadap sesuatu perkara yang perlu diketengahkan, yang menyentuh dunia intusi ketika menghasilkan karya itu.

Tetapi kerana saya menulis sebuah cerpen. Maka watak mesti hadir di dalam cerpen itu. Latar juga mesti ada dan ia mesti meyakinkan. Sudah pasti watak ini datang secara spontan di dalam fikiran kita. Sudah pasti kita hendak menulis mengenai sesuatu watak yang amat dekat dengan kita dan watak yang pernah singgah dalam dunia intuisi, yang kita kenali dengan akrab di dalam dunia realiti. Bukan watak atau latar yang tidak pernah terjangkau oleh dunia intuisi manusia. Namun, satu perkara yang saya pegang selama ini dalam menghasilkan sesebuah cerpen ialah mesti ada falsafah yang hendak disampaikan, mesti ada matlamat kehidupan yang hendak saya tuju dan ini tidak dapat dilihat dengan jelas, mungkin kerana mereka (pengkritik) terpukau dengan watak wanita yang saya wujudkan di dalam karya dan kerana wanita-wanita ini sebahagian besarnya (Di dalam cerpen saya berurusan dengan seorang watak bergelar "Aku" yang kebiasaananya seorang penulis), maka adalah dengan mudah pengkritik untuk mengaitkan watak ini dengan penulis sendiri. Saya akui, saya tidak menyedari semua itu, sehinggalah Haji Ismaily memberitahu saya akan perkara ini.

Ketika beliau menyampaikan di hadapan umum, ulasan atau kritikan terhadap cerpen-cerpen yang termuat dalam antologi *Dunia Iris* semasa majlis pelancaran buku itu, saya hanya melemparkan senyum sepanjang masa. Ketika itulah saya

menyedari bahawa saya selama ini menulis tentang diri saya. Saya menelanjangi diri sendiri, kata Haji Ismaily Bongsu. Ketika saya menulis cerpen bertajuk *Dunia Iris*, yang dijadikan judul buku ini, walaupun tujuan asal saya menulis cerpen itu sebenarnya hendak menggambarkan perpaduan kaum antara masyarakat Melayu dan Cina di negara ini, dan betapa majunya masyarakat Cina yang sudah menganggap negara ini sebagai tanah tumpah darahnya, tetapi kerana saya memilih watak seorang wanita sebagai lawan untuk menceritakan pelbagai perkara mengenai rakyat dan negara ini, mengenai buku kesusasteraan, semasa kunjungan saya di Hainan China, maka watak wanita itulah yang lebih menunjol daripada apa yang telah watak "Aku" bincangkan dengan wanita itu di dalam cerpen berkenaan.

Begitu juga ketika saya menulis cerpen "Pertemuan di Chiang Mai" tujuan asal saya ialah hendak menceritakan bagaimana usaha kerajaan negara kita memerangi gejala najis dadah, berbanding apa yang dilakukan oleh negara ASEAN yang lain, tetapi kerana watak yang ditemui oleh watak "Aku" di Chiang Mai, satu negeri di utara Thailand yang bersempadan dengan Laos dan Myanmar itu adalah seorang wanita, maka tujuan asal saya itu ternampak ditenggalami oleh mungkin gambaran saya yang berlebihan terhadap wanita itu. Saya tidak tahu. Tetapi inilah yang dilihat oleh Haji Ismaily Bongsu di dalam cerpen itu.

Begitu juga ketika menulis cerpen "Bidadari di Tengah Kota Perth". Yang saya bayangkan ketika hendak menulis cerpen itu ialah saya hendak menggambarkan sebuah dunia yang tenteram, aman damai, yang dikelilingi bidadari seperti yang selalu kita bayangkan kehidupan di syurga yang dipenuhi bidadari. Tetapi kerana sewaktu saya berada di Perth, Australia yang ketika itu musim luruh dan angin dinggin bertiup sepanjang

hari, siang dan malam di tengah-tengah Kota Perth, saya tiba-tiba melihat seorang wanita yang mengecat seluruh tubuhnya dan baju bersayap yang dipakainya dengan warna perak di tengah-tengah lalu lalang manusia, di Hay Street, selepas keluar daripada satu lorong yang dipanggil London kecil di Perth. Saya terkejut melihat wanita itu. Pergerakannya seperti seorang robot. Tetapi dia bukan robot, melainkan dia seorang wanita yang mengecat dirinya dengan cat warna perak dan memakai baju bersayap seolah-olah seorang bidadari.

Setiap orang yang lalu lalang terutama kanak-kanak yang menghampirinya seolah-olah diberikan restu dengan menaburkan serbuk berwarna perak keemasan kepada kanak-kanak berkenaan. Agak lama saya memerhatikan kejadian itu dan ketika itulah saya memikirkan betapa eloknya kalau dunia ini dipenuhi oleh wanita yang penuh kasih sayang, cantik dan penuh restu seperti yang tergambar pada watak bidadari di tengah-tengah Kota Perth itu. Saya tidak pernah terlintas memikirkan bahawa saya menulis mengenai wanita yang mengisi kekosongan hidup sementara di rantau orang ketika menulis cerpen itu, tidak pernah terlintas sama sekali, sehinggahalah saya diberitahu mengenainya. Tetapi saya terasa benar hendak menafikannya, kerana sayalah yang lebih tahu mengenai proses penciptaan cerpen itu.

Sebuah lagi cerpen yang agak berlainan dan berbeza dengan sebahagian besar cerpen yang dihasilkan oleh cerpenis negeri ini, yang turut memaparkan wanita kata tuan Haji Ismaily Bongsu ialah cerpen "Mawar, Mawar, Mawar". Konklusinya menurut Haji Ismaily Bongsu mudah, Mawar yang dikatakan di dalam cerpen itu ialah seorang "Wanita". Bukankah ada juga wanita di rantau Melayu ini yang diberikan nama "Mawar". Dan kerana mawar juga adalah sejenis bunga, biasanya ia dijadikan sebagai lambang kepada wanita. Tetapi suka saya menjelaskan,

bahawa tujuan asal saya menghasilkan cerpen itu ialah hendak menyatakan bagaimana manusia sama ada menyedari atau tidak di dalam kehidupannya selalu memberi perhatian, malah sayang yang berlebihan terhadap sesuatu yang nilainya tidaklah sebeberapa. Sehingga ada kalanya, mereka membuat tindakan yang bodoh dan tidak masuk akal kerananya. Ketika menulis cerpen itu saya mencari pelbagai "Objek" untuk dijadikan simbol atau lambang bagi mengetengahkan maksud saya itu. Tetapi saya tidak menemui sesuatu objek pun yang lebih baik selain daripada objek bunga "Mawar". Akhirnya objek itulah yang saya perkatakan di sepanjang cerpen itu. Sama ada ia dianggap sebagai wanita, atau apa saja, saya sebenarnya memulangkan jawapan itu kepada pembaca sahaja.

Cukup setakat ini. InsyaAllah! saya akan menulis lagi mengenai pengalaman menulis cerpen dalam antologi *Dunia Iris* ini, yang saya terbitkan sendiri, selepas DBPCS dalam bahasa yang lebih manis, menyerahkan semula manuskrip cerpen *Dunia Iris* itu kembali kepada saya untuk diterbitkan sendiri.

## Membentuk negara dengan acuan sendiri

*SEJAK kecil saya berbangga menjadi rakyat Malaysia yang fasih berbahasa Melayu. Saya yakin dengan kemampuan bahasa Melayu. Saya tahu apa yang bahasa Melayu telah lakukan untuk memajukan dan menyatupadukan rakyat berbilang kaum negara ini. Inilah perasaan saya sebenarnya. Tidak tahu adakah perasan ini akan menjadikan saya seorang rakyat Malaysia yang mundur dan ketinggalan serba serbi dalam tempoh sepuluh atau dua puluh tahun akan datang.*

SAYA harap saya tidak termasuk dalam kategori "Pejuang Bahasa Yang Berniat Jahat" apabila turut menyentuh mengenai isu bahasa dalam tulisan ini. Saya hanya sayang terhadap bahasa Melayu seperti saya sayang kepada negara ini, yang telah memberi peluang kepada saya hidup sebagai rakyat yang bermaruah dan bersatu padu, walaupun dalam sebuah komuniti yang bersifat majmuk.

Selama ini kita telah berjaya membentuk negara ini mengikut acuan kita. Kita telah beralih daripada penggunaan bahasa Inggeris kepada penggunaan Bahasa Melayu, kita telah berjaya memajukan negara ini, walaupun ada di kalangan rakyat kita terutama daripada kalangan masyarakat Cina yang tidak boleh bercakap dalam bahasa Melayu dengan betul, malah ada yang hanya tahu berbahasa mandarin sahaja. Tetapi kita masih boleh berjaya dan dianggap sebagai negara Islam yang termaju di dunia, kerana kita yakin dengan kebolehan kita untuk berjaya. Sepatutnya apabila kita sudah berjaya,(terutama dalam konteks

pembangunan fizikal) dengan sendirinya pula kita meyakinkan kepada dunia bahawa kita boleh berjaya walaupun hanya dengan menggunakan bahasa Melayu. Tetapi malangnya, kita belum bersedia untuk itu.

Kita sebenarnya, telah melalui pengalaman yang perit tetapi berada di landasan yang betul untuk menjadikan bangsa Melayu yang bermaruah di dalam negara yang secara hakikinya adalah warisan orang Melayu. Saya tidak tahu, apa nasib bahasa Melayu pada masa depan. Tetapi biasanya kesilapan hari ini, akan mengekor kita bertahun-tahun lamanya. Sebab itu masayarakat Cina ternampak lebih berwaspada dan lebih bertegas terhadap penggunaan bahasa Inggeris dalam mata pelajaran sains dan matematik, di Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Cina, kerana mereka lebih nampak patriotik daripada orang Melayu. Sama ada ia memberi kesan kepada hubungan kaum di negara ini, kuasa politiklah yang menentukan segala-galanya. Tetapi sejak kecil, saya berbangga menjadi rakyat Malaysia yang fasih berbahasa Melayu. Saya yakin dengan kemampuan bahasa Melayu. Saya tahu apa yang bahasa Melayu telah lakukan untuk memajukan dan menyatupadukan rakyat berbilang kaum negara ini. Inilah perasaan saya sebenarnya. Tidak tahu adakah perasan ini akan menjadikan saya seorang rakyat Malaysia yang mnudur dan ketinggalan serba serbi dalam tempoh sepuluh atau dua puluh tahun akan datang.

Tetapi inilah cara kita, acuan yang kita guna dalam membentuk negara ini. Sudah pasti kita memperlihatkan perbezaan dengan cara orang lain, di negara lain. Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir berkata, di Malaysia, kita selalu membuat pendekatan yang berbeza dengan orang lain. Di Malaysia kita tidak membuat sesuatu dengan mengikut orang lain. Sejak merdeka, semasa kita memperjuangkan kemerdekaan kita bertindak dengan cara yang lain. Orang membuat

pemberontakan, tetapi kita mencari jalan rundingan dan kerjasama antara kaum sehingga akhirnya kita mencapai kemerdekaan secara aman dan tenteram. Kita melawan *Malayan Union*. Kita tidak memberontak dan kita tidak mempunyai pasukan gerila. Kita hanya bersatu padu. Dengan cara ini usaha British melaksanakan *Malayan Union* menemui kegagalan, kerana ia dibantah oleh orang Melayu secara berpadu. Ini cara kita dan cara yang kita amal dalam berpolitik di negara ini. Kita memang dikenali sebagai sebuah negara yang mempunyai masyarakat pelbagai kaum. Kita mempunyai masyarakat yang berbeza di segi budaya, adat resam dan agama sehingga memberi kesan terhadap hubungan kaum di negara ini. Walaupun terdapat usaha politik berterusan untuk mengekalkan perpaduan yang tulen di kalangan kaum-kaum yang terdapat di negara ini, tetapi tidak dapat dinafikan bahawa mereka sentiasa dipisahkan oleh perbezaan budaya, bahasa, agama dan adat resam kaum masing-masing. Sejak di zaman penjajah sehingga negara ini mencapai kemerdekaan, perbezaan ini amat ketara dan dianggap sebagai salah satu sebab wujudnya polarisasi kaum di Malaysia. Masing-masing kaum mengamalkan budaya, bahasa, agama dan adat resam kaum masing-masing sehingga amat sukar menyatukan mereka. Tiap-tiap kaum ini menganggap bahawa bahasa, budaya dan adat resam mereka sebagai lambang bangsa dan suku kaum mereka. Sama ada diakui atau tidak, ia turut memberi kesan kepada usaha penyatuan bangsa dan pengukuhan negara ini.

**Memandangkan aspek**

bahasa, kebudayaan, adat resam dan agama ini memainkan peranan amat penting dalam konteks penyatuan kaum dan pembinaan negara bangsa, maka sewajarnyalah usaha perlu terus dilakukan untuk mencari satu formula bagi melahirkan masyarakat yang mempunyai identiti dan keperibadian Malaysia. Ia bukanlah satu tugas yang mudah, tetapi tidak mustahil

dilakukan, jika ia mendapat sokongan dan menerima penglibatan daripada semua lapisan masyarakat dalam satu proses yang berterusan dan bersepada. Bagi memastikan matlamat ini tercapai kerajaan telah mengubal pelbagai dasar. Dasar ini pula digubal sedemikian rupa bagi memenuhi hasrat dan aspirasi negara membangun yang mempunyai penduduk berbilang kaum, yang antara lain menegaskan bahawa bahasa, kebudayaan dan adat resam suku kaum asal negara ini, hendaklah dijadikan teras dalam membangunkan dan menyatupadukan rakyat berbilang kaum negara ini.

Dalam konteks kebudayaan kebangsaan, misalnya, kita menerima kebudayaan suku kaum lain melalui interaksi manusia dan pertembungan kebudayaan. Oleh kerana budaya dan adat resam bersifat dinamik, sentiasa terdedah kepada perubahan dan diwariskan daripada satu generasi kepada satu generasi yang lain, maka ia boleh menerima penyerapan dan penyesuaian yang berterusan, sekaligus membantu usaha penyatuan kaum di negara ini.

Begitu juga, dalam penggubalan dasar kebudayaan kebangsaan, kita telah memutuskan supaya Islam dijadikan teras utama dalam pembentukan kebudayaan kebangsaan. Ini mestilah dilihat dalam konteks yang positif. Walaupun setiap kaum mempunyai ikatan yang kukuh dengan agama masing-masing, misalnya, Cina dengan agama Buddha, orang Melayu/Bumiputera dengan Islam, orang India dengan agama hindu, tetapi oleh sebab agama rasmi negara ini ialah agama Islam dan ia telah bertapak begitu lama di rantau ini, maka adalah wajar bagi semua pihak menghormati agama Islam sebagai dasar utama pengubalan Dasar Kebudayaan Kebangsaan dan penyatuan kaum di negara ini.

Apa pun, masyarakat Melayu memang terkenal dengan sikap mereka yang suka bertolak ansur untuk kebaikan. Budaya

bermaaf-maafan dan bantu membantu terkenal di kalangan orang Melayu/Bumiputera. Orang Melayu/Bumiputera selalu meminta jalan apabila lewat di hadapan seseorang dan tidak seperti orang lain. Mereka biasanya tunduk sedikit dan berjalan rendah supaya tidak nampak angkuh kepada orang lain. Semangat kejiraninan mereka amat kuat. Mereka percaya, bahawa untuk menawan hati orang lain bukanlah dengan menjauhkan diri daripada orang itu. Sebaliknya dengan mendekatkan diri, sehingga orang yang tidak bersetuju akhirnya akan faham, akan menerima hujah dan lebih mengerti dan menghargai apa yang telah dilakukan. Tetapi kita harap, semoga sikap ini janganlah pula dijadikan senjata untuk menindas dan melemahkan orang Melayu.

Dalam sebuah masyarakat yang bersifat majmuk, memang terdapat pelbagai halangan untuk menjadikan kita masyarakat yang maju dan bersatu padu. Sudah tentu ada pertalian rapat semua itu dengan dasar kerajaan berkaitan ekonomi, pendidikan, politik, sosibudaya, bahasa, budaya dan agama. Tetapi kita perlu lebih bijak menangani apa juga isu yang boleh memecahbelahkan dan menimbulkan ketegangan kaum di negara ini. Kita juga berharap, dasar yang diperkenalkan kerajaan bukan saja dapat menghapuskan kemiskinan dan mencapai keseimbangan kaum disegi ekonomi, tetapi juga dapat memastikan kekuatan politik yang didokong oleh masyarakat pelbagai kaum negara ini lebih terjamin dan sebahagian lagi untuk memastikan rakyat negara ini hidup aman makmur, mempunyai jati diri dan sentiasa bersatu padu serta dapat memastikan kemajuan, malah pembangunan negara ini dilaksanakan secara berterusan.

Usaha mengekalkan perpaduan dan hubungan yang baik antara kaum memang menjadi cabaran yang hebat dalam konteks pembentukan negara ini. Dalam sebuah masyarakat yang

majmuk, apa juga usaha menyatupadukan rakyat ini perlu mendapat sokongan masyarakat pelbagai kaum negara ini. Kerajaan juga perlu memperkenalkan dasar yang sesuai mengenainya. Memang sentiasa ada halangan terutama dalam konteks pelaksanaan proses asimilasi kerana setiap kaum mahu mengekalkan ciri kaum, kebudayaan dan bahasa masing-masing, tetapi sejarah menunjukkan bahawa ia bukanlah satu masalah yang tidak boleh diatasi. Sebaliknya pelbagai halangan dan masalah telah diatasi dengan jayanya sehingga negara ini berjaya mengelak beberapa masalah ketegangan kaum, mengurangkan perbezaan etnik, malah terus mengekalkan hubungan kaum yang lebih baik.

Hubungan kaum bukanlah milik sesuatu kelompok kaum sahaja sebaliknya ia adalah milik negara yang harus ditangani secara bersama dan secara bijaksana. Memang benar, baru-baru ini kita dikejutkan dengan amaran Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad kepada kumpulan Cina yang membantah dasar Bahasa Inggeris dan meminta kaum berkenaan agar jangan bermain api yang boleh membakar diri mereka sendiri. Tetapi kita berharap ia tidaklah menjadi semakin buruk. Perbincangan masih boleh dibuat dan kita semua berharap ia boleh diselesaikan secara positif untuk kebaikan bersama.

## Refleksi Budaya, mimpi dan kepuasan dalam karya sastra Islam

“... dan sebagaimana yang terjadi pada manusia, bahwa mereka yang berbuat kebaikan, mereka akan mendapat hasilnya, dan mereka yang berbuat jahat, mereka akan mendapat hasilnya, dan mereka yang berbuat baik, tetapi mereka tidak mendapat hasilnya, itu bukanlah orang yang benar-benar berbuat baik, dan mereka yang berbuat jahat, tetapi mereka tidak mendapat hasilnya, itu bukanlah orang yang benar-benar berbuat jahat.”  
Al-Qur'an, Surah Al-Kalimah, ayat 10

### *Perspektif Islam*

“... dan sebagaimana yang terjadi pada manusia, bahwa mereka yang berbuat kebaikan, mereka akan mendapat hasilnya, dan mereka yang berbuat jahat, mereka akan mendapat hasilnya, dan mereka yang berbuat baik, tetapi mereka tidak mendapat hasilnya, itu bukanlah orang yang benar-benar berbuat baik, dan mereka yang berbuat jahat, tetapi mereka tidak mendapat hasilnya, itu bukanlah orang yang benar-benar berbuat jahat.”  
Al-Qur'an, Surah Al-Kalimah, ayat 10

“... dan sebagaimana yang terjadi pada manusia, bahwa mereka yang berbuat kebaikan, mereka akan mendapat hasilnya, dan mereka yang berbuat jahat, mereka akan mendapat hasilnya, dan mereka yang berbuat baik, tetapi mereka tidak mendapat hasilnya, itu bukanlah orang yang benar-benar berbuat baik, dan mereka yang berbuat jahat, tetapi mereka tidak mendapat hasilnya, itu bukanlah orang yang benar-benar berbuat jahat.”  
Al-Qur'an, Surah Al-Kalimah, ayat 10

and (for a)

## Keterbukaan minda dan kecemerlangan Islam

*TIDAK ada gunanya orang Islam berperang jika tentera Islam tetap akan kalah kerana mereka serba kekurangan kelengkapan dan tidak ada persediaan. Jihad bukan bermakna mereka mati syahid dalam satu perperangan yang mereka kalah dengan teruk. Tetapi jihad ialah mereka yang mempunyai semangat yang tinggi berjuang kerana Allah SWT, mempunyai serba kelengkapan dan persediaan yang cukup. Mereka berperang dengan peralatan yang canggih daripada tentera musuh.*

APABILA saya menulis cerpen "Hijrah" dan cerpen itu kemudiannya diumumkan sebagai pemenang hadiah utama peraduan menulis cerpen sempena sambutan Maal Hijrah, saya memberi tumpuan kepada keterbukaan minda ini sebagai asas untuk kecemerlangan dan kekuatan ummah dalam cerpen berkenaan.

Dengan jelas saya telah memberi tafsiran bahawa umat Islam tidak mungkin dapat bersaing dengan bangsa lain jika mereka membiarkan diri digagalkan oleh kemiskinan. Sebaliknya mereka harus menghindarkan diri daripada kemiskinan. Bukan bererti mereka mabuk dengan kekayaan dan lupa akan tanggungjawab mereka sebagai insan muslim. Bukan bererti juga mereka melebihikan dunia daripada akhirat, tetapi supaya mereka tidak hina kerana kemiskinan. Supaya mereka tidak dipijak kerana kemiskinan. Supaya mereka hidup bermaruah dan tidak

meminta-minta. Supaya mereka tidak terpengaruh dengan janji syaitan dan berhijrah demi kekuatan dan kecemerlangan umat Islam.

Saya menyingkap kembali pandangan saya dalam cerpen berkenaan kerana ia bertepatan dengan saranan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad yang mahukan umat Melayu Islam di negara ini bukan saja mempunyai minda yang terbuka tetapi harus memastikan keterbukaan itu mampu menyumbang ke arah kebaikan dan kecemerlangan ummah.

Dr. Mahathir berkata, dahulu orang Islam sanggup merempuh gelombang dan menjadi saudagar kaya sehingga mereka mampu datang ke Tanah Melayu, mendekati golongan elit Melayu dan golongan raja kerana mereka adalah saudagar yang kaya, yang akhirnya berjaya mengIslamkan raja-raja Melayu dan seterusnya rakyat Melayu. Jika orang arab dan orang India Islam ini kecil miskin, daif dan menjadi kuli orang lain, mereka tidak mungkin sampai ke Tanah Melayu dan dapat mendekati elit Melayu. Mereka tidak mungkin dapat memberi keyakinan kepada elit Melayu untuk mempercayai dan menganut agama Islam. Kejayaan mereka di dunialah yang menarik perhatian dan mempengaruhi orang Melayu ketika itu.

Tetapi hari ini, oleh kerana rata-rata orang Islam daif dan ketinggalan dalam hampir semua bidang, mereka bukan saja lemah, tetapi juga dihina dan tidak mampu berbuat apa-apa apabila dikaitkan dengan keganasan, sesuatu perkara yang tidak pernah diberikan tempat istimewa dalam ajaran Islam. Kita sedih kerana umat Islam menjadi mangsa kepada semua ini. Tetapi untuk berdiri dengan megah dan gagah, tidak akan menjadi kenyataan dengan hanya membiarkan diri ditindas dan mendakwa kononnya bahagian umat Islam ialah di akhirat, sementara aspek keduniaan ini perlu dilepaskan kepada orang lain.

Sebenarnya mereka yang mendirikan empayar dan tamadun Islam pada zaman dahulu adalah orang yang berilmu pengetahuan yang tinggi. Ilmu hasil daripada kesungguhan mereka menguasai ilmu, yang sebelumnya diterokai oleh orang yang lebih berjaya daripada mereka iaitu orang Yunani, Rom dan Parsi. Sehingga kerana mereka mempunyai asas pegangan agama yang kukuh dan mempunyai usaha yang begitu tinggi untuk menyerap ilmu lain dan di luar sempadan Islam, maka mereka mampu membina tamadun yang kita pernah panggil sebagai "Zaman keagungan, kegemilangan dan keemasan Islam".

Ketinggian tamadun itulah yang menyebabkan Islam dihormati di seluruh dunia, sehingga kita merasa perlu bersyukur kerana menerima tempias kegemilangan itu. Tetapi ingatlah! kata Dr. Mahathir, bersyukur dengan hanya menadah tangan menyatakan kesyukuran dan meminta-minta pertolongan untuk keselamatan diri sendiri adalah perkara yang paling lemah dalam Islam. Apakah kita boleh mendakwa Islam itu agama yang sempurna apabila kita melihat hampir separuh daripada umat Islam di dunia ini hidup dalam kemiskinan, tidak berkemampuan dan terpaksa bergantung kepada orang lain untuk membangun dan banyak urusan di kalangan umat Islam terpaksa dirancang dan dilaksanakan orang lain.

Begitu juga dalam soal berperang atau bagi orang Islam mereka namakannya sebagai "Jihad". Sebenarnya, kata Dr. Mahathir lagi, yang dititikberatkan oleh Islam ialah faktor penyediaan peralatan perang supaya mereka boleh menggerunkan musuh. Saya sendiri secara peribadi berpendapat, tidak ada gunanya orang Islam berperang jika tentera Islam tetap akan kalah kerana mereka serba kekurangan kelengkapan dan tidak ada persediaan. Jihad bukan bermakna mereka mati syahid dalam satu peperangan yang mereka kalah dengan teruk. Tetapi jihad ialah mereka yang mempunyai semangat yang tinggi

berjuang kerana Allah SWT, mempunyai serba kelengkapan dan persediaan yang cukup. Mereka berperang dengan peralatan yang canggih daripada tentera musuh.

Oleh itu orang Melayu Islam di negara ini perlu mempunyai fikiran terbuka dan tidak jumud. Apa yang dikatakan keterbukaan fikiran atau minda dalam konteks ini ialah mereka bersedia menyerap ilmu baru terutama dalam bidang sains dan teknologi untuk memperkuatkan kedudukan mereka. Mereka perlu memperkayakan diri supaya mereka tidak ditindas dan tidak meminta-minta. Mereka perlu menyusun bala tentera dengan gagah dan digeruni musuh supaya umat Islam selamat dan dapat hidup dengan aman di bumi mereka.

Minda yang terbuka perlu terutama dalam mengenal pasti dan mengakui kelemahan yang ada pada mereka. Kemampuan menilai antara yang baik dengan yang buruk. Tidak ada tempat bagi perasaan malu mengenai kelemahan diri dan kesombongan yang tidak berasas. Sesungguhnya agama Islam itu mudah dianuti. Untuk menjadi orang yang beragama Islam apa yang diwajibkan ialah dengan bersaksi bahawa tidak ada Tuhan yang disembah melainkan Allah SWT dan Nabi Muhammad SWT itu Pesuruh Allah SWT. Tetapi umat Islam adalah sebahagian besar masyarakat di dunia ini yang suka memberi tafsiran berjela-jela terhadap sesuatu dan dalam banyak perkara. Mereka menokok tambah pelbagai perkara, termasuk membuat tafsiran yang bermacam-macam sebelum orang yang sudah pun Islam diterima sebagai orang Islam.

Mereka menutup fikiran. Jika mereka buka fikiran, mereka mengisi dengan input yang hanya memecahbelahkan sesama mereka, tindas menindas, benci membenci, memperbesarkan perkara remeh yang tidak begitu diwajibkan dalam agama. Mereka menunjuk bahawa Islam itu dengan imej tertentu, mestilah berserban, mestilah ikut kuliah subuh, mestilah

bertazkirah, mesti melaksanakan kiamulail dan sebagainya sehingga banyak perkara terpaksa dikorbankan, tetapi apabila terlalu banyak masa yang digunakan oleh umat Islam, untuk suatu perkara yang mungkin hanya "Harus" atau "Sunat" sahaja hukumnya atau sesuatu yang tidak begitu dituntut dan diwajibkan, maka mereka juga akhirnya terkorban dalam keadaan dimana orang lain mengambil masa itu untuk menilai kelemahan mereka, sehingga mereka akhirnya benar-benar menjadi amat lemah dan hanya mampu menadahkan tangan. Ingatlah! menadahkan tangan adalah perkara terakhir yang dilakukan oleh umat Islam dalam perjuangan.

Hari ini kita mempunyai alsaan yang kukuh untuk sedikit berbangga apabila negara kita dikatakan sebagai salah sebuah negara Islam yang termaju di dunia. Pada Forum Ekonomi Dunia yang diadakan di New York bagi menunjukkan solidariti masyarakat dunia dengan tragedi serangan pengganas terhadap Pusat Dagangan Dunia New York, Dr. Mahathir telah diminta memberi ucapan di forum berkenaan mengenai "Peranan Islam dalam sebuah negara moden" yang dianggap oleh pelbagai pihak sebagai pengiktirafan masyarakat dunia terhadap kejayaan Malaysia mengharungi cabaran K-ekonomi dan globalisasi. Hal ini mungkin tidak berlaku jika sekiranya umat Islam di negara ini, termasuk kepimpinan negara berfikiran sempit dan mengasingkan dirinya daripada perkembangan ilmu, sains dan teknologi yang berlaku dengan hebat di sekeliling kita.

Oleh itu, umat Islam di negara ini hendaklah mengisi minda yang terbuka dengan input bermakna dan membina ketamadunan bangsa. Tidak bererti apabila kita menekankan aspek penguasaan ilmu, sains dan teknologi, menekankan supaya umat Islam maju dan mempunyai kedudukan ekonomi yang kukuh, maka kita mengabaikan tanggungjawab terhadap akhirat. Ini sebenarnya tidak berlaku. Sebaliknya, kita percaya bahawa

dunia dan akhirat mempunyai kedudukan yang sama di dalam Islam. Masing-masing mempunyai tempatnya dan tidak ada satu yang harus dilebihkan di antara kedua-duanya. Memang benar dunia ini sementara dan hanya dipinjamkan, tetapi ia bukanlah alasan kukuh untuk kita hendak menganggap bahawa bidang-bidang berkaitan keduniaan, mencapai kemajuan, mencapai tahap yang tertinggi dalam bidang kejuruteraan, teknologi maklumat (IT), mencapai tahap pertumbuhan ekonomi yang hebat, mempunyai peralatan ketenteraan yang canggih adalah satu yang salah dan kita anggap sebagai "Sekular" di dalam Islam. Ini tidak betul. Bidang keduniaan ini bukan bidang sekular, tetapi ia juga penting untuk kecemerlangan dan ketamadunan Islam, supaya umat Islam tidak mudah ditindas dan mudah diperkotak katikkan.

Islam bukan hanya mementingkan sesuatu yang bersifat ritual semata-mata. Tidak mungkin satu negara Islam dapat didirikan atau syiar Islam itu dapat ditingkatkan, jika mereka mempunyai fikiran yang tertutup dan suka berbelah antara satu sama lain. Ingatlah!, negara kita menjadi sebuah negara yang terkemuka bukan kerana kita alim dalam erti kata kita hanya mementingkan ke akhiratan semata-mata, sebaliknya kerana kita mempunyai keberanian seperti yang dituntut oleh Islam dan kerana kita mempunyai kesungguhan untuk maju dalam pelbagai bidang kehidupan. Kita meningkatkan syiar Islam dan pada masa yang sama kita mengukuhkan akidah dan membuka minda kepada apa juga perkara yang boleh membawa kepada kecemerlangan umat Islam.

## Mencari kekuatan di tengah-tengah kelemahan

*MEMANGLAH kelemahan berlaku dimana-mana, bukan kepada orang Islam sahaja, tetapi kerana kita selalu mengatakan agama Islam sebagai agama yang dinamik untuk seluruh manusia tidak kira warna kulit dan bangsa, mereka meminta bukti dan kita tidak dapat membuktikannya. Kita lemah, kita kekurangan serba serbi dan berpecah belah. Sepatutnya pembangunan manusia di dalam Islam berjalan serentak. Orang yang kuat dalam Islam mesti juga pakar dalam bidang yang lain. Seorang yang yakin dengan kuasa Allah SWT dalam masa yang sama mesti merupakan orang yang professional dalam beberapa bidang.*

SELEPAS menyertai pertemuan Kerjasama Melayu-Islam Asean di Thailand dan ditambah pula dengan kehangatan berita mengenai serangan Yahudi ke atas rakyat Palestin rasanya banyak perkara yang hendak disampaikan terutama berkaitan dengan perkembangan masyarakat Islam di merata tempat di dunia ini. Kita memang selalu mendengar cerita tentang masyarakat Islam yang terkial-kial mencari kekuatan di tengah-tengah kelemahan dan terpaksa bekerja bertungkus lumus dalam menghadapi segala ancaman dan cabaran, tetapi apa yang penting sebenarnya ialah kita perlu mengembalikan semula kegemilangan Islam dan kita tidak perlu keliru dalam banyak perkara mengenai Islam.

Sejak dahulu kebanyakan masyarakat Islam agak keliru dan menyempitkan kefahamannya mengenai Islam. Sebahagian besarnya berkata, Islam hanya sekadar hubungan manusia dengan Tuhan dalam bentuk ibadah khusus, umpamanya

mengenai masalah kematian, adat istiadat perkahwinan, perceraian, ibadah sembahyang, puasa, mengerjakan haji dan masalah-masalah peribadi.

Walaupun mereka sering berkata Islam itu adalah satu cara hidup, tetapi dalam keadaan tertentu mereka seperti keliru dan menganggap Islam itu hanya satu agama berkaitan dengan soal peribadatan dan apa juga yang bersifat ritual semata-mata. Anggapan ini sebenarnya salah, kerana Islam bukan hanya merangkumi soal hubungan manusia dengan Tuhan, tetapi merangkumi konsep yang lebih luas dan merangkumi pelbagai aspek dalam kehidupan ini.

Islam tidak terhad kepada aspek peribadatan semata-mata. Sebaliknya meliputi keseluruhan aspek beragama dan hubungannya dengan semua aspek kehidupan dunia dan akhirat. Islam bukan hanya mengurus soal akidah tetapi turut mengkaji permasalahan ekonomi, politik, perniagaan, kebudayaan, pendidikan, reka bentuk baru dalam perkembangan industri dan alat-alat ciptaan manusia yang boleh dilihat daripada sudut pandangan Islam.

Apabila Datuk Seri Dr. Mahathir Mohammad menekankan aspek budaya kerja dengan slogan "Pandang Ke Timur" pada awal tahun 80-an. Kita sepatutnya kembali kepada Islam, kerana kita sudah ada sistem dan etika kerja dalam Islam. Tidak perlulah kita berpaling ke Jepun atau ke Barat dan melihat budaya kerja mereka, kerana Islam mempunyai budaya kerja yang lebih baik, mempunyai formula yang mampu meningkatkan produktiviti, berdedikasi, amanah dan jujur. Tetapi kita tidak belajar daripada semua ini. Kita tidak pernah bincang secara serius, kita tidak praktikkan dan akhirnya kita ketinggalan dan kita terpaksa mengambil dan mempelajarinya pula dari orang lain.

Bukankah Allah SWT menggalakkan hamba-Nya bekerja

sambil beriman kepada-Nya. Bukankah Allah SWT menuntut hamba-Nya berusaha dan diberi ganjaran yang sewajarnya. Jadi bekerja itu merupakan ibadah, sebab itu kita perlu bertanggungjawab, berdedikasi, berdisiplin dan berusaha memperbaiki dan meningkat prestasi serta mutu kerja, lebih produktif, jujur, amanah dan penuh keikhlasan. Jelasnya bekerja harus dikaitkan dengan nilai murni, supaya tidak berlaku penipuan, rasuah dan sebagainya. Tetapi hari ini kita nampak kes penipuan dan rasuah semakin menjadi-jadi, puncanya ialah kita tidak kembali kepada Islam dalam erti kata yang sebenarnya.

Satu lagi kekeliruan yang nyata yang berlaku di kalangan masyarakat Islam ialah mengenai imej Islam yang telah dirosakkan oleh orang-orang yang anti Islam termasuk media Barat yang sebahagian besarnya dikuasai oleh bangsa Yahudi. Mereka memburuk-burukkan dan menghubungkan Islam dengan kemuduran, buta huruf, lemah dalam bidang sains dan teknologi, Islam dikatakan sebagai agama yang membiarkan umatnya kebuluran, berpenyakit, kurang zat makanan seperti apa yang berlaku di sesetengah negara Afrika seperti di Somalia, dimana rakyatnya kurus kering, tidak berdaya walaupun untuk mengusir lalat yang hinggap di muka mereka.

Kemudian selepas peristiwa 11 september yang memusnahkan Pusat Dagangan Dunia New York, Islam dikaitkan pula dengan keganasan, sehingga membawa kehancuran dan keruntuhan kerajaan Islam di Afghanistan. Keganasan yang berlaku akibat daripada perbuatan mereka yang suka menindas sehingga memaksa masyarakat Islam membala dengan tindakan yang juga ganas kerana inilah pilihan bagi mereka. Hari ini Perdana Menteri Israel, Ariel Sharon pula bermaharajalela di Palestin dan menyembelih orang Palestin sesuka hati tanpa menghiraukan kecaman dunia terhadapnya.

Orang Palestin yang mempertahankan tanah air dan

maruahnya itu adalah beragama Islam, mereka dikelilingi oleh lebih 400 juta umat Islam bangsa arab yang kuat di segi ekonomi dan mempunyai kedudukan dan negara yang kukuh, tetapi mereka tidak mampu menghadapi bangsa Israel yang tidak sampai sejuta orang itu. Kenapa? Tidak lain ialah kerana mereka tidak bersatu dan tidak kembali kepada ajaran Islam yang sebenarnya. Mereka menjadi manusia yang tidak berdisiplin, tidak bermaruah dan tidak menghormati ilmu. Kita tidak dapat menampilkan Islam seperti di zaman kegemilangannya dahulu dimana orang luar belajar daripada Islam dan mengambil perbendaharaan Islam.

Sebaliknya umat Islam hari ini adalah golongan yang lemah, miskin dan sentiasa berpecah belah antara satu sama lain. Walaupun ada negara Islam yang kaya raya, mempunyai sumber minyak, tetapi mereka tidak mempunyai sumber kepakaran dan teknologi serta tidak mampu berdiri sendiri. Akhirnya orang Islam ditindas, dihina dan tidak bermaruah kerana mereka mempunyai kerajaan yang lemah, tidak stabil dan tidak menentu.

Memanglah di dunia ini kelemahan berlaku dimana-mana, bukan kepada orang Islam sahaja, tetapi kerana kita selalu mengatakan agama Islam sebagai agama yang dinamik untuk seluruh manusia tidak kira warna kulit dan bangsa, mereka meminta bukti dan kita tidak dapat membuktikannya. Kita lemah, kita kekurangan serba serbi dan berpecah belah. Sepatutnya pembangunan manusia di dalam Islam berjalan serentak. Orang yang kuat dalam Islam mesti juga pakar dalam bidang yang lain. Seorang yang yakin dengan kuasa Allah SWT dalam masa yang sama mesti merupakan orang yang profesional dalam beberapa bidang.

Dahulu kita ada Ibnu Sina yang bukan sahaja pakar dalam bidang perubatan, tetapi juga seorang yang bertakwa kepada Allah SWT. Kita juga ada Ibnu Khaldun yang bukan saja seorang

yang tinggi ketakwaannya kepada Allah SWT tetapi juga pakar dalam bidang ilmu sosiologi dan falsafah. Inilah yang hendak kita kembalikan semula hari ini. Kita hendak pembangunan moral, pembangunan ilmu dan keahlian serta kepakaran berjalan serentak dalam masa yang sama. Semuanya mempunyai hubungan dengan Tuhan dan Islam kerana kita mengambil p insipnya daripada Allah SWT. Tetapi adakah kita mampu melakukannya?

Marilah kita berdoa dan melakukan sesuatu untuk kegemilangan semula umat Islam. Pada waktu yang sama marilah kita berdoa semoga umat Islam di Palestin khususnya dapat menghadapi Israel dengan tabah dan penuh semangat perjuangan. Memang benar, kita diberitahu bahawa Israel terus memburu rakyat Palestin dan yang terbaru mereka menyerang Ramallah di Tebing Barat, memusnahkan sebahagian besar ibu pejabat pemimpin Palestin, Yasser Arafat. Mereka merempuh bangunan dan membunuh. Mereka terus mengerahkan tentera menawan kampung dan badar yang diduduki rakyat Palestin. Mereka tidak membenarkan sebarang ubat atau makanan dibawa masuk ke Ramallah.

Mereka menggunakan helicopter, senapang M 16, kereta kebal, pelancar roket memusnahkan rakyat Pelastin. Mereka musnahkan apa saja, pejabat polis, kemudahan infrastruktur dan apa saja untuk menghapuskan rakyat Palestin. Mereka menggunakan kesempatan sepenuhnya menyahkan rakyat Palestin yang tidak mempunyai tentera konvensional dan tidak dibenarkan memiliki sebarang peralatan tentera yang canggih untuk menghadapi Israel. Kenapa? Kerana umat Islam tidak lagi mempunyai kekuatan dan kita mencari kekuatan itu di tengah-tengah segala kedaifan dan kelemahan.

Kekuatan dan kegemilangan Islam yang diagung-agungkan suatu ketika dahulu, kini telah diambilalih oleh orang

Yahudi. Sebahagian besar orang Yahudi hari ini adalah orang yang amat pintar, berkuasa dan kaya raya. Malah mereka menguasai kuasa besar Amerika Syarikat, termasuk presidennya. Mereka menggunakan pengaruh untuk mengawal, merancang dan menjatuhkan sesiapa saja di dunia ini. Mereka menjadi ahli perniagaan yang berjaya, mereka menguasai media yang berpengaruh di dunia seperti *Stuart Bloomberg*, NBC, CBS, CNN, *US News and World Report*, *New York Post*, *New York Times*, *Newsweek*, *Time Magazine* dan malah banyak lagi.

Mereka mendewa-dewakan penguasaan ilmu dan sentiasa mencari peluang untuk menguasai golongan yang tidak berfikir. Mereka membina kekuatan mereka dengan segala bentuk penguasaan ini. Umat Islam tidak mungkin dapat mengalahkan mereka hanya dengan retorik dan balas kasihan orang lain. Mereka tidak boleh dikalahkan oleh kaum yang lemah, sebaliknya hanya golongan yang lebih cerdik, lebih kuat dan mempunyai kemampuan dalam serba serbi yang dapat mengatasi mereka. Sebab itu umat Islam perlu bersatu, perlu bangkit daripada segala kelemahan. Mereka perlu membangun minda, perlu mencari kekuatan dan membina ketamadunan di tengah-tengah segala kelemahan.

## Hijrah yang menghimbau perubahan

*HARI ini sekali lagi kita merayakan sambutan hijrah yang sebenarnya bukan semata-mata hanya sambutan perayaan tahun baru, sebaliknya hijrah ialah satu batas waktu yang memisahkan antara bentuk kehidupan yang merugikan dengan bentuk kehidupan menguntungkan. Jika kita selama ini leka atau lalai, maka ketibaan hijrah sepatutnya menyedarkan kita akan kelalaian yang telah dilakukan itu. Jika selama ini kita membuang masa dengan melakukan kerja yang tidak berfaedah dan hanya menyesatkan, maka "Hijrah" sepatutnya menginsafkan akan masa yang sentiasa bergerak dan mendorong kita mengerjakan perkara-perkara kebaikan.*

UMAT Islam di Sabah baru saja menyambut tahun baru hijrah pada ketika kerajaan sedang giat menyelesaikan masalah pendatang tanpa izin yang juga "Berhijrah" ke negeri ini. Sudah tentu tidak dapat dibuat perbandingan antara hijrah Rasullullah SAW dengan hijrah beramai-ramai pendatang tanpa izin ke negeri ini, namun kedua-dua bentuk hijrah perlu direnung dan difikirkan secara positif oleh seluruh rakyat negeri ini.

Bagi menangani masalah penghijrahan pendatang tanpa izin, kita sudah pun maklum dengan langkah yang diambil kerajaan termasuk memastikan mereka yang berhijrah ke negeri ini tidak memiliki kad pengenalan palsu atau kad pengenalan yang hilang atau dicuri daripada pemilik sebenar. Walaupun ada pihak yang menyatakan misi ini sebagai misi mustahil berdasarkan pengalaman beberapa negeri lain yang gagal menangani sepenuhnya masalah pendatang tanpa izin, kerana

dikatakan ia hanya tindakan berkala pihak berkuasa dan akan dilupakan selepas tempoh jarak waktu tertentu, tetapi kita harap ia tidaklah berlaku sedemikian rupa. Kita harap operasi ini berterusan dan mampu mengatasi masalah pendatang tanpa izin yang dikatakan ratusan ribu jumlahnya di negeri ini.

Jumlah pendatang tanpa izin ini memang agak besar dan membimbangkan. Jika pihak berkuasa hanya mampu menangkap dan menghantar balik belasan ribu sahaja. Ia satu jumlah yang kecil, yang sama sekali tidak mengurangkan kerisauan kita terhadap kehadiran pendatang tanpa izin di negeri ini. Ia tidak dapat dianggap satu kejayaan, namun ia adalah satu permulaan baik untuk kerja yang dianggap agak rumit dan adakalanya mendapat bantahan penduduk tempatan sendiri termasuk pemimpin tertentu negeri ini. Tetapi nampaknya komitmen semua pihak agak tinggi dan kita harap ia bukanlah satu tindakan yang dilaksanakan hanya sekadar melepaskan batuk di tangga atau digembar-gemburkan pada musim tertentu sahaja. Kita telah dibebankan masalah ini bagi satu tempoh yang agak lama akibat kelonggaran sistem kawalan sempadan perairan yang rapuh dan mudah dibolosi, tetapi kita harap tindakan kali ini mampu memberi penyelesaian jangka panjang dan menjadikan negeri ini bebas daripada masalah pendatang tanpa izin.

Namun, dalam menghubungkaitkan perkataan "Hijrah" dengan Islam, kita juga telah maklum bahawa "Hijrah" ialah sambutan tahun baru bagi umat Islam. Di segi sejarah, hijrah bermula apabila Khalifah Saidina Umar Al-Khatib dan sahabatnya bimbang mengenai masa depan detik bersejarah dalam Islam dan hubungannya dengan tamadun Islam. Dalam menentukan permulaan tahun baru, kalender baru bagi umat Islam, yang disusun untuk tujuan pentadbiran, keagamaan, perjalanan musim berdasarkan pergerakan cakerawala, Saidina

Umar telah memilih peristiwa hijrah Rasulullah SAW dari Mekah ke Madinah sebagai permulaan takwim Islam.

Hari ini sekali lagi kita merayakan sambutan hijrah yang sebenarnya bukan semata-mata hanya sambutan perayaan tahun baru, sebaliknya Hijrah ialah satu batas waktu yang memisahkan antara bentuk kehidupan yang merugikan dengan bentuk kehidupan menguntungkan. Jika selama ini kita leka atau lalai, maka ketibaan hijrah sepatutnya menyedarkan kita akan kelalaian yang telah dilakukan itu. Jika selama ini kita membuang masa dengan melakukan kerja yang tidak berfaedah dan hanya menyesatkan, maka "Hijrah" sepatutnya menginsafkan akan masa yang sentiasa bergerak dan mendorong kita mengerjakan perkara-perkara kebaikan.

Jika selama ini kita lebih dekat kepada nahi munkar, maka ketibaan hijrah sepatutnya mendekatkan kita kepada amal makruf. Kita perlu berubah. Hijrah perlu mendorong kita menilai semula diri kita. Hijrah perlu membimbing fikiran dan hati kita untuk melakukan muhasabah diri. Banyak mengingati Allah SWT. Mengingati kekasih Allah SWT dan kekasih umat Islam, Junjungan Besar Nabi Muhammad SAW. Sebab itu kita berselawat pada setiap kali menyambut ketibaan "Hijrah". Supaya kita ingat segala jerih payah Baginda menyebarkan syiar Islam, yang bukan saja untuk kebaikan Baginda tetapi juga untuk kebaikan seluruh umat Islam, dunia dan akhirat.

Hijrah mengajak umat Islam supaya keluar daripada belenggu pemikiran jumud, sempit, sesat dan menyeleweng daripada ajaran Islam sebenar kepada kehidupan yang lebih direndai-Nya. Hijrah tidak sekadar perarakan beramai-ramai di jalan atau mengadakan majlis jamuan makan dan bersukaria, sebaliknya hijrah mengandung falsafah dan pengajaran yang tersurat dan tersirat yang harus dihayati dan dijadikan panduan ke arah kehidupan yang lebih cemerlang dangilang gemilang.

Dalam sejarah Islam, terutama pada zaman awal Junjungan Besar Nabi Muhammad SAW menyampaikan ajaran Islam, kita dapat bahawa Baginda melalui pengalaman yang cukup perit dan menyedihkan. Baginda menjadi musuh utama kepada suku kaum Quraish di Mekah. Baginda pernah dilontar dengan batu dan pernah di lontar dengan tahi. Baginda pernah diburu dan hendak dibunuh, sehingga akhirnya Baginda memutuskan untuk berhijrah ke Madinah. Penghijrahan inilah yang kemudiannya membawa kepada sambutan hijrah ini.

Sambutan yang sepatutnya mengingatkan kita segala kesukaran yang dilalui demi mencari kesejahteraan dan kemenangan. Kita perlu kenang semua ini. Kita perlu berselawat untuk menghimbau kembali segala nikmat yang telah diberikan kepada kita. Kita perlu berselawat kerana kita bersyukur dengan anugerah Allah SWT yang melahirkan kita sebagai seorang Islam dan diberikan Utusan yang terbaik daripada segala Utusan Allah SWT. Kita memang wajar berselawat untuknya. Bukan sekadar berselawat untuk mencatat rekod dalam buku *Malaysia Book of Record*. Saya rasa cara itu betul, iaitu untuk menarik lebih ramai umat Islam khususnya di kalangan generasi muda berselawat kepada Junjungan Besar Nabi Muhammad SAW.

Tetapi tujuan itu pula yang mungkin agak sedikit terpesong dan barangkali boleh direnung-renung semula selepas kita menghadap Illahi pada malam sunyi atau pada waktu petang kala kita sedang duduk bersantai di beranda rumah sambil menunggu waktu solat Maghrib tiba. Mudah-mudahan (insyaAllah!) selepas itu kita tidak akan membuat program yang aneh-aneh belaka, misalnya "Solat Lima Waktu" beramai-ramai di padang bola sepak untuk pecah rekod atau buat program "Solat Jumaat" paling ramai di Stadium Likas yang besar dan disaksikan puluhan ribu penonton dengan tujuan supaya kita dicatat dalam buku *Malaysia Book of Record*, yang dahulunya

dipanggil *Gennius Book of Record* dan ada imbas-imbasan pula dengan nama jenama sejenis minuman yang diharamkan dalam Islam.

Kita solat kerana kita hendak menghadap Illahi, kerana kita cinta kepada Allah SWT dan patuh kepada segala suruhan-Nya. Bukan kerana kita hendak bermegah-megah. Bukan kerana kita riak. Bukan kerana kita hendak menunjuk-nunjuk. Bukan kerana kita hendak perbuatan kita itu dicatat dalam buku *Malaysia book of Record*. Ada pun kita solat lima kali sehari atau solat Jumaat ialah kerana kita hendak beribadat kepada Allah SWT semata-mata. Kerana menunaikan tanggungjawab kita sebagai seorang Islam. Tujuan ini jelas. Tidak harus ada tujuan lain yang bercanggah mengenainya.

Begitu juga bila kita buat program selawat kepada Junjungan Besar Nabi Muhammad SAW maka tujuan kita juga mesti jelas. Kita jangan mudah terpedaya dengan sesuatu yang sama ada secara sedar atau tidak, mungkin boleh memperdayakan, menyesatkan dan memesongkan akidah. Mungkin kita terlalu seronok sehingga kita lupa. Mungkin otak kita berfikir secara sehala ketika kita hendak membuat keputusan mengenai perkara itu, sehingga kita tidak nampak lagi perkara lain tetapi manusia memang tidak sunyi daripada segala salah dan khilaf.

Sudah lumrah manusia melakukan pelbagai perkara merugikan hidupnya sama ada dia sedari atau tidak. Memang hakikatnya manusia itu lemah, kurang serba serbi dan tidak sempurna. Kita tidak salahkan sesiapa. Jauh sekali daripada membuat kritikan. Jadi saya hanya mengajak kita bersama-sama merenung kembali segala tindak tanduk dan keputusan yang kita buat dalam kehidupan ini. Tidak salah kita belajar daripada kesalahan dan kesilapan. Mudah-mudahan dengan ini kita boleh berubah dan bersama-sama memperbaiki diri dan umat Islam

keseluruhaninya.

Satu perkara lagi, kita selalu dengar orang berkata, muslim yang baik lagi sempurna ialah mereka yang memelihara lidahnya atau apa juga perbuatannya daripada menyakiti hati orang lain atau memelihara tangannya daripada menzalimi orang lain, tetapi saya pernah mendengar dan melihat seorang yang mengatakan dirinya lebih Islam daripada orang lain, mengenakan baju yang dipakai oleh pak arab, hampir setiap saat, berjubah dan berjangut, satu imej yang menunjukkan dia lebih ulama dan lebih warak daripada orang lain, tetapi tiba-tiba muncul berceramah di hadapan umat Islam dengan mencaci-maki saudara seagamanya. Anehnya bila tokoh itu lagi kuat mencaci maki, maka lebih kuat lagilah tepukan yang diterimanya. Ia seolah-olah tiada lagi ruang lain selain daripada ruang untuk caci maki dan sumpah seranah.

Jadi sempena tahun hijrah ini kita kena fikir semula semua perkara ini. Saya sendiri ajak diri saya supaya merenung segala apa yang telah saya lakukan selama ini. Memang semua orang ada kelemahan tetapi kita boleh perbetulkannya. Tidak ada salahnya untuk berubah, jika ia untuk kebaikan. Kita hendaklah jadikan peristiwa hijrah ini untuk kita merenung erti penderitaan, cabaran, ujian, pengorbanan, erti persaudaraan yang kental, kekuatan mental dan fizikal. Hijrah harus mengubah cara kita berfikir ke arah lebih keislaman daripada keBaratan. Saya ingat seorang penulis terkenal di negara kita pernah berkata, macam-macam anasir buruk-jahat-jenayah, yang baru dan canggih melanda kita dengan bermacam-macam cara. Jika kita alpa, kita akan jadi bangsa (umat) yang hancur-musnah-biadab dan porak peranda. Mudah-mudahan kita terus berfikir, berubah dan mempelajari sesuatu daripada ketibaan hijrah ini.

## Persaudaraan Melayu-Islam melangkau batas sempadan geografi

*MASYARAKAT Melayu Islam dari Selatan Thailand itu dijadikan buruh paksa menggali sungai Khlong Saen Saep atau dalam bahasa Melayunya "Sungai Penuh Penderitaan" dengan hanya menggunakan tangan tanpa sebarang bantuan peralatan penggalian. Sungai itu terletak kira-kira 5 kilometer dari pusat bandar Bangkok dan secara kebetulan saya berserta rombongan menginap di Hotel Chaleena yang betul-betul bersebelahan dengan sungai itu. Mengikut ceritanya masyarakat Melayu-Islam itu dipaksa membina terusan atau sungai itu untuk tujuan pertahanan, pertanian dan alat perhubungan. Sungai itu masih kekal hingga ke hari ini.*

SAYA akan menulis serba sedikit mengenai pengalaman menyertai Pertemuan Melayu-Islam Asean yang diadakan di Bangkok, Thailand baru-baru ini. Pertemuan anjuran GAPENA dengan kerjasama Kementerian Pengangkutan Thailand itu disertai oleh 300 orang wakil dari Singapura, Indonesia, Thailand, Malaysia, Myanmar, Kampuchea dan Negara Brunei Darussalam.

Penyertaan saya dalam pertemuan itu memang amat bermakna. Sebagai penulis yang turut terlibat dalam gerakan sastera dan kebudayaan Melayu-Islam, ia seolah-olah menghimbau semangat perjuangan merentasi batas sempadan negara demi mengukuhkan tali persaudaraan serantau. Saya sendiri melihat dengan mata kasar, apa yang berlaku terhadap masyarakat Melayu-Islam di Thailand yang sudah pasti perlu direnung, bagi menambah dan memperkayakan lagi pengalaman

kita bersama.

Daripada 62 juta penduduk Thailand, terdapat kira-kira 10 juta daripadanya berbangsa Melayu dan beragama Islam. Sebahagian besarnya menatap di Selatan Thailand, khususnya di Pattani, Songkhla, Narathiwat, Trang, Krabi, Phuket dan Yala. Ada juga yang menatap di Bangkok dan di Sebelah Utara terutama di Lampang, Chiang Mai, Chiang Rai dan Mae Sai.

Di Bangkok, sebahagian besar masyarakat Melayu yang ada di situ suatu ketika dahulu adalah tawanan perang. Mereka di bawa ke ibu negeri Thailand itu kira-kira 200 tahun yang lalu terutama selepas berlakunya perperangan antara kerajaan lama Thailand dan kerajaan Pattani Darussalam di Selatan Thailand.

Masyarakat Melayu Islam dari Selatan Thailand itu dijadikan buruh paksa menggali sungai Khlong Saen Saep atau dalam bahasa Melayunya "Sungai Penuh Penderitaan" dengan hanya menggunakan tangan tanpa sebarang bantuan peralatan penggalian. Sungai itu terletak kira-kira 5 kilometer dari pusat bandar Bangkok dan secara kebetulan saya berserta rombongan menginap di Hotel Chaleena yang betul-betul bersebelahan dengan sungai itu. Mengikut ceritanya masyarakat Melayu-Islam itu dipaksa membina terusan atau sungai itu untuk tujuan pertahanan, pertanian dan alat perhubungan. Sungai itu masih kekal hingga ke hari ini.

Dalam pada itu masyarakat Islam di Chiang Mai pula kebanyakannya datang dari Yunan China, mereka ini berbangsa Cina dan dahulunya tinggal di wilayah dan daerah di sepanjang "Laluan Sutera" di China. Saya berserta rombongan sempat melawat masjid masyarakat China yang terletak betul-betul di tengah Kota Chiang Mai yang hanya bersebelahan dengan rumah kediaman gebenor Chiang Mai. Masjid itu dipanggil masjid Banhaw atau dikenal juga sebagai masjid Hadayatul Islam. Ia dibina kira-kira 100 tahun lalu.

Selain masyarakat Cina-Islam masjid ini juga menjadi tumpuan masyarakat Islam komuniti Bangladesh dan juga masyarakat Melayu Islam berasal dari Pattani. Ada juga masyarakat Pakistan dan Arab yang tinggal di utara Thailand ini. Masyarakat arab khususnya ada yang sempat membina masjid dan yayasan Islam. Saya dan rombongan sempat melawat Yayasan Al-Ansari yang dibina oleh seorang Islam berbangsa arab yang berasal dari Madinah bernama syekih Abdul Rahim Al-Ansari yang datang melawat Thailand pada tahun 1982. Dua tahun kemudian beliau datang semula di Chiang Mai dan membina Yayasan berkenaan. Yayasan itu bertanggungjawab mengembangkan syiar dakwah Islam di Chiang Mai dan turut bertanggungjawab menghantar generasi muda Islam Thailand melanjutkan pelajaran di Timur Tengah. Yayasan itu kini diurus oleh salah seorang cucu Sheikh Abdul Rahim.

Kembali kepada cerita masyarakat Melayu-Islam di Bangkok, saya diberitahu sekurang-kurangnya terdapat 300 buah masjid yang terdapat di tengah-tengah ibu kota Thailand. Masjid itu terdapat di merata tempat. Saya sendiri sempat melawat masjid Kaenimit yang sedang dalam proses pembinaan, kira-kira 15 kilometer daripada pusat bandar. Masyarakat Melayu Islam di sekitar perkampungan masjid itu boleh bercakap dalam bahasa Melayu, masih mengamalkan adat istiadat Melayu-Islam. Anak-anak mereka juga boleh bercakap dengan fasih Bahasa Melayu mengikut loghat mereka. Saya sempat berjumpa seorang tua di kampung itu yang menjelaskan secara panjang lebar mengapa mereka akhirnya berada di Kota Bangkok. Nenek moyang beliau sebenarnya berasal dari Pattani Darussalam di selatan Thailand, tetapi akhirnya menatap dan diberikan kawasan tanah yang luas untuk bertani di Bangkok.

Katanya, pada zaman dahulu iaitu pada zaman awal kedatangan mereka di Bangkok, aktiviti mereka disekat dan

dikawal dengan ketat oleh kerajaan Siam. Orang Melayu-Islam di Thailand tidak boleh berkumpul lebih daripada 4 orang. Tetapi untuk mengukuhkan pegangan agama, mereka mengadakan upacara keagamaan seperti membaca kitab suci al-quran beramai-ramai di masjid dan ini dapat mengelak daripada mereka diberkas dan ditangkap. Strategi itulah yang mempertahankan budaya dan agama masyarakat Melayu-Islam di Bangkok hampir 200 tahun lamanya. Jika tidak seperti itu, tidak dapat dibayangkan apakah yang berlaku kepada mereka. Strategi itu masih diamalkan dan diwariskan kepada generasi muda Melayu-Islam Thailand, khususnya di Bangkok hari ini.

Masyarakat Melayu-Islam Thailand juga terpaksa menulis ilmu berkaitan keagamaan dan budaya masyarakat Melayu dalam bahasa dan tulisan Thai. Langkah ini dilakukan dengan pelbagai alasan. Pertama kerana dasar kerajaan Thailand yang menekankan "Satu Thailand Satu Bahasa". Kedua; kerana perkembangan ilmu dan segala urusan pentadbiran dilaksanakan dalam bahasa dan tulisan Thailand. Ketiga; mereka iaitu masyarakat Melayu-Islam Thailand tidak mahu ketinggalan dengan perkembangan ilmu dan persekitaran dalam bahasa Thailand dan ke empat; mereka hendak mempastikan supaya agama Islam dan budaya Melayu-Islam tetap relevan sepanjang zaman di negara gajah putih itu.

Jika tidak menyesuaikan diri dengan perkembangan itu, maknanya masyarakat Melayu-Islam Thailand sudah tidak dapat dilihat seperti yang ada pada hari ini, sebaliknya mereka mungkin terpaksa disisihkan dan terpinggir. Memang benar, masyarakat Melayu-Islam di Thailand sebelum itu agak hebat dan luar biasa seperti yang diakui oleh Ketua Satu GAPENA, Tan Sri Prof. Ismail Hussein yang berkata istana Siam sendiri kira-kira dalam abad ke 10 sebelum itu dipengeruhi oleh Islam. Pengaruh itu sama ada diterima daripada tamadun masyarakat Islam Yunan di

China, masyarakat arab atau Pakistan dan juga Islam di sebelah Selatan Thailand.

Tokoh-tokoh penting Parsi arab dan dunia Melayu sangat disayangi raja Siam. Banyak tokoh Melayu menjadi panglima perang, tokoh ekonomi dan pemerintah Thailand. Tetapi keadaan itu mula berubah dengan berlakunya perubahan dalam struktur kepimpinan Thailand. Suatu ketika dalam era atau zaman Thailand moden, dapat dilihat bagaimana masyarakat Melayu-Islam yang menatap di Bangkok khususnya, ditindas. Kehadiran mereka tidak diendahkan. Tetapi setelah keadaan mulai terbuka, pemimpin Thailand yang baru memberi perhatian kepada perkembangan masyarakat Melayu-Islam. Barulah mereka melibatkan diri di dalam politik dan ada pemimpin Islam yang dilantik menjadi menteri dalam kabenit kerajaan Thailand.

Ini amat berbeza dengan sejarah masa lalu mereka yang dipenuhi prasangka dan penindasan. Suatu ketika dahulu, kata Prof. Sawvanee Jitmouad seorang tenaga pengajar berbangsa Melayu-Islam di Institut Rajabhat Thonburi, Thailand, ibu bapa masyarakat minoriti Melayu Islam Thailand, terpaksa membekalkan makanan sendiri kepada anak-anak mereka ke sekolah, kerana mereka mencampur daging babi dalam apa juga makanan mereka di kantin sekolah dan ini amat menyusahkan umat Islam. Malah ada ketikanya mereka melemparkan tulang babi kepada makanan anak-anak yang beragama Islam.

Jika mereka berdiam diri sudah pasti tidak berlaku apa-apa, katanya. Tetapi jika mereka bertindak balas, mereka akan dilabelkan sebagai pengganas. Malah, seluruh umat Islam di Bangkok dilabel sebagai pengganas. Di tengah-tengah semua tekanan itulah mereka mempertahankan diri dan memperjuangkan kesucian Islam di Thailand.

Menurutnya lagi, masyarakat Melayu-Islam di Thailand suatu ketika dahulu tidak boleh memberi salam kepada saudara

mereka yang lain, kerana sesiapa yang memberi salam akan dilabelkan sebagai peminta sedekah. Jika anda datang ke sebuah rumah dan memberi salam, mereka akan menutup pintu untuk anda, katanya. Mereka akan menunjukkan sebuah rumah lain supaya anda meminta sedekah di rumah itu. Demikianlah masyarakat Melayu-Islam di Bangkok hidup dengan penuh keserbasalahan dan keraguan. Mereka sering dikaitkan dengan masalah pendatang. Tetapi hari ini, keadaan itu telah berubah. Saya sendiri melihat keadaan masyarakat Islam yang kaya raya di Bangkok, yang memiliki tanah luas di tengah-tengah kota Bangkok. Saya sendiri bertemu dengan masyarakat Melayu-Islam yang terdidik di pengajian tinggi, yang menjawat jawatan penting dalam kerajaan.

Sesungguhnya, Pertemuan Kerjasama Melayu-Islam Asean yang diadakan di tengah-tengah kota Bangkok itu, memberi kesan sentimental tersendiri, kepada keakraban dan kekuuhan perpaduan Melayu-Islam serantau yang melangkaui batas sempadan geografi dan kenegaraan. Malah, saya fikir, kita bertuah kerana menjadi masyarakat Melayu-Islam dalam sebuah negara yang telah pun diisytiharkan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad sebagai sebuah negara Islam baru-baru ini.

Menghimbau kembali kata-kata Naib Presiden Umno yang juga Penggerusi Yayasan Sekretariat Melayu Antarabangsa, Tan Sri Dato Haji Muhammad Haji Muhd Taib ketika merasmikan majlis penutupan pertemuan itu, kita akan sentiasa melihat dan meninjau perkembangan masyarakat Melayu-Islam di luar batas sempadan negara. Kita akan sentiasa berusaha mengukuhkan perpaduan dan menjalin kerjasama serantau. Kita akan membantu sedaya yang termampu bagi mereka mengekalkan budaya Melayu-Islam termasuk memastikan mereka dapat mempelajari bahasa Melayu yang baik. Kita akan

menimbang menghantar tenaga pengajar Bahasa Melayu di Thailand dan mewujudkan bidang pengajian Melayu, di beberapa universiti di Thailand. Dan yang penting, kita mesti terus membina hubungan dua hala yang erat antara masyarakat Melayu-Islam di seluruh rantau ini. Kita mesti merenung dan belajar daripada perpecahan serta perselisihan yang sering berlaku di kalangan kita.

## Hentikan keganasan

*SUDAH tiba masanya, untuk orang Islam bersatu hati dan memulihkan sendiri keyakinan orang lain terhadap Islam. Keyakinan ini tidak boleh dituntut dengan meminta daripada mereka supaya berlaku adil terhadap orang Islam. Adalah mengecewakan untuk meminta mereka memperbaiki sikap mereka terhadap orang Islam, terutama yang sudah menanamkan di dalam diri mereka perrusuhan yang dalam terhadap Islam dan umat Islam. Oleh itu, sesuatu mesti dilakukan. Orang Islam perlu kembali kepada diri mereka sendiri dan ajaran Islam yang sebenar.*

PERHIMPUNAN Agung Umno ke-56 telah pun berlalu dan seperti yang diketahui oleh rakyat di seluruh negara, perhimpunan itu akan diingat sebagai satu perhimpunan yang mendedahkan pelbagai kelemahan orang Melayu/Bumiputera dan diakhiri pula dengan peristiwa dramatik iaitu pengumuman perletakan jawatan Presiden Umno, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad daripada sebarang jawatan parti.

Kita tidak hendak mengulas semula tindakan Dr. Mahathir yang mencemaskan negara itu, tetapi apa yang perlu kita buat ialah memahami dengan mendalam apa sebenar yang tersirat dalam amanat Dr. Mahathir dalam ucapannya sempena perhimpunan agung itu. Pelbagai perkara telah disentuh dalam ucapan itu daripada masalah rakyat Melayu/Bumiputera yang miskin, malas dan ketinggalan hingga ke masalah masyarakat Islam di peringkat antarabangsa, termasuk masalah masyarakat Palestin dan tanggapan masyarakat Barat terhadap Islam, masyarakat Islam dan dunia Islam selepas peristiwa 11

september menjahannamkan Pusat Dagangan Dunia New York. Tetapi kali ini kita akan menumpukan kepada masalah nasib masyarakat Islam dan tindakan yang perlu dibuat dalam menghentikan keganasan.

Kata Dr. Mahathir, oleh kerana Afghanistan menjadi pengkalan kepada kumpulan pengganas Al-Qaeda yang percaya terlibat dengan serangan 11 september, maka negara itu diserang dengan senjata yang tidak kenal siapa. Ramai yang tidak bersalah, orang awam, perempuan tua dan muda, kanak-kanak, orang sakit (yang sudah tentu beragama Islam) terbunuh dan cedera. Berjuta-juta rakyat malang ini terpaksa melarikan diri ke negara jiran di mana mereka hidup merana, tanpa tempat berteduh, tanpa makanan yang cukup dan tanpa bekalan perubatan yang sempurna.

Tetapi serangan terhadap Afghanistan bukanlah penyelesaian. Hari ini keganasan makin bertambah kerana penindasan lebih ganas Israel terhadap rakyat Palestin. Keganasan tidak dapat dihapuskan dengan tindakan yang lebih ganas. Inilah hakikat yang perlu diterima oleh Israel. Jika Israel dapat menghapuskan dan membunuh 6 juta rakyat Palestin sekali pun, kata Dr. Mahathir, tidak ada jaminan bahawa orang Islam dan orang arab yang mengelilingi Israel tidak akan bertindak balas. Sudah tentu, penyerang yang meruntuhkan Pusat Dagangan Dunia New York, bukan rakyat Palestin, (tetapi ada beratus-ratus juta umat Islam di seluruh dunia, yang tidak mungkin dihapuskan dan boleh bertindak pada bila-bila masa, membala dendam terhadap kekejaman Israel).

Hari ini pun, katanya lagi, sudah ada puak di kalangan orang Palestin dan Islam yang tidak sanggup lagi berdamai dengan Israel. Mereka ingin meneruskan keganasan sebagai cara membala dendam. Mereka tidak peduli akan tindak balas Israel, walau bagaimana kejam sekali pun. Mereka tidak peduli sama

ada mereka menang atau kalah, asalkan mereka dapat membunuh orang Israel dan penyokong mereka sebagai balasan terhadap kekejaman Israel. (Mereka berada di mana-mana. Tidak mungkin pengawal keselamatan diadakan bagi setiap orang apabila mereka ke sana sini di seluruh dunia menjalankan urusan mereka).

Sesungguhnya, berperang dengan penganas, bukanlah satu peperangan yang biasa. Kata Dr. Mahathir lagi, dalam perang biasa negara yang menjadi musuh boleh diserang sehingga tentera mereka dikalahkan, sehingga wilayah mereka ditakluk dan tentera mereka ditawan. Apabila ini berlaku musuh akan menyerah kalah dan peperangan akan tamat. Tetapi peperangan melawan penganas tidak semudah ini. Penganas bukan pemerintah yang bertanggungjawab terhadap kalah menang sesebuah negara. Mereka tidak berada di negara tertentu. Mereka boleh berada dimana saja. Mereka boleh menjadi seperti orang biasa di suatu hari dan menjadi penganas pada keesokannya. Mereka bukan askar yang bertindak secara teratur dan mengikut arahan.

Jadi tidak ada jaminan bahawa keganasan akan terhenti dengan menyerang negara yang tertentu. Keganasan hanya terhenti apabila mereka dapatiti tidak ada lagi sebab untuk mereka menganas. Tidak ada manusia yang sanggup mengorbankan nyawa terutama meletupkan diri tanpa sebab. Oleh itu punca keganasan perlu dicari dan punca ini perlu dihapuskan untuk menghentikan keganasan.

Jika punca itu ialah berkenaan dengan keganasan Israel terhadap rakyat Pelastin dan sokongan Barat terhadap kekejaman Israel di Tebing Barat, maka ia perlu dihentikan. Wilayah Pelastin perlu diserahkan kembali kepada rakyat Palestin. Segala kekejaman Israel terhadap rakyat Palestin perlu dihentikan. Orang Islam dan orang Arab bukanlah degil sangat atau suka

bertindak keterlaluan dan secara membuta tuli. Mereka juga boleh diajak berunding dan sanggup mengiktiraf Israel jika Israel menghentikan tindakan mereka.

Tetapi apa yang berlaku, ialah orang arab dan orang Islam mendapat nama yang cukup buruk selepas peristiwa 11 september. Islam dituduh bukan saja sebagai agama yang mundur, tetapi sebagai agama yang menaja keganasan. Orang Islam dikatakan sebagai tidak mampu memerintah dan membangun negara sendiri serta sering terlibat dalam aktiviti keganasan. Sehingga hari ini, sesiapa yang memiliki nama Islam akan berhadapan dengan layanan yang amat keji. Mereka dihumban ke dalam dunia prasangka berlebihan. Jika mereka datang ke negara tertentu, mereka akan ditahan, disoal siasat, diseksa, diserang sedemikian rupa, bahkan dibunuhan sesuka hati.

Jelas sekali ia bukanlah satu langkah yang tepat untuk menghentikan keganasan. Bayangkanlah apa yang akan berlaku dengan segala bentuk diskriminasi, penindasan dan penghinaan yang ditimpakan terhadap umat Islam. Tidak ada makna mereka bercakap berkenaan hak asasi manusia, berkenaan keadilan jika ia mengenepikan orang Islam dalam semua hal.

Oleh itu sudah tiba masanya, untuk orang Islam bersatu hati dan memulihkan sendiri keyakinan orang lain terhadap Islam. Keyakinan ini tidak boleh dituntut dengan meminta daripada mereka supaya berlaku adil terhadap orang Islam. Adalah mengecewakan untuk meminta mereka memperbaiki sikap mereka terhadap orang Islam, terutama yang sudah menanamkan di dalam diri mereka permusuhan yang dalam terhadap Islam dan umat Islam. Oleh itu, sesuatu mestilah dilakukan. Orang Islam perlu kembali kepada diri mereka sendiri dan ajaran Islam yang sebenar.

Kata Dr. Mahathir, hari ini, orang Islam dan negara-negara Islam lebih kuat bermusuhan sesama sendiri daripada

bermusuh dengan orang bukan Islam atau negara bukan Islam yang bermusuh dengan Islam. (Walaupun negara dan orang Islam diserang, tetapi tidak ada persepakatan yang dapat dicapai di kalangan orang Islam sehingga mereka tidak dapat mempertahankan diri dan akhirnya dimusnahkan) Malah, ada orang Islam yang lebih sanggup bersubahat dengan musuh Islam daripada bekerjasama dengan orang Islam atau negara Islam (untuk membantu memenangkan dan mengeluarkan umat Islam daripada sebarang keganasan, penindasan dan penghinaan)

Katanya, sejak kejatuhan empayar Othmaniah kerana mengabaikan ajaran Islam, tidak ada negara Islam yang mengikut ajaran al-Quran supaya melengkapkan diri dengan senjata yang cukup untuk mengerunkan musuh dan mengadakan pertahanan yang mampu mengalahkan musuh. Dengan menolak ilmu dan perindustrian, negara Islam terpaksa mendapatkan senjata daripada orang lain termasuk daripada musuh mereka. Sudah tentu senjata yang diperolehi tidak setaraf dengan senjata dan bala tentera musuh. Oleh itu negara Islam tidak sedikit pun mengerunkan musuh dan mampu mempertahankan negara Islam, sesuatu yang dituntut oleh agama Islam, sesuatu yang menjadi fardu kifayah.

Orang Islam, tegasnya, harus ingat, bahawa segala keburukan dan nasib malang yang menimpa mereka adalah daripada mereka sendiri dan segala kebaikan yang ada, datangnya daripada Allah SWT. Jika nasib malang menimpa umat Islam, ia adalah kerena mereka sendiri. Janganlah sesiapa cuba melepaskan tangan dengan mendakwa malapetaka yang menimpa mereka adalah takdir kerana jika mereka berusaha memperbaiki nasib sehingga berjaya, itu juga adalah takdir. Untuk memperbaiki nasib, maka umat Islam perlu cekap dan berjaya menguasai segala ilmu dan kecekapan yang diperlukan untuk mengubah masa depan mereka.

## *ReFLEKSI*

Tidak ada gunanya mengutuk dan mendesak musuh Islam supaya tidak menindas negara Islam dan orang Islam, supaya berperikemanusiaan, jika kita begitu sukar menukar sikap untuk kebaikan diri sendiri. Soal Dr. Mahathir, apakah kita dapat menukar sikap orang lain dan musuh supaya kita dapat manfaat daripadanya?. Tepuk dada, tanyalah bagaimana selera kita.

## Imarah masjid pada bulan Ramadan

KITA sentiasa lupa fungsi masjid dalam Islam. Sikap masyarakat kita sejak dahulu hingga sekarang tidak berubah. Kita hanya menunggu hari raya aidilfitri untuk melihat umat Islam melimpah-limpah mengunjungi masjid. Pada hal masjid perlu disemarakkan dan perlu diimarahkan sepanjang masa. Tak kira bulan Ramadan atau bulan-bulan selain Ramadan. Lebih-lebih lagi pada bulan ramadan sepatutnya kita lebih insaf dan lebih sedar akan tanggungjawab kita sebagai umat Islam apabila menyebut isu masjid ini. Saya ingat di Afghanistan tentera Amerika menggunakan masjid yang kita anggap tempat mulia dan rumah Allah SWT, sebagai tempat kencing, tempat membuang najis dan sebagainya. Kita harap pengalaman sebegini akan mengajar kita supaya lebih menghormati dan menghargai masjid yang kita ada. Supaya kita menggunakan masjid tempat bermesyuarah, tempat berbincang untuk meningkatkan syiar Islam, tempat mengukuhkan perpaduan, selain daripada tempat umat Islam beribadah.

HARI ini ialah hari kedua bagi umat Islam menunaikan kewajipan mereka pada bulan ramadan. Tetapi rasanya masih belum terlambat untuk saya untuk mengucapkan selamat menyambut bulan ramadan dan selamat berpuasa kepada seluruh umat Islam. Seperti biasa bulan Ramadan adalah bulan yang lebih baik daripada seribu bulan. Bulan yang dianggap mulia, dimana umat Islam diwajibkan berpuasa. Sebahagian

besar umat Islam sudah mengetahui apa kelebihan bulan Ramadan dan apa perkara yang ditegah dilakukan oleh umat Islam bukan saja bagi mengormati bulan Ramadan tetapi sebagai satu usaha umat Islam mendekatkan diri kepada Allah SWT. Pada bulan inilah juga Al-Quran diturunkan dan umat Islam digalakkan mengimarahkan masjid, menyempurnakan solat tarawih, berzikir, bersyukur, memperbanyakkan kegiatan yang menyerlahkan kebaikan, memperbanyakkan doa dan sebagainya.

Banyak hadis atau ayat al-Quran yang menyebut dan menunjuk fadilat bulan ramadan kepada umat Islam. Antaranya ada sabda Rasullullah SAW yang menyebutkan antara lain bermaksud, sesiapa yang berpuasa di bulan Ramadan dan beribadah pada malam harinya kerana iman dan mengharapkan ganjaran, keredaan Allah SWT, maka keluarlah dia daripada segala dosa seperti seorang bayi yang baru dilahirkan daripada perut ibunya. (Riwayat Ibnu Majah dan Baihaqi).

Dalam sebuah hadis lain pula, Rasullullah SAW bersabda, yang maksudnya, sesungguhnya sudah datang kepadamu satu bulan yang penuh berkat dengan Allah SWT mewajibkan ke atas kamu berpuasa. Pada malam itu dibukakan pintu syurga dan ditutupkan pintu neraka, dibelenggu segala syaitan dan dijumpai satu malam yang nilai amal pada malam itu lebih baik daripada seribu bulan. Maka sesiapa yang tidak berhasil kebaikannya, sesungguhnya mereka itu tidak akan dapat lagi kebaikan selama-lamanya. ( Riwayat Ibnu Majah dan Baihaqi).

Allah SWT berfirman dalam surah Al-Baqarah ayat 183 yang bermaksud, wahai orang-orang yang beriman, kamu diwajibkan berpuasa sebagaimana diwajibkan ke atas orang-orang yang terdahulu daripada kamu, supaya kamu bertakwa. Oleh itu sesiapa diantara kamu yang menyaksikan anak bulan Ramadan, maka hendaklah dia berpuasa pada bulan itu.

Puasa ialah menahan diri daripada perkara-perkara yang

membatalkan puasa, mulai daripada waktu fajar sehingga kepada ghaibnya matahari. Di dalam pengertian yang luas, konsep puasa tidak hanya terhad kepada faktor menahan diri daripada makan minum atau lapar dan dahaga. Ia lebih merupakan dorongan kepada umat Islam untuk mengawal diri, mengawal hawa nafsu dan seterusnya membentuk imej dan keperibadian umat Islam supaya lebih mulia dan berlandaskan al-Quran.

Tanggapan ini sesuai dengan pendapat imam al-Ghazali yang menyebut bahawa puasa bukan saja adab lahiriah tetapi juga adab batiniah. Ada enam perkara yang relatif dengan aspek batiniah yang harus dipelihara termasuk memejamkan mata dan menahannya daripada meluaskan pandangan kepada segala perkara yang tercela dan dilarang agama. Menahan diri daripada segala perbuatan yang boleh mengganggu hati dan melalaikannya daripada berzikir dan mengingati Allah SWT. Memelihara lidah daripada bercakap kosong, bohong, caci maki, menimbulkan permusuhan dan riak. Memelihara panadangan daripada setiap perkara yang haram. Memelihara seluruh anggota badan daripada melakukan sebarang dosa. Menahan perut daripada memakan barang subahat ketika berbuka dan tidak terlalu banyak makan pada waktu berbuka sekalipun daripada makanan yang halal sehingga perut terlalu kenyang dan sebagainya.

Seperkara lagi saya hendak tekankan kepada umat Islam di negeri ini (termasuk diri saya sendiri) marilah kita bersama-sama mengimarahkan masjid pada bulan Ramadan. Saya saham bahawa banyak masjid di negeri ini yang terbiar kosong selama ini, walaupun pemimpin kita dan kerajaan sentiasa menasihatkan umat Islam agar sentiasa mengimarahkan masjid, meramaikan masjid, menggunakan masjid sebaik-baiknya bukan saja tempat beribadah tetapi tempat meningkatkan syiar Islam

dan mengukuhkan perpaduan di kalangan umat Islam, tetapi ternampak bahawa nasihat seperti ini berlalu seperti angin. Anak-anak muda kita khususnya masih mengabaikan tanggungjawab mereka terutama di kampung-kampung yang membiarkan masjid seolah-olah tempat memperhambakan diri di kalangan warga tua sahaja.

Kita sentiasa lupa fungsi masjid dalam Islam. Sikap masyarakat kita sejak dahulu hingga sekarang tidak berubah. Kita hanya menunggu hari raya aidilfitri untuk melihat umat Islam melimpah-limpah mengunjungi masjid. Pada hal masjid perlu disemarakkan dan perlu diimarahkan sepanjang masa. Tak kira bulan ramadan atau bulan-bulan selain ramadan. Lebih-lebih lagi pada bulan ramadan sepatutnya kita lebih insaf dan lebih sedar akan tanggungjawab kita sebagai umat Islam apabila menyebut isu masjid ini. Saya ingat di Afghanistan tentera Amerika menggunakan masjid yang kita anggap tempat mulia dan rumah Allah SWT, sebagai tempat kencing, tempat membuang najis dan sebagainya. Kita harap pengalaman sebegini akan mengajar kita supaya lebih menghormati dan menghargai masjid yang kita ada. Supaya kita menggunakan masjid tempat bermesyuarah, tempat berbincang untuk meningkatkan syiar Islam, tempat mengukuhkan perpaduan, selain daripada tempat umat Islam beribadah.

Saya juga teringat, satu E-Mail yang dikirim oleh sahabat saya yang juga Timbalan Pengarah Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah (JHEAINS), Tuan Haji Arifin Haji Arif dan E-Mail yang dikirim oleh Tuan Haji Ismaily Bongsu yang kedua-duanya memperkatakan peranan kita sebagai umat Islam dalam mengimarahkan masjid. Daripada Tuan Haji Ismaily, saya diberitahu tentang bagaimana Rasulullah SAW memulakan hijrahnya di Madinah dengan membangunkan Masjid Quba, kira-kira 3 km dari Madinah. Itulah projek pertama yang

dilaksanakan Junjungan kita Nabi Mohammad SAW. Bukannya projek membina jambatan gantung, projek membina pusat atau gedung beli belah, bukan juga projek menaikkan taraf jalan kampung atau membina balai raya, tetapi projek membina masjid. Kerana asas bagi segala kekuatan dan kemajuan umat Islam ialah masjid.

Terbukti, kata Tuan Haji Ismaily lagi, bagaimana masjid Quba yang berasaskan batu (bukan marmar), dinding dan atap pelepas tamar itu akhirnya berjaya memunculkan Madinah sebagai negara Islam pertama, dengan masyarakatnya yang paling terkedepan. Sebagai masyarakat madani dalam lingkungan beberapa negara yang dianggap sangat berkuasa ketika itu, seperti Rom dan Parsi. Daripada masjid Quba itulah akhirnya muncul masjid lain yang lebih gah dan menjadi mercu tanda keagungan masyarakat Islam seperti masjid Cordova serta masjid-masjid lain yang lahir bersamanya tamadun Islam yang hebat di seluruh dunia.

Malangnya, kita di negeri ini tidak begitu menghargai peranan masjid. Saya masih ingat, Timbalan Ketua Menteri, Datuk Seri Panglima (Dr) Haji Lajim Haji Ukin, hampir setiap kali mengingatkan umat Islam agar menggunakan masjid sebaik-baiknya bukan saja sebagai tempat beribadah tetapi sebagai pusat ilmu, pusat dalam membentuk kecemerlangan umat Islam. Tetapi kata-kata ini biasanya masuk telinga kiri, keluar telinga kanan. Masjid terus saja terbiar kosong, walaupun kerajaan membelanjakan ratusan ribu, malah adakalanya jutaan ringgit untuk membina masjid bagi kemudahan umat Islam di negeri ini.

Lebih menyedihkan lagi, ada masjid yang dibiarkan penuh dengan semak samun selepas beberapa bulan dirasmikan oleh menteri. Ada masjid yang dibiarkan kotor, habuk rokok bersepah, tidak bersih dan sebagainya. Kita tidak tunjuk pun

bahawa agama Islam amat memberi perhatian kepada kebersihan, mengambil berat terhadap peranan umat Islam berkaitan isu masjid ini.

Kata Tuan Haji Ariffin Arif, sesungguhnya kekuatan umat Islam bermula daripada masjid. Kekuatan Ummah sewajarnya bermula dari masjid. Kalau Rasulullah SAW sentiasa di depan, di saf palaing depan, kalau khalifah al-Rasyidin sentiasa bersama di masjid, pemimpin kita juga perlu memikirkan untuk menjadikan masjid tempat atau wadah dalam penganjuran majlis-majlis besar seperti majlis Pemimpin bersama rakyat.

Menteri, wakil rakyat, PKR, Ketua Daerah, Pemaju mukin, Ketua Kampung perlu menjadikan masjid sebagai buah hati mereka. Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad pernah melahirkan hasrat agar kita dapat melahirkan pemimpin yang boleh menjadi imam dan khatib, kerana ingatlah, masjid adalah ibarat jantung umat Islam, sebagaimana kata imam Al-Ghazali, kita perlu meniupkan semangat ukhuwah dan kemanusiaan melalui masjid.

Memang terdapat kes di beberapa belahan dunia ini dimana umat Islam hidup dalam keadaan yang terluka kerana kedegilan mereka yang menafikan peranan masjid. Sehingga mereka disingkir, ditindas, dibunuh dan malah masjid yang menjadi tempat keramat bagi umat Islam, rumah Allah kepada umat Islam dirampas. Lihatlah bagaimana Yahudi hendak merampas masjid al-Aqsa, sebagaimana Abrahah hendak menakluk Kaabah.

Tuan Haji Arifin mengingatkan saya dan seluruh umat Islam sekali lagi bahawa ada lima tempat yang menjadi benteng umat Islam jika mereka berpegang teguh dan dimana musuh tidak akan berupaya memusnahkan umat Islam. Tiga daripadanya ialah, pertama pertemuan agung umat Islam di Makkah menerusi ibadat haji. Kedua; Universiti Al-Azhar yang

menjadi gedung ilmu umat Islam yang paling prestij, berpengaruh dan tertua di dunia. Dan ketiga; ialah institusi masjid. Oleh itu pada bulan ramadan yang mulia ini marilah kita sama-sama mengimarahkan masjid. Marilah kita bukan saja bermegah dengan masjid yang cantik dan hebat, tetapi perlu menilai semula peranan yang dimainkan oleh institusi masjid dalam menyemarakkan Islam. Umat Islam perlu mengubah sikap dan minda, perlu menjernihkan jiwa dan membetulkan nilai-nilai budaya ummah. Yang akan memperkasa masjid harus kembali kepada masyarakat itu sendiri. Mudah-mudahan kita akan menjadi umat yang bertakwa dan lebih-lebih lagi pada bulan yang mulia ini. Amin!.

## Lambaian Aidifitri dan kesejahteraan umat Islam

*MEMANGLAH nasib umat Islam hari ini amat malang, kerana mereka menguasai negara-negara yang kecil, lemah dan tidak berkeupayaan menunjuk kuasanya di peringkat global. Malah mereka (umat Islam) ini saling bertelingkah, berbelah sesama sendiri, di dalam negara mereka yang kecil dan lemah itu. Sehingga akhirnya mereka menjadi semakin kecil dan lemah. Mereka tidak bersatu padu, tidak menghormati akan mustajabnya nilai-nilai kebersamaan dalam semua perkara. Mereka tidak berfikir sangat tentang pentingnya musyawarah ini dalam memberikan keputusan yang terbaik kepada masa depan mereka, malah masa depan bangsa, agama dan negara mereka.*

SAYA ingin mengambil kesempatan untuk mengucapkan Selamat Hari Raya Aidilfitri kepada semua umat Islam dan berdoa semoga bulan Ramadan tahun ini membawa lebih banyak keberkatan. Saya juga berdoa semoga sambutan Hari Raya Aidilfitri tahun ini akan lebih meriah, lebih berseri, malah menguatkan lagi azam serta iltizam kita untuk maju dan lebih bersedia menghadapi cabaran yang mendarat.

Saya turut menyusun jari sepuluh memohon ribuan keampunan dan kemaafan, jika sekiranya terdapat kesalahan dan kesilapan yang saya lakukan, perbuatan yang menyenggung perasaan, kasar, buruk bahasa dan sebagainya. Saya ingin mengulang apa yang dikatakan oleh ahli bijak pandai bahawa

yang "Buruk" itu datang daripada saya, sementara yang "Baik-Baik" itu datang daripada Allah SAW Yang Maha Pengasih lagi Maha Penyayang kepada hamba-Nya.

Saya hanya perantara atau jambatan pengubung yang amat daif dan lemah, yang dianugerahkan sedikit kelebihan dalam bidang penulisan. Melalui bidang ini dapatlah kiranya saya menyumbang bakti, yang diharapkan dapat dimanfaatkan sebaiknya kelebihan yang dianugerahkan oleh Allah SAW ini. Tidak ada yang lebih baik, saya fikir menjelang sambutan Aidilfitri ini selain daripada mengharapkan serta mendoakan kesejahteraan umat Islam baik dimana saja mereka berada.

Saya juga mengharapkan negara kita yang tercinta ini sentiasa aman makmur, terpelihara dan sejahtera, supaya dengannya kita dapat menjalankan aktiviti harian dengan baik, tenang dan tenteram tanpa sebarang kekacauan. Supaya kita dapat mengelakkan pertelingkahan sama ada kecil atau besar, kita dapat menangkis ancaman keganasan, huru hara dan sebagainya. Kita bersyukur kerana kita berpeluang menziarahi sanak saudara, sahabat handai dalam keadaan yang, harmoni, selesa dan aman damai.

Tidak seperti yang berlaku di beberapa negara Islam, kehidupan umat Islam sentiasa tertindas. Hidup mereka sentiasa dibayangi ketakutan dan ketegangan. Rakyat Islam di Palestin, Iraq, Iran, Libya, Sudan, Kashmir, Afghanistan, Chechnya dan beberapa negara Islam lain sentiasa menunggu masa untuk mereka dimusnahkan, dibunuh dan negara mereka dihancurkan. Kita tidak dapat bayangkan kepedihan yang mereka hadapi pada bulan Ramadan dan pada ketika menyambut Aidilfitri.

Pada awal bulan Ramadan lagi, Amerika Syarikat, tanpa berselindung memberitahu dunia bahawa negara itu hendak menghancurkan Iraq pada bulan Ramadan kerana mereka berpendapat bahawa umat Islam yang berpuasa pada bulan

Ramadan adalah lemah dalam serba serbi. Jesteru inilah masa yang menurut mereka amat sesuai dan terbaik untuk menyerang umat Islam dan menakluk negara yang mereka diami. Tetapi percayalah! Allah SAW lebih mengetahui nasib hamba yang bertakwa dan sentiasa bersama-sama-Nya sepanjang masa.

Memang nasib umat Islam hari ini amat malang, kerana mereka menguasai negara-negara yang kecil, lemah dan tidak berkeupayaan menunjuk kuasanya di peringkat global. Malah mereka (umat Islam) ini saling bertelingkah, berbelah sesama sendiri, di dalam negera mereka yang kecil dan lemah itu. Sehingga akhirnya mereka menjadi semakin kecil dan lemah. Mereka tidak bersatu padu, tidak menghormati akan mustajabnya nilai-nilai kebersamaan dalam semua perkara. Mereka tidak berfikir sangat tentang pentingnya musyawarah ini dalam memberikan keputusan yang terbaik kepada masa depan mereka, malah masa depan bangsa, agama dan negara mereka.

Malah umat Islam hari ini juga tidak begitu menitik beratkan aspek ilmu seperti yang pernah dilakukan oleh ilmuan Islam pada zaman keemasan dan keagungan Islam. Sebahagian besar ilmu yang berkaitan sains dan teknologi hari ini tidak dikuasai oleh orang Islam. Begitu juga ilmu berkaitan teknologi maklumat, ilmu berkaitan bidang perekonomian, perubatan, kejuruteraan dan sebagainya. Semua ilmu ini tidak lagi dikuasai umat Islam pada peringkat tertinggi. Apa yang ada hari ini ialah umat Islam menjadi semakin terpinggir daripada arus perdana, pencapaian tradisi keilmuan yang semakin canggih dan hebat di dunia.

Umat Islam terpaksa menerima hakikat bahawa mereka ketinggalan dan berada beribu tapak di belakanang dalam pelbagai segi kehidupan. Oleh sebab itu terdapat berbagai saranan agar umat Islam dapat memulihkan semula keyakinan, mengejar ilmu

dan merapatkan barisan dan sentiasa bersatu padu. Mereka perlu menilai apa yang telah berlaku dan menimpa mereka sebelum ini. Mereka perlu belajar daripada sejarah untuk mengubah nasib mereka. Saya yakin sudah pasti Ramadan dan Aidilfitri tahun ini akan membawa lebih banyak iktibar serta kejayaan yang lebih besar kepada umat Islam bukan sahaja di negara ini tetapi juga di seluruh dunia.

Saya telah pun menjelaskan berkali-kali bahawa umat Islam perlu bersama-sama menangani gejala keganasan supaya dunia hari ini tidak terus dicengkam ketakutan. Adalah malang jika setiap orang merasakan dirinya tidak selamat kemana pun dia hendak pergi, walau ke penjuru dunia sekalipun. Senario seperti ini sudah pasti tidak hanya mengganggu gugat ekonomi negara Islam tetapi juga ekonomi negara bukan Islam. Justeru itu mesti ada sesuatu yang dilakukan, seperti harapan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad, mesti ada orang yang berfikiran rasional yang akan mencari penyelesaian kepada masalah ini.

Penyelesaiannya kata beliau ialah (sesiapa saja) mesti menghentikan penindasan bukan saja di Palestin tetapi juga di negara-negara seperti Iraq, Iran, Libya, Sudan, Kashmir, Afghanistan dan Chechnya. Jika penindasan itu tidak dihentikan, tindakan keganasan mungkin akan berterusan kerana di kalangan 1.3 billion umat Islam di dunia, seribu daripada mereka mungkin marah serta kecewa dan akan bertindak secara sendiri, meletupkan bom dan membunuh diri bersama-sama dengan sesiapa saja yang menjadi sasaran.

Ketika itu adalah tidak mungkin untuk kita merasa keselamatan kita terjamin kerana mereka boleh menjadi individu yang berada di mana-mana, pada bila-bila masa dan tempat serta tidak mewakili mana-mana kerajaan dan negara. Sukarlah menjelaki mereka untuk memulihkan keadaan dan mengelak

keganasan dunia yang lebih buruk dan dunia menjadi lebih tidak selamat.

Pertumpahan darah yang berlaku di antara rakyat Palestin dan Israel tidak sedikit menguji kesabaran umat Islam. Pembentukan Israel daripada tanah Palestin tidak sedikit mengecewakan umat Islam, kerana ia telah menyebabkan rakyat Palestin kehilangan tanah sehingga mereka terpaksa tinggal dalam kem sejak 50 tahun lepas. Justeru itu, umat Islam menjadi begitu marah. Ini harus difahami masyarakat antarabangsa dan dunia.

Tetapi di negara ini alhamdulillah, kita berasa aman sehingga kita dapat menyambut Ramadan dan Aidilfitri dengan baik dan tanpa berlaku sebarang kejadian yang tidak diingini kerana kita lebih banyak mengambil tindakan yang betul terhadap golongan berpotensi menjadi pengganas berbanding dengan negara lain. Kata Dr. Mahathir, tidak ada yang perlu dibimbangkan di negara ini kerana kita tahu mengenai kegiatan kumpulan militan, jauh lebih awal sebelum tragedi 11 September. Kita telah mengambil tindakan serta membuat pemantuan terhadap kegiatan yang meragukan di sekolah agama kerana ada sekolah agama yang tidak mengajar pendidikan agama sebaliknya mengajar perkara lain yang boleh menjelaskan keamanan negara.

Golongan ini mengajar generasi muda negara ini perkara yang boleh dikaitkan dengan keganasan kerana mereka ini terdiri daripada mereka yang sedar bahawa mereka tidak dapat berkuasa menerusi cara demokrasi di negara ini. Mereka telah pergi ke Pakistan dan Afghanistan untuk belajar cara menggunakan kekerasan untuk mengambil alih tumpuk kerajaan. Tetapi mereka tidak berjaya.

Jika kita percaya kekerasan boleh menjayakan sesuatu, maka kehidupan di dunia ini tidak akan lagi sejahtera seperti

### *ReFLEKSI*

yang kita diimpikan. Yang ada hanyalah pertumpahan darah, pembunuhan dan keganasan yang tiada batas. Justeru itu marilah kita bersama-sama membina dunia ini menjadi lebih baik untuk kebaikan kita bersama. Kita tidak akan rugi. Kita harap bulan Ramadan Al-Mubarak dan ketibaan Aidilfitri yang mulia ini akan memberi pengajaran yang berguna kepada kita semua.

## Membina masyarakat yang setia berkorban

*UMAT Islam memang perlu menterjemah semangat korban, bukan hanya dalam konteks korban sebagai satu ibadat dimana umat Islam melakukan penyembelihan binatang ternakan seperti kambing, lembu dan unta dalam melaksanakan kemaslahatan agama, tetapi pengorbanan perlu diperluaskan konsepnya, malah dilebarkan lagi ruang lingkup maknanya meliputi aspek kebendaan, kuasa, nyawa, keilmuan dan kepentingan bersama bagi menghadapi pelbagai kemungkinan, termasuk musuh luaran, kemungkaran, kejahilan dan keangkuhan diri.*

HARI raya korban atau hari raya aidul adha telah pun berlalu, tetapi mudah-mudahan hari raya aidul adha tahun ini membawa lebih banyak keberkatan dan memberi kesedaran kepada seluruh umat Islam tentang hikmah korban. Saya juga mengambil kesempatan untuk mengucapkan terima kasih kepada sahabat dan sesiapa saja yang menghantar mesej melalui SMS (Telefon bimbit) atau menghantar E-mail kepada saya, khususnya, Timbalan Pengarah Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah (JHEAINS) Tuan Haji Arifin Arif, yang mengingatkan saya agar terus melangkah dengan semangat juang dan setia rela berkorban. Saya ucap terima kasih dan mudah-mudahan kita semua sentiasa memperbaharui semangat juang dan iktikad untuk meningkatkan lagi syiar Islam di negeri ini.

Saya turut bersyukur kerana semakin ramai umat Islam

di negara kita hari ini mempunyai kemampuan, dilimpahkan rezeki sehingga mereka boleh berkorban dan dapat membantu saudara kita yang lain, yang masih kekurangan dalam serba serbi. Sesungguhnya inilah yang ditekankan dalam Islam supaya kita sentiasa mengamalkan sikap saling bantu membantu di antara satu sama lain, setia rela berkorban, bukan kerana kita menggalakkan lebih ramai lagi masyarakat Islam pasrah atau mengharapkan bantuan orang lain atau terlalu bergantung kepada pemberian orang lain dek kerana hambatan kemiskinan, tetapi kerana kita lebih insaf betapa perlunya bagi umat Islam menolong saudaranya yang dibelenggu kemiskinan dan kesusahan dalam serba serbi, demi mengukuhkan lagi perpaduan, menguatkan akidah dan meningkatkan syiar Islam.

Umat Islam memang perlu menterjemah semangat korban, bukan hanya dalam konteks korban sebagai satu ibadat dimana umat Islam melakukan penyembelihan binatang ternakan seperti kambing, lembu dan unta dalam melaksanakan kemaslahatan agama, tetapi pengorbanan perlu diperluaskan konsepnya, malah dilebarkan ruang lingkup maknanya meliputi aspek kebendaan, kuasa, nyawa, keilmuan dan kepentingan bersama bagi menghadapi pelbagai kemungkinan, termasuk musuh luaran, kemungkaran, kejahilan dan keangkuhan diri.

Muhammad Syed Qutub dalam bukunya, pernah menyatakan bahawa seseorang muslim sejati sebenarnya hanya dapat dikenali apabila dia berkorban dan berjuang semata-mata kerana Allah dan tanpa memikirkan sebarang keuntungan sama ada untuk diri atau kumpulannya. Ia akan menjadi perisai ampuh daripada segala sifat tamak dan angkuh manusia. Justeru, Aidul Adha hendaklah diselami maknanya, hendaklah dirungkai segala tuntutan pengorbanannya dalam segenap segi kehidupan bagi meleraikan pelbagai masalah yang dihadapi dengan sesempurna mungkin bagi menjamin kebahagiaan di dunia dan kesejahteraan

abadi di akhirat.

Namun demikian, dalam kita meyambut hari kebesaran Islam ini, kita tidak terlepas daripada mendengar atau membaca berita yang menyedihkan umat Islam di beberapa tempat lain di dunia. Di negeri kita pula, kita digemparkan dengan berita penghijrahan gadis-gadis Sabah ke Semenanjung dan terlibat dengan kerja-kerja maksiat, yang akhirnya terperangkap dengan jerat seks dan terjerumus ke lembah pelacuran. Mereka ini akhirnya terkorban, tetapi terkorban dalam erti kata yang merugikan diri sendiri, malah masyarakat dan negara. Memang benar, ia tidak melibatkan gadis-gadis yang beragama Islam, tetapi sebagai sebuah negara Islam, kita turut dipertanggungjawabkan untuk mengkaji mengapa ia boleh berlaku dan seterusnya melindungi mereka yang bernaung dalam negara Islam ini serta menghindarkan mereka daripada terlibat dalam gejala itu. Islam juga sama sekali menegah umatnya agar tidak terpengaruh dan terjebak dalam profesion tertua di dunia ini, lagi membawa banyak kemudarat dan keburukan daripada kebaikan itu. Malah, kita tidak mahu ramai rakyat kita terdedah kepada bahana jangkitan HIV-Aids hanya semata-mata kerana masalah pelacuran yang berleluasa di negara ini.

Sejak akhbar menyiarkan dan memaparkan berita berkenaan penangkapan enam gadis dari Sabah di Kamunting, Perak kerana dipercayai terlibat dalam kegiatan pelacuran, pelbagai pihak telah memberi reaksi mengenainya. Persatuan berasaskan suku kaum negeri ini telah membuat kenyataan agar agensi yang terlibat dalam pengambilan tenaga buruh wanita di negeri ini ke Semenanjung memastikan mereka bekerja di tempat baik dan bukan menjadi pelacur. Ketua Wanita Umno Sabah, Senator Dayang Mahani Tun Ahmad Raffae pula mengharapkan kerajaan mengkaji semula peraturan sedia ada bagi memastikan keperluan semasa masyarakat miskin di luar bandar diberi

perhatian yang serius.

Menurutnya, pertimbangan seperti itu perlu dan mungkin mampu mengelak penghijrahan beramai-ramai gadis Sabah ke Semenanjung untuk mencari prospek pendapatan yang lebih baik, walaupun dengan cara menjerumuskan diri ke kancang maksiat. Program mengatasi masalah kemiskinan masyarakat luar bandar mesti digerakkan kerana kebanyakan mereka yang terlibat dalam jerat seks pelacuran itu adalah gadis dari kawasan luar bandar yang mencari pendapatan lumayan dan lebih baik. Jadi semua pihak termasuk pemimpin, gerakan politik dan badan bukan kerajaan (NGO) perlu merancang, menggerakkan jentera, melaksanakan pelbagai program bagi menghapuskan kemiskinan dan sekaligus menghalang mereka daripada terus berhijrah ke negeri lain dan terjebak dalam kegiatan pelacuran. Kita mungkin tidak sampai ke tahap dimana kita perlu mewujudkan satu kementerian wanita, hanya semata-mata menangani masalah ini, tetapi kita semua perlu bertanggungjawab menyelesaikan dan mengatasinya.

Sebenarnya tidak wajar juga bagi kita meletakkan kesalahan ini hanya kepada gadis berkenaan semata-mata. Kita juga tidak wajar menuding jari kepada mereka, sebaliknya adalah lebih baik bagi kita menyoal diri sendiri, apakah yang telah kita lakukan bagi mengelak mereka daripada terus terlibat dalam kegiatan seperti itu. Adakah masalah ini berlaku atau berpunca atau berkaitan dengan masalah pendidikan yang tidak sempurna? Jika jawapannya "Ya", maka kita mesti mencari sebab musabab mengapa mereka lemah dalam pendidikan? Menagapa mereka boleh gagal mendapat kelulusan yang lebih baik, sehingga menutup peluang mereka untuk mendapatkan pekerjaan yang sesuai dan berpendapatan lumayan? Kita mesti menyoal mengapa mutu pendidikan di kawasan luar bandar di negeri ini begitu daif?

Apakah kita kurang prasarana pendidikan, guru-guru terlatih yang baik yang ditempatkan di kawasan luar bandar? Apakah kerana faktor persekitaran yang mempengaruhi pencapaian pendidikan atau faktor ibu bapa sendiri yang kurang memberi perangsang dan tidak memberi penekanan kepada aspek pendidikan anak-anak. Apakah juga kerana mereka terlalu miskin sehingga mereka tidak berkemampuan memberi pendidikan yang terbaik kepada anak-anak mereka. Semua perkara ini perlu dikaji, diteliti dan dihalusi secara lebih mendalam. Jika ia berkaitan dengan masalah kemiskinan, maka kita mesti mencari cara terbaik untuk mengatasi masalah kemiskinan itu. Kita mesti menyediakan pelbagai program masyarakat luar bandar yang lebih efisyen yang boleh membebaskan mereka daripada belenggu kemiskinan.

Pimpinan dan wakil rakyat di kawasan yang terlibat mesti lebih proaktif, mesti sentiasa prihatin dengan masalah masyarakat luar bandar, mesti turun padang dan menggerakkan semua potensi untuk membawa kemajuan di kawasan mereka serta melaksanakan pelbagai program yang boleh membantu mengurangkan masalah kemiskinan ini, kerana percayalah, kemiskinan boleh menimbulkan pelbagai masalah sosial yang tidak diduga. Sebab itu sebelum ini, saya telah menulis dengan berkata bahawa kemiskinan akan mendekatkan dan menjadikan seseorang itu lebih dekat kepada kedaifan, hidup meminta-minta dan menjadi saudara syaitan.

Ingartlah! kita perlu mengatasi masalah ini. Memang benar bahawa apa yang telah berlaku itu, telah pun berlaku. Kita telah menangkap dan kita mendedahkan kegiatan mereka. Kerajaan negeri telah mendesak pihak polis mengenakan tindakan tegas terhadap agensi yang terlibat dalam sindiket pelacuran ini, kerana polis seperti yang dijelaskan oleh Ketua Menteri, Datuk Chong Kah Kiat, mempunyai bidang kuasa untuk

mengenakan tindakan terhadap sesiapa sahaja yang terbabit dengan sindiket itu, namun soalnya kegiatan ini mesti dibenteras. Ia mesti dihentikan bagi mengelak orang luar memberi imej kurang baik terhadap gadis dari negeri ini. Kita tidak boleh kata, bahawa gadis dari negeri lain pun datang ke negeri ini dan melacurkan diri mereka di sini, tetapi kita perlu mempastikan bahawa ia dihentikan dan tidak ada lagi gadis negeri ini yang terlibat dalam kegiatan seperti itu.

Adalah amat menyedihkan, ramai daripada gadis yang terlibat ini dikatakan berasal dari Kudat dan mereka pergi ke Semenanjung kerana terpengaruh dengan janji manis dan pendapatan yang jauh lebih baik di sana. Kebanyakan mereka pada mulanya bekerja sebagai Pegawai Perhubungan Pelangan (GRO) tetapi kemudiannya berakhir dengan pelacuran. Perkara sebegini sungguh menyedihkan, mengapa kebanyakan mereka datang dari daerah ini. Apakah banyak kawasan di daerah Kudat menghadapi masalah kemiskinan serius atau ada sebab lain yang kita sendiri tidak mengetahuinya. Justeru, kajian mesti dibuat dan sesuatu mesti dilakukan untuk mengatasinya.

Sekali lagi saya mengharapkan semoga tidak akan ada lagi kegiatan ini berlaku pada masa akan datang. Sempena bulan yang baik di mana umat Islam baru saja merayakan sambutan Aidul Adha ini, marilah kita bersama-sama membela nasib seluruh masyarakat di negara ini agar tidak terlibat dalam sebarang kegiatan negatif yang merugikan. Marilah kita bersama-sama mencapai kemajuan dan kecemerlangan. Marilah kita meningkatkan usaha agar menjadi umat yang lebih berhemah, bertamadun, progresif, berilmu tinggi, cemerlang dan bermaruah. Marilah kita membina masyarakat yang setia rela berkorban demi kebaikan dan bukan "Terkorban" dan terperangkap dalam gejala yang tidak diingini lagi merugikan.

## Jangan mengaitkan Islam dengan keganasan

DUNIA hari ini dipenuhi perasaan marah. Tidak ada lagi sesiapa yang bertindak berdasarkan kepada alasan yang logik dan wajar. Walaupun ada usaha dilakukan untuk melindungi orang ramai tetapi apabila berdepan dengan pengganas terutama pengganas moden, maka, tiada jaminan yang setiap orang boleh dilindungi. Malah, satu hari kita juga mungkin boleh terdedah kepada bahaya ini dan yang malangnya, kita mungkin terperangkap di suatu tempat yang diserang dan kita mungkin menjadi mangsa oleh mereka.

SEKALI lagi dunia dikejutkan dengan serangan keganasan apabila 187 orang yang kebanyakannya pelancong Amerika, Australia, Britain, Switzerland, Jerman, Sweden dan Itali terbunu dalam kejadian letupan bom paling dahsyat yang memusnahkan dua buah pusat hiburan yang sesak dengan pelancong di sebuah resort peranginan di Kuta Bali, berhampiran dengan konsulat Amerika di Denpasar, serta konsulat Filipina di Menado.

311 orang lagi dikatakan cedera, sementara sebahagian besar pelancong yang ada di Bali, Indonesia mula meninggalkan pulau itu dalam keadaan yang masih terkejut, dibayangi ketakutan serta khuatir serangan seumpamanya akan berlaku lagi berikutan reaksi Amerika dan sekutunya yang serta merta menuding lima jari kepada rangkaian al-Qaeda dan militan Islam, sebagai pihak yang bertanggungjawab terhadap kejadian itu.

Inilah tragedi keganasan yang menyayat hati di dunia selepas peristiwa 11 september yang memusnahkan menara berkembar Pusat Dagangan Dunia New York tahun lalu. Walaupun belum ada bukti menunjukkan kejadian itu dilakukan oleh Osama serta kuncu-kuncunya, tetapi ada pihak yang telah dengan berani mendakwa kejadian itu sebagai tandatangan Osama Bin Laden selepas serangan 11 september. Ia adalah serangan militan Islam dan memburukkan lagi imej Islam di mata dunia.

Kenapa Osama dan Islam menjadi sasaran? Persoalan ini tidak sukar dijawab tetapi adalah kurang wajar untuk sesiapa saja menyalahkan Islam kerana penindasan dan diskriminasi yang dilakukan oleh Barat terhadap Islam, selepas berakhirnya perang dingin antara Amerika dan Russia adalah amat buruk sekali. Gambaran yang diberikan terhadap Islam sungguh menyedihkan. Tindakan yang dibuat terhadap orang Islam dan beberapa negara Islam dapat dianggap sebagai sejarah paling malang, pernah dilakukan oleh mana-mana tamadun di dunia sehingga kini.

Sebab itu, terdapat segelintir di antara pengikut Islam di seluruh dunia yang bangun daripada segala kepahitan itu. Mereka membuat tindakan yang didalangi kebencian selepas melalui pelbagai pengalaman pahit yang penuh kekecewaan. Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad, berkata, hari ini tahap kebencian, kepahitan dan kekecewaan adalah sangat mendalam daripada keadaan sebaik saja berlakunya serangan 11 september terhadap Amerika.

Semua ini, kata Dr. Mahathir, adalah kerana tidak ada sama sekali usaha dilakukan untuk mengesan apa yang menyebabkan kemarahan mendorong seseorang yang sanggup meletupkan diri sendiri bagi menjalankan tindakan keganasan. Perasaan marah sedang meluap-luap di dunia. Rakyat Amerika

(disatu pihak) sangat marah kerana negara mereka buat pertama kalinya telah diserang dan ia mengaibkan mereka. (Ini menyebabkan) mereka bertindak sebagaimana yang dilakukan oleh orang yang sangat marah. (Sedangkan ia tidak lebih daripada) hanya menaikkan kemarahan (dan akhirnya (melibatkan) orang lain (yang tidak bersalah dan tidak berdosa) pula.

Dunia hari ini, kata Dr. Mahathir, dipenuhi perasaan marah. Tidak ada lagi sesiapa yang bertindak berdasarkan kepada alasan yang logik dan wajar. Walaupun ada usaha dilakukan untuk melindungi orang ramai tetapi apabila berdepan dengan pengganas terutama pengganas moden, maka, tiada jaminan yang setiap orang boleh dilindungi. Malah, satu hari kita juga mungkin boleh terdedah (kepada bahaya ini) dan yang malangnya, kita mungkin terperangkap di suatu tempat yang diserang (dan kita mungkin menjadi mangsa) oleh mereka.

Dalam hal ini, ia bukan saja melibatkan pelancong dari Eropah atau yang bukan Islam, (tetapi suatu hari ia juga akan melibatkan kemusnahan orang Islam dan tidak mustahil) orang Islam sendiri akan diletupkan juga. Selagi ada pihak yang mempunyai perasaan benci, keganasan akan tetap berlaku. Tidak ada langkah keselamatan yang benar-benar sempurna. Anda tidak boleh memeriksa setiap orang, membelek kasut mereka, memeriksa belakang telinga mereka dan sebagainya sepanjang masa.

Dr. Mahathir mengingatkan, pengganas yang memandu kapal terbang dan merempuh bangunan Pusat Dagangan Dunia New York pada tahun 2001 adalah berpangkalan di Amerika. Ini bererti (pangkalan pengganas bukan semestinya tertakluk kepada negara dan orang Islam sahaja tetapi) di Amerika juga terdapat sarang bagi pengganas.

Dunia hari ini bukan lagi tempat yang selamat untuk

didiami. Sebaliknya ia menjadi tempat berbahaya kerana wujudnya keinginan yang berterusan untuk membalas dendam yang boleh menjurus kepada malapetaka yang lebih buruk lagi. (Apabila keganasan berbalas keganasan ia tidak akan memilih bulu dan tidak akan ada perbezaan di segi mangsa, sama ada mereka orang biasa atau tentera, sama ada mereka bersalah atau tidak, yang pasti akan ada saja mangsa dan korban daripada tragedi keganasan).

Satu serangan akan disusuli oleh satu serangan lain yang mungkin lebih besar daripada sebelumnya. Serangan itu mungkin lebih dahsyat dan berlingkar-lingkar. (Tidak ada sesiapa dapat menjelaki mereka yang dikatakan pengganas itu dengan pasti. Mereka boleh berada di mana-mana. Mereka boleh berada di sebuah negara Islam, negara Kristian hindu, budha atau apa saja. Selagi punca keganasan yang berlaku tidak diatasi, kemungkinan pusingan keganasan yang berlaku di New York dan Bali akan tetap berulang dan boleh berlaku semula pada bila-bila masa dan di mana saja pelusuk dunia ini.

Apa yang penting keganasan mesti dihentikan. Usaha untuk mengaitkan keganasan dengan Islam terutama seperti yang dilakukan oleh media Barat juga mesti dihentikan. Rancangan Amerika dan Israel untuk menguasai dunia arab/Islam mesti dihentikan. Penganiayaan berterusan terhadap rakyat Palestin mesti dihentikan. Kecuali jika Amerika, Israel dan sekutunya sanggup menerima hakikat bahawa dunia ini akan menjadi lebih buruk daripada idealisme mereka dalam perjuangan menentang keganasan. Ketika itu, keganasan tidak akan lagi memilih mangsa. Sesiapa saja akan menjadi korban. Semua negara berpotensi untuk menjadi medan kepada petaka keganasan dan ketika itu saya lebih cenderung menganggapnya sebagai "Perang dunia ketiga edisi baru".

Sudah pasti kita tidak bersetuju dengan cara Barat

memerangi keganasan yang mengaitkannya sama ada secara langsung atau tidak dengan Islam. Keganasan seperti yang berulang kali saya katakan, boleh berlaku di mana-mana. Tidak semestinya hanya dilakukan oleh umat Islam, pengganas juga terdapat dalam semua kaum dan agama. Terdapat pengganas Kristian di Ireland Utara yang memasang bom di tempat awam dan membunuh orang yang tidak bersalah dan tidak berdosa, terdapat pengganas Buddha dan Hindu di India, sehingga ratusan orang Islam dibunuhi, dibakar hidup-hidup dalam rusuhan masyarakat beragama Hindu di Ahmedabad, India.

Tetapi apakah media Barat dan Amerika melabelkan perusuh Hindu yang berarak beramai-ramai dan mengangkat senjata dalam kejadian itu sebagai pengganas? Saya rasa tidak! Dan saya telah menyentuh perkara ini berkali-kali. Oleh itu tafsiran umum yang hanya cenderung mengaitkan keganasan dengan Islam hendaklah dihentikan. Kita mendefinisikan pengganas melalui perbuatannya. Jika amalan mereka adalah ganas dan melampaui batas seperti menjerut leher kanak-kanak yang tidak berdosa sehingga mati, maka mereka boleh dilabel sebagai pengganas tanpa mengambil kira siapa mereka dan dari mana mereka datang.

Kita memang mempunyai pendirian tegas mengenai isu keganasan, Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi Pada Mesyuarat Ketua-Ketua Kerajaan Komanwel (CHOGM) di Coolum Australia, pernah menegaskan, masyarakat antarabangsa tidak seharusnya mengaitkan keganasan dengan Islam. Sebaliknya beliau mahu keganasan dibenteryas tanpa mengira batas agama kerana ia boleh wujud dalam pelbagai bentuk termasuk ideologi dan kaum.

Katanya, memang ada keganasan yang turut melibatkan segelintir umat Islam, tetapi ia tidak harus menjurus pandangan serong kepada seluruh umat Islam. Sebaliknya, tindakan perlu

ditumpukan hanya kepada golongan ini dan bukan kepada semua umat Islam. Malangnya, terdapat kecenderungan di kalangan negara tertentu yang bukan saja memberi imej buruk kepada umat Islam, malah melakukan tindakan serta gerakan kententeraan yang akhirnya menjatuhkan kerajaan dan negara Islam yang sedia ada.

Semua ini tidak membantu, kita tidak dapat menolong menghentikan keganasan hanya dengan menuding jari kepada umat Islam. Kita tidak dapat mewujudkan keamanan dengan menyemai semangat kebencian, sehingga ia menjadi tindakan lebih buruk daripada apa yang kita jangka. Kita memang tidak bersetuju dengan cara keganasan dilakukan. Tetapi apakah yang kita buat untuk menjadikan dunia ini lebih aman damai, tenteram, sentiasa bersatu padu dan bekerjasama antara satu sama lain? Saya tidak tahu, tetapi kita sering melabel puak ini dan penganut agama ini atau negara ini sebagai ganas atau menaja atau melindungi keganasan. Kita sebenarnya sedang membina tembok prasangka yang akan menghancurkan dunia ini tanpa kita sedari.

## Nasib umat Islam di Iraq malang

*PERANG yang dilancarkan Amerika Syarikat dan sekutunya Britain serta Australia terhadap umat Islam Iraq harus dikutuk sekeras-kerasnya, kerana tindakan itu telah menjadikan dunia hari ini kehilangan haknya untuk merasa hidup selamat dan selesa. Negeri-negeri kecil sudah tidak lagi selamat dan pada bila-bila masa saja boleh diserang dan rakyatnya ditindas dan dibunuh sesuka hati.*

SELEPAS peristiwa 11 september, Amerika syarikat tidak henti-henti mengganyang umat Islam di mana saja mereka berada. Mereka bermula dengan memberi pelbagai tekanan terhadap umat Islam sama ada di dalam negara mereka sendiri atau pun di luar Amerika. Selepas itu mereka menghancurkan bumi umat Islam dan menjatuhkan kerajaan Islam di Afghanistan hanya dalam beberapa hari. Ekoran kejayaan besar itu Amerika Syarikat dan sekutunya kemudian memberi tekanan kepada PBB untuk membenarkannya menyerang Iraq dan membunuh umat Islam di bumi yang telah banyak melahirkan ulama-ulama Islam yang muktabar itu.

Kita masih ingat renttentan peristiwa memalukan yang di buat oleh Amerika Syarikat di PBB termasuk membuat laporan palsu tentang kedudukan persenjataan Iraq hanya semata-mata untuk memberikan laluan mudah kepada mereka menghancurkan umat Islam di Iraq. Apabila PBB enggan merestui nafsu serakah mereka untuk melihat darah umat Islam

membanjir di seluruh bumi Iraq, mereka akhirnya membuat tindakan sendiri menyerang Iraq dengan membelakangi PBB.

Tanpa menghiraukan bantahan masyarakat antarabangsa mereka menghantar ratusan ribu anggota tentera dengan segala kelengkapan tentera yang canggih di rantau Teluk untuk mengepung Iraq dari Barat, Utara dan Selatan. Tidak banyak negara yang menyokong mereka kecuali beberapa negara yang sama ada berhutang dengan negara besar itu atau diajah secara tidak langsung oleh Amerika Syarikat. Ini termasuklah Filipina dan Singapura yang dengan angkuhnya menyokong tindakan perang terhadap umat Islam, tanpa memperdulikan sentimen umat Islam di dalam negara mereka dan di sekeliling mereka.

Malah Filipina bertindak lebih memalukan seolah-olah negara itu adalah wilayah autonomi Amerika Syarikat di Asia Tenggara dengan menghalau kakitangan kedutaan Iraq di negara itu. Presidennya, Gloria Arroyo, tidak segan silu berkata, Filipina ialah sebuah negara yang menjadi sekutu Amerika Syarikat. Oleh itu beliau memberi sokongan politik dan moral kepada tindakan perang terhadap umat Islam di Iraq, sesuai dengan kebencianya terhadap umat Islam yang menyusahkannya di Selatan negara itu.

Kita seolah-olah tahu apa yang terbuku di hati beliau dan motif di sebalik sokongan itu, kerana Filipina juga hendak dan telah pun bertindak sewenang-wenangnya, dengan bantuan askar Amerika Syarikat mengganyang dan membunuh umat Islam di beberapa kepulauan di Selatan negara itu dalam usahanya untuk menghalang dan menghapuskan umat Islam di Filipina.

Begitu juga Singapura yang turut menyediakan kemudahan kepada pasukan Amerika Syarikat bagi kempennya menghancurkan umat Islam di Iraq, dianggap sebagai bertindak keterlaluan dalam usahanya untuk menanamkan kebencian yang

dalam terhadap umat Islam. Sehingga Dr. Mahathir sendiri melahirkan perasaan kesal beliau terhadap tindakan Singapura itu dan berpendapat ia adalah satu tindakan yang amat malang kerana jika Singapura menyokong perang sebagai jalan penyelesaian kepada masalah antara negara, maka mereka juga harus menjangka perang terhadap negara mereka sendiri.

Tetapi percayalah, perang terhadap umat Islam tidak akan membawa sesiapa sahaja untuk pergi lebih jauh dan beroleh kemenangan, kerana mereka akhirnya harus menerima hakikat bahawa mereka berhadapan dengan umat yang berjuang mahu mengalahkan musuh dengan apa saja. Jika mereka tidak dapat menentang musuh dengan tangan, mereka menentang musuh dengan fikiran. Jika mereka tidak dapat menentang musuh dengan fikiran mereka menentangnya dengan hati. Walaupun menentang dengan hati itu adalah selemah-lemah iman. Tetapi satu hakikat yang Amerika syarikat kena terima ialah tentera Iraq tidak akan menyerah kalah dengan begitu mudah. Ia adalah igauan buruk kepada Amerika Syarikat selepas perang yang mengorbankan 54,000 orang askar Amerika di Vietnam.

Sebab itu Amerika Syarikat dimalukan, apabila gagal menghancurkan umat Islam untuk menawan Iraq dan membunuh Saddam Hussein dalam jangka masa lima hari. Mereka juga diaibkan dengan begitu teruk, apabila dua buah helikopter Apache mereka yang dikatakan begitu moden dijatuhkan hanya oleh petani Iraq dekat Karbala, kira-kira 80 kilometer ke Selatan Baghdad dan keesokannya seluruh dunia menyarkan gambar rakyat petani itu dan cucu cicit mereka bergambar dengan megah di sekeliling helikopter berkenaan.

Saya tidak tahu, sama ada Amerika Syarikat benar-benar bodoh atau mereka kehabisan modal propaganda apabila hanya memberikan laporan-laporan yang boleh dipersoalkan dalam laporan media mereka. Sejak peperangan terhadap umat Islam

di Iraq dilancarkan Amerika Syarikat hanya melaporkan pesawatnya, termasuk helikopter canggih miliknya dan Britain jatuh bertembung sesama sendiri, walaupun pada hakikatnya ia ditembak oleh tentera Iraq. Bagaimana askar terlatih, yang memandu alat canggih kelengkapan tentera sehebat itu boleh bertembung di udara sesama sendiri?. Fikirkanlah!.

Sebuah laporan rasmi Russia mendakwa Pentagon bukannya menyiarkan berita, sebaliknya memberi penafian dan pembohongan yang memutarbelikan fakta sebenar berkenaan serangan serakah mereka terhadap umat Islam Iraq yang menjadi tumpuan dunia. Misalnya Pentagon menafikan kehilangan sebarang pesawat askar penakluk itu biarpun tentera Udara Britain melaporkan beberapa pesawatnya gagal menghubungi markas.

Akhbar itu kemudian menyatakan pembohongan Pentagon, apabila mendakwa keseluruhan anggota Divisyen 51 Iraq sudah menyerah diri, sedangkan beberapa jam kemudian, laporan itu menyatakan "Ramai Askar Iraq menyerah diri" sebelum diikuti beberapa laporan susulan yang menyatakan lebih 8,000 orang anggota Divisyen 51 tentera Iraq menyerah diri. Selepas itu ketua Turus Tentera Amerika Syarikat, Ricahrd Myers pula mengakui bahawa hanya kira-kira 400 orang tentera Iraq dapat ditawan.

Pentagon menuduh dakwaan Kementerian Penerangan Iraq mengenai sekumpulan askar Amerika Syarikat yang ditawan sebagai satu pembohongan tetapi selepas bukti dipaparkan di televisyen, Rumsfeld terpaksa mengaku mengenainya.

Sesungguhnya, perang yang dilancarkan Amerika Syarikat dan sekutunya Britain serta Australia terhadap umat Islam Iraq harus dikutuk sekeras-kerasnya, kerana tindakan itu telah menjadikan dunia hari ini kehilangan haknya untuk merasa hidup selamat dan selesa. Negeri-negeri kecil sudah tidak lagi

selamat dan pada bila-bila masa saja boleh diserang dan rakyatnya ditindas dan dibunuh sesuka hati.

Sebab itu apabila Amerika Syarikat cuba mengungkit soal berkaitan undang-undang antarabangsa, PBB dan ketetapan Geneva, berhubung dengan paparan gambar di televisyen Iraq yang menayangkan empat mayat askar Amerika dan lima tahanan yang didakwa rakyat negara itu sebagai satu pencabulan undang-undang antarabangsa. Dr. Mahathir membidas dengan berkata, Amerika sudah kehilangan hak untuk bercakap mengenai undang-undang antarabangsa kerana mereka sendiri telah mencabulinya.

"Amerika sudah tidak berhak lagi untuk merujuk kepada undang-undang antarabangsa kerena mereka sendiri telah menolak undang-undang antarabangsa. Anda boleh melihat sendiri gambar askar Iraq yang menyerah diri dengan tangan di kepala. Jadi apa salahnya Iraq menunjuk kepada dunia, anggota tentera Amerika yang mereka tangkap, kerana mereka juga mempunyai hak untuk melanggar undang-undang antarabangsa seperti mana yang dilakukan oleh Amerika Syarikat" katanya.

Sudah terlewat bagi Amerika untuk mengguna undang-undang antarabangsa kerana Amerika Syarikat sendiri telah menunjukkan sikap tidak hormat terhadap undang-undang antarabangsa.

Mudah-mudahan rakyat Iraq selamat selepas serangan terkutuk itu. Marilah kita berdoa untuk mereka, walaupun ia adalah selemah-lemah iman. Marilah kita menadah tangan dan memohon ke hadrat Illahi akan keselamatan mereka. Jika kita tidak dapat membantu mereka dengan tangan, dengan peralatan tentera yang canggih, saya rasa kita masih tetap mempunyai rasa kemanusiaan yang dalam bagi membantu membebaskan mereka daripada kekejaman itu.


Sesungguhnya serangan itu adalah satu perbuatan yang

tidak boleh dimaafkan. Amerika Syarikat melalui tekanannya terhadap PBB telah menyeksa rakyat Islam Iraq selama 12 tahun, dengan menyekat mereka daripada menerima bekalan makanan dan ubat-ubatan daripada luar. Mereka kemudian mengugurkan pula di atas kepalanya rakyat Iraq puluhan ribu bom dan roket. Dimana, bom ini dicipta sedemikian rupa hingga boleh menembusi lapisan konkrit dan tanah.

Walaupun mereka berkata, mereka hendak menjatuhkan Saddam Hussein dan menganggapnya sebagai pemimpin yang zalim, selepas gagal menjatuhkan beliau semasa perang teluk sebelum itu, tetapi tindakan mereka ke atas rakyat Islam Iraq sesungguhnya adalah satu tindakan yang lebih kejam dan lebih zalim lagi.

Mereka hendak menjatuhkan Saddam Hussein melalui perang dengan menafikan haknya dalam demokrasi. Tetapi ingatlah membunuh rakyat sesebuah negara supaya demokrasi diterima, sebenarnya tidak demokrasi dan malah bercanggah dengan prinsip demokrasi dan moral.

## *Ekonomi Semasa*



## Memperkasa Melayu di tengah-tengah kemajmukan kaum

*MELALUI dasar pendidikan kebangsaan dan matlamat yang turut terkandung di dalam DEB, pendidikan adalah salah satu asas penting bagi meningkatkan lagi peluang serta penglibatan orang Melayu/Bumiputera dalam sektor ekonomi. Pendidikan dianggap sebagai alat untuk memodenkan masyarakat Melayu/Bumiputera, untuk mencapai matlamat sosial dan sebagai cara untuk memperoleh peluang yang sama rata bagi semua pihak serta menggalakkan hubungan kaum yang lebih baik. Peningkatan tahap pendidikan bukan hanya perlu ditumpukan kepada kawasan bandar tetapi juga kawasan luar bandar bagi mengurangkan masalah kemiskinan masyarakat luar bandar.*

DALAM ucapannya yang bertajuk "Mendedah yang terbuka" yang disampaikan semasa Perhimpunan Agung Umno 2002 di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) pada 20 Jun 2002 Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad antara lain menegaskan, orang Melayu belum lagi menjadi individu dan (kelompok) yang gagah kerana mereka tidak sanggup menghadapi persaingan walaupun sedikit. (Tanpa kekuatan politik orang Melayu akan hancur, kerana mereka tidak mempunyai pencapaian ekonomi membangakan. DEB mensasarkan 30 peratus bidang ekonomi dikuasai oleh orang Melayu/Bumiputera, tetapi sehingga tahun 2002, hanya 19 peratus sahaja bidang ekonomi negara ini yang dikuasai oleh

golongan Melayu/Bumiputera) Justeru jika perlindungan politik terhadap orang Melayu/Bumiputera ini hilang, maka mereka tidak dapat melangsungkan survival kehidupan mereka. Melayu/Bumiputera hanya boleh terus wujud jika mereka terus berjaga-jaga dan berusaha untuk memperkuatkan taraf hidup mereka dan menjaga hubungan kaum, sama ada sesama Melayu/Bumiputera atau di luar batas sempadan bangsa Melayu/Bumiputera).

Orang Melayu jelas beliau, belum selamat. Jangan ingat kuasa orang Melayu/Bumiputera dalam arena politik akan kekal selama-lamanya, akan menjamin keselamatan orang Melayu (termasuk dalam bidang ekonomi) sampai bila-bila. Dalam sejarah, ada bangsa yang tidak pernah bangun dan ada bangsa yang maju tetapi kemudian runtuh dan hilang daripada muka bumi ini. Orang Melayu Bumiputera dan Islam walaupun menjadi penduduk majoriti di negara yang sudah banyak mencapai kemajuan ini, tetapi mereka belum selamat kerana mereka masih menjadi kaum yang lemah, termiskin dan kurang maju. Jika dikeluarkan orang Cina dengan segala-gala yang mereka bina dan mereka miliki, tidak akan ada bandar kecil atau bandar besar di Malaysia. Tidak akan ada perniagaan dan perusahaan, tidak akan ada dana daripada cukai pendapatan dan korporat untuk membayai segala subsidi, bantuan dan kemudahan untuk orang Melayu/Bumiputera. Orang Melayu/Bumiputera akan kembali di zaman mereka dijajah dahulu, miskin, tidak berpelajaran dan dihina oleh sesiapa sahaja.

Oleh itu, faktor penyelarasan ekonomi adalah penting bagi menjamin hubungan kaum di negara ini sentiasa terjamin dan berkekalan. Biar pun tempoh DEB telah berakhir dan telah menerima pelbagai kecaman terutama daripada organisasi politik yang mewakili masyarakat Cina yang menganggap DEB sebagai satu dasar memburukkan lagi keadaan polarisasi kaum dan

bukannya memberi kebaikan terhadap perpaduan negara. Tetapi hakikatnya usaha terus dilakukan bagi memastikan jurang perbezaan ekonomi di kalangan masyarakat pelbagai kaum di negara ini dapat dikurangkan. Sementara masyarakat bukan Bumiputera terus kukuh dan mempunyai kekuatan yang luar biasa dalam sektor ekonomi, orang Melayu/Bumiputera pula hendaklah terus berusaha menujukkan bakat dan keupayaan bersaing.

Mereka seharusnya tidak menjual peluang yang diberikan kerajaan untuk memperolehi keutungan yang cepat, sebaliknya mereka hendaklah terus berusaha sehingga mencapai kejayaan. Apabila mereka berjaya mereka tidak akan merasa bahawa mereka menjadi kuli, hak mereka dirampas atau merasa bahawa diri mereka dihina, sehingga menimbulkan perasaan iri hati, benci dengan kaum yang lebih berjaya dan lebih kaya daripada mereka, sehingga ketegangan kaum berlaku. Dengan ini hubungan kaum di negara ini akan lebih terjamin dan rusuhan yang boleh menggugat kebebasan dan kemerdekaan negara dapat dielakkan.

Peranan pendidikan dalam konteks menjamin hubungan kaum di negara ini sudah pasti menjadi amat penting. Pendidikan bukan saja terbatas kepada melahirkan masyarakat yang berilmu, tetapi pada dimensi lain, ia harus mengarah kepada matlamat sosial yang jelas dalam sebuah sistem masyarakat itu. Melalui dasar pendidikan kebangsaan dan matlamat yang turut terkandung di dalam DEB, pendidikan adalah salah satu asas penting bagi meningkatkan lagi peluang serta penglibatan orang Melayu/Bumiputera dalam sektor ekonomi. Pendidikan dianggap sebagai alat untuk memodenkan masyarakat Melayu/Bumiputera, untuk mencapai matlamat sosial dan sebagai cara untuk memperoleh peluang yang sama rata bagi semua pihak serta menggalakkan hubungan kaum yang lebih baik.

Peningkatan tahap pendidikan bukan hanya perlu ditumpukan kepada kawasan bandar tetapi juga kawasan luar bandar bagi mengurangkan masalah kemiskinan masyarakat luar bandar.

Di sepanjang tempoh pelaksanaan DEB, usaha telah dilakukan untuk meningkatkan tahap pencapaian pendidikan di kalangan kaum Melayu/Bumiputera. Tetapi, malangnya sehingga tempoh pelaksanaan DEB berakhir, sebahagian besar orang Melayu/Bumiputera masih lagi tidak boleh berdikari dan tidak mampu memberi pendidikan yang terbaik kepada anak-anak mereka hingga ke institusi pengajian tinggi tanpa mengharapkan sokongan dan bantuan daripada kerajaan. Seolah-olah kerajaan perlu secara berterusan menyediakan peluang, mengeluarkan biasiswa kepada anak Melayu/Bumiputera untuk mereka mendapat pendidikan yang terbaik di negara ini, supaya mereka boleh bersaing dan jurang perbezaan kaum yang membimbangkan sebelum ini dapat dikurangkan melalui pendidikan.

Keadaan ini sungguh mengejutkan sehingga terdapat rungutan daripada pemimpin kerajaan khususnya daripada Umno bahawa masalah pendidikan masyarakat Melayu/Bumiputera masih tidak menyebelahi masyarakat berkenaan. Walaupun sistem merit diperkenalkan kemudian dan lebih 65 peratus pelajar Melayu/Bumiputera berjaya masuk ke IPTA berbanding kaum lain, tetapi kerajaan masih perlu menghulurkan "Tongkat" untuk membolehkan mereka mendapat peluang pendidikan yang terbaik dan berjaya sama ada di IPTA dan IPTS.

Lebih-lebih lagi di IPTS, tidak ramai pelajar Melayu yang mampu melanjutkan pelajaran ke pusat pengajian tinggi swasta, kerana masalah kemiskinan yang masih merantai kehidupan sebahagian besar masyarakat Melayu/Bumiputera. Berbeza dengan orang Cina, orang Melayu/Bumiputera masih menganggap bahawa tanggungjawab menyediakan pendidikan

perlu digalas oleh kerajaan sedangkan masyarakat Cina menyifatkan tanggungjawab melahirkan masyarakat yang berilmu adalah tugas yang perlu ditanggung oleh kaum itu sendiri. Oleh itu asas untuk mewujudkan sistem pendidikan yang bermutu demi hubungan kaum yang lebih baik pada masa depan hendaklah bermula daripada kekuatan ekonomi tanpa mengira sempadan batas kaum negara ini. Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad berkata, kerajaan memang memperkenalkan metrikulasi, tetapi ia bukanlah hak istimewa orang Melayu, Maktab Rendah Sains Mara (MRSM) bukanlah selama-lamanya menjadi hak istimewa orang Melayu, perlu diingat bahawa kerajaan mengadakan peruntukan dan kemudahan berkenaan untuk membantu orang Melayu/Bumiputera, tetapi orang Melayu/Bumiputera perlu sentiasa sedar bahawa sesiapa saja yang selalu dibantu akan menjadi lemah (dan menimbulkan masalah terutama jika dianya tinggal dalam persekitaran masyarakat yang berbilang kaum). Kalau orang Melayu/Bumiputera sentiasa mahu berjalan dengan bantuan tongkat, mereka tidak boleh berjalan apabila tongkat itu diambil daripadanya. Sebab itu orang Melayu/Bumiputera harus belajar berjalan tanpa tongkat. Itulah tujuan kerajaan dan pendekatan ini diterimapakai oleh Umno dan ini dilaksanakan dengan tidak membelakangkan kepentingan orang Melayu. (Kepentingan masyarakat kaum lain juga tidak diabaikan).

Sesungguhnya peranan pendidikan amat mempengaruhi negara dalam banyak aspek penting. Pendidikan menjadi wahana bagi memodenkan masyarakat dan bagi mencapai matlamat sosial, peluang yang sama rata dan perpaduan negara. Namun peranan politik juga tidak kurang pentingnya dalam menjamin hubungan kaum di negara ini. Semenjak mencapai kemerdekaan, Malaysia telah memilih untuk mendukung fahaman demokrasi. Walaupun di segi amalannya demokrasi di Malaysia dikatakan

tidak menggambarkan sepenuhnya ciri-ciri demokrasi kerana wujudnya pelbagai bentuk sekat undang-undang terhadap masyarakatnya yang majmuk, tetapi pelaksanaan dibuat berdasarkan kepada kerangka pembentukan negara bangsa yang lebih stabil, hidup berharmoni, bersepada, mendapat peluang ekonomi yang setara dan maju secara bersama tanpa terdapat satu kaum yang merasa kelompoknya tersisih di dalam pembinaan negara bangsa berkenaan.

Lebih tepat lagi, Malaysia ialah sebuah negara yang pada asasnya mengamalkan konsep demokrasi permuafakatan yang membawa maksud perkembangan kaedah dan proses mencapai kata sepakat secara kolektif berdasarkan keinginan bersatu padu dan bukannya secara paksaan. Konsep demokrasi ini lebih jelas lagi dengan pembentukan kerajaan "Perikatan" pada tahun 1957 apabila tiga parti utama dan mewakili kaum di negara ini iaitu Umno, MIC dan MCA bersatu dalam satu pakatan dan membentuk sebuah kerajaan Perikatan di negara ini.

Pada tahun 1972, pakatan ini kemudian dikenali sebagai "Barisan Nasional"(BN) dengan permuafakatan sembilan parti tetapi hari ini bertambah kepada 13 parti. Penubuhan BN sesungguhnya merupakan kemuncak kepada peranan politik dalam menegakkan keharmonian dan hubungan antara kaum yang lebih baik di kalangan masyarakat majmuk negara ini. Ia bukan saja mewujudkan dan membina semangat kerjasama di kalangan golongan elit yang mampu bertolak ansur dan tawar menawar dalam sebarang urusan, tetapi juga berkeupayaan mengawal dan memastikan rakyat sentiasa bersama dan patuh kepada institusi parti, menghormati hak untuk berkongsi kuasa, kuasa autonomi, nisbah dan kuasa veto.

Walau pun sistem demokrasi yang diamalkan di negara ini adalah yang terbaik, tetapi ia juga mempunyai beberapa kecacatan sehingga wujud beberapa masalah yang turut

menimbulkan ketegangan kaum terutama mengenai pelbagai isu yang dianggap sensetif di negara ini. Tetapi parti Umno yang menjadi parti terbesar dalam komponen BN, melalui kebijaksanaan dan karisme kepemimpinnya sentiasa saja dapat menyelesaikan isu berkenaan dengan baik, kerana falsafah Umno berkaitan isu hubungan kaum di negara ini amat jelas iaitu parti berkenaan sentiasa mengambil kira kepentingan semua kaum, walaupun ia adalah sebuah parti untuk orang Melayu/Bumiputera. Dalam Umno, tidak ada yang merebut hak dan peluang kaum lain untuk kepentingan orang Melayu/Bumiputera. Semua kaum mendapat haknya secara adil melalui pembahagian yang saksama. Inilah sebuah negara yang diurus dan mempunyai sistem politik yang unik yang mengarah kepada nilai-nilai kebersamaan yang tulen antara kaum.

## **Bajet yang malang kepada aktivis seni dan budaya**

*APAKAH yang berlaku terhadap prospek kesenian dan kebudayaan kita selepas ini? Adakah ia akan tergolong dalam pepatah Melayu, sudah jatuh ditimpa tangga? Kita harap hal ini akan difikirkan bersama, kerana sumbangan bidang kesenian, bidang sastera dan budaya juga amatlah penting dalam konteks pembentukan negara bangsa yang berkualiti dan berhemah tinggi.*

BAJET 2003 telah pun dibentangkan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad dan disiarkan secara langsung melalui media elektronik ke seluruh negara baru-baru ini. Sudah tentu selepas pembentangan berkenaan terdapat pelbagai reaksi yang diberikan sama ada pro dan kontra mengenainya. Ada yang melahirkan perasaan berpuas hati. Ada juga yang menganggap bajet berkenaan sebagai bajet prihatin, mesra rakyat dan mencatat sejarah kerana buat pertama kali tidak membabitkan sebarang kenaikan atau pengenalan cukai baru.

Buat pertama kali juga, sejarah dicipta di segi penggunaan istilah apabila Perdana Menteri memperkenalkan penggunaan istilah "Bajet" yang beliau anggap sebagai lebih tepat berbanding istilah "Belanjawan" yang telah diterimapakai sebelum ini. Alasan beliau ialah dalam membuat anggaran kewangan bagi satu jangka masa tertentu, kita bukan saja membuat anggaran kewangan yang akan dibelanja tetapi juga wang yang diterima atau kita peroleh.

Menurutnya, adalah amat tidak bijak jika kita membuat

anggaran jumlah peruntukan yang akan dibelanja tanpa mengambil kira jumlah hasil yang kita terima, kerana jumlah wang yang kita akan perolehi itulah yang akan menentukan jumlah wang yang bakal dibelanja.

Justeru itu, perkataan "Belanjawan" menurut Perdana Menteri, amatlah tidak tepat berbanding dengan perkataan "Bajet" yang disebut dan dieja di dalam bahasa Inggeris sebagai *Budget*. Yang ertiinya, perancangan keluar masuk wang untuk urusan tertentu.

Malangnya, sekali lagi kita terpaksa memelayukan bahasa Inggeris dan mungkin sama ada kita sedar atau tidak, kita terpaksa akur kepada kemiskinan istilah Bahasa Melayu. Sama ada sedar atau tidak, kita juga terpaksa akur bahawa ia seolah-olah menunjuk bahawa kita memang wajar berpaling semula kepada bahasa Inggeris dalam pengajaran beberapa subjek tertentu di sekolah-sekolah di negara ini untuk mendapatkan istilah lebih tepat maknanya, bagi sesuatu yang hendak kita kata dan hendak kita sampaikan.

Berbalik kepada bajet 2003 yang dibentangkan oleh Perdana Menteri, merangkap menteri kewangan yang kita segani itu. Dalam beberapa aspek, kita memang akui bahawa ia adalah satu bajet yang prihatin dan mesra rakyat, walaupun tumpuan sebenarnya ialah untuk merangsang sektor ekonomi domestik dalam keadaan persekitaran antarabangsa yang kompetitif, tetapi ternyata ia masih amat dominan terhadap rakyat. Sehingga apabila Menteri Kewangan negeri ini, Datuk Musa Aman, hendak membuat bajet, beliau pun hendak membuat bajet yang mesra rakyat dan mengambil berat soal pembangunan masyarakat luar bandar.

Eloklah membuat bajet yang mesra rakyat, kerana kita pun akan menghadapi pilihan raya negeri. Menurut ramalan para nujum politik, kita memang dijangka akan menghadapi

pilihan raya dalam jangka masa terdekat. Sebab itu semacam ada keperluan kepada bajet yang mesra rakyat yang perlu dibentangkan oleh menteri kewangan kali ini.

Kita juga selalu termimpi bajet di negeri ini turut menunjuk arah aliran "Mesra Kakitangan Awam" seperti yang ditunjuk oleh Dr. Mahathir kepada kakitangan awam Persekutuan dalam bajet negara 2003. Sebab banyak kes, menunjuk bahawa kakitangan awam di negeri ini sedikit terabai berkaitan dengan isu-isu kenaikan gaji dan bonus ini. Kadang-kadang mereka hanya memandang rakan mereka yang bekerja di Jabatan Persekutuan dengan air liur yang meleleh sambil menggaru kepala kerana memikirkan perbelanjaan keluarga di rumah.

Memang tidak dinafikan bahawa ini turut mengganggu prestasi kerja mereka. Sebab itu ternampak bahawa kakitangan awam negeri, kurang motivasi dan pencapaian mereka pula sedikit lembab berbanding dengan rakan mereka daripada Jabatan Perkhidmatan Awam Persekutuan. Tetapi sudah tentu ini boleh diperbaiki jika ada hubungan dua hala yang baik antara kerajaan dan kakitangan awam negeri ini.

Jika kerajaan menghargai sumbangan kakitangan awam di negeri ini, sudah pasti kerajaan tidak bertepuk sebelah tangan, dengan kerajaan akan menerima balasan untuk semua itu dalam bentuk komitmen dan kesungguhan daripada kakitangan awam negeri bagi meningkatkan prestasi perkhidmatan awam dan melicinkan lagi segala pelaksanaan program serta dasar kerajaan untuk membangunkan rakyat negeri ini.

Apapun, bajet negara 2003, memang memberi tumpuan kepada beberapa aspek, termasuk meningkatkan pelaburan tempatan, mengenal pasti dan menerokai bidang baru, memantapkan sektor perkhidmatan awam dan memupuk masyarakat progresif serta menjamin kesejahteraan rakyat,

walaupun di kalangan aktivis seni dan budaya, ia tidak dilihat sebagai mesra seni dan mesra budaya.

Dalam keadaan dunia sedang menghadapi gelombang perubahan yang pantas, ternampak bahawa, kita tidak mempunyai banyak pilihan dalam mengendalikan sumber kewangan negara. Muahidin tidak muahidin, kita terpaksa menghadapi abaran dan realiti yang menuntut kita melakukan anjakan paradigma dalam pendekatan pengurusan ekonomi. Oleh itu, kita mestilah berani merangka dasar serta strategi baru bagi memastikan bukan saja kemakmuran yang selama ini dinikmati dapat dikekalkan, malah membolehkan kita mencapai wawasan negara yang telah dirintis sebelum ini.

Sektor perkhidmatan awam, terus mendapat penghargaan kerajaan apabila kakitangan awam bakal menerima bonus sebulan gaji atau minimum RM 1,200.00. Ini hasil sumbangan kakitangan awam yang memperlihatkan profesionalisme dan pengurusan pentadbiran yang cekap. Diharap ini juga akan menjana program pembangunan negara, mampu meningkatkan komitmen mereka terhadap tugas serta mengurangkan kerentahan birokrasi. Tidak ada sesiapa yang hendak berurus dengan agensi kerajaan yang tidak cekap dan tidak mesra pelanggan. Oleh itu kajian semula perlu dibuat berkaitan peraturan serta tatacara untuk mempercepatkan urusan dengan pihak awam. Kakitangan kerajaan mesti mempunyai budaya kerja yang cemerlang, berdisiplin, amanah dan komited, di samping mesra peniaga atau pro-business dalam melaksanakan dasar kerajaan.

Usaha meningkatkan taraf hidup masyarakat luar bandar juga perlu terus diberi perhatian utama kerajaan. Peruntukan untuk membangunkan masyarakat luar bandar perlu terus ditingkatkan, terutama disegi penyediaan kemudahan infrastruktur. Bagi memperbaiki kemudahan kesihatan di

seluruh negara, sejumlah RM 7.55 bilion disediakan iaitu peningkatan hampir 20 peratus berbanding tahun 2002. Golongan rakyat miskin juga turut diberi tumpuan supaya nasib mereka terbaik dan tidak diabaikan. Bagi memastikan rakyat berpendapatan rendah mampu mendiami rumah yang selesa, program rumah kos rendah dan sederhana akan terus dibina.

Sebagai sebuah masyarakat yang semakin aflien, lebih ramai rakyat menuntut supaya mereka dapat menikmati alam sekitar yang bersih dan berkualiti. Kebersihan alam sekitar adalah tanggungjawab bersama. Sehubungan itu bajet 2003 juga turut memberi perhatian dan menyediakan sejumlah peruntukan yang besar dalam bentuk subsidi bagi tujuan penjagaan dan pemuliharaan alam sekitar ini. Sementara itu, golongan wanita turut mendapat perhatian apabila mendapat peruntukan RM 99.1 juta melalui kementerian Pembangunan Wanita bagi menghargai peranan wanita sebagai tunggak pembangunan keluarga, masyarakat dan negara.

Bagi menjana pembangunan sukan kerajaan turut memberi perhatian yang khusus kepada pembangunan sukan negara. Namun, walaupun negara berjaya mengekalkan prestasi dalam beberapa acara sukan, kita masih mempunyai rekod yang buruk dalam beberapa acara sukan. Misalnya, suatu ketika dahulu negara pernah mengecapi kegemilangan di arena bola sepak dan cukup terkenal di rantau Asia. Kita pernah mengalahkan pasukan yang menyerlah pada piala dunia lalu iaitu Jepun dan Korea Selatan. Tetapi soal Dr. Mahathir, apakah yang telah terjadi kepada pemain kita. Apakah yang telah terjadi kepada persatuan sukan yang mengurus sukan yang di timpa malang di negara kita ini?

Bagi menjana perkembangan Islam dan mengukuhkan lagi kedudukan negara ini sebagai sebuah negara Islam sebenar, kerajaan terus melaksanakan program kefahaman Islam untuk

seluruh lapisan masyarakat, merangkumi pelajar sekolah, penuntut institusi pengajian tinggi serta kakitangan awam dan swasta. Bagi tujuan ini kerajaan menyediakan peruntukan sebanyak RM 203.1 juta di bawah Jabatan Kemajuan Islam Malaysia bagi melaksanakan antara lain program latihan dan pendidikan Islam, dakwah, pembangunan sosial, penyelidikan dan penyebaran maklumat serta penguatkuasaan undang-undang.

Sejumlah RM 113.9 juta pula diperuntukkan bagi melaksanakan beberapa projek pembangunan, termasuk pembinaan masjid, kompleks latihan, pembinaan sekolah agama serta pembangunan sistem maklumat.

Namun, walaupun kerajaan yakin dengan strategi dan langkah yang dicadangkan dalam bajet ini, ternampak juga bahawa memang tiada perhatian khusus disentuh dalam bajet 2003 berkaitan dengan pembangunan budaya dan rangsangan terhadap aktiviti seni. Walaupun Dr. Mahathir terkenal sebagai seorang pemimpin yang prihatin terhadap perkembangan seni tanahair, malah mencipta dan membaca puisi sehingga menitiskan air mata, sehingga puisi beliau dilakukan dan menyuntik semangat rakyat negara ini, terutama melalui dua buah puisi beliau yang terkenal iaitu "Perjuangan belum selesai" dan "Melayu mudah lupa", tetapi malangnya aktivis seni di negara ini tetap tersisih daripada perhatian bajet negara 2003.

Kita tidak tahu mengapa. Adakah kerana dua aspek ini tidak membantu menjana meningkatkan ketamaduan bangsa dan tidak menyumbang kepada kehidupan harmoni rakyat negara ini. Apakah yang berlaku terhadap prospek kesenian dan kebudayaan kita selepas ini? Adakah ia akan tergolong dalam pepatah Melayu, sudah jatuh ditimpa tangga? Kita harap hal ini akan difikirkan bersama, kerana sumbangan bidang kesenian, bidang sastera dan budaya juga amatlah penting dalam konteks pembentukan negara bangsa yang berkualiti dan berhemah tinggi.

## Memulihkan semula keyakinan

*HARI ini, kita perlu memberitahu diri kita bahawa keyakinan mesti dipulihkan. Kita mesti bersatu padu ke arah itu. Perpaduan menjadikan kita lebih yakin dan lebih beriltizam, lebih bersemangat untuk menghadapi sebarang krisis dan masalah. Perpaduan menjadikan kita teguh dan tidak melarikan diri daripada masalah. Kita hendaklah ingat hari-hari yang sukar apabila kita tidak bersatu padu, menghadapi masalah dan mengalami kerugian. Kita hendaklah sedar akan bahana dan kesannya yang besar terhadap kita.*

PADA tahun 1998 ketika negara dilanda masalah kegawatan ekonomi yang paling kritikal dalam sejarah, saya masih ingat, saya telah menulis lebih kurang begini, sebelum krisis ekonomi berlaku, Asia adalah sebuah negara utama yang digeruni oleh banyak pihak. Asia mendabik dada dan mempunyai ekonomi yang pesat perkembangannya dan adalah di antara yang mempunyai kadar pertumbuhan ekonomi yang terbaik di dunia. Daripada tahun 1945 sehingga tahun 1995, setengah abad Asia beralih daripada kemiskinan kepada kemewahan dan kekayaan. Asia telah mengurangkan bilangan orang miskin daripada 400 juta kepada 180 juta dalam masa yang sama.

Bank dunia pernah menegaskan bahawa di mana-mana tempat dan masa juu dalam sejarah umat manusia, tidak pernah manusia mencapai kemajuan ekonomi sedemikian rupa, lalu membuat kesimpulan bahawa kisah Asia adalah satu kisah keajaiban ekonomi. Kisah Asia baru ialah kisah keajaiban semangat manusia yang didorong oleh kesedaran akan potensi sendiri dan ditengerai oleh kuasa azam, keyakinan, iltizam dan kemajuan yang dicapai dengan keringat dan pengorbanan.

Sebelum kejatuhan nilai matawang mempengaruhi senario ekonomi kebanyakan negara Asia, Asia ialah rantau amat dominan kepada dunia, sama ada dalam bidang ekonomi, politik dan budaya. Asia berada di ambang Renaissance, kata John Naisbitt. Bangsa Asia menerima realiti dan melakar strategi untuk menyesuaikan diri dengan perkembangan yang terbaru di sekelilingnya. Asia seolah-olah membentuk satu komanwel baru iaitu Komanwel Asia, di mana kebanyakan negara Asia bekerjasama demi keuntungan ekonomi bersama bagi kali pertama dalam sejarah Asia yang panjang. Pasaran bebas Asia sesungguhnya merupakan pemangkin kepada semua keajaiban itu.

Tetapi malangnya, semua itu hanya igauan yang berlaku di siang hari sahaja. Kemegahan dan kegemilangan yang dikecapi sebelum itu lenyap dalam sekelip mata. Kata Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad ketika itu, tiba-tiba saja Harimau Asia yang dikatakan mempunyai ngauman yang mengerunkan tersungkur dalam waktu yang singkat. Satu demi satu negara Asia akhirnya jatuh, kehilangan keyakinan dan rasa megah, malah hançur dalam keadaan yang amat kreatif. Mereka telah bertukar menjadi kucing kurap yang terpaksa meminta sedekah dan balas ikhsan orang lain.

Cita-cita sebahagian besar negara Asia yang ingin menjadi negara maju dan kuasa baru ekonomi dunia serta menjadikan abad baru, millennium baru sebagai abad Asia akhirnya lenyap begitu saja. Asia menjadi satu komanwel yang muram. Tetapi hari ini, Asia sedang menunggu kelahiran seorang sejarahwan ulung, yang akan mengkaji misteri Asia, mengkaji kejatuhan dan kebangkitan semula harimau besar Asia. Asia sedang memulihkan semula keyakinannya.

Ketika kebanyakan negara Asia masih sesak nafas untuk pulih sepenuhnya daripada masalah ekonomi serantau, Dr.

Mahathir sekali lagi mengingatkan mereka pada sidang Kemuncak Ekonomi Asia di Kuala Lumpur, bahawa negara Asia (Asia Timur khususnya) akan mendapati diri mereka sukar pulih dengan berjaya jika mereka kekurangan keyakinan diri.

Dahulu sebahagian besar negara Asia bangun daripada abu perang dunia kedua dan membangunkan ekonominya ke tahap yang terbaik di dunia. Tetapi hari ini kebanyakan negara Asia menghadapi transisi paling sukar untuk mengulangi kejayaan dan keunggulan prestasi masa lampau itu. Malah agak sukar bagi mereka mengulangi keajaiban yang memandu ekonomi mereka daripada kehancuran dan kebangkitan semula. Harimau boleh niengau semula, tetapi sama ada ia digeruni atau tidak bergantung sepenuhnya kepada keyakinan kita untuk pulih tanpa bergantung kepada acuan dan kehendak Barat.

Ketika negara berhadapan masalah krisis ekonomi, kita telah meyakinkan diri bahawa ia hanya dapat diselesaikan mengikut cara kita. Masalah ekonomi Asia perlu diselesaikan mengikut cara Asia. Dr. Mahathir berkata, Asia Tenggara hendaklah dibenarkan memilih jalan keluar sendiri daripada masalah ekonominya, biar pun jalan itu amat panjang, berliku, sukar dan menyakitkan. Dahulu kebanyakan negara Asia adalah negara yang miskin, tetapi mereka boleh bangkit dan keluar daripada kemiskinan. Oleh itu, adalah tidak munasabah mengapa mereka tidak boleh bangkit daripada isu kegawatan ekonomi yang melanda.

Jika kerajaan dan sistem pemerintahan yang sama telah berjaya membawa negara masing-masing keluar daripada belenggu kemiskinan 40 tahun lalu, maka tidak ada sebab mengapa mereka tidak boleh melakukannya sekali lagi. Semua yang terlibat telah mendapat pengajaran daripada apa yang berlaku. Sudah pasti tercetus kesedaran dan mereka akan pulih serta dapat mengurus masa depan mereka dengan lebih cekap.

Walaupun kita yakin juga bahawa tidak semua pemulihian begitu meyakinkan, tetapi sudah pasti kita percaya bahawa ada juga kerosakan yang tidak dapat diperbaiki dan tidak dapat dipulihkan sepenuhnya dan kita terpaksa menerima hakikat itu.

Hari ini, kita perlu memberitahu diri kita bahawa keyakinan mesti dipulihkan. Kita mesti bersatu padu ke arah itu. Perpaduan menjadikan kita lebih yakin dan lebih beriltizam, lebih bersemangat untuk menghadapi sebarang krisis dan masalah. Perpaduan menjadikan kita teguh dan tidak melarikan diri daripada masalah. Kita hendaklah ingat hari-hari yang sukar apabila kita tidak bersatu padu, menghadapi masalah dan mengalami kerugian. Kita hendaklah sedar akan bahana dan kesannya yang besar terhadap kita.

Bukankah, apabila kita bersatu padu, kita akan dapat mempertahankan kestabilan. Kita dapat menjalankan segala urusan dengan baik tanpa sebarang masalah tanpa apa-apa krisis yang boleh menggugat ketenteraman sistem demokrasi yang kita amalkan. Demokrasi yang kita ada bukanlah demokrasi yang menghalalkan perpecahan. Kita beri kebebasan bersuara tetapi kebebasan tersebut hendaklah dipandu sehingga kita tidak terbabas daripada landasan dan terlupa mustajabnya perpaduan, musyawarah yang kita terima pakai dalam budaya dan sistem demokrasi kita.

Dengan ini, segala usaha yang dilakukan untuk bangkit semula sebagai satu kuasa besar Asia tidak akan mudah dilupakan begitu saja. Kita telah pun membuktikan kita boleh. Masyarakat dunia kini mula melihat ramuan yang kita guna untuk pulih daripada masalah kegawatan. Kita telah mula dianggap sebagai sebuah negara Islam yang paling maju di dunia. Kita telah berjaya meyakinkan dunia bahawa kita telah melakukan yang terbaik untuk mengangkat harakat dan martabat bangsa, agama dan negara kita.

Oleh itu, tidak ada sebab untuk kita merasa diri kita gagal dengan angin perubahan yang mengubah hala tuju ekonomi kita. Bangsa Asia yang dahulunya sering dipandang serong oleh masyarakat luar terutama Barat, hari ini semakin diterima sebagai manusia istimewa yang tidak boleh dinafikan kewujudan mereka begitu saja. Bermula dengan Jepun yang bangkit semula secara mendadak selepas ledakan bom atom di dua buah bandar utama negara Matahari Terbit itu, iaitu Hiroshima dan Nagasaki, hari ini kejayaan demi kejayaan telah dikecapi oleh negara ini yang kemudiannya diikuti oleh beberapa buah negara lain di Asia.

Memang kita terpaksa bergelut untuk meraih semula penghargaan dan penghormatan itu. Kita terpaksa melakukan semula apa yang telah dirintis dan kita lalui dengan bergaya sebelumnya. Kita telah belajar daripada hari-hari yang sukar dan mencari kekuatan daripadanya. Mereka telah menghulurkan ubat-ubatan menyembuhkan penyakit yang dihidapi. Tetapi kita lebih percaya dan yakin bahawa kita boleh mencipta ubat sendiri dan menyembuhkan penyakit. Ubat mereka mungkin boleh menghilangkan bekas di permukaan kulit, tetapi kita telah mencipta ubat yang boleh menyembuhkan hingga melangkaui batas permukaan kulit kita.

Ekonomi kita, kata Dr. Mahathir tidak perlu tunduk atau mengambil hanya kepada satu bentuk penyelesaian semata-mata. Tetapi mesti ada cara lain yang boleh menjadikan pengurusan perniagaan dan ekonomi kita lebih baik dan terkawal. Ekonomi yang tidak terkawal mungkin baik bagi sesetengah pihak, tetapi mengakibatkan persaingan yang membunuh dan kelonggaran pengurusan serta penyelenggaraan.

Beliau memang mengeluh apabila perniagaan hari ini hanya mengenai harga saham tanpa menghiraukan nilai sebenar sesebuah syarikat dan telah kita lihat bagaimana harga saham dimanipulasi melalui jalan singkat. Kita tidak boleh kawal selia

dan haramkan kegiatan seperti ini. Kita telah melihat pengaliran modal yang tidak disebat. Tetapi akhirnya ia hanya memberi faedah kepada mereka yang mempunyai modal sahaja. Tidak mengapa, kata Dr. Mahathir, jika aliran modal itu menghalau ke dalam, tetapi apabila ia menghalau ke luar dan berlaku secara mendadak ia boleh menghancurkan ekonomi negara malah ekonomi rantau ini. Jadi sesuatu mesti dilakukan mengikut acuan dan nilai kita untuk memulihkan keyakinan. Ekonomi kita mesti kembali berada di landasan yang betul dan mesti dipandu secara cekap untuk kembali perkasa dan memacu kita ke arah cita-cita untuk menjadi sebuah negara yang berjaya dan maju. InsyaAllah!

## Hargai sumbangan pekerja

*KESATUAN sekerja sebenarnya bukan diwujud untuk menentang dasar kerajaan, berkonfrontasi dengan kerajaan mengadakan demonstrasi, piket dan hanya mencari kesalahan dan kelemahan kerajaan. Percayalah kerajaan yang didokong oleh pekerja ini juga tidak akan sempurna tanpa sokongan yang sempurna daripada kakitangan kerajaan*

SELAMAT Hari Pekerja kepada seluruh pekerja di negeri ini, sama ada mereka bekerja di sektor awam, sektor swasta atau bekerja secara bersendirian. Sumbangan pekerja kepada pembangunan negari ini tentunya tidak boleh diperlekeh dan dipertikaikan begitu saja. Sebab itu apabila menghadiri majlis makan malam anjuran satu kesatuan pekerja di ibu negeri baru-baru ini, saya terharu mendengar, bagaimana para pekerja ini mengadakan satu majlis makan malam dengan mengutip yuran RM 10 tiap seorang demi menjayakan majlis makan malam yang saya fikir begitu bermakna sempena hari yang bersejarah kepada mereka itu. Sayangnya majlis itu dicacatkan oleh ucapan kurang manis, kurang matang dan kurang kajian yang mendalam oleh salah seorang pemimpin kesatuan pekerja pada malam itu.

Memang benar, apa salahnya kerajaan BN di negeri ini sendiri yang mengadakan majlis makan malam itu. Malah apa salahnya kerajaan mengadakan majlis yang memberikan pula pelbagai anugerah sebagai insentif kepada kakitangan kerajaan atau agensi kerajaan yang cemerlang, setidak-tidaknya untuk menghargai sumbangan mereka yang cemerlang terhadap pembangunan rakyat dan negeri ini. Setidak-tidaknya ini akan

menjadi contoh atau menjadi dorongan kepada pekerja lain atau agensi kerajaan lain agar berusaha lebih gigih lagi untuk mencapai mutu perkhidmatan yang cemerlang pada masa akan datang.

Kita tahu kerajaan memberi bonos kepada pekerja, sebagai menghargai sumbangan pekerja sektor awam secara individu di atas segala jasa bakti mereka. Tetapi adalah lebih elok mereka juga diraikan sempena sambutan hari pekerja, yang sudah tentu hari ini adalah satu hari dalam setahun yang amat bermakna kepada mereka. Perlu diingat, selain daripada mereka ini bekerja untuk membantu kerajaan memelaksanakan pelbagai dasar bagi membangunkan rakyat dan negeri ini, mereka juga adalah penyokong atau setidak-tidaknya mengundi pemimpin yang membentuk kerajaan sekarang.

Mungkin ada yang berfikir, bahawa apa lagi yang kerajaan tidak beri kepada pekerja. Jika kerajaan tidak beri pekerjaan kepada mereka, sebenarnya mereka juga jauh hidup merempat berbanding dengan mereka menjadi kakitangan kerajaan. Suara-suara ini berkata, sepatutnya kakitangan kerajaan bersyukur dengan apa yang mereka nikmati daripada kerajaan berbanding dengan ratusan ribu, malah mungkin berjuta rakyat negeri ini yang hidup dalam serba kesusahan. Tanggungjawab kerajaan bukan hanya menjaga pekerja awam yang jumlahnya puluhan ribu orang sahaja tetapi menjaga 2.2 juta rakyat negeri ini, yang kesemuanya mahukan pembelaan daripada kerajaan.

Dalam keadaan ini, sudah tentu kerajaan terpaksa memikir bagaimana hendak mencari wang, menyelesaikan semua masalah rakyat. Menyediakan kemudahan infrastruktur, prasarana pendidikan, kemudahan kesihatan dan sebagainya. Memang ini boleh dijadikan alasan yang logik dan munasabah. Tetapi adalah tidak menguntungkan untuk masing-masing pihak bertegang leher bagi mempertahankan satu perkara yang

hakikatnya boleh mengeruhkan hubungan antara pekerja awam dan kerajaan. Apa yang baik saya fikir ialah pekerja awam terus memberi perkhidmatan yang baik, sementara di pihak kerajaan pula perlu terus beri penghargaan yang sewajarnya, termasuklah mengadakan sambutan yang wajar bagi mereka yang telah bertungkus lumus membantu kerajaan membangunkan rakyat dan negara ini, yang berfikir siang malam, sepanjang tahun hanya semata-mata untuk menjayakan peranan mereka dalam merealisasikan agenda kerajaan melalui agensi yang mereka wakili.

Saya terharu apabila Hari Pekerja di negeri ini, dijadikan hanya semata-mata untuk hari menutup pejabat dalam sehari dan merehatkan pekerja daripada kesibukan mereka sehari-hari, tanpa sebarang aktiviti yang melambangkan penghargaan kerajaan terhadap sumbangan mereka. Perkara seperti ini memang patut dikaji, kerana kita nampak aliran kerja yang ada dalam agensi atau jabatan kerajaan sekarang ialah lebih cenderung mengarah dari atas ke bawah dan bukan sebaliknya. Tetapi jika kita hendak mengubah aliran ini, saya fikir ia mesti perlu sampai pada satu tahap keseimbangan, supaya kedua-dua pihak mendapat manfaat daripadanya.

Memang tidak mudah untuk memberi kepuasan kepada semua orang dan tidak mungkin kerajaan dapat memenuhi kehendak semua pekerja di bawah jagaannya. Dari segi imbuhan gaji misalnya, jika kerajaan beri RM 1,000.00 untuk semua pekerja peringkat perkeranian atau yang setaraf dengannya, ia mungkin cukup kepada A tetapi mungkin tidak mencukupi kepada B. Adalah tidak munasabah untuk kerajaan menaikkan gaji mereka kepada RM 2,000 misalnya, hanya semata-mata kerana kita mahu memenuhi kehendak beberapa kerat kakitangan yang bermasalah disegi pengurusan kewangan mereka.

Jadi mesti ada ukuran umum tertentu yang mesti

dipatuhi, supaya ia lebih adil kepada semua orang. Tetapi jika kerajaan mendapati RM 1,000 memang tidak mencukupi untuk menampung sara hidup semua pekerja peringkat perkeranian, berdasarkan data-data misalnya taraf hidup sudah meningkat, harga barang keperluan meningkat, kadar bunga bagi sebarang pinjaman meningkat, kos pembiayaan pembelajaran anak-anak semakin tinggi dan sebagainya, maka kerajaan perlu mengkaji imbuhan gaji yang mereka berikan dan memberi satu angka gaji baru yang lebih munsabah, yang bersesuaian pula dengan kemampuan dan ekonomi kerajaan, kerana perlu diingat bahawa sebarang kenaikan gaji, walaupun hanya beberapa ringgit sahaja bagi sektor awam di negara ini akan memberi kesan kepada ekonomi negara keseluruhannya.

Memang benar sebarang kenaikan gaji boleh menambah pendapatan pekerja, tetapi perlu diingat dalam sektor ekonomi, selain daripada kerajaan terpaksa menambah belanja jutaan ringgit untuk membayar gaji kakitangan awam, ia juga mungkin meningkatkan harga barang dan inflasi pula berlaku. Apabila inflasi berlaku, bukan saja kakitangan awam tidak mendapat faedah daripada kenaikan gaji, tetapi rakyat yang tidak bekerja dengan kerajaan yang jumlahnya jutaan orang terutama yang tinggal di kawasan luar bandar dan tidak berpendapatan tetap pula akan menjadi mangsa yang lebih teruk lagi.

Justeru itu, biarlah ada perundingan yang lebih saksama antara pekerja awam dan kerajaan. Bukan kita menyaksikan satu senario dimana pekerja awam menuduh kerajaan sewenang-wenangnya dengan berkata bahawa kerajaan melakukan kezaliman terhadap pekerja. Persatuan sekerja pada saya sebenarnya bukan diwujud untuk menentang dasar kerajaan, berkonfrontasi dengan kerajaan mengadakan demonstrasi, piket dan hanya mencari kesalahan dan kelemahan kerajaan. Percayalah kerajaan yang didokong oleh pekerja ini juga tidak

akan sempurna tanpa sokongan yang sempurna daripada kakitangan kerajaan.

Oleh itu kesatuan sekerja pada saya mesti diwujud untuk membincang masalah pekerja dengan kerajaan secara berhemah, penuh kematangan dan kebijaksanaan. Bukan dijadi satu perkumpulan budak-budak nakal yang marah terhadap ibu bapa hanya semata-mata kerana mereka (ibu bapa ini) tidak memberi gula-gula atau tidak membenarkan mereka bebas keluar malam sesuka hati. Di peringkat kesatuan sekerja, biarlah kita mengutamakan fikiran lebih daripada emosi, kerana kita adalah segelintir masyarakat yang terdidik, yang berfikiran waras, yang telah diberi kepercayaan kerajaan untuk menjadi jambatan bagi membantu meningkatkan taraf hidup rakyat. Sudah pasti kita boleh berbincang dan kerajaan pula tidak wajar menutup sebelah mata apabila melihat masalah yang dihadapi oleh kakitangan kerajaan ini.

Satu contoh yang sangat menarik misalnya, jika kerajaan mendapati ramai kakitangan kerajaan terlibat dalam skim pinjaman "Along" yang disediakan oleh mereka yang pada hakikatnya memeras kakitangan kerajaan ini, maka kerajaan sepatutnya bukan sekadar mengutuk kegiatan "Along" atau menyalahkan kakitangan kerajaan semata-mata kerana berlakuknya transaksi pinjaman itu, tetapi cari altenatif untuk tubuh satu tabung dana atau badan yang seumpamanya, yang dananya dibiayai kerajaan dimana kakitangan kerajaan ini bolch membuat pinjaman pada kadar yang munasabah dimana mereka boleh membayar balik pinjaman pada kadar yang juga munasabah, bunga yang berpatutan dan lebih fleksibel. Saya fikir kerajaan tidak rugi, sementara kakitangan pula mendapat manfaat daripadanya.

Satu perkara lagi yang saya fikir ialah kesatuan sekerja mesti kuat. Kuat bukan dalam erti kata mempunyai keupayaan

yang luar biasa mencemuh pemimpin dan kerajaan, membantah kerajaan dalam semua hal, sehingga mereka nampak keuntungan mereka sahaja, tanpa memikir masalah yang dihadapi kerajaan dan rakyat keseluruhannya. Mereka boleh bantah, apa yang hakikatnya mengenepikan hak mereka sebagai pekerja atau kalau sekiranya mereka dibuli oleh majikan. Tetapi mestilah ada perasaan hormat kepada majikan yang telah memberi mereka makan selama ini. Sebab itu saya kata, mesti ada persefahaman, mesti ada pertimbangan yang saksama dan jangan masing-masing hanya menegak benang basah atau lupa kepada jasa masing-masing selama ini.

Jasa pekerja sudah pasti di segi perkhidmatannya, sementara jasa majikan ialah memberi imbuhan daripada perkhidmatan itu. Tetapi adalah tidak digalakkan sama sekali untuk mana-mana pihak sama ada pekerja atau majikan mengenepikan aspek jasa ini, kerana ingatlah, adat Melayu atau masyarakat Timur ialah adat menghargai jasa dan budi, bukannya adat kurang ajar dan adat tidak mengenang budi.

Ada juga saya dengar cadangan dan permintaan daripada kesatuan sekerja negeri ini supaya salah seorang wakil kesatuan pekerja dilantik menjadi Ahli Dewan Undangan Negeri dilantik, tetapi saya fikir ini tidak begitu sesuai setidak-tidaknya untuk jangka waktu terdekat. Di semenanjung, kerajaan lantik senator daripada kalangan profesional atau mewakil gerakan tertentu seperti gerakan pekerja, gerakan bahasa dan sastera melalui GAPENA (sekadar contoh) kerana senario dan tuntutan politik kebangsaan yang sangat berbeza dengan tuntutan politik negeri ini.

Saya khuatir, perlantikan itu nanti hanya menguntungkan seseorang, tetapi tidak pekerja awam negeri ini keseluruhannya. Memberi seorang ADUN dilantik kepada wakil pekerja awam tidak boleh membuat banyak perkara kepada

pekerja awam, kecualilah jika dia dilantik menjadi menteri penuh dan terlibat dalam sebarang proses membuat keputusan, penggubalan dasar kerajaan dalam kabinet. Jadi yang penting, saya fikir ialah biarlah pada peringkat ini kedua-dua pihak membina jalinan hubungan yang lebih baik antara pekerja awam dan kerajaan. Sementara kesatuan sekerja yang ada, biarlah menjadi sebuah kesatuan yang kuat, lagi berkesan.

## Memajukan daerah mengikut keutamaan

*MEMANG perlu untuk kita melakukan sedikit perubahan dengan cara kita berfikir bagi menjadikan kita kelihatan lebih maju daripada orang lain. Semua pihak perlu menyedari akan potensi mereka untuk maju. Begitu juga apabila kita hendak memajukan daerah atau wilayah kita, maka kita juga perlu mengenalpasti beberapa kelebihan yang terdapat di daerah kita untuk diberi keutamaan dan dimajukan.*

*Kita mesti mempunyai rancangan dan sistem pelaksanaan yang teratur, supaya ia akhirnya menjadi satu daya tarikan yang menarik pelancong dan sedikit sebanyak mampu mengubah dan seterusnya meningkatkan ekonomi serta taraf hidup masyarakat di luar bandar.*

BEBERAPA bulan sebelum sebuah kapal tentera Amerika Syarikat dipintas oleh kapal tentera udara China dan dipaksa mendarat di Pulau Hainan (sebuah pulau di selatan Tanah Besar China) dan berdekatan dengan Vietnam, saya berada di pulau berkenaan bersama rombongan Ahli Lembaga Pengarah Lembaga Industri Getah Sabah yang membuat lawatan rasmi ke selatan negara itu, yang kebetulan Pulau Hainan adalah antara provinsi yang mengusahakan industri getah di China.

Saya masih ingat, kami tiba di lapangan terbang Haikou, Hainan, pada ketika malam hampir menyelimuti pulau itu dengan pesawat China, Dragon Air dari Hongkong, kerana Syarikat Penerbangan Malaysia (MAS) tidak mempunyai penerbangan terus ke Hainan,. Cuaca sejuk menyambut kami.

Angin dingin yang kuat dari arah utara membuat kami agak menggil. Pulau Hainan mempunyai bentuk muka bumi seakan-akan Thailand atau Vietnam yang separuh kering tetapi masih sesuai untuk penanaman getah.

Di sepanjang jalan dari ibu negeri Hainan ke daerah-daerah pedalaman pulau itu anda akan melihat jejaran pohon getah dan kerbau berkubang di ladang-ladang yang luas. Industri getah adalah industri yang utama di pulau itu, walaupun ada yang berkata pulau Hainan adalah pulau syurga untuk lelaki di Asia selepas Thailand. Ramai rakyat Singapura datang ke pulau itu kerana wanita, tetapi ada juga yang datang pada musim perayaan kerana kebebasan yang terdapat di pulau itu berhubung dengan permainan mercun dan bunga api semasa tahun baru Cina, sesuatu yang amat dilarang di Singapura.

Memanglah industri getah di pulau itu berkembang dengan amat baik dan mempunyai banyak kelebihan untuk dipelajari. Selain daripada mengusahakan secara bersungguh-sungguh industri berkenaan, mereka juga mempunyai pusat penyelidikan getah yang kami sempat lawat dan diberi penerangan mengenainya. Saya kagum dengan pusat penyelidikan berkenaan dan tidak rugilah pegawai-pegawai kanan Lembaga Industri Getah Sabah melawat pusat itu kerana banyak ilmu yang dapat dipelajari untuk membangunkan industri getah di negeri ini.

Malah semasa rombongan kami bertemu dengan Menteri yang bertanggungjawab berhubung dengan pertanian di Pulau Hainan, saya masih ingat, menteri itu turut membayangkan tentang pelbagai peluang untuk memperluaskan hubungan dagang berdasarkan getah antara Sabah dan Hainan. Bagaimana pun, saya tidak hendaklah bercakap panjang lebar mengenai industri getah dalam tulisan ini. Apa yang saya hendak kongsi bersama ialah bagaimana China yang mempunyai penduduk

paling ramai di dunia itu membangunkan provinsi atau wilayah mereka mengikut keutamaan dan kelebihan masing-masing.

Pulau Hainan dikenal sebagai Wilayah Pertanian walaupun lebih dikenali sebagai Pulau Hawai kepada China. Sementara Provinsi atau wilayah Yunan pula terkenal sebagai wilayah bunga-bungaan. Saya masih ingat salah seorang juru bahasa kami di sepanjang lawatan di Pulau Hainan itu juga berasal dari Kunming, Yunan, satu wilayah pergunungan di tengah-tengah China dan ke Utara sedikit antara sempadan Myanmar dan Laos. Beliau pernah memberitahu saya, wilayah Yuanan memang terkenal dengan bunga-bungaan. Jika berpeluang lagi pada masa akan datang saya memang berhasrat pergi ke Yunan, kerana saya pernah belajar sejarah negara itu semasa di sekolah menengah dahulu dan sedikit sebanyak sejarah tanah Melayu saya kira ada kaitannya dengan sejarah ketamaduanan Yunan zaman purba dahulu.

Menyebut Yunan sebagai provinsi yang terkenal dengan bunga-bungaan di China mengingatkan saya kepada kawasan taman bunga diraja "Doi Tong" berdekatan Chiang Mei, di sebelah Utara Thailand, ketika saya melawat taman itu. Kawasan perbukitan Doi Tong memang dipenuhi bunga-bunga. Pemandangan di sektor sungguh bersih, segar dan dipenuhi aroma bunga-bunga. Ia juga menjadi tempat bersemayam keluarga diraja Thailand yang mengagumkan. Saya masih ingat Datuk Seri Panglima (Dr) Haji Lajim yang mengetuai rombongan kami ke Thailand ketika itu berkata, dia hendak menjadikan Beaufort sebagai daerah bunga-bungaan.

Saya tertarik dengan idea dan minat beliau itu, tetapi malangnya Beaufort ialah sebuah daerah yang selalu ditengalami banjir, yang mungkin menghalang sebarang harsat murni itu direalisasikan. Tetapi saya kira ia masih boleh dilaksana, kalau semua penduduk di daerah itu bersama-sama menyuburkan

minat untuk menanam bunga. Tidak sukar jika setiap rumah dihiasi bunga-bungaan selain daripada pokok buah-buahan. Tidak sukar juga untuk Pihak Berkuasa Tempatan (Dalam konteks ini, Majlis Daerah Beaufort) mencantikkan daerah berkenaan dengan pelbagai jenis bunga-bungaan yang mendamaikan pemandangan, selain daripada membina taman khusus untuk bunga-bungaan di beberapa kawasan perbukitan berdekatan dengan pekan Beaufort. Tetapi semua itu hanyalah cadangan. Kalau hendak seribu daya, tidak hendak pun boleh berikan seribu dalih.

Selepas beberapa hari di Pulau Hainan kami bertolak pula ke Guangzhou yang terkenal sebagai wilayah perubatan, yang kalau di China dikenal sebagai *The First Aviation First-Aid Station Of The Nation*. Hospital Nan Fang yang terkenal sebagai hospital bertaraf dunia berkaitan dengan penyakit buah pinggang, mempunyai ratusan doktor pakar yang bersedia berkhidmat 24 jam sehari kepada pesakit yang memerlukan dari seluruh pelusuk dunia. Selain mempunyai ubat-ubat berkualiti yang tidak terdapat di luar China, hospital itu juga dilengkapi dengan peralatan moden yang kita sendiri tidak memiliki di negara ini. Berada di hospital Nan Fang, saya merasa kita seperti begitu ketinggalan jauh dalam bidang perubatan selain daripada mengalami kesukaran untuk mendapatkan buah pinggang baru bagi sebarang pembedahan buah pinggang.

Inilah kelebihan negara China yang tidak begitu diketahui oleh dunia luar. Tetapi apabila saya menyebut tentang Guangzhou yang jaraknya hanya satu jam setengah perjalanan udara daripada Pulau Hainan, saya tiba-tiba teringat sebuah kertas kerja tentang pelancongan perubatan di Malaysia yang disiapkan bagi memenuhi tugas saya di universiti. Dalam kertas kerja itu saya mencadang kepada kerajaan agar membangunkan setiap negeri di Malaysia mengikut kelebihan dan keutamaan masing-masing.

Misalnya kalau Sarawak terkenal sebagai negeri pertanian dan pembangunan industri berasaskan pertanian atau negeri lain terkenal dalam bidang lain, Sabah pula (sekadar contoh saja) perlu dimajukan menjadi sebuah negeri berasaskan pelancongan perubatan.

Hospital-hospital pakar yang serba moden perlu diwujudkan di negeri ini. Saya menulis dalam kertas kerja itu antara lain, kerajaan hendaklah menyediakan lebih banyak doktor pakar kerana nisbah doktor sedia ada dengan pesakit di negara ini ialah 1:1200 yang menunjukkan ketidakcekapan perkhidmatan perubatan di negara ini. Kerajaan juga perlu membuat pengagihan bilangan doktor swasta dan kerajaan di seluruh negara sehingga mencapai tahap standard 1:800. Bilangan pusat perubatan juga perlu ditambah. Hospital pakar untuk beberapa jenis penyakit kronik perlu disediakan selengkapnya.

Pelaburan yang tinggi perlu dibuat oleh kerajaan dan swasta bagi meningkatkan segala kemudahan perbuatan dengan segala kelengkapan perubatan yang canggih. Kebolehan para doktor hendaklah diuji dengan kebolehan mereka membuat pembedahan yang kronik bagi kes-kes seperti pembedahan pemisahan kembar siam dan pemindahan hati seperti yang dilakukan oleh beberapa doktor luar negara terhadap kembar siam kita baru-baru ini.

Kadar bayaran bagi sebarang perkhidmatan perubatan juga hendaklah berpatutan dan tidak terlalu tinggi untuk membolehkan lebih ramai pesakit luar mendapat rawatan. Kepakaran farmasi perlu dimiliki oleh doktor kerana Malaysia adalah antara 10 negara yang banyak mempunyai herba perubatan di dunia. Keistimewaan yang ada ini perlu dikuasai dengan ilmu perubatan untuk menghasilkan ubat-ubatan herba sendiri bagi mengurangkan kos. Keadaan ini telah dipraktikkan

di China yang mempunyai rahsia ubat-ubatan bermutu tinggi di dunia untuk menarik pelancong kesihatan ke negara itu.

Pendek kata, memanglah perlu untuk kita melakukan sedikit perubahan dengan cara kita berfikir bagi menjadikan kita kelihatan lebih maju daripada orang lain. Semua pihak perlu menyedari akan potensi mereka untuk maju. Begitu juga apabila kita hendak memajukan daerah atau wilayah kita, maka kita juga perlu mengenalpasti beberapa kelebihan yang terdapat di daerah kita untuk diberi keutamaan dan dimajukan. Kita mestilah mempunyai rancangan dan sistem pelaksanaan yang teratur, supaya ia akhirnya menjadi satu daya tarikan yang menarik pelancong dan sedikit sebanyak mampu mengubah dan seterusnya meningkatkan ekonomi serta taraf hidup masyarakat di luar bandar.

*Indeks*

- Abdullah Haji Ahmad Badawi 59, 71, 87  
Abdullah Hussein 113  
Abdul Rahim Al-Ansari 192  
Abang Padeli Abang Muhi 103  
Afghanistan 4, 180, 198  
Ahli Dewan Undangan Negeri 16  
Aillin Nor 128, 158  
A. Karim Kadir 130  
Akhbar Tabloid WAKTU 105  
Akta Hasutan 99  
Akta Keselamatan dalam Negeri (15A) 99  
Akta Mesin Cetak dan Penerbitan 99  
Akta Rahsia Rasmi (OSA) 99  
Aliuddin Mohd. Salleh 158  
Al-Qaeda 198, 222  
Angkatan Gaya Baru (AGABA) 104  
Atong Mangabis 13  
Alfred Dent 21  
Amerika Syarikat 84, 222, 230  
Anwar Ibrahim 63, 64  
Api-API 101  
Ariel Sharon 180  
Arifin Haji Arif 206, 208, 216  
A. Samad Said 113  
Australia 6, 222  
Asean 46, 161  
ASAS 50, 107  
Asia Tenggara 6  
Badan Bahasa Sabah (BAHASA) 104, 155  
Bahasa Melayu 92  
Bali 222  
Bangkok 190  
Barisan Nasional (BN) 16, 17, 18, 33  
Beaufort 31, 39  
Bernard Dompok 36  
Berita Sabah 105  
Bidadari di tengah kota Perth 163  
Black American 133  
Borneo Mail 105  
Borneo Utara 22  
Borneo Post 105  
Britain 222  
Brunei Darussalam 47, 190  
Buddha 167  
Bumiputera 133, 167, 237  
Buenos Aires 64  
CBS 183  
Chechnya 211  
Chiang Mai 161  
China 45, 263  
Chong Kah Kiat 32, 34, 67, 73  
CNN 183  
*Dunia Iris* 129, 130, 158, 163  
Daily Express 105  
Dasar Ekonomi Baru (DEB) 237, 239  
Demokrasi 5  
Demokrasi Islam 6  
Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) 97  
Dewan Bahasa dan Pustaka Cawangan Sabah (DBPCS) 106, 152, 155  
Dewan Bandaraya Kota Kinabalu 107  
Dewan Merdeka Pusat Dagangan Dunia Putera 55  
Doha Qatar 26  
Edward Linggu 13  
Ellron Alfred Angin 50  
Emmanuel Pelacz 23  
Enron 45  
Esmail Kiram 23  
Fardu Kifayah 66  
F.G Bailey 69  
Filipina 21, 47  
Ernest Hemingway 113  
Gabriel Garcia Marquez 131  
Gabungan Penulis Nasional (GAPENA) 78, 138, 190, 260  
Gao Xingjian 113  
*Gennius Book of Record* 187  
George W. Bush 154  
Ghapur Salleh, Datuk 71  
Gloria Arroyo Macapagal 22, 229  
Hadiah Sastera Malaysia 105  
Hafiz Hashim 119  
Hainan China 161  
Hajiji Mohd. Nor 71  
Harrison 22  
Halim Haji Akmad 124, 125  
Harun Haji Salleh 116  
Hasan Jaidin 130  
Hashim Jeffery 105  
Hasyuda Abadi 105, 108  
Hijrah 172  
Hishamuddin Onn 56  
Ibnu Khaldun 102, 181  
Ibnu Sina 181  
Ignacio Bunye 22  
Ikatan Penulis Sabah (IPS) 105  
Indonesia 19, 47  
Institut Rajabhat Thonburi 194  
IPTA 133, 239

## *ReFLEKSI*

- IPTS 239  
Islam 4  
Ismail Hussein 78, 193  
Ismail Abas 104  
Ismaily Bongsu 113, 130, 159  
Iraq 119, 213, 229  
Iran 213  
Iqbal 113  
Itali 222  
Jabatan Perangkaan Malaysia Cawangan Sabah 102  
Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah (JHEAINS) 206, 216  
Jamdin Buyong 113  
James Vitalis 13  
Jamaludin Jarjis 68  
Japar Ungki 158  
J.C Orendain 21  
Jeffery Kittingan 13, 74, 75  
Jendela Sabah 106  
Jepun 37  
Jerman 222  
Jesselton 101  
Johnny Goh 13  
John Howard 6  
Johor 81  
Joseph Kurup 13, 14, 51  
Kadazandusun 35, 50  
Kampuchea 190  
Karim Adam 13  
Karim Bujang 16  
Kashmir 211  
Kawabata 113  
Kelab Sasterawan Sabah 155  
Kelantan 16  
Kemala 113  
Kenyataan Carpenter 22  
Keretapi Malam 130  
Kota Kinabalu 102  
Kota Merudu 108  
Khalili Yaacob 58  
Kuala Lumpur 132  
Kuala Penyu 31  
Kumpulan Militan Malaysia (KMM) 143  
Lajim Ukin 14, 26, 53, 78, 146, 207, 264  
Laos 161  
Latif Mohidin 113  
Laurent Metzger 93  
Libya 211, 213  
Louis Rampas 13  
London 64  
Macapagal 23  
Mainichi Shimbun 37  
Mahani Tun Ahmad Raffae 218  
Mahathir Mohamad 3, 27, 34, 41, 55, 84,  
147, 179, 223, 243  
Mahkamah Keadilan Antarabangsa (ICJ)  
45  
Majalah PESTA 104  
Majlis Bahasa dan Sastera Sabah (MBSS)  
77, 107, 152, 158  
Majlis Dacrah Beaufort 265  
Majlis Tertinggi Umno 44  
Majlis Tindakan Ekonomi Negara (MTEN)  
64  
Maktab Rendah Sains Mara (MRSM) 137  
Manila Chronicle 22  
Malaysia 4, 20, 47, 190  
Malayan Union 166  
Malaysia Book of Record 187, 188  
Mario Vargas Llosa 113  
Mawar, Mawat, Mawar 162  
MCA 36, 136, 241  
Media CBS 105  
Menumbok 31  
Mesir 26  
Mesyuarat Ketua-Ketua Kerajaan  
Komanwel (CHOGM) 226  
MIC 36, 136, 241  
Mindanao 21  
Muhyiddin Yassin 58  
Muhammad Muhd. Taib 58, 195  
Muhammad Syed Quiub 217  
Murut 50  
Musa Aman 15, 35, 39, 49, 69, 71, 77, 244  
Mustapha Harun 17  
Myanmar 161, 190  
Najib Tun Razak 58  
NBC 183  
Nadine Gordimer 113  
Napoleon G. Rama 22  
Naquib Mahfouz 113  
Negara Islam 164  
Nwesweek 183  
New Zealand Airlines 45  
New York Post 183  
New York Times 183  
Nor Mohamed Yacob 64  
Osama Bin Laden 223  
Overbeck 21  
Pakistan 3  
Palestin 117  
*Pandang ke Timur* 179  
Parti Berjaya 101  
Parti Bersatu Rakyat Sabah (PBRSP)  
17, 18, 50, 73

## *ReFLEKSI*

- Parti Bersatu Sabah (PBS) 17, 33, 50, 72, 101  
Parti Keadilan (KEADILAN) 81  
Parti Maju Sabah (SAPP) 35  
Parti Tindakan Rakyat (PAP) 44  
PAS 81  
Pejabat Pendaftar Pertubuhan (ROS) 75  
Perlis 16  
Pertemuan Kerjasama Melayu-Islam Ascan 178, 190  
Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) 22, 228  
Pertubuhan Kadazandusun-Murut Pasok Momogun Bersatu (UPKO) 35, 50  
Persatuan Bisaya Bersatu Sabah (PBBS) 145, 146  
*Pertemuan Di Chiang Mai* 161  
Piagam PBB 100  
*Philippines Free Press* 22  
Pramoedya Ananta Toer 113  
Pulau Batu Putih 45  
Pulau Ligitan 45  
Pulau Sipadan 45  
Putri Tarhata Kiram 21, 22  
Pusat Dagangan Dunia New York 27, 100  
Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) 236  
Quezon, Presiden Filipina 22  
Rafidah Aziz 58  
Rahim Ismail 71  
Rahim Tapah 109  
Rendra 113  
Resolusi Ramos 23  
Sabah 20  
Sahidan Kassim 16  
Sairah Haji Antin 104  
Salleh Tun Said 71  
Salonga, Senator 23  
Sapawi Haji Ahmad 40, 77, 156  
Sarawak 16  
Sawvance Jitmouad 194  
Sekolah Agama Rakyat (SAR) 65, 79, 119  
Semangat 46 81  
Shahnon Ahmad 113, 131  
Singapura 44, 190  
Sipitang 40  
Siti Hasmah Mohd. Ali 58  
Sulaiman Ninam Shah 58  
*Stratagems and Spoils: A Social Anthropology Politics* 69  
Stuart Bloomberg 183  
Syarikat Penerbangan Malaysia (MAS) 262  
Sweden 222  
Switzerland 222  
Taliban 4  
The New Sabah Times 105  
Thailand 190  
Tony Blair 154  
Tunku Abdul Rahman 23, 29, 141  
Tun Abdul Razak 29  
Tun Hussein Onn 29  
Universiti Al-Azhar 208  
Universiti Islam Antarabangsa 132  
Umar Al-Khatab 185  
Umno 11, 36, 53, 79, 136, 242  
Usman Awang 109  
Utusan Melayu Singapura 109  
Virgin Airlines 45  
Watan Sabah 105  
WADAH 105  
Welin Ebal 108  
William Wordsworth 159  
Yasser Arafat 182  
Yayasan Al-Ansari 192  
Yayasan Sekretariat Melayu Antarabangsa 195  
Yong Teck Lee 32  
Zaiton Ajamain 103, 108  
Zulkifli Hamid 104